

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL RAKYAT
DALAM SISTEM POLITIK MALAYSIA**

MALIKE BRAHIM

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
APRIL 2014**

**Peranan dan Tanggungjawab Wakil Rakyat Dalam Sistem
Politik Malaysia**

Malike Brahim

**Tesis Ini Diserahkan Kepada *Ghazali Shafie Graduate School of Government*
Universiti Utara Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan
Ijazah Doktor Falsafah**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

Malike Bin Brahim (91727)

Ph.D

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

Peranan dan Tanggungjawab Wakil Rakyat dalam Sistem Politik Malaysia

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **4 Ogos 2013**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **August 4, 2013***

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

: PROF. DR. PHANG SIEW NOOI

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: PROF. MADYA DATO' DR MOHAMMAD AGUS
YUSOFF

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: PROF. MADYA DR. MOHD FUAD MAT JALI

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: **4 Ogos 2013**
(Date)

Nama Pelajar
(Name of Student) : **Malike Brahim (91727)**

Tajuk Tesis
(Title of the Thesis) : **Peranan dan Tanggungjawab Wakil Rakyat dalam Sistem Politik
Malaysia**

Program Pengajian : **Ph.D**
(Programme of Study)

Nama Penyelia
(Supervisor name) : **PROF. MADYA DR. MOHD FO'AD SAKDAN**



Tandatangan
(Signature)

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB (DISCLAIMER)

Saya dengan ini mengakui bertanggungjawab ke atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, rajah, ilustrasi dan gambar yang telah diutarakan dalam tesis ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan dan maklumat teknikal dan fakta lain dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

I hereby acknowledge responsibility for the accuracy of all opinion, technical comment, report the facts, data, diagram, illustrations and photographs that have been suggested in this thesis. I am fully responsible for the material submitted has been reviewed from aspects of copyright and ownership rights. Universiti Utara Malaysia is not responsible for accuracy of any comments, reports and technical information and other facts and against claims of copyright and ownership rights.

Nama Penyelidik : **MALIKE BIN BRAHIM (91727)**

Tandatangan : _____

Tarikh : 30 April 2014 (30 Jamadilakhir 1435H)

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis ini, atau Dekan *Ghazali Shafie Graduate School of Government*, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Juga pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang kegunaan secara ilmiah terhadap mana-mana bahan daripada tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara keseluruhan atau pun sebahagian daripadanya hendaklah dikemukakan kepada:

Dekan
Ghazali Shafie Graduate School of Government
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia

In presenting this thesis in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Doctor of Philosophy from Universiti Utara Malaysia. I agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor or, in their absence, by Dean Ghazali Shafie Graduate School of Government. It is understood that any copying or publications or use this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood then due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or to make other use of material in this thesis in whole or in part should be addressed to:

Dean
Ghazali Shafie Graduate School of Government
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia. Hakikatnya peranan wakil rakyat sangat kompleks dan mencabar. Rakyat pula keliru untuk membezakan antara peranan formal dan tidak formal aktor politik ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk: (i) menilai perkembangan institusi wakil rakyat dari era sebelum merdeka hingga penggal ke-12; (ii) mengklasifikasikan peranan primer dan sekunder wakil rakyat; (iii) menilai peranan wakil rakyat dalam sosio-ekonomi dan politik; dan (iv) menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi wakil rakyat di Malaysia. Bagi menjawab kesemua tujuan kajian tersebut, data primer dan sekunder digunakan. Data primer diperolehi menggunakan soal selidik. Responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan melibatkan ahli parlimen dan ahli dewan undangan negeri. Data sekunder pula diperolehi melalui buku, jurnal, akhbar dan hasil kajian lepas. Bagi memandu tesis ini, kerangka konseptual kepimpinan politik dan demokrasi berparlimen digunakan. Analisis dapatan kajian mendapati tiga kategori peranan primer wakil rakyat. Pertama, tanggungjawab parlimentari iaitu peranan formal dan hakiki sebagai perwakilan, ahli perundangan, ahli kelab penyokong, ahli kaukus dan whip dalam badan perundangan. Kedua, tanggungjawab konstituensi yang bersifat tidak formal dalam bentuk khidmat sosial kepada rakyat. Ketiga, tanggungjawab kepada parti politik dengan matlamat untuk memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan. Manakala peranan sekunder adalah pelengkap kepada peranan primer yang berkaitan secara langsung dengan tanggungjawab konstituensi. Melalui peranan sekunder, wakil rakyat dapat berhubung dan mengetahui secara langsung masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti dalam isu-isu pembangunan dan sosio-ekonomi. Peranan sekunder wakil rakyat dapat dinilai melalui penglibatannya dalam badan berkanun, syarikat berkepentingan kerajaan, badan bukan kerajaan dan pertubuhan sukarela untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Selain daripada itu, analisis dapatan kajian juga mendapati wakil rakyat berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam melaksanakan peranan primer dan sekunder seperti masalah jenayah, pengangguran, konflik kepimpinan, kemelesetan ekonomi dan sebagainya. Sebagai pemimpin, wakil rakyat bertanggungjawab untuk menyelesaikan setiap masalah yang berlaku demi kepentingan rakyat. Oleh itu, wakil rakyat perlu mempertingkatkan kualiti kepimpinannya supaya dapat menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Justeru itu, dalam konteks politik Malaysia, penemuan kajian ini mendapati wakil rakyat mampu melaksanakan kepimpinan politiknya secara berkesan dalam peranan primer dan sekunder sebagai ahli politik, pemimpin, pentadbir dan pengurus.

Kata kunci: Demokrasi, Konstituensi, Parlimentari, Parti Politik, Wakil Rakyat

ABSTRACT

The aim of this research is to study the roles and responsibilities of elected representative in Malaysia. In reality, the people were confused to understand the formal or informal roles of elected representative, as their roles are too complex and challenging. Therefore, this research was conducted to: (i) evaluate the evolution of elected representative's institution from pre-independence era to the 12th term; (ii) classify their roles by the primary and secondary category of responsibilities; (iii) evaluate their roles in the socio-economic and political; (iv) and analyse the issues and challenges faced by them in Malaysia. In answering the research objectives, this research used primary and secondary data. The primary data were obtained through questionnaires, while the secondary data were obtained from books, journals, newspapers, and also from past studies. Respondents were chosen through purposive sampling, which involved members of Parliament and State Legislative Assembly. To guide the analysis, the political leadership and parliamentary democracy conceptual framework were used. From the analysis, there were three categories of primary roles of elected representative identified. First, parliamentary responsibilities were formal and substantial roles as representatives, legislators, backbenchers, caucus members, and whips in the legislative. Second, constituency responsibilities were informal roles to provide social services to the people. Third, they also have responsibilities to the political party, with the aims to win the election and form the government. Meanwhile, the secondary roles were complementing the primary roles. It is related to the constituency responsibilities and they could communicate and knew directly the socio-economy and development issues faced by the people. It could be evaluated through their participations and involvements in statutory body, government-linked company, non-governmental organisation and voluntary association. Analysis also found they faced various issues and challenges when implementing primer and secondary roles such as crime, unemployment, leadership conflicts, economic depression, and so forth. As a leader, elected representatives should improve their leadership quality to deliver the best services to the people. Thus, the research findings show the elected representatives have capabilities to implement primary and secondary roles effectively as a politician, leader, administrator and manager in the Malaysian political context.

Keywords: Constituency, Democracy, Elected Representative, Parliamentary, Political Party

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Tentunya sepanjang tempoh pengajian dalam usaha menyiapkan tesis ini, pelbagai rintangan dan kesukaran yang terpaksa ditempuhi dengan sabar. Namun, saya anggap semua itu merupakan dorongan dan cabaran kepada saya untuk lebih tekun berusaha. Justeru itu, tanpa sokongan dan kerjasama daripada banyak pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung agak mustahil untuk saya menyiapkan tesis ini. Namun, dalam ruang yang terhad ini tidak dapat saya sebutkan satu persatu nama mereka. Hanya setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan semoga Allah SWT sentiasa memberkati anda semua.

Pertama, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan selaku penyelia tesis ini yang telah banyak memberi semangat, teguran dan kebebasan kepada saya untuk mengolah idea dalam menghasilkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain yang telah sudi berkongsi pandangan, idea dan memberi beberapa cadangan di peringkat awal ketika saya mula berminat untuk menjalankan kajian tentang wakil rakyat di Malaysia. Seterusnya berbanyak-banyak terima kasih kepada Dr. Mohd. Sobhi Ishak dari Pusat Pengajian Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Kolej Sastera dan Sains (CAS) kerana banyak membantu saya dalam menganalisis data kajian menggunakan perisian SPSS. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para penilai tesis ini iaitu Prof. Madya Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff dan Prof Madya Dr. Mohd. Fuad Mat Jali yang telah memberi beberapa teguran, komen dan cadangan untuk menambahbaik kualiti dan kandungan tesis ini.

Di ruang yang terhad ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Datin Dr. Siti Alida John Abdullah Penolong Naib Canselor merangkap Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, UUM COLGIS yang sentiasa memahami situasi saya dalam usaha menyiapkan tesis ini secara sambilan di UUM. Tanpa kerjasama daripada para responden (wakil rakyat) yang sudi menjawab soal selidik yang diedarkan, pastinya sukar bagi saya untuk menyempurnakan kajian ini. Justeru itu, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan walaupun mereka sentiasa dihimpit kesibukan dan komitmen terhadap tugas sebagai wakil rakyat. Tidak lupa kepada pihak Universiti Utara Malaysia yang telah meluluskan cuti sabatikal saya selama 9 bulan (1 Januari hingga 30 September 2011) untuk tujuan pengumpulan data bagi menyiapkan tesis ini.

Tentunya mereka yang paling dekat dengan saya yang tidak pernah jemu dan sentiasa memberikan dorongan untuk terus berusaha dalam menyiapkan tesis ini iaitu isteri Musliza Mohamad serta anak-anak Adam Harith Haikal dan Muhammad Ahda Rusyaidi, terima kasih di atas segalanya. Saya dedikasikan tesis ini untuk arwah ibu tersayang Hjh Saptiah Abg Chek (*Mak Pon*) yang telah pergi buat selama-selama pada hari ke-4 saya bercuti sabatikal iaitu 4 Januari 2011 (*29 Muharam 1432H*). Juga untuk arwah bapa Brahim Mail (*Anjang Uban*) yang tidak berkesempatan melihat kejayaan anak-anaknya. Semoga roh mereka sentiasa dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dalam syurga. Amin. Ucapan terima kasih juga khas untuk kakak-kakak dan abang-abang saya iaitu kakak Masni, Ayang, Zauyah; dan abang

Jaam, Rauf, Ahamad dan Kamaludin; serta adik Maspah yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kebahagiaan saya dan keluarga.

Kepada bekas pelajar dan rakan-rakan di luar sana yang telah sudi menjadi pembanci dalam membantu mengedar dan mengutip semula soal selidik, terima kasih di atas segalanya. Setinggi terima kasih kepada Saudari Noviyanti binti Malik (bekas pelajar Pengurusan Awam (BPM), UUM) yang banyak membantu dalam mendapatkan responden di Kuala Lumpur dan Selangor. Budi dan jasa baik anda semua sentiasa dikenang dan semoga Allah sentiasa merahmati anda semua. Tanpa sokongan dan bantuan anda semua, pastinya saya akan berhadapan dengan kesukaran untuk berhubung dengan tiap-tiap responden kajian.

Akhir sekali, semoga tesis ini dapat memberi manfaat kepada banyak pihak terutama yang berminat tentang sistem politik di Malaysia khususnya mengenai wakil rakyat. Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam tesis ini adalah tanggungjawab saya sepenuhnya. Saya sedia menerima teguran dan komen terhadap apa yang telah dihasilkan dalam tesis ini.

Terima kasih.

Malike Brahim
Pusat Pengajian Kerajaan
Kolej Undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman.

No. 10 Jalan Delima 1
Taman Delima Fasa 2
06000 Jitra
Kedah Darul Aman.

SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB (<i>DISCLAIMER</i>)	i
KEBENARAN MENGGUNA (<i>PERMISSION USE</i>)	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Tujuan Kajian	18
1.4 Skop Kajian	19
1.5 Metodologi Kajian	20
1.5.1 Reka Bentuk Kajian	21
1.5.2 Persampelan Kajian	21
1.5.3 Unit Analisis	22
1.5.4 Instrument Kajian	23
1.5.5 Pengukuran Pembolehubah dan Model Kajian	24
1.5.6 Pengumpulan dan Analisis Data	25
1.6 Limitasi Kajian	26
1.7 Organisasi Penulisan	27
BAB 2: KERANGKA KONSEPSUAL: KEPIMPINAN POLITIK DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN	
2.1 Pengenalan	31
2.2 Analisis Konsep Kepimpinan Politik	32
2.3 Konsep Demokrasi Berparlimen	53
2.4 Kerangka Kajian: Hubungan antara Kepimpinan Politik dan Demokrasi Berparlimen	64
2.5 Rumusan	68
BAB 3: SOROTAN LITERATUR	
3.1 Pengenalan	70
3.2 Kepimpinan Politik di Negara Sedang Membangun	70
3.3 Kepimpinan Politik di Negara Maju	85
3.4 Kepimpinan Politik di Malaysia	104
3.5 Rumusan	119

BAB 4:	PERKEMBANGAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DI MALAYSIA	
4.1	Pengenalan	121
4.2	Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948	122
4.3	Pilihan Raya dan Kemerdekaan Tanah Melayu	127
4.4	Perkembangan Pilihan Raya di Malaysia	136
4.5	Sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia	140
4.5.1	Dewan Negara	142
4.5.2	Jawatankuasa Dewan Negara	143
4.5.3	Dewan Rakyat	144
4.5.4	Jawatankuasa Dewan Rakyat	146
4.6	Cabaran Dalam Sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia	149
4.6.1	Era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)	150
4.6.2	Era Tun Abdul Razak Hussien (1971-1975)	156
4.6.3	Era Tun Hussien Onn (1976-1980)	158
4.6.4	Era Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)	160
4.6.5	Era Tun Abdullah Ahmad Badawi (2004-2008)	167
4.7	Rumusan	175
BAB 5:	PENILAIAN PERANAN UTAMA WAKIL RAKYAT	
5.1	Pengenalan	176
5.2	Peranan Wakil Rakyat Dalam Sistem Berparlimen	177
5.3	Penilaian Peranan Parlimentari	183
5.4	Penilaian Peranan Konstituensi	189
5.4.1	Keperluan Mengurus Tanggungjawab	189
5.4.2	Peranan Dalam Pembangunan Infrastruktur	197
5.4.3	Peranan Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi	200
5.5	Peranan Wakil Rakyat Dalam Parti Politik	202
5.5.1	Penilaian Prestasi dan Cabaran Parti Politik	208
5.6	Peranan Wakil Rakyat Dalam Sistem Berkabinet	214
5.6.1	Ketua <i>Whip</i> , Kelab Penyokong dan Ketua Pembangkang	216
5.7	Rumusan	221
BAB 6:	PENILAIAN PERANAN SEKUNDER WAKIL RAKYAT	
6.1	Pengenalan	223
6.2	Peranan Dalam Jawatankuasa Persekutuan dan Negeri	224
6.3	Peranan Dalam GLC dan Badan Berkanun	226
6.4	Peranan Dalam Badan Bukan Kerajaan	231
6.5	Peranan Dalam Kemasyarakatan	242
6.6	Penilaian Keberkesanan Peranan Sekunder	255
6.7	Rumusan	263
BAB 7:	KESIMPULAN	
7.1	Pengenalan	266
7.2	Penemuan Kajian: Peranan Wakil Rakyat di Malaysia	267

7.3 Sumbangan Akademik: Konsep Kepimpinan Politik dan Peranan Wakil Rakyat	272
--	-----

BIBLIOGRAFI	279
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Mukasurat
3.1	Kepimpinan: Keberkesanan dan Kesan	96
4.1	Kabinet Tanah Melayu 1955	129
4.2	Kabinet Tanah Melayu 1959	135
4.3	Bilangan Kerusi Parlimen	136
4.4	Pilihan Raya Umum Parlimen	137
4.5	Bilangan Kerusi Parlimen Mengikut Negeri (PRU-12)	138
4.6	Pilihan Raya Umum DUN Sabah	139
4.7	Pilihan Raya Umum DUN Sarawak	139
4.8	Penggal Parlimen Di Malaysia	140
5.1	Peranan Dalam Jawatankuasa Perundangan	183
5.2	Peranan Mengikut Literasi Sains Politik	184
5.3	Peranan Dalam Sistem Berparlimen	185
5.4	Peranan Dalam Majlis Perundangan (<i>Chamber</i>)	187
5.5	Bantuan dan Kerjasama Diperlukan	190
5.6	Keperluan Logistik	192
5.7	Elaun Wakil Rakyat	193
5.8	Elaun-elaun <i>Speaker</i> Dewan Rakyat	194
5.9	Kemudahan Diterima <i>Speaker</i> Dewan Rakyat	195
5.10	Jenis Elaun Wakil Rakyat Biasa	196
5.11	Kemudahan-kemudahan Diterima Wakil Rakyat Biasa	196
5.12	Projek Pembangunan Dibawa Wakil Rakyat	197
5.13	Kriteria Dalam Pembahagian Peruntukan	198
5.14	Lain-lain Peranan Dalam Pembangunan	199
5.15	Mewakili Kepentingan Tertentu Dalam Masyarakat	201
5.16	Cabaran Melaksanakan Pembangunan	202
5.17	Jawatan Dalam Parti Politik	203
5.18	Alasan Untuk Menyertai Parti Politik	204
5.19	Sumber Mendapatkan Maklumat Untuk Parti	205
5.20	Tanggungjawab Kepada Parti	207
5.21	Penilaian Terhadap Prestasi Parti Dalam PRU-12	209
5.22	Tidak Berpuas Hati Terhadap Prestasi Parti	210
5.23	Masalah Dalam Parti Politik	211
5.24	Cabaran Dalam Parti Politik	213
6.1	Jawatankuasa Peringkat Persekutuan dan Negeri	225
6.2	Keanggotaan Dalam GLC	227
6.3	Tempoh Lantikan Dalam GLC	228
6.4	Peranan Dalam GLC	229
6.5	Peranan Dalam Badan Berkanun	230

6.6	Peranan Dalam NGO Belia	233
6.7	Peranan Dalam NGO Agama	237
6.8	Peranan Dalam Badan Beruniform	238
6.9	Peranan Dalam Badan Komuniti	238
6.10	Peranan Dalam Badan Sukan	239
6.11	Sumbangan Kepada NGO	240
6.12	Aktiviti Gotong Royong	245
6.13	Lain-lain Aktiviti Kemasyarakatan	246
6.14	Program Ziarah dan Sambutan Perayaan	247
6.15	Isu-isu Sosio-Agama	248
6.16	Isu dan Masalah Sosial	250
6.17	Masalah-masalah Setempat	252
6.18	Lain-lain Cabaran	253

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Mukasurat
1.1	Model Kajian	24
2.1	Kerangka Kajian Penyelidikan	65
4.1	Struktur Kerajaan Malaysia	142
7.1	<i>Stakeholders</i> Kepada Wakil Rakyat	273
7.2	Peranan Primer dan Sekunder Wakil Rakyat	274

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AJK	Ahli Jawatankuasa
ALP	Ahli Lembaga Pengarah
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BMA	British Military Administration
BN	Barisan Nasional
BNBBC	Barisan Nasional Backbenches Club
CPA	Commonwealth Parliamentary Association
DAP	Democratic Action Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
FOP	<i>fusion of power</i>
FPTP	<i>first-past-the-post</i>
GLC	<i>government linked company</i>
ICT	<i>information communication technology</i>
IGC	Inter-Governmental Committee
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KM	Ketua Menteri
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MB	Menteri Besar
MCA	Malayan / Malaysian Chinese Association
MIC	Malayan / Malaysian Indian Congress
MKT	Majlis Kerja Tertinggi
MP	<i>Member of Parliament</i>
NGO	<i>non-governmental organization</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PAS	Parti Islam SeMalaysia / SeTanah Melayu
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PM	Perdana Menteri
PR	Pakatan Rakyat
PRU	pilihan raya umum
SOP	<i>separation of power</i>
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
SUPP	Sarawak United Peoples' Party
TPM	Timbalan Perdana Menteri
UMNO	United Malays National Organization
YB	Yang Berhormat
YDA	Yang DiPertuan Agong
YDP	Yang Dipertua

SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran	Tajuk
1.	Soal Selidik
2.	Senarai Ahli Dewan Negara
3.	Tempat Duduk Ahli Dewan Rakyat
4.	Senarai Responden Mengikut Kawasan Pilihan Raya (Ahli Parlimen)
5.	Senarai Responden Mengikut Kawasan Pilihan Raya (DUN)
6.	Lain-lain Projek Pembangunan
7.	Senarai Wakil Rakyat Mengikuti Program Pasca Siswazah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pemimpin dan kepemimpinan wujud dalam semua organisasi sama ada secara formal atau tidak formal. Begitu juga dalam sistem politik yang tidak dapat dipisahkan dari perbincangan tentang pemimpin dan kepemimpinan (Chong-Do & Bartol, 2011). Dalam hal ini, perkataan pemimpin dan kepemimpinan itu sering muncul beriringan dalam setiap perbincangan seakan-akan melengkapi antara satu sama lain. Kedua-dua konsep ini digunakan secara meluas dalam banyak disiplin ilmu seperti sosiologi, pengurusan, perniagaan, sains politik, agama, komunikasi, ketenteraan dan sebagainya (Hardy-Fanta, 1995: 221). Walau bagaimanapun, tiap-tiap disiplin ilmu memberi penekanan yang berbeza tentang konsep pemimpin dan kepemimpinan mengikut perspektif masing-masing. Dalam sains politik misalnya, perbincangan tentang pemimpin dan kepemimpinan banyak menekankan tentang kuasa dan pemerintahan.¹

Dalam sistem demokrasi misalnya, perbincangan tentang aspek pemimpin dan kepemimpinan banyak berkisar kepada soal kuasa dan menjurus kepada kedaulatan popular. Kedaulatan popular itu merujuk kepada kuasa di tangan rakyat. Dalam sistem demokrasi, penyertaan popular (rakyat) secara langsung dalam pemerintahan melalui pilihan raya untuk memilih perwakilan. Oleh sebab itu, pilihan raya merupakan aktiviti politik penting untuk memilih pemimpin dan menentukan kerajaan yang memerintah dalam sistem demokrasi. Rakyatlah yang menentukan pemerintahan dan kepemimpinan negara—kuasa popular dan kedaulatan rakyat (*people sovereignty*). Sehubungan dengan itu, perbincangan tentang kuasa, pemimpin dan kepemimpinan dalam sistem pemerintahan (termasuk demokrasi) dikupas secara meluas dalam karya sarjana-sarjana

¹ Hardy-Fanta (1995: 221) menyifatkan ‘kepemimpinan’ sama seperti ‘kuasa’ merupakan suatu konsep yang sangat kompleks dan sukar difahami dalam sains sosial, di mana kepemimpinan itu wujud dalam semua organisasi yang dapat dinilai melalui pelbagai pendekatan atau disiplin ilmu.

terdahulu seperti Plato, Max Weber, Machiavelli, John Locke dan lain-lain mengaitkannya dengan kuasa, kewibawaan dan pengaruh (Elcock, 2001: 20).²

Hakikatnya, dalam sistem demokrasi, rakyat berkuasa menentukan pemerintahan negara melalui pilihan raya (Lijphart, 1984: 1). Bermula dari aktiviti politik itulah rakyat memberi kuasa dan mandat kepada pemimpin dan kerajaan untuk memerintah. Jadi, kedudukan rakyat dan kerajaan dalam sistem demokrasi bertepatan dengan diktum yang dipopularkan Abraham Lincoln (1809-1865) bekas Presiden Amerika Syarikat iaitu ‘kerajaan rakyat, oleh rakyat, dan untuk rakyat’ (*government of the people, by the people, for the people*)³ (Birch, 2001: 76; Jacobs, 1997: 16; Levine, 2007: 44; Urofsky, 2006: 88; dan Wren, 2007: 95). Diktum ini mengiktiraf ‘kuasa rakyat’—kedaulatan rakyat—dalam menentukan kepimpinan dan pemerintahan negara, di mana ‘kuasa’ inilah yang membezakan antara sistem demokrasi dengan sistem monarki, komunis dan autoritarian.

Di Malaysia, pemimpin (wakil rakyat) yang telah dipilih oleh rakyat memainkan peranan penting dalam pemerintahan negara. Berhubung perkara ini, ada kesepakatan dalam kalangan sarjana seperti Birch (2001: 71), Elliott (1971: 120), Huntington (1991:

² Melalui karyanya *Republic*, Plato telah menghuraikan dengan lebar kepimpinan politik yang dikaitkan dengan aspek moral dan teknikal, di mana ia menjadi titik permulaan kepada kemunculan teori-teori kepimpinan selepas itu. Dalam *Republic*, perbincangan Plato lebih kepada pembentukan masyarakat ideal atau unggul dengan kepimpinan yang sesuai (ideal) yang wujud dalam bentuk hierarki dan statik. Kepimpinan politik dalam negara menurut Plato perlu memiliki teras moral (Bell, 2011: xxi).

Max Weber popular dengan teori legitimasi kepimpinan dan konsep ‘karisma’ ke arah pembentukan kepimpinan yang unggul atau ideal. Konsep ‘karisma’ oleh Weber digunakan dalam banyak kajian tentang kepimpinan dalam sistem politik moden seperti yang terdapat pada hari ini. ‘Karisma’ merupakan salah satu daripada tiga set ‘jenis unggul’ (*ideal types*) kepimpinan yang dikemukakan oleh Weber selain ‘tradisional’ dan ‘sah-rasional’ (*ibid.*, xxv).

Machiavelli terkenal dalam perbincangan tentang kepimpinan politik melalui karyanya *The Prince*. *The Prince* merupakan salah satu panduan pertama kepimpinan politik dan satu-satunya yang masih dibaca secara meluas hasil sumbangan Machiavelli (*ibid.*, xxiii).

Sementara itu, John Locke boleh dianggap salah seorang ahli teori politik yang amat terkenal kerana pemikirannya banyak mempengaruhi sistem politik yang dipraktikkan khususnya di negara-negara demokrasi. Idea-idea Locke tentang kepimpinan politik yang menjurus kepada soal kontrak sosial dan kerajaan awam telah diambil sebagai model dalam pengasasan Perlembagaan Amerika Syarikat. Locke juga memberi tumpuan agar doktrin pengasingan kuasa dilaksanakan dengan baik bagi menjamin pemerintahan dapat dijalankan dengan adil dan saksama (Robertson, 1985: 192).

³ Lihat juga perbincangan dalam Dye, T. R. & Zeigler, H. 1996. *The Irony of Democracy: An Uncommon Introduction to American Politic* yang membincangkan tentang definisi demokrasi yang telah dikemukakan oleh Abraham Lincoln (hlm. 8).

6), Lively (2007: 230) dan Saward (2007: 3) yang menyifatkan demokrasi merupakan sistem pemerintahan oleh rakyat. Rakyatlah yang berkuasa memilih pemimpin yang sah dan untuk mewakili mereka dalam badan perundangan (parlimen dan dewan undangan negeri, atau DUN) dan seterusnya memerintah negara. Justeru itu, Dye dan Zeigler (1996: 5) menyifatkan demokrasi adalah sistem pemerintahan yang melibatkan penyertaan orang ramai dalam membuat keputusan yang memberikan kesan ke atas kehidupan mereka. Oleh sebab itu, sistem demokrasi dikatakan sebagai sistem *'rule by the many'*—mengutamakan suara majoriti tanpa mengabaikan hak minoriti—memberi penekanan terhadap nilai-nilai kesaksamaan, kebebasan, keadilan, pemilikan harta, peluang menikmati hidup yang selesa dan sebagainya yang menjadi hak semua rakyat.

Perbincangan selanjutnya dalam kajian tesis ini tidak memfokuskan kepada demokrasi *per se*, tetapi meneliti peranan kepimpinan dalam politik Malaysia. Apabila membincangkan tentang kepimpinan dalam sistem politik Malaysia, ia secara tidak langsung membincangkan sistem demokrasi. Seperti telah disebutkan di atas, perbincangan tentang pemimpin dan kepimpinan tidak dapat lari dari persoalan tentang kuasa. Siapakah yang berkuasa? Bagaimanakah kuasa itu diperolehi? Apakah peranan pemimpin dalam melaksanakan kuasa? Dalam sistem politik, kuasa dan pemerintahan tidak dapat ditentukan yang mana satu wujud terlebih dahulu—diibaratkan 'ayam dan telur.'⁴ Dalam kajian tesis ini, kepimpinan politik (*political leadership*) merujuk kepada wakil rakyat yang memiliki kuasa sah dan mendapat mandat dari rakyat melalui pilihan raya. Apa yang jelas, menurut analisis Dahl (1971: 12), pilihan raya merupakan salah satu institusi jaminan⁵ kewujudan sistem demokrasi. Di samping itu juga, pilihan raya adalah penentu kepada kelangsungan politik dan mengekalkan *status quo* wakil rakyat seperti di Malaysia.

⁴ Untuk keterangan lanjut, lihat Manglapaus, R. S. 2007. "Democracy and Despotism: Chicken and Egg?" Dlm. Saward, M. *Democracy: Critical Concepts in Political Science*. London: Routledge (hlm. 112-119).

⁵ Dahl (1971: 12) mengatakan demokrasi hanya boleh wujud jika ada sekurang-kurangnya lapan institusi jaminan iaitu kebebasan untuk membentuk dan menyertai organisasi; kebebasan bersuara; hak mengundi; kelayakan untuk jawatan awam; hak pemimpin politik bersaing untuk mendapatkan sokongan dan undi; sumber alternatif maklumat; pilihan raya bebas dan adil; dan institusi-institusi yang terlibat dalam pembuatan polisi kerajaan.

Pemimpin dalam sistem demokrasi perlu berpegang kepada prinsip pemerintahan yang adil dan saksama. Mereka bertanggungjawab memberi sesuatu yang bermanfaat kepada rakyat. Bagi pihak rakyat pula, mereka berhak mendapat layanan dengan baik dan adil daripada pemerintah atau pemimpin. Dalam masa yang sama tiada kelompok dalam masyarakat yang didiskriminasi dan dinafikan hak mereka. Oleh sebab itu, pemimpin bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat sama ada kumpulan majoriti atau minoriti. Ini merupakan akauntabiliti pemimpin untuk memastikan rakyat menikmati kebebasan, kesenangan, kemakmuran, kebahagiaan, dan sebagainya sejajar dengan nilai-nilai demokrasi itu sendiri. Mengulas hal ini, Jefferson (1969: 30) menyifatkan kerajaan yang terbaik adalah kerajaan demokratik yang memberikan kebebasan kepada semua warganegara.

Sebagai pemimpin, wakil rakyat mempunyai banyak tanggungjawab. Persoalannya, adakah ia mampu melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna? Hanya kepimpinan yang berkualiti dipercayai berupaya melakukannya dengan cemerlang. Bagaimanakah keadaannya di Malaysia? Justeru itu, kajian tesis ini menilai peranan wakil rakyat dalam sistem politik di Malaysia. Sebagai pemimpin politik yang telah dipilih oleh rakyat, bukan mudah untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan. Banyak rintangan yang terpaksa ditempuhi sama ada dari dalam mahupun dari luar. Semua itu menjadi tekanan dan cabaran kepada kepimpinan wakil rakyat berkenaan. Kegagalan dalam menangani tekanan dan cabaran serta gagal memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat boleh menjejaskan akauntabiliti (Tadmor & Tetlock, 2010), kredibiliti (Joyce, 2010) dan kualiti kepimpinan wakil rakyat. Oleh sebab itu, sebagai aktor politik yang penting dalam negara, wakil rakyat perlu ada kebijaksanaan, kemahiran, ketrampilan, kematangan dan sebagainya untuk menjadi pemimpin yang berwibawa.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kebanyakan kajian tentang kepimpinan memberi fokus yang pelbagai dengan mengemukakan andaian masing-masing. Ada kajian yang memberi tumpuan kepada persoalan bagaimanakah kepimpinan itu dikonsepsualisasikan, siapakah yang diakui

sebagai pemimpin dan bagaimanakah kepemimpinan boleh dikaji? Sebaliknya, ada kajian-kajian lain ‘terikat’ dengan pemahaman bahawa kepemimpinan hanya berhubung kait dengan pihak yang berkuasa—memegang jawatan dan berkedudukan—dalam organisasi. Tidak kurang pula terdapat kajian yang berusaha menilai ciri-ciri peribadi pemimpin; kesan dan sumbangan kepemimpinan ke atas organisasi; dan strategi dan gaya kepemimpinan yang berbeza. Bahkan ada dalam kalangan sarjana yang mengkaji hubungan antara pemimpin dengan pengikutnya. Berkaitan dengan kepelbagaian dimensi dalam kajian kepemimpinan, hasil penelitiannya berhubung perkara ini Hardy-Fanta (1995: 221) menyifatkan kebanyakan kajian yang telah dihasilkan, di mana dalam rumusannya cenderung ke arah kepemimpinan politik. Oleh sebab itu, hubungan antara kepemimpinan dengan politik begitu rapat.

Berhubung beberapa persoalan di atas, dalam usaha mengkaji kepemimpinan politik—penilaian peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia—yang menjadi tema utama kajian tesis ini, penelitian berasaskan empat perkara, iaitu (i) pemahaman dari segi konsepnya (ii) tujuan dan matlamat kepemimpinan politik; (iii) pendefinisian atau pengkelasan peranan wakil rakyat; dan (iv) isu-isu dan cabaran-cabaran yang melibatkan kepemimpinan politik tersebut. Pertama, bagi memahami kepemimpinan politik, wajar diteliti secara ringkas konsep kepemimpinan politik itu sendiri. Melalui konsep yang dibincangkan ia dapat memberi gambaran asas dari segi sifat, ciri-ciri, jenis dan gaya kepemimpinan yang diamalkan. Apakah itu kepemimpinan politik? Perbincangan secara mendalam konsep ini dalam Bab II tesis ini. Menurut Koehler dan Pankowski (1997: 11), kepemimpinan politik sebagai *“a process of influencing others and directing the course of action promulgated by legislation.”* Secara umumnya, kepemimpinan itu melibatkan soal kuasa dan bagaimana ia digunakan untuk mempengaruhi orang lain. Apabila pemimpin ada kuasa, ia boleh memberi arahan dan mempengaruhi orang lain untuk melakukan sesuatu.

Sementara itu, dalam menilai konsep kepemimpinan politik, Larsen (2011: vii) membayangkannya sebagai *“...has been democratically elected and is a representative vulnerable to re-election, who works inside and is influenced by legal and constitutional framework.”* Penjelasan Larsen ini memberi gambaran bahawa pemimpin dalam sistem

demokrasi dipilih melalui pilihan raya dan mempunyai tanggungjawab menjaga kepentingan rakyat. Oleh sebab itu, pemimpin perlu bertindak (melakukan sesuatu) dalam kerangka undang-undang yang sah. Bagi Ogbeidi (2012: 4) pula yang cuba memahami kepemimpinan politik di Nigeria menyifatkannya sebagai kelas pemerintah yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal dan sumber-sumber negara. Dengan kata lain, pemimpin politik bertanggungjawab melaksana dasar-dasar untuk tujuan pembangunan dalam sesebuah kawasan. Tanpa kuasa semua itu tidak dapat dilakukan.

Kedua, tujuan dan matlamat kepemimpinan politik. Pada umumnya, pemimpin politik bercita-cita mendapatkan kuasa. Oleh sebab itu, kebanyakan kajian kepemimpinan memberi fokus kepada persoalan tentang kuasa dalam mana-mana organisasi termasuk dalam sistem politik. Selain bercita-cita memperolehi kuasa, pemimpin misalnya dalam sistem demokrasi mempunyai matlamat dan tujuan tersendiri. Adakah ini menjadi matlamat dan tujuan kepemimpinan wakil rakyat di Malaysia? Dalam persoalan ini, Burn (1978: 18) mendakwa tujuan dan matlamat pemimpin politik seperti *“leadership over human beings is exercise when persons with certain motives and purpose mobilise, in competition or conflict with others, institutional, political, psychological and other resources so as to arouse, engage and satisfy the motives of followers.”* Ungkapan ini sangat jelas menunjukkan kepemimpinan politik mempunyai motifnya tersendiri. Ia tidak hanya membabitkan soal kuasa, kewibawaan dan pengaruh, tetapi lebih daripada itu. Setidak-tidaknya matlamat pemimpin adalah untuk kekal berkuasa dan mendapat sokongan rakyat. Adakah ini matlamat dan tujuan wakil rakyat di Malaysia?

Seterusnya untuk memahami tujuan dan matlamat kepemimpinan serta prosesnya dalam sistem politik sebuah negara, ia perlu dianalisis sebagai fenomena politik. Ini menepati hujahan Lyne de Ver (2008: 4) dalam kenyataannya yang menyebut *“...leadership is considered as a political phenomenon, and how seldom ‘leadership’ is understood and analysed as an essentially political concept.”* Secara umumnya, fenomena politik di beberapa negara telah melalui banyak proses transformasi. Begitu juga keadaannya di Malaysia. Oleh sebab itu, transaksi (*transactions*) kepemimpinan boleh dikenal pasti mengikut kepemimpinan kelompok, kepemimpinan parti, kepemimpinan perundangan, kepemimpinan pendapat, kepemimpinan eksekutif dan kepemimpinan politik itu

sendiri. Semua transaksi kepemimpinan mempunyai motif dan tujuannya tersendiri, di mana rakyat (atau pengikut) perlu memahami transformasi kepemimpinan berbanding keadaan yang sedia ada (Hah & Bartol, 2011: 154).

Tujuan dan matlamat kepemimpinan politik boleh difahami dengan menerokai kesan dan pengaruhnya dari segi gaya (*style*) (Simonton, 1988), kecenderungan psikologi (*psychological disposition*) (Preston & t'Hart, 1999), persekitaran yang berbeza dalam kepemimpinan parti (Muller & Strom, 1999), aktiviti melobi (DeGregorio, 1997), kepemimpinan pihak berkuasa tempatan (John & Cole, 1999) dan organisasi awam (Vigoda, 2002). Dalam sistem demokrasi, kepemimpinan politik itu merentasi pelbagai aspek yang memperlihatkan tingkah laku kepemimpinan itu sendiri (Elgie, 1995). Dengan kata lain, tingkah laku pemimpin banyak dipengaruhi oleh gaya kepemimpinan yang dilaksanakan. Antaranya boleh bersifat demokratik, *laisser-faire*,⁶ autokratik dan diktator. Berhubung kedudukan wakil rakyat di Malaysia, kepimpinannya dapat dinilai dari segi kesan dan pengaruhnya berdasarkan kepada gaya kepemimpinan yang dilaksanakan dalam pentadbiran kerajaan (misalnya kementerian dan agensi awam), parti politik dan komuniti (kemasyarakatan). Melalui institusi seperti ini (formal atau tidak formal)—bersifat politik—peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dapat dinilai dari segi sumbangan, pencapaian, penyertaan, sokongan dan cabaran yang dihadapi dalam proses kepemimpinan politik itu sendiri.

Bagi Wren (2007: 38), matlamat kepemimpinan politik adalah untuk “...*diagnosed the situation and considered the ability of the people to respond to it, attention turns to what to do about the perceived problem, who should bear the responsibility for crafting and implementing the response; and a consideration of the processes and structures needed to do so.*” Dengan kata lain, matlamat kepemimpinan politik untuk mencapai sesuatu daripada proses kepemimpinan itu sendiri. Ini termasuk menghasilkan sesuatu

⁶ Merupakan suatu doktrin yang menunjukkan bahawa kerajaan dalam sebuah negara tidak mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas setiap hal ehwal ekonomi. Konsep ini berkaitan dengan liberalisme terutamanya dalam abad ke-19 khususnya dalam sistem negara moden. Lihat perbincangan Robertson, D. (1985), *Dictionary of Politics*. London: The Penguin (hlm. 177) mengenai konsep *laisser-faire* ini.

yang bermanfaat kepada rakyat. Oleh sebab itu, Plato⁷ menyatakan matlamat kepimpinan adalah untuk mencapai kebahagiaan dan kemakmuran (Wren, 2007: 38). Ini adalah antara matlamat kepimpinan dalam sistem demokrasi, di mana rakyat berhak menikmati kebahagiaan dan kemakmuran. Justeru itu, setiap pemimpin perlu berusaha ke arah pencapaian matlamat tersebut. Sementara itu, Roskin, *et. al.* (2012) pula menjelaskan pemimpin bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat untuk memastikan mereka menikmati kebahagiaan dan kemakmuran dalam ekonomi, sosial dan politik. Untuk tujuan itu, pemimpin mesti komited terhadap soal keadilan, kebenaran, kesaksamaan, toleransi dan sebagainya. Aspek-aspek ini menjadi perjuangan sebahagian besar kaum atau kelompok tertentu di beberapa buah negara yang sering dinafikan hak dan peluang mereka oleh pemerintah. Persoalannya, adakah wakil rakyat di Malaysia mempunyai matlamat memberi kebahagiaan dan kemakmuran kepada rakyat?

Ketiga, peranan dan tanggungjawab kepimpinan politik. Secara umumnya, peranan dan tanggungjawab kepimpinan politik (wakil rakyat) cukup luas atau kompleks sifatnya. Keadaan yang sama berlaku kepada wakil rakyat di Malaysia. Sebagai pemimpin, wakil rakyat tidak hanya dikenali sebagai perwakilan, tetapi turut memainkan watak sebagai pengurus, pentabdir dan ahli politik. Justeru itu, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat perlu ditafsirkan mengikut kategori atau pengkelasan khusus untuk lebih mudah difahami. Hal ini dapat mengelak salah faham dari segi tafsiran dan persepsi yang berbeza mengenainya. Pada asasnya, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab utama (primer) dan pelengkap (sekunder) yang wujud dalam bentuk formal dan tidak formal.

Jadi, kajian tesis ini sebagai usaha dalam mendefinisikan peranan kepimpinan wakil rakyat dengan lebih jelas secara ilmiah. Dari segi falsafahnya, wakil rakyat

⁷ Plato dalam membincangkan demokrasi memberi penekanan kepada aspek kebebasan dan keadilan terutama melalui karyanya *Republic* yang memberi sumbangan besar dalam kajian politik. Bagi Plato, kepimpinan adalah saluran politik yang penting untuk memperjuangkan keadilan, kebebasan dan hak rakyat dalam negara. Plato begitu bimbang jika kepimpinan politik gagal memberi keadilan dan kesaksamaan untuk rakyat. Idea tentang matlamat dan tujuan politik oleh Plato yang berkisar kepada isu kebebasan dan keadilan diungkap dalam karya-karyanya seperti *Epistles*, *Stateman* dan *Laws*. Untuk keterangan lanjut, lihat Wren, J.T. (2007), *Inventing Leadership: the Challenge of Democracy*, Cheltenham, UK: Edward Elgar (hlm. 13-29).

dalam sistem demokrasi termasuk di Malaysia berperanan sebagai perwakilan (*representatives*) bagi rakyat dan kawasan yang diwakilinya (parlimen dan dewan undangan negeri, atau DUN). Sebagai perwakilan, wakil rakyat memainkan peranan sebagai ahli perundangan (*legislators*) dalam majlis atau dewan perundangan untuk mentafsir dan meluluskan membuat undang-undang (*lawmaking*). Selain berfungsi sebagai perwakilan dan ahli perundangan, dalam masa yang sama wakil rakyat boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa (AJK) majlis-majlis parlimen dan DUN, ahli kaukus (*caucus*), *whips* dan ahli kelab penyokong (*backbenchers*). Di sudut yang lain, wakil rakyat juga berperanan membentuk kerajaan (*government*) jika partinya memiliki kerusi majoriti dalam parlimen atau DUN. Sebaliknya, menjadi pembangkang (*opposition*) jika parti politik yang diwakilinya memiliki kerusi minoriti. Semua ini adalah peranan berbentuk parlementari (*parliamentary roles*) (Lusoli & Ward, 2004: 1-3; dan Searing, 1994)—disifatkan sebagai peranan hakiki yang tertakluk kepada undang-undang.

Selain peranan parlementari, wakil rakyat terlibat secara langsung dalam melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Ini melibatkan soal hal ehwal dan pelbagai urusan berkaitan masalah rakyat. Ini dikatakan sebagai peranan konstituensi (*constituency roles*). Peranan konstituensi merujuk kepada tanggungjawab wakil rakyat sebagai penyelesai masalah rakyat (*problems solver*). Banyak masalah yang berlaku dalam masyarakat memerlukan penyelesaian segera sama ada bersifat jangka pendek atau panjang. Di pihak rakyat, jika mereka berhadapan dengan sebarang masalah, mereka pastinya merujuk hal tersebut terus kepada pemimpin mereka untuk diselesaikan. Ini menunjukkan peranan wakil rakyat sangat luas. Jika dilantik sebagai anggota kabinet pula, bertambah besarlah tanggungjawab wakil rakyat berkenaan. Sebagai ahli kabinet, peranan wakil rakyat bukan sekadar pelaksana dasar-dasar awam, tetapi penyelesai masalah rakyat. Atas sebab itu, wakil rakyat di Malaysia memikul tanggungjawab untuk melaksanakan peranan parlementari dan konstituensi (Lusoli & Ward, 2004: 1-3; dan Searing, 1994). Semua ini adalah peranan utama (*primary*) sama ada bersifat formal dan tidak formal. Memahami kedudukan wakil rakyat dalam hal ini, Searing (1994) menjelaskan ianya seperti “...MPs identified a significant group whose saw their primary focus in terms of constituency. Their role was that constituency welfare officer, sorting out the problems of individual constituents

and/or being an advocate for the constituency as a whole, promoting it both economically and politically.” Dengan itu, jelas menunjukkan bahawa peranan wakil rakyat dalam aspek konstituensi termasuklah berusaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperkukuh sistem politik itu sendiri.

Selain aspek parlementari dan konstituensi, wakil rakyat juga bertanggungjawab kepada parti politik (*party responsibilities*) yang diwakilinya (Stilborn, 2002). Di Malaysia, semua wakil rakyat mewakili parti politik tertentu kecuali calon Bebas. Banyak tanggungjawab wakil rakyat kepada parti. Antaranya berusaha memenangi pilihan raya dan berkuasa untuk memerintah, meningkat keahlian parti, mendapatkan sumbangan dan dana untuk parti, mengenal pasti pemimpin pelapis dan sebagainya. Walau bagaimanapun, disebabkan wujudnya persaingan menjadi pemimpin dan berebut kuasa, maka berlaku konflik kepimpinan dalam parti. Ia membawa kepada perpecahan, perpuakan dan tindakan keluar parti. Masalah ini berlaku di Malaysia, di mana konflik kepimpinan dalam parti cenderung membawa kepada amalan politik wang untuk meraih sokongan dan undi dalam proses pemilihan pucuk pimpinan parti. Peranan dalam parti politik juga merupakan peranan utama wakil rakyat.

Disebabkan Malaysia mengamalkan sistem berparlimen, maka doktrin percantuman kuasa (*fusion of power*, atau FOP) menjadi pegangan dan wakil rakyat boleh dilantik memegang jawatan dalam kabinet.⁸ Mereka juga boleh dilantik menerajui badan berkanun, ahli majlis PBT, ahli lembaga pengarah (ALP) syarikat berkaitan kerajaan (*government link company*, atau GLC) dan lain-lain entiti milik kerajaan. Peranan sebagai pengurus dan pentadbir dalam organisasi-organisasi ini walaupun ia bersifat formal, tetapi ia sebenarnya adalah peranan sekunder (*secondary*) wakil rakyat yang berkenaan. Sebagai pengurus dan pentadbir, wakil rakyat bertanggungjawab membawa kemajuan dan kejayaan kepada organisasi atau institusi yang diterajunya. Persoalannya, mampukah wakil rakyat mengurus tanggungjawabnya dengan berkesan sebagai pentadbir atau pengurus sedangkan banyak lagi peranan lain yang perlu dilaksanakan dalam masa yang sama?

⁸ Untuk keterangan lanjut, lihat Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menyebut mengenai pelantikan anggota parlimen ke dalam kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri dan seterusnya berkaitan pelantikan Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Wakil rakyat juga banyak melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat (*social services*) atau kerja sosial (*social works*) (Mickel, 2010). Walaupun tanggungjawab ini bersifat sukarela—dalam aktiviti kemasyarakatan termasuklah berkaitan keagamaan—ia memberi banyak kesan ke atas kepimpinan wakil rakyat. Melalui aktiviti-aktiviti berkenaan, wakil rakyat boleh berinteraksi, berbincang, berkongsi idea dan sebagainya dengan para penduduk. Ramai wakil rakyat di Malaysia bergerak secara aktif dalam NGO, badan sukarela, pertubuhan kebajikan, persatuan sukan, kelab dan lain-lain sebagai Penaung, Penasihat, Pengerusi dan Patron. Melalui aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan, kecemerlangan kepimpinan wakil rakyat dapat dilihat di peringkat bawahan. Di pihak rakyat, mereka sentiasa berharap wakil rakyat dapat meluangkan masa dan tenaga untuk bersama-sama dalam setiap aktiviti, program dan acara dianjurkan. Semua ini adalah peranan sampingan atau sekunder—sebagai pelengkap kepada peranan primer—memerlukan wakil rakyat memberi penuh komitmen untuk melakukan bagi menunjukkan teladan yang baik dan *'role model'* kepada rakyat yang dipimpinnya.

Selain peranan bersifat politik (parlimentari, konstituensi, parti politik dan peranan sekunder), kepimpinan politik juga memainkan peranan penting dalam pembangunan. Di Malaysia, wakil rakyat khususnya dari parti pemerintah memainkan peranan penting dalam pembangunan. Menurut Nzau (2011: 96), peranan pemimpin dalam pembangunan seperti di negara-negara sedang membangun sangat penting khususnya di kawasan luar bandar. Dengan kata lain, pemimpin politik merupakan aktor pembangunan yang penting dalam negara khususnya yang memegang kuasa eksekutif. Di Malaysia, wakil rakyat turut memberi sumbangan ke arah pembangunan terutama dalam kawasan yang diwakilinya. Banyak peranan dalam pembangunan yang boleh dimainkan oleh wakil rakyat seperti pembangunan infrastruktur, ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya. Pembangunan dari satu sudut adalah untuk kebaikan rakyat—memberi kemakmuran dan kebahagiaan untuk rakyat. Antaranya menyediakan kemudahan awam, prasarana, perumahan, balai raya, dan sebagainya termasuklah soal peluang pekerjaan kesan daripada pembangunan yang dilaksanakan. Oleh sebab itu, sebagai agen pembangunan, wakil rakyat perlu memahami keperluan dan tuntutan masyarakat setempat.

Berhubung pengkelasan peranan wakil rakyat di atas, terdapat beberapa isu lain yang menjadi punca salah faham dalam memahami peranan wakil rakyat yang tepat. Bagi rakyat, mereka mahu setiap masalah dan isu yang berlaku dapat diselesaikan oleh wakil rakyat tanpa mengira masa dan keadaan. Hakikatnya itu bukan peranan utama dan rasmi wakil rakyat. Ia hanya peranan sekunder dan tidak tertakluk kepada undang-undang (bukan kewajiban), tetapi sukarela. Namun, sudah menjadi tradisi dalam politik Malaysia, peranan sekunder wakil rakyat lebih diutamakan berbanding peranan primer. Permasalahan inilah yang menimbulkan kekeliruan dalam memahami peranan dan kepimpinan sebenar wakil rakyat. Mengapakah hal ini berlaku dan apakah yang perlu dilakukan dalam menjelaskannya? Berhubung hal ini, Smith (2012)⁹ menyarankan peranan perwakilan (wakil rakyat atau ahli parlimen) perlu didefinisikan semua. Tujuannya supaya rakyat dapat memahami dengan tepat peranan dan tanggungjawab wakil rakyat. Selain itu, ia dapat membantu wakil rakyat itu sendiri memahami fungsinya. Dengan kata lain, kedua-dua pihak dapat memahami antara peranan rasmi (primer) dan peranan tidak rasmi (sekunder).

Berhubung permasalahan di atas, rakyat tidak boleh terlalu mudah meletakkan sesuatu tanggungjawab itu di bahu wakil rakyat. Isu ini pernah diulas oleh mantan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail. Beliau memberi teguran kepada rakyat supaya memahami peranan wakil rakyat. Tanggungjawab wakil rakyat bukan untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti sampah sarap, kebersihan, perparitan dan jalan raya serta memenuhi undangan ke majlis kenduri dan sebagainya. Sudah ada agensi kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menyelesaikannya. Jika wakil rakyat tidak dibebani dengan masalah-masalah seperti itu, mereka mempunyai banyak masa membuat persiapan sebelum mengikuti perbahasan di parlimen dan baharulah konsep demokrasi berparlimen yang sebenarnya menurut Mohamed Zahir dapat diamalkan (*Utusan Malaysia*, 17 Mei 2004).

⁹ Lloyd B. Smith merupakan seorang ahli parlimen dan Timbalan *Speaker* Dewan Rakyat (*House of Representative*) Jamaica, di mana mengulas dalam kolum *Jamaica Observer* tentang peranan wakil rakyat (ahli parlimen) di negara berkenaan agar difahami dengan lebih sistematik bukan sahaja dalam kalangan rakyat, tetapi pemimpin itu sendiri agar memahami tanggungjawab masing-masing.

Keempat, isu dan cabaran dalam kepimpinan. Dalam mana-mana organisasi, pemimpin tidak dapat lari dari sebarang isu dan masalah yang menjadi cabaran dalam kepimpinannya. Sebenarnya isu dan masalah yang berlaku turut melibatkan kepimpinan politik itu sendiri. Hal ini kerana ia berkaitan dengan soal kuasa, tingkah laku, moral, kualiti dan sebagainya yang mempengaruhi kepimpinan seseorang. Dari segi kualiti kepimpinan misalnya, timbul pelbagai isu yang menjadi cabaran kepada setiap pemimpin terutama dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab secara berkesan dan mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat. Persoalannya, adakah kepimpinan politik yang sedia ada berkualiti? Atau, kualiti yang dimiliki masih di tahap yang rendah? Bagaimanakah kualiti kepimpinan wakil rakyat di Malaysia? Berhubung hal ini, kajian kepimpinan politik sebagai suatu aktiviti politik biasanya mengemukakan beberapa persoalan seperti:

- a) Apakah ciri-ciri kualiti pemimpin politik?
- b) Adakah terdapat perbezaan antara kualiti kepimpinan yang diperlukan dengan kepimpinan yang sedia ada?
- c) Adakah terdapat keupayaan kepimpinan yang boleh disenaraikan dan apa-apa yang penting?
- d) Apakah latar belakang kemunculan kepimpinan politik?
- e) Bagaimanakah kepimpinan politik dilaksanakan? (Bell, 2011: xxiii)

Merujuk kepada persoalan di atas, kepimpinan politik seperti wakil rakyat di Malaysia perlu memiliki ciri-ciri kualiti kepimpinan yang diperlukan. Sudah pastinya wujud perbezaan antara kepimpinan dahulu berbanding yang ada sekarang terutama dari segi beban kerja dan tanggungjawab yang semakin besar. Ini kerana jumlah rakyat dalam sesuatu kawasan pilihan raya juga sudah bertambah. Jadi, semakin banyak tuntutan dan keperluan daripada rakyat kepada kerajaan dan pemimpin. Perkara ini menjadi suatu tanggungjawab wakil rakyat. Namun, keupayaan wakil rakyat dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya menjadi pengukur kepada kejayaan kepimpinannya. Oleh sebab itu, wakil rakyat selain daripada memiliki pendidikan yang tinggi, berpengalaman dalam pentadbiran, ahli perniagaan yang berjaya dan sebagainya, wakil rakyat juga perlu mempunyai pengaruh dalam politik dan berpengalaman serta

terkenal dalam kalangan masyarakat. Aspek seperti perlu diambil kira dalam menilai latar belakang kepimpinan itu untuk menyakinkan rakyat memilihnya. Oleh sebab itu, pemimpin itu perlu berubah ke arah kualiti kepimpinan yang lebih baik terutama yang terlibat dalam pentadbiran dan kerajaan. Hal ini diakui oleh Koehler dan Pankowski (1997: vii) bahawa perubahan kepimpinan sangat mustahak untuk mengembalikan kepercayaan rakyat misalnya melalui tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam sistem birokrasi awam dan kerajaan. Begitu juga keperluannya tentang kepimpinan wakil rakyat di Malaysia.

Dalam menilai kepimpinan politik—kejayaan, prestasi, pencapaian dan sumbangan—beberapa ciri yang perlu diambil kira (Masciulli, Molchanov & Knight 2009: 5) seperti:

- a) Personaliti dan ciri-ciri pemimpin termasuk etika dan budayanya;
- b) Sifat dan etika-budaya pengikut yang mempengaruhi interaksi dengan pemimpin;
- c) Interaksi antara pemimpin dan pengikut dalam masyarakat dan organisasi dalam konteks budaya umum, budaya politik, iklim politik, norma dan institusi;
- d) Masalah dan tugas kolektif dalam keadaan tertentu yang dihadapi pemimpin dan pengikutnya;
- e) Pertimbangan pemimpin dalam menilai kepentingan diri dan penilaian yang diterima oleh pengikutnya;
- f) Kaedah kepimpinan yang digunakan untuk mencapai tujuan dan teknik-teknik yang digunakan untuk menggerakkan sokongan rakyat bagi mengekalkan kedudukannya; dan
- g) Kesan kepimpinan yang sebenar atau sekadar simbolik, kekal lama atau hanya sementara.

Ciri-ciri yang dikemukakan oleh Masciulli, Molchanov dan Knight di atas amat sesuai untuk mengukur pencapaian dan kesan kepimpinan wakil rakyat di Malaysia. Selain aspek kualiti, etika kepimpinan juga merupakan perkara penting dalam menilai

kepimpinan politik (Ciulla, 1995: 5). Perlanggaran terhadap etika boleh memberi kesan terhadap nilai kepimpinan dalam organisasi politik (Kacmar, Andrews, Hariss & Tepper, 2013). Justeru itu, dalam sistem politik Malaysia timbul beberapa isu berkaitan perlanggaran etika dalam sebilangan wakil rakyat khususnya memegang kuasa eksekutif dalam pemerintahan. Ada pula yang terbabit dalam kegiatan menyalahi undang-undang. Fenomena seperti ini merupakan cabaran kepada institusi wakil rakyat di Malaysia. Kesannya, ia mencemarkan nama baik institusi wakil rakyat itu sendiri. Sementara itu, ada pula pemimpin yang menyalahgunakan kuasa dan melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi. Isu seperti ini berlaku disebabkan konflik kepentingan (*conflict of interest*) dalam kalangan pemimpin yang menjurus kepada persoalan tentang integriti kepimpinan khususnya membabitkan anggota kabinet.

Kecenderungan berlaku konflik kepentingan kerana mereka mempunyai peluang untuk melakukannya demi kepentingan peribadi seperti yang dinyatakan oleh Hurtubise-Loranger dan Lithwick (2011: 14) iaitu “*conflict of interest arises the exercise of an official power, duty or function provides an opportunity to further a public officer holder’s private interest, or those of relatives or friends, or to improperly further another person’s private interests.*” Ini menunjukkan bahawa setiap perbuatan yang tidak beretika dan melanggar undang-undang seperti penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, kronisme, nepotisme dan rasuah dalam kepimpinan adalah manifestasi daripada konflik kepentingan. Tidak hairanlah jika berlaku rasuah dalam sistem politik kerana kepentingan politik hingga pemimpin itu digelar ‘tangan kotor’ (*dirty hands*) (Newell, 2008; Nye Jr, 2008; dan van Erp, 2013). Isu ini sebenarnya bercanggah dengan fungsi wakil rakyat sebagai ahli perundangan (*legislator*) dalam parlimen dan DUN. Dalam badan perundangan, wakil rakyat bertanggungjawab untuk meneliti dan meluluskan perbelanjaan awam dan memastikan akauntabiliti kerajaan berterusan. Wakil rakyat juga bertanggungjawab mengawasi perbelanjaan kerajaan (Stilborn, 2002) dan menganalisis cabaran-cabaran awam misalnya melalui Jawatankuasa Parlimen (Hurtubise-Loranger & Lithwick, 2011: 14). Sebaliknya, wakil rakyat terlibat dalam gejala-gejala negatif ini.

Untuk mengelak wujudnya konflik kepentingan—telah ada undang-undang yang mencegah perbuatan tidak sihat ini—pemimpin perlu berpegang kepada etika yang baik dalam memikul tanggungjawab masing-masing demi kepentingan rakyat. Oleh sebab itu, badan perundangan (parlimen dan DUN) itu sendiri boleh menjadi medium penting ke arah peningkatan akauntabiliti dan integriti kerajaan (Kapur & Mehta, 2006: 10). Ia sekaligus dapat mengelak konflik kepentingan dalam kalangan pemimpin. Kesan keruntuhan moral dan etika dalam kalangan pemimpin boleh menimbulkan keraguan dalam kalangan rakyat tentang akuantabiliti pemimpin (Bertolotti, Cantellani, Douglas & Sutton, 2013: 117). Persoalannya, bagaimanakah keadaan konflik kepentingan di Malaysia? Apakah punca ia terjadi dan kesannya ke atas kepimpinan politik?

Permasalahan lain yang timbul dalam kepimpinan politik ialah konflik. Konflik kepimpinan berlaku disebabkan banyak faktor. Antaranya perebutan kuasa, persaingan jawatan dalam parti politik, percanggahan ideologi, perbezaan pendapat dan sebagainya. Konflik dalam parti politik misalnya boleh menimbulkan pelbagai kesan buruk dari segi prestasi, pencapaian dan perkembangan parti berkenaan. Ia menyebabkan perpecahan dan perpuakan antara pemimpin dan para pengikutnya mengikut kumpulan-kumpulan tertentu dalam parti. Begitu juga dalam kalangan parti-parti komponen jika berlaku konflik menyebabkan kerjasama, perpaduan dan kesepakatan antara mereka kian longgar. Akhirnya kumpulan-kumpulan yang berkonflik membawa haluan masing-masing. Misalnya, konflik kepimpinan dalam parti UMNO dalam tahun 1988 dahulu membawa kepada perpecahan dalam parti itu dan munculnya parti Semangat 46. Kesannya, dalam pilihan raya umum (PRU) tahun 1990, Barisan Nasional (BN) kalah di Kelantan di tangan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) gabungan parti Pas dan Semangat 46. Begitu juga apabila Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1998 menyebabkan munculnya Parti Keadilan Rakyat (PKR). Di samping itu, demi kelangsungan (*survival*), *status-quo* dan pengaruh, berlaku keadaan di mana terdapat perwakilan politik (wakil rakyat) membuat keputusan keluar parti (melompat) dan menyertai parti politik lain (Watesa & Lepper, 2010: 207).

Konflik kepimpinan dan fenomena melompat parti dalam kalangan wakil rakyat mempunyai kesan yang besar terutama kepada parti pemerintah terutama dalam situasi hanya memiliki majoriti yang sangat kecil dengan kelebihan satu atau dua kerusi berbanding pembangkang. Jadi, dalam situasi begini peranan wakil rakyat adalah untuk membentuk kerajaan. Parti yang memiliki majoriti diberi hak untuk memerintah dan parti yang tidak mendapat majoriti menjadi pembangkang. Jika berlaku lompat parti dalam kalangan wakil rakyat, parti pemerintah yang hanya memiliki majoriti kecil boleh kehilangan kuasa dan mandat untuk memerintah. Akhirnya, pemerintahan bertukar tangan. Isu ini berlaku dalam DUN Perak selepas PRU-12 apabila beberapa orang wakil rakyat Pakatan Rakyat (PR)¹⁰ mengumumkan keluar parti pada 4 Februari 2009 dan menyatakan sokongan kepada BN. Tindakan tersebut telah menyebabkan kerajaan PR tumbang dan BN mengambil alih tampuk pemerintahan Perak. Fungsi yang dimainkan oleh bekas-bekas wakil rakyat PR dianggap sebagai *'kingmaker'* dan *'kingbreaker.'* Sokongan diberikan kepada parti politik baharu hingga boleh membentuk kerajaan disifatkan sebagai *'political kingmaker.'* Sebaliknya, tindakan keluar (melompat) parti menyebabkan parti lama yang ditinggalkan hilang majoriti dan mandat untuk memerintah disifatkan sebagai *'political kingbreaker.'*

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, dalam permasalahan kajian ini dapat dirumuskan beberapa perkara penting berkaitan kepimpinan wakil rakyat. Pertama, wakil rakyat perlu difahami sebagai pemimpin politik. Sebagai pemimpin, wakil rakyat bertanggungjawab melaksanakan peranannya secara berkesan kepada rakyat dan kawasan yang diwakili. Kedua, kepimpinan politik mempunyai cita-cita tersendiri iaitu mendapatkan kuasa. Melalui kuasa yang dimiliki, pemimpin dapat memberi arahan dan mempengaruhi pengikutnya untuk menuruti perintah dan kehendaknya. Ketiga, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dapat dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu peranan sekunder dan primer. Peranan sekunder lebih kepada peranan pelengkap kepada peranan primer.

¹⁰ Ahli Pakatan Rakyat (PR) yang melompat parti ialah Jamaluddin Mohd. Radzi (ADUN Behrang) dan Kapten (B) Mohd. Osman Jailu (ADUN Changkat Jering) daripada PKR dan Hee Yit Foong (ADUN Jelapang) daripada *Democratic Action Party* (DAP). Sebelum lompat parti berlaku, PR menguasai 31 kerusi dan BN hanya 28 kerusi dan berlaku sebaliknya apabila 3 orang wakil rakyat ini mengumumkan melompat parti dan menyatakan sokongan kepada BN. Dengan itu, BN berkuasa di Perak.

Walaupun lazimnya peranan sekunder bersifat sukarela, tetapi ia boleh juga berbentuk formal dan mempengaruhi kesan kepimpinan wakil rakyat itu sendiri dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Peranan parlimentari pula berkait dengan tanggungjawab wakil rakyat sebagai perwakilan dan ahli perundangan dalam parlimen dan DUN. Dalam masa yang sama, wakil rakyat juga mempunyai peranan secara langsung kepada parti politik yang diwakilinya. Apa yang penting, peranan kepimpinan wakil rakyat perlu difahami kerana ia ada kaitan dengan doktrin percantuman kuasa (*fusion of power*, atau FOP) dan pengasingan kuasa (*separation of power*, atau SOP) yang diamalkan dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Terakhir, kepimpinan politik di Malaysia turut diselubungi pelbagai isu kontroversi yang menjejaskan kredibiliti dan akauntabilitinya. Terdapat wakil rakyat yang terlibat dengan tindakan tidak beretika dan melanggar undang-undang seperti penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, kronisme dan sebagainya. Perkembangan negatif ini berkait dengan konflik kepentingan. Ia mesti dicegah untuk mengelak perkara yang lebih buruk terjadi. Dengan itu, nilai positif seperti kepimpinan melalui teladan dan tadbir urus yang baik dapat dihasilkan.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai kepimpinan politik di Malaysia. Tumpuan khas diberikan terhadap peranan dan tanggungjawab wakil rakyat (ahli parlimen dan DUN). Peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dikaji menggunakan konsep kepimpinan politik dan demokrasi berperwakilan. Hal ini kerana wakil rakyat adalah pemimpin politik yang telah dipilih sebagai perwakilan dalam badan perundangan melalui pilihan raya signifikan dengan kedua-dua konsep tersebut. Perbincangan dan analisis dalam kajian ini mengambil kira aspek pembentukan institusi politik di Malaysia (dahulu Tanah Melayu) sehingga penggal ke-12 (parlimen dan DUN) selepas PRU tahun 2008. Secara terperinci, tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Membincangkan pembentukan institusi wakil rakyat (parlimen dan DUN) sebelum dan selepas merdeka hingga penggal ke-12;

- b) Mendefinisikan peranan wakil rakyat dalam kategori tanggungjawab primer dan sekunder sama ada bersifat rasmi dan tidak rasmi;
- c) Menilai peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam sosio-ekonomi dan politik di Malaysia; dan
- d) Menganalisis masalah dan cabaran yang dihadapi oleh wakil rakyat dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin dalam sistem politik Malaysia.

Bagi menjelaskan kajian ini, andaian awal tesis ini ialah doktrin FOP yang diamalkan dalam sistem berparlimen seperti di Malaysia mempunyai kesan dan pengaruh dalam memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat sebagai pemimpin politik.

1.4 SKOP KAJIAN

Terdapat tiga fokus utama dalam kajian ini tentang kepimpinan politik wakil rakyat. Pertama, kajian ini memberi tumpuan kepada aspek sejarah (*historical approach*) bagaimana wujudnya badan perundangan (parlimen dan DUN) di Malaysia. Dalam hal ini, British dikatakan telah mengasaskan badan perundangan di Tanah Melayu (kemudian Malaysia) setelah Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union.¹¹ Serentak dengan itu, British menubuhkan Majlis Undangan Persekutuan (MUP) yang menjadi asas kepada sistem parlimen yang ada hari ini. Sejarah pengasasan badan perundangan itu penting kerana ia mempunyai pengaruh ke atas sistem politik berparlimen yang ada dewasa ini dan kepimpinan politik itu sendiri. Dari situlah wujudnya perwakilan atau wakil rakyat.

¹¹ Peralihan pemerintahan daripada tentera Jepun kepada British memperlihatkan kebangkitan golongan nasionalis Melayu semakin memuncak dan sukar dibendung oleh British (Milne & Mauzy, 1982: 28; Mohammad Agus, 2006: 49; Mohamed Noordin, 2007: 13; Mohamed Salleh, 2006: 61-67; Ongkili, 1972: 26; dan Rais, 2007: 5). Buktinya, tidak lama setelah kembali semula ke Tanah Melayu, apabila British cuba untuk memperkenalkan gagasan Malayan Union (satu formula politik baru), ia mendapat tentangan yang hebat oleh pemimpin dan orang Melayu. Akhirnya pada 1 Februari 1948 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dilancarkan secara rasminya (Muhammad Kamil, 2001: 80) bagi menggantikan Malayan Union yang telah dilancarkan pada 1 April 1946 oleh British.

Kedua, walaupun kajian ini mengambil kira aspek sejarah, tetapi skop kajian hanya melibatkan penggal parlimen dan DUN ke-12 sahaja. Bagi negeri Sarawak pula, kajian melibatkan penggal DUN ke-10, di mana PRU negeri telah diadakan pada tahun 2011. Pemilihan wakil rakyat (ahli parlimen dan DUN) sebagai responden kajian mengambil kira kedudukan mereka dalam parti, kerajaan dan penglibatan dalam badan bukan politik atau kerajaan. Hal ini penting untuk menganalisis maklum balas yang diberikan melalui soal selidik yang diedarkan berkaitan tema dan skop kajian ini.

Ketiga, skop kajian ini memberi tertumpu kepada usaha pendefinisian peranan wakil rakyat—pengkelasan yang lebih jelas mengikut kategori peranan hakiki dan formal (primer) serta yang bersifat sukarela dan tidak formal (sekunder). Analisis dilakukan ke atas setiap peranan primer dan sekunder yang dilaksanakan oleh wakil rakyat. Dengan cara itu, ia dapat memberi penjelasan tepat bagi mengelak atau menyelesaikan kekeliruan terhadap peranan sebenar wakil rakyat dalam sistem politik Malaysia. Dengan kata lain, pengkelasan peranan (primer dan sekunder) dapat diperhati menerusi penglibatannya dalam aspek politik, pentadbiran, ekonomi, sosial dan pembangunan dalam negara. Justeru itu, analisis mengambil kira tahap penglibatan, kedudukan dan sumbangannya parti politik, masyarakat dan badan bukan kerajaan yang diwakilinya. Hal ini mustahak kerana peranan wakil rakyat begitu kompleks dalam politik Malaysia jika mengambil kira tanggungjawabnya sebagai ahli politik, pemimpin, pentadbir dan pengurus.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menjelaskan proses dan prosedur penyelidikan yang digunakan dalam kajian tesis ini. Antaranya melibatkan aspek-aspek seperti reka bentuk kajian, unit analisis, persampelan, instrument kajian, pembolehubah, pengumpulan data, analisis data dan persembahan hasil kajian yang dibincangkan di bawah.

1.5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian tesis ini adalah kombinasi antara pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian merupakan rangka rujuk (*blueprint*) tentang persampelan, pengukuran dan analisis data (Sabitha, 2005: 81), di mana ia memberi gambaran keseluruhan kajian dari peringkat awal hingga akhir (Creswell, 1998). Di samping itu, reka bentuk kajian juga adalah panduan untuk menjalankan kajian (Hair, Honey, Samouel & Page, 2007: 151). Ia menjelaskan kaedah digunakan untuk mengumpul data, teknik pemilihan sampel, instrument kajian dan kos yang berkaitan dengan penyelidikan. Pendekatan kualitatif melibatkan analisis kandungan (*content analysis*) data-data sekunder bagi membincangkan aspek konseptual, teoritikal dan ulasan karya serta menyokong data primer yang dianalisis. Pendekatan kuantitatif pula melibatkan analisis data primer yang diperolehi melalui kajian tinjauan (soal selidik) menggunakan perisian *statistical package for the social sciences* (SPSS) versi 19.0.

1.5.2 Persampelan Kajian

Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian tesis ini.¹² Persampelan jenis ini bukan bersifat rawak kerana semua berpeluang menjadi sampel kajian—bukan kebarangkalian. Ia digunakan untuk mengkaji secara mendalam sesuatu kumpulan dalam masyarakat yang terlalu sukar didekati atau terlalu khusus (Neuman, 2006: 222; dan Northrop & Arsneault, 2008: 225). Oleh sebab itu, kaedah persampelan ini sesuai digunakan untuk mengkaji peranan wakil rakyat di Malaysia. Persampelan jenis ini memudahkan pengkaji mengenal pasti subjek yang dikaji iaitu wakil rakyat melalui ciri-ciri seperti kelompok, status sosial, kedudukan, gender, etnik dan lain-lain sebagai pembolehubah yang penting (Paton, 1990). Selain itu, ia lebih mudah digunakan, pantas dan kos yang rendah untuk membuat penilaian (Hair, Honey, Samouel & Page, 2007: 182).

¹² Dikenali sebagai persampelan penilaian (*judgmental sampling*) atau persampelan reputasi (*reputation sampling*) (Hair, Honey, Samouel & Page, 2007: 181-182; Neuman, 2006: 222; dan Northrop & Arsneault, 2008: 225).

Persampelan bertujuan ini tidak menetapkan saiz sampel yang khusus. Saiz sampel bergantung kepada keperluan kajian, di mana ia selari dengan kajian kualitatif (Frankfort-Nachmias & Nachmias, 1996). Wilmot (t.t) pula menyifatkan persampelan jenis ini dapat membantu dalam mengukuhkan pemahaman tentang sesuatu fenomena secara kualitatif. Dalam kajian ini, penetapan sampel wakil rakyat mengambil kira kedudukannya (jawatan) dalam parti politik dan kerajaan serta penglibatannya dalam NGO. Walaupun persampelan jenis ini tidak menetapkan saiz sampel, tetapi pengkaji memutuskan untuk mendapatkan 10% sampel dari 798 populasi wakil rakyat di Malaysia (222 orang ahli parlimen dan 576 orang ahli DUN)—memerlukan lebih kurang 80 responden. Bagi mencapai sasaran saiz sampel sebanyak itu, sebanyak 205 borang soal selidik diedarkan. Tiap-tiap negeri termasuk Kuala Lumpur diedarkan sebanyak 15 soal selidik kecuali Perlis hanya 10 set sahaja berdasarkan beberapa ciri-ciri sampel yang telah disebutkan di atas.

1.5.3 Unit Analisis

Unit analisis dalam kajian boleh ditentukan daripada pelbagai kelompok seperti masyarakat, kumpulan, organisasi, pergerakan, institusi, negara dan sebagainya (Bailey, 1992: 789; dan Neuman, 2006: 58). Unit analisis perlu disesuaikan dengan konsep dan teori yang digunakan dalam setiap kajian—diibaratkan sebagai “*a glove fitting over a hand.*” Neuman (2006: 58). Manakala, Babbie (1999: 502) menjelaskan unit analisis adalah mengenai apa dan siapa yang dikaji. Oleh itu, wakil rakyat yang telah dipilih dalam PRU-12 sebagai unit analisis dalam kajian tesis ini.

Mengapakah wakil rakyat dipilih sebagai unit analisis? Hal ini kerana tujuan dan skop kajian untuk mengkaji secara terperinci kepimpinan wakil rakyat dari segi peranan dan tanggungjawabnya dalam sistem politik di Malaysia. Ini memandangkan terdapat kekeliruan dan salah faham terhadap peranan sebenar aktor politik ini di Malaysia. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk maklum balas daripada wakil rakyat itu sendiri sebagai unit analisis dalam kajian ini yang mengambil kira kedudukan dalam badan eksekutif (ahli kabinet atau *exco*); GLC dan badan berkanun; jawatan dalam parti politik dan badan bukan kerajaan (NGO dan sukarela).

1.5.4 Instrument Kajian

Soal selidik dibina sebagai instrument untuk mendapatkan data primer bagi memperkukuh data-data sekunder yang telah diperolehi melalui kajian perpustakaan. Soal selidik¹³ dibahagikan (lihat Lampiran 1) kepada beberapa bahagian seperti:

- a) Bahagian A: Profil demografi;
- b) Bahagian B: Peranan dalam parti politik;
- c) Bahagian C: Ciri-ciri kepimpinan;
- d) Bahagian D: Peranan sebagai ahli politik;
- e) Bahagian E: Pengurusan peranan dan tanggungjawab;
- f) Bahagian F: Peranan dalam pembangunan;
- g) Bahagian G: Peranan dalam sosio-ekonomi;
- h) Bahagian H: Peranan dalam kemasyarakatan dan keagamaan;
- i) Bahagian I: Peranan dalam NGO; dan
- j) Bahagian J: Isu dan cabaran dalam pelaksanaan tanggungjawab.

Soalan soal selidik meliputi soalan berbentuk tertutup (*close-ended*) dan terbuka (*open-ended*). Soalan tertutup disediakan dengan pilihan jawapan menggunakan skala lima Likert dan pilihan “ya” dan “tidak” untuk mengukur item-item yang dikaji. Soalan terbuka pula memberi peluang kepada responden memberi maklum balas berdasarkan pendapat sendiri. Soal selidik diedarkan kepada responden menggunakan perkhidmatan pos, pembanci, orang perantaraan dan *online* (www.surveymonkey.com).¹⁴ Tahap kebolehpercayaan (*reliability*) soal selidik telah diuji menggunakan model *alpha* bagi menguji tahap ketekalan dan keseragaman data-data yang diperolehi. Analisis menunjukkan nilai pekali *alpha Cronbach* keseluruhan soal selidik ini ialah .870. Nilai ini dianggap tinggi kerana menghampiri nilai 1.0, di mana nilai *alpha* ini menunjukkan

¹³ Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diubahsuai daripada soal selidik dua kumpulan kajian yang telah dijalankan sebelum ini, iaitu: (i) Ahmad Atory dan Malike (2007); dan (ii) Malike, Mohd. Fo’ad, Zaheruddin, Muhammad Fuad dan Solahudin (2011). Kedua-dua kumpulan kajian ini menjadikan wakil rakyat sebagai unit analisis dan memberi tumpuan yang hampir sama dengan kajian tesis ini. Jadi, soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diuji dalam dua kajian sebelum ini.


¹⁴ Soal selidik berdaftar di bawah *web links* <https://www.surveymonkey.com/s/2WTF78F>.

data yang diperolehi sangat boleh dipercayai kerana ia tekal dan seragam mengukur gagasan dalam setiap item yang diukur.

1.5.5 Pengukuran Pembolehubah dan Model Kajian

Deutsch (dipetik Al-Bureay, 1992: Lii) menjelaskan seperti “kita menggunakan model sama ada mahu atau tidak jika ingin berfikir secara sistematik tentang sesuatu perkara”—diperlukan bagi kajian secara sistematik dan saintifik. Melalui model yang dibina, ia membantu dalam mentarif sesuatu konsep yang berkaitan dengannya untuk dijadikan sebagai pembolehubah kajian termasuklah usaha mengelaskan data. Pembentukan model kajian seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah mengemukakan pembolehubah yang terlibat dalam kajian yang diilustrasikan secara lebih tersusun (*ibid.*, Liii). Model kajian dapat menonjolkan ciri-ciri umum dan hubungan antara pembolehubah bebas dan bersandar untuk dianalisis mengikut dapatan kajian serta bersesuaian dengan skop kajian.

Rajah 1.1: Model Kajian



Dalam kajian ini, pembolehubah bebas adalah peranan-peranan sekunder dan pembolehubah bersandar pula melibatkan peranan parlimentari, konstituensi dan parti politik. Mengikut prinsipnya, pembolehubah bebas mempengaruhi (memberi kesan) ke

atas pembolehubah bersandar (Bailey, 1992: 772; Hair, Money, Samouel, & Page, 2007: 421; dan Neuman, 2006: 161) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di atas. Hubungan antara pembolehubah bebas dan bersandar dapat dilihat dalam kepimpinan politik wakil rakyat di Malaysia.

1.5.6 Pengumpulan dan Analisis Data

Data dalam kajian tesis ini diperolehi dari sumber sekunder dan primer. Pengumpulan data sekunder melibatkan penerokaan, penelitian dan penganalisaan kandungan (*content analysis*) maklumat yang telah tersedia ada secara bertulis (dokumen). Maklumat diperolehi dari sumber-sumber seperti buku, artikel jurnal, majalah, laporan tahunan, laporan penyelidikan, dan Internet. Data-data sekunder ini penting dalam memahami konsep dan teori serta pembentukan permasalahan kajian yang berkaitan dengan subjek yang dikaji. Sumber-sumber diperolehi dari Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB), Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Tun Seri Lanang (TSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan perpustakaan-perpustakaan awam yang lain, maklumat *online* dan laman-laman sesawang rasmi kerajaan. Maklumat sekunder memudahkan pengkaji membuat analisis, di mana mengikut Chadwick *et. al.* (1984: 260) kaedah ini memberi banyak masa kepada pengkaji untuk membuat analisis, interpretasi dan berfikir secara kreatif tentang apa yang perlu dihujahkan dalam kajian.

Pengumpulan data primer dilakukan melalui soal selidik (telah disebutkan di atas) yang diedarkan kepada responden melalui perkhidmatan pos, serahan tangan dan secara *online*. Soal selidik yang telah dihantar dipantau melalui tindakan susulan bagi memastikan ia diterima, dijawab dan dikembalikan kepada pengkaji. Selain itu, pengkaji turut menggunakan soal selidik *online* (Internet) yang dihantar ke alamat email tiap-tiap responden yang telah dikenal pasti. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 19.0 bagi mendapatkan statistik mudah dalam nilai kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi item-item yang diukur. Data yang diperolehi (analisis) dipersembahkan dalam bentuk jadual.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Dalam usaha menyempurnakan kajian tesis ini, pengkaji menghadapi beberapa kekangan. Pertama, sumber rujukan berkaitan kepimpinan politik di Malaysia sangat terhad berbanding di negara-negara Barat. Oleh sebab itu, amat sukar untuk membuat perbandingan dari segi tema, skop dan sorotan literatur tentang kepimpinan politik di Malaysia. Kekurangan ini menyebabkan pengkaji banyak bergantung kepada kajian lepas yang telah dihasilkan oleh sarjana-sarjana Barat dari segi artikel jurnal, buku, monograf, laporan penyelidikan, kertas kerja dan prosiding seminar tentang kepimpinan politik dan sistem demokrasi.

Pengkaji berhadapan dengan masalah komitmen responden yang terlibat dalam kajian ini. Sebagai pemimpin politik yang mempunyai banyak tanggungjawab terutama yang memegang jawatan dalam kabinet dan pentadbiran entiti-entiti milik kerajaan sangat sibuk dan mempunyai masa yang amat terhad. Justeru itu, mereka sukar untuk menjawab soal selidik dan proses ini terpaksa dilakukan berulang kali bagi mendapatkan maklum balas daripada wakil rakyat. Apabila responden awal yang telah dikenal pasti tidak memberi sebarang maklum balas terhadap soal selidik, pengkaji terpaksa memilih wakil rakyat lain sebagai pengganti.

Pengkaji turut berhadapan dengan masalah dari segi komunikasi dan perhubungan dengan wakil rakyat yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Komunikasi tidak dapat dilakukan kerana responden gagal dihubungi melalui telefon. Hal ini disebabkan ketiadaannya di pejabat atau pun kediaman masing-masing kerana ada urusan di luar atau mempunyai tugas rasmi yang lain. Ada pula yang telah bertukar nombor telefon talian tetap dan bimbit walaupun maklumat tersebut diperolehi dari pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan diperolehi melalui laman sesawang rasmi kerajaan negeri yang berkenaan. Apabila alamat dan nombor telefon telah bertukar dan tidak dikemaskini, ia menyebabkan mereka gagal dihubungi dan banyak soal selidik yang dikembalikan kerana tidak sampai kepada penerimanya. Oleh sebab itu, proses penghantaran soal selidik terpaksa dilakukan berulang kali dan mengenal pasti wakil rakyat lain sebagai pengganti. Temubual melalui telefon juga tidak dapat

dilakukan untuk menjawab soalan dalam soal selidik dan sebagai alternatif, pengkaji menggunakan soal selidik *online* (www.surveymonkey.com). Soal selidik *online* juga kurang berkesan kerana akaun email dan portal rasmi wakil rakyat juga tidak dikemaskini.

Faktor dari segi jarak perhubungan yang jauh menyebabkan kaedah seperti telefon, email dan soal selidik *online* digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Kesukaran ini berlaku untuk mendapatkan responden khususnya dari Sabah dan Sarawak. Justeru itu, mereka lebih mudah dihubungi melalui pos, telefon, email, blog, Facebook dan laman web. Malangnya, medium-medium ini turut tidak dikemas kini dan ada dalam kalangan wakil rakyat yang tidak memiliki akaun peribadi kecuali akaun rasmi. Ini menunjukkan tahap penggunaan teknologi komunikasi maklumat atau ICT (*information communication technology*) dalam kalangan wakil rakyat tidak sepenuhnya walaupun kerajaan begitu aktif mempromosi dasar kerajaan elektronik atau e-Kerajaan kepada rakyat di Malaysia.

1.7 ORGANISASI PENULISAN

Tesis ini mengandungi tujuh bab. Bab I membincangkan teras kepada tesis ini yang menjelas apa yang hendak dikaji, tujuan kajian dijalankan dan proses kajian dijalankan. Ringkasnya, dalam bab ini membincangkan tentang permasalahan kajian, tujuan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan limitasi kajian.

Bab II pula membincangkan konsep yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua konsep utama yang dibincangkan iaitu kepimpinan politik dan demokrasi berparlimen. Pemilihan konsep kepimpinan politik kerana ia menepati kedudukan wakil rakyat sebagai pemimpin politik yang telah dipilih melalui pilihan raya. Melalui konsep yang dibincangkan itu, kepimpinan boleh difahami dari segi matlamat, tujuan, tingkah laku, ciri-ciri dan jenisnya yang boleh dilihat pada wakil rakyat di Malaysia. Konsep demokrasi berparlimen dipilih kerana ia berkait secara langsung dengan wakil rakyat yang telah dipilih sebagai perwakilan dalam parlimen atau DUN. Jadi, konsep ini amat relevan dengan perbincangan tentang kepimpinan politik. Kombinasi antara

konsep kepemimpinan politik dan teori demokrasi berparlimen dapat menunjukkan hubungan antara aktiviti politik dan proses kepemimpinan wakil rakyat politik di Malaysia.

Bab III membincangkan tentang sorotan literatur. Perbincangan dibahagikan kepada tiga bahagian yang berkait dengan kepemimpinan politik dan demokrasi berparlimen. Bahagian pertama membincangkan kepemimpinan politik dalam sistem demokrasi di negara-negara membangun seperti di Nigeria, Rwanda, Kenya dan Pakistan. Manakala bahagian kedua membincangkan kepemimpinan politik di negara-negara maju seperti Australia, Finland, negara-negara bekas Kesatuan Soviet dan Britian. Bahagian ketiga pula memfokus kepada kepimpinan politik di Malaysia. Pembahagian perbincangan kepada tiga bahagian bertujuan untuk menilai perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam kajian tesis ini dengan kajian dan karya lepas yang berkaitan dengan isu dan permasalahan kepemimpinan politik dalam negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Bab IV menyorot dari segi sejarah kewujudan dan perkembangan demokrasi berparlimen di Malaysia. Sistem politik ini mula diperkenalkan oleh British pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan bagi menggantikan Malayan Union, di mana kemudiannya Majlis Undangan Persekutuan (MUP) ditubuhkan dan ahli-ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Pilihan raya pertama diadakan pada tahun 1952 di peringkat kerajaan tempatan dan pilihan raya MUP pada tahun 1952 sebelum British memberi kemerdekaan kepada PTM pada tahun 1957. Semenjak itulah Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan kekal hingga kini, di mana telah diadakan sebanyak 13 siri pilihan raya umum (PRU). Bab ini juga membincangkan secara ringkas isu dan cabaran dalam demokrasi di Malaysia dari era kepemimpinan Tunku Abdul Rahman hingga Tun Abdullah Ahmad Badawi. Penelitian terhadap tiap-tiap era kepemimpinan Perdana Menteri untuk menilai keupayaan, tindakan dan kesannya ke atas prestasi kepemimpinan masing-masing yang ditunjukkan dalam tiap-tiap PRU yang diadakan.

Bab V menilai peranan primer (utama) wakil rakyat yang melibatkan tanggungjawab parlimentari, konstituensi dan parti politik. Perbincangan dalam bab ini

diperkukuh dengan dapatan kajian tinjauan untuk *cross-check* dengan maklumat yang sedia ada (data sekunder). Bab ini adalah usaha untuk mendefinisikan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat mengikut kategori yang jelas sama ada berbentuk formal dan tidak formal dalam aspek parlimentari, konstituensi dan parti politik. Peranan parlimentari merujuk kepada tanggungjawab wakil rakyat sebagai perwakilan (mewakili rakyat dan kawasan pilihan raya) dan ahli perundangan (membuat undang-undang) dalam majlis parlimen dan DUN. Peranan konstituensi merujuk kepada tanggungjawab wakil rakyat sebagai pemimpin untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dalam kawasan yang diwakilinya—berbentuk khidmat sosial atau kerja sosial—melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti dan program dianjurkan oleh komuniti termasuklah program melawat kawasan bagi meninjau masalah rakyat. Sebagai pemimpin yang mewakili parti politik tertentu dalam parlimen dan DUN, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan kekuatan dan sokongan kepada partinya serta bermatlamat mendapatkan kuasa untuk memerintah.

Bab VI pula menilai peranan sekunder wakil rakyat melalui penglibatan dalam GLC, badan berkanun dan NGO yang disertainya. Peranan sekunder merupakan tanggungjawab ‘tambahan’ sebagai pelengkap kepada peranan primer. Tanggungjawab sekunder dilakukan secara sukarela dan kebanyakannya melibatkan urusan tidak formal, di mana wakil rakyat berperanan sebagai Pengerusi, Penaung, Penasihat, Ahli Majlis dan Lembaga Pengarah dalam organisasi-organisasi bukan politik tersebut. Melalui peranan sekunder wakil rakyat berpeluang untuk mendekati rakyat dan mengetahui sendiri masalah yang berlaku. Perbincangan dalam bab ini juga berdasarkan dapatan kajian tinjauan untuk *cross-check* dengan maklumat yang sedia ada (data sekunder).

Akhir sekali Bab VII menyimpulkan penemuan utama kajian ini. Pengkaji menyorot kembali permasalahan kajian yang telah dibincangkan dengan menghubungkannya dengan dapatan kajian ini. Hasil analisis dan perbincangan dalam bab-bab sebelum ini dapat menghujahkan penemuan penting dan menarik dalam menilai kepimpinan politik wakil rakyat di Malaysia dalam lingkungan sistem demokrasi berparlimen itu sendiri. Apabila sistem berparlimen diamalkan di Malaysia, ia perlu difahami dari segi kesan doktrin percantuman kuasa (FOP) yang berbeza

dengan doktrin pengasingan kuasa (SOP). Melalui penemuan kajian ini ia dapat memberi sumbangan berbentuk akademik dan bukan akademik kepada ahli akademik, penganalisis politik, parti politik, mahasiswa dan kerajaan dalam menilai kualiti, keberkesanan, kecekapan, akauntabiliti dan sebagainya kepimpinan politik wakil rakyat di Malaysia. Dengan itu, hasil kajian telah memberi penambahan ilmu, fakta, permasalahan dan persoalan kajian yang memerlukan kajian lanjut selepas ini.

BAB 2

KERANGKA KONSEPSUAL: KEPIMPINAN POLITIK DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

2.1 PENGENALAN

Antara banyak isu yang diperkatakan dalam sains politik, masalah berhubung kepimpinan jelas menonjol. Kepimpinan adalah salah satu ciri penting dalam semua kerajaan dan tadbir urus, di mana kepimpinan yang lemah menyumbang kepada kegagalan kerajaan. Sebaliknya, kepimpinan yang kukuh atau dinamik membawa kejayaan kepada kerajaan yang memerintah. Oleh sebab itu, kepimpinan yang bijaksana menjamin kesejahteraan untuk jangka masa panjang, tetapi kepimpinan yang berani secara membabi buta dan kurang bijaksana boleh membawa malapetaka (Masciulli, Molchanov & Knight, 2009: 3). Penjelasan ini memberi gambaran betapa besar peranan kepimpinan politik dalam negara. Bagaimanakah keadaannya di Malaysia? Namun begitu, kelemahan yang wujud dilihat sebagai suatu rutin dalam proses dan aktiviti kepimpinan. Oleh sebab itu, kepentingan dan matlamat utama kepimpinan untuk membawa kejayaan kepada organisasi (Jones, 2005: 259). Justeru itu, untuk mewujudkan kepimpinan yang cemerlang dan berjaya dalam mana-mana organisasi—awam atau swasta, termasuk institusi politik—adalah tanggungjawab pemimpin itu sendiri.

Dalam sistem demokrasi, kepimpinan politik itu merujuk kepada sekumpulan pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Aktiviti politik inilah (pilihan raya) yang menentukan kedudukan pemimpin sebagai perwakilan atau ahli badan perundangan. Mereka yang dipilih itulah yang menerajui pemerintahan dan pentadbiran negara seperti Presiden atau Perdana Menteri dan ahli-ahli kabinetnya. Dalam sistem demokrasi berparlimen seperti di Malaysia, pemimpin politik (wakil rakyat) mempunyai peranan yang sangat besar dalam negara. Dalam masa yang sama mereka turut menghadapi pelbagai cabaran untuk berjaya dalam kepimpinannya. Jadi, bab ini membincangkan secara terperinci kepimpinan politik dan demokrasi

berparlimen yang telah dibincangkan serba sedikit dalam Bab I. Perbincangan dalam bab ini melihat hubungan antara kedua-dua konsep tersebut sebagai kerangka analisis dalam tesis ini. Kepimpinan politik adalah merujuk kepada wakil rakyat sebagai unit analisis dalam kajian tesis ini. Dalam menganalisis konsep kepimpinan politik, beberapa definisi serta ciri-ciri pemimpin dan kepimpinan dibincangkan secara timbal balik dalam memahami konsep kepimpinan politik itu secara mendalam.

Seterusnya, perbincangan tentang konsep demokrasi berparlimen. Analisis konsep demokrasi berparlimen membawa kepada perbincangan beberapa konsep lain seperti demokrasi, parlimen, perwakilan dan kerajaan berkabinet. Konsep-konsep ini berkait antara satu sama lain—memperlihatkan kewujudan kepimpinan politik dalam sistem demokrasi berparlimen. Oleh sebab itu, perbincangan dalam bahagian ini didahului dengan konsep demokrasi dan parlimen kerana kedua-dua konsep ini menerbitkan konsep demokrasi berparlimen yang diamalkan dalam kebanyakan negara-negara Komanwel. Demokrasi berparlimen itu menunjukkan suatu sistem politik, di mana rakyat memilih perwakilan melalui pilihan raya. Oleh sebab itu, konsep perwakilan politik turut dianalisis bagi memperkukuh perbincangan tentang konsep demokrasi berparlimen. Dalam sistem demokrasi berparlimen, parti politik yang mempunyai perwakilan majoriti dalam dewan perundangan diberi hak untuk memerintah (kerajaan) dan membentuk kabinet. Dengan itu, wujudlah konsep kerajaan berkabinet hasil daripada sistem perwakilan dalam demokrasi berparlimen yang menjadi fokus penting dalam bab ini.

2.2 ANALISIS KONSEP KEPIMPINAN POLITIK

Kepimpinan adalah isu yang sangat kompleks, di mana tidak dapat didefinisikan dalam sebaris ayat pendek seperti yang diperkatakan oleh Gibbs (2005: 22) dalam pernyataannya iaitu “...*leadership is a complex issues; it cannot be defined in one short sentence. It takes on different forms in diverse situation in which individuals demonstrate contrasting leadership traits.*” Salah seorang sarjana terkemuka dalam kepimpinan, Bernard M. Bass (1990: 40) menjelaskan kepimpinan sebagai ‘fenomena sejagat’ (*universal phenomenon*). Fenomena sejagat itu menunjukkan bahawa

kepimpinan itu wujud dalam semua keadaan sama ada organisasi itu bersifat formal atau tidak formal. Kepimpinan itu berlaku apabila adanya interaksi dan komunikasi dalam kumpulan atau organisasi yang melibatkan pemimpin dan yang dipimpin serta wujudnya pengaruh dalam hubungan antara kedua-dua pihak. Perkara ini sangat jelas seperti apa yang telah dibahaskan oleh Bass dalam definisinya tentang kepemimpinan seperti “...interaction between two or more members of a group that often involves a structuring or restructuring of the situation and the perception and expectations of the members. Leaders are agents of change—persons whose acts affect other people more than other people’s acts affect them. Leadership occurs when one group member modifies the motivation or competencies of others in the group.” Definisi yang dikemukakan oleh Bass antara lain memberi gambaran betapa besar peranan kepemimpinan dalam mempengaruhi rakyat termasuk bertindak sebagai agen perubahan dalam masyarakat dan politik—memperlihatkan kesan yang besar kesan ke atas kehidupan rakyat berbanding rakyat memberi kesan kepada kepemimpinan itu sendiri.

Bagi Jago (1982: 315) pula, kepemimpinan itu melibatkan kombinasi di antara idea tentang proses dan pemilikan seperti apa yang dinyatakan iaitu “leadership is both of a process and a property. The process of leadership is the use of non-coercive influence to direct and coordinate the activities of the members of an organized group toward the accomplishment of group objectives. As a property, leadership is the set of qualities or characteristics attributed to those who are perceived to successfully employ such influence.” Dalam hal ini, Jago menyifatkan kepemimpinan merupakan suatu proses penggunaan pengaruh yang bukan bersifat kekerasan dalam memberi arahan dan menyelaras aktiviti-aktiviti setiap ahli kumpulan secara tersusun bagi mencapai matlamat. Berkaitan soal pemilikan (*property*), kepemimpinan dilihat sebagai suatu set kualiti yang dimiliki oleh pemimpin yang berjaya menggunakan pengaruhnya secara berkesan ke atas pengikutnya. Dengan pengaruh yang dimiliki, pemimpin mampu melaksanakan kepemimpinannya dengan berkesan dari segi pentabdiran, pengurusan, motivasi, perancangan dan sebagainya seperti dapat dilihat dalam analisis Jago (1982: 316) berikut:

Leadership is not only some quality or characteristic that one possesses or is perceived to possess, it can be something that one does. It therefore can describe an act as well as a person. Leadership does not involve the use of force, coercion or domination and is not necessarily implied by the use of such title as manager, supervisor, or superior. In this respect, the definition provides a conceptual distinction between leadership processes and motivational processes, the latter being the more appropriate domain for any discussion of the administration of discretionary rewards and punishments made possible by some formal authority structure. Leadership is therefore distinct from 'supervision' or what might be termed 'headship'.

Walau bagaimanapun, kepemimpinan itu bukan semata-mata tentang soal kualiti yang dimiliki oleh pemimpin. Ia juga berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh pemimpin tersebut. Oleh sebab itu, kepemimpinan tidak semestinya melibatkan penggunaan kekerasan, paksaan dan penguasaan. Analisis Jago seperti dalam kenyataan di atas menunjukkan proses kepemimpinan dalam organisasi mempunyai unsur formaliti, di mana wujudnya elemen ganjaran, budi bicara dan hukuman. Dalam erti kata lain, kepemimpinan dalam organisasi tidak boleh dipisahkan dengan aspek motivasi dalam memberi rangsang kepada ahli-ahlinya untuk mencapai matlamat.

Sementara itu, Peele (2005: 191) pula menyarankan enam dimensi berbeza untuk memahami konsep kepemimpinan seperti ciri-ciri pemimpin; pengikut; konteks organisasi atau masyarakat; masalah-masalah yang dihadapi oleh pemimpin; teknik-teknik yang digunakan oleh pemimpin untuk mendapatkan sokongan dari segi agenda dan kedudukannya; dan kesan-kesan kepemimpinan. Dimensi-dimensi ini menunjukkan betapa luasnya peranan pemimpin misalnya dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Oleh sebab itu, Peele menekankan aspek nilai dan etika dalam kepemimpinan dan perlu adanya kesetiaan dalam kalangan pengikut terhadap pemimpinnya. Pemimpin juga perlu ada pendekatan dan teknik untuk berinteraksi dengan masyarakat dan menyelesaikan masalah mereka melalui kuasa dan pengaruh yang dimiliki. Melalui sokongan dan kesetiaan pengikut atau rakyat, pemimpin boleh mengekalkan kedudukannya pada masa hadapan.

Konsep kepemimpinan dikemukakan oleh Peele dan Jago di atas tidak banyak perbezaannya dengan apa yang diutarakan oleh Nye (2008). Nye (2008: x-xi)

mendefinisikan pemimpin sebagai “*those who help a group create and achieve shared goals. Some try to impose their own goals, others derive the them more form the group, but leaders mobilize people to reach those objectives. Leadership is a social relationship with three key components – leaders, followers, and the contexts in which they interact.*” Berdasarkan definisi ini, jelas menunjukkan peranan pemimpin untuk mencapai matlamat bersama masyarakat yang dipimpinnya. Jadi, Nye berpendapat proses kepemimpinan melibatkan hubungan sosial (*social relationship*) antara pemimpin dan pengikut—wujud interaksi antara mereka. Oleh sebab itu, kepemimpinan yang ‘baik’ dan ‘efektif’ menurut Nye melibatkan kombinasi antara kemahiran kuasa lembut (*soft power*) dan kuasa keras (*hard power*)¹⁵ serta kuasa pintar (*smart power*)—seorang pemimpin perlu ada keupayaan dan tahu bila masa yang sesuai untuk menggunakan mana-mana gabungan kemahiran tersebut. Kuasa lembut lebih bersifat pendekatan sederhana dalam sebarang tindakan dan mampu mempengaruhi orang lain untuk mengikutinya. Kuasa keras pula merupakan pendekatan yang mempunyai ganjaran dan hukuman kepada mereka yang patuh atau ingkar kepada arahan pemimpin. Jadi, kepemimpinan itu melibatkan soal hubungan dan kuasa dalam kumpulan (Nye, *ibid.*, 18).

Kepimpinan juga berkaitan dengan siapa yang jadi pemandu (*guider*) atau penerajui yang memimpin sesuatu kumpulan. Dalam hal ini, pemimpin berperanan sebagai pemandu untuk menggerakkan rakyat bagi mencipta dan mencapai matlamat bersama. Ini menunjukkan bahawa objektif yang dikongsi bersama antara pemimpin dan pengikutnya adalah penting dalam proses kepemimpinan. Sesuatu matlamat itu mungkin bermula (berasal) daripada kumpulan, tetapi kepemimpinan ada kuasa untuk menyesuaikan dan menggerakkan matlamat tersebut untuk mencapai tujuan bersama.

¹⁵ Menurut Nye (2008: x), pada praktiknya kepemimpinan yang efektif memerlukan percampuran antara kemahiran kuasa lembut dengan kuasa keras yang dipanggil kuasa pintar. Karisma atau tarikan peribadi (*personal magnetism*) merupakan salah satu dimensi penting dalam kuasa lembut, tetapi karisma sukar untuk ditumbangkan (*ibid.*, xi). Kuasa polis, kuasa kewangan dan kemampuan untuk merekrut dan memecat seseorang merupakan contoh kuasa keras yang digunakan dalam organisasi untuk mendapatkan sesuatu yang lain dan menukar kedudukan mereka. Kuasa keras bergantung kepada dorongan (*inducement*) (lobak merah) dan ancaman (kayu), di mana menunjukkan wujudnya sesuatu yang berbentuk ganjaran dan hukuman. Kuasa lembut pula adalah sebaliknya. Pemimpin boleh memperolehi sesuatu tanpa mengenakan ancaman dan pembayaran kepada orang lain hanya dengan cara menarik minat mereka terhadap sesuatu. Kuasa lembut bergantung kepada keupayaan membentuk pilihan lain selain daripada apa yang diingini (*ibid.*, 29). Kemampuan menggabungkan kuasa keras dan lembut ke dalam strategi yang berkesan merupakan kuasa pintar. Sebenarnya kuasa lembut tidak baik *per se* dan tidak selalunya lebih baik daripada kuasa keras (*ibid.*, 43).

Beberapa pemimpin bertindak dengan kuasa rasmi daripada kedudukan mereka seperti Presiden dan Pengerusi, sedangkan yang lain tanpa kuasa rasmi. Dalam perjuangan untuk kebebasan atau kemerdekaan India misalnya, Jawaharlal Nehru bertindak sebagai ketua Parti Kongres dengan kuasa rasmi, tetapi Mahatma Ghandi pada umumnya berjuang tanpa kuasa formal (*ibid.*, 19). Sementara itu, ada antara pemimpin yang dianggap sebagai pemimpin transformasi (*transformational*)¹⁶ disebabkan tindakan dan keputusan yang dibuatnya banyak mempengaruhi sistem politik bukan sahaja dalam negaranya bahkan di peringkat antarabangsa. Pemimpin transformasi muncul berdasarkan peranannya dalam membawa perubahan dalam sejarah politik dunia. Ia juga memperlihatkan kebijaksanaannya dengan menggunakan pendekatan kuasa lembut atau kuasa keras—meletakkannya sebagai pemimpin yang boleh mewujudkan kuasa pintar dalam kepimpinannya. Dalam sejarah politik Britian, bekas Perdana Menteri Margaret Thatcher dan Tony Blair dilihat sebagai pemimpin transformasi yang berjaya membawa perubahan dalam iklim politik dunia (*ibid.*, 7).

¹⁶ Antara pemimpin dunia terkenal yang dikategorikan sebagai pemimpin transformasi seperti Adolf Hitler, George W. Bush, Ronald Reagan dan Mikhail Gorbachev. Pengaruh Adolf Hitler dalam Perang Dunia Kedua begitu besar dan bersejarah dalam politik dunia berbanding transformasi. Ramai golongan ultra-nasionalis telah dibuang dari Jerman kerana tidak sehaluan dengan dasar dan pandangan Hitler ketika itu. Akan tetapi, selepas tahun 1938, Hitler telah menjadi pemimpin transformasi. Dasar kepimpinannya yang dianggap tidak bermoral dan mengambil tindakan (pilihan) yang berisiko dengan mewujudkan keadaan-keadaan yang baharu telah membawa kepada kematian berjuta-juta rakyat di dunia dan membawa kemusnahan kepada negaranya.

Sementara itu, selepas peristiwa 11 September 2001 pula, Presiden Amerika Syarikat telah bertindak balas terhadap kerajaan Taliban di Afghanistan kerana didakwa memberi perlindungan kepada kumpulan pengganas Al-Qaeda. Atas sebab itu Presiden George W. Bush telah membuat keputusan menyerang kerajaan Taliban di Afghanistan dan turut menyerang Iraq. Tindakan Bush telah mencetuskan keadaan yang tidak aman di negara Iraq dan Afghanistan dan menjadikannya pemimpin transformasi bukan hanya sekadar pemimpin yang penuh bersejarah.

Selain itu, berakhirnya perang dingin dan perpecahan Kesatuan Soviet merupakan peristiwa besar berlaku dalam abad ke-20 yang telah menyaksikan munculnya pemimpin transformasi seperti bekas Presiden Ronald Reagan (Amerika Syarikat) dan Presiden Mikhail Gorbachev (Kesatuan Soviet). Reagan dikatakan antara pemimpin Amerika Syarikat yang bertanggungjawab dalam kelemahan ekonomi negaranya kerana banyak memberi tumpuan dalam belanjawan dan peruntukan yang besar untuk kekuatan tentera bagi mengimbangi kekuatan Kesatuan Soviet yang mencetuskan perang dingin kedua-dua negara. Gorbachev telah melancarkan program *perestroika* dan *glasnot* yang direka untuk mengubah dan mengekalkan Kesatuan Soviet, tetapi sebaliknya tindakan Gorbachev tersebut telah mempercepatkan kemerosotan dan keruntuhan negara komunis berkenaan. Walau bagaimanapun, Gorbachev tidak memilih untuk menggunakan kekerasan untuk menentang keruntuhan empayar Soviet, di mana beliau (dan Boris Yeltsin) dilihat seperti mahu melihat keruntuhan segera Kesatuan Soviet. Dengan runtuhnya empayar Soviet berakhirlah perang dingin, di mana dalam perkembangan tersebut Reagan dan Gorbachev disifatkan sebagai pemimpin transformasi (dipetik Nye daripada Bernard Williams, (1981). *Moral Luck*. Cambridge, UK: Cambridge University Press, hlm. 43).

Dalam konteks organisasi, Robbins (2000: 250) menyifatkan pemimpin adalah merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menentukan arah tuju, visi, misi dan masa depan organisasi. Pemimpin yang cekap mampu menghubungkan visi dan matlamat organisasi untuk mengatasi rintangan yang timbul melalui kemahiran kepimpinan seperti yang disarankan oleh Nye (2008) di atas. Namun, pemimpin tidak boleh bergantung kepada kemahiran semata-mata, tetapi perlu ada kekuatannya tersendiri. Dengan kata lain, pemimpin perlu ada kekuatan atau energik supaya mampu melaksanakan operasi organisasi dengan stabil (Schermerhorn, Hunt & Osborn, 2003: 287). Gabungan antara kemahiran dan kekuatan menjadikan pemimpin itu cukup berpengaruh dalam mencapai matlamat diri dan organisasi yang diterajunya. Pemimpin juga perlu ada cita-cita dan keperluan tinggi untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian supaya visi, misi, matlamat dan perancangan dapat dicapai dengan jayanya.

Dengan kata lain, kepimpinan itu menunjukkan keupayaan pemimpin dalam mempengaruhi orang lain untuk melakukan sesuatu walaupun tidak disukai (Hodgetts, 2002: 488; dan Ruscio, 2004). Hal ini kerana kepimpinan melibatkan soal penggunaan kuasa. Pemimpin menggunakan kuasa, pengaruh dan autoriti untuk mengawal pengikut atau rakyat. Proses ini menunjukkan tahap keupayaan atau kebolehan seorang pemimpin. Selain itu, kepimpinan juga tentang usaha pemimpin memujuk orang ramai untuk melakukan sesuatu (Ruscio, 2004). Keupayaan mempengaruhi orang lain berkait dengan karisma, autoriti dan kepintaran yang dimiliki oleh pemimpin berkenaan. Oleh sebab itu, dalam sesetengah keadaan, pengikut atau rakyat menjadi begitu taksud dan ghairah terhadap seseorang pemimpin hingga sanggup berkorban apa sahaja demi pemimpin tersebut.

Burns (1978: 425) pula mendefinisikan kepimpinan sebagai *“leadership is the reciprocal process of mobilizing, by persons with certain motives and values, various economic, political, and other resources, in a context of competition and conflict, in order to realize goals independently or mutually held by both leader dan followers.”* Burns memberi fokus terhadap dua perkara penting tentang peranan pemimpin, iaitu: (i) matlamat ke arah perubahan; dan (ii) interaksi dengan para pengikut. Dalam hal ini,

kepimpinan dilihat sebagai proses komunikasi dua hala antara pemimpin dan pengikut dengan motif tertentu. Hubungan dan interaksi antara kedua-dua pihak wujud dalam aktiviti ekonomi, politik, sosial dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam proses komunikasi dan interaksi tersebut boleh berlaku persaingan dan konflik antara kedua-dua pihak dalam mencapai matlamat masing-masing.

Interaksi antara pemimpin dan pengikut merupakan elemen penting dalam kepemimpinan. Interaksi itu perlu terkawal untuk mengelak konflik dalam usaha mencapai matlamat kepemimpinan itu sendiri. Jika komunikasi dan interaksi itu gagal, pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Atas sebab itu, pemimpin politik dikatakan sebagai agen penyebab berlakunya sesuatu perkara. Jadi, Burns menjelaskan bahawa pemimpin dan kepemimpinan itu adalah penyebab berlakunya fenomena umum dalam masyarakat dan negara. Ia berkait dengan fenomena kuasa yang digunakan oleh pemimpin. Dalam hal ini, Burns mengatakan proses kepemimpinan itu melibatkan bagaimana kuasa digunakan oleh pemimpin dan motif antara pemilik atau pengguna kuasa (*power wielder*) dan penerima kuasa (*power recipients*). Motif antara pengguna dan penerima kuasa adalah berbeza dalam proses kepemimpinan. Pemilik kuasa berusaha untuk mendapatkan perakuan daripada penerima kuasa, sedangkan penerima kuasa pula hanya berkeinginan supaya tidak diseksa atau ditindas oleh yang berkuasa.

Analisis Burns tentang kuasa dan kepemimpinan memberi petunjuk bahawa kuasa adalah interaktif yang menjelaskan fungsi motif antara pemilik kuasa (pemimpin) dan penerima kuasa (rakyat). Oleh sebab itu, kuasa perlu pengiktirafan seperti dalam sistem demokrasi. Jika mendapat pengiktirafan, maka kuasa itu dianggap sebagai fenomena interaktif. Justeru itu, menurut Burns, kepemimpinan itu dilihat sebagai manifestasi daripada fenomena kuasa dalam proses kepemimpinan. Dalam hal ini, sifat interaksi dalam kepemimpinan adalah berbeza. Interaksi dalam kepemimpinan berlaku apabila motif antara pemilik kuasa (pemimpin) dan penerima kuasa (rakyat) bukan sahaja saling berkait, tetapi ia perlu sepadan dan bersesuaian antara satu sama lain. Dengan kata lain, kedua-dua belah pihak mempunyai motif atau mahukan perkara yang sama setidaknya dalam hal-hal umum, di mana sangat jelas menunjukkan kepemimpinan tidak dapat dipisahkan daripada keperluan dan matlamat antara pemimpin dan pengikutnya.

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, ternyata konsep kepemimpinan tidak dapat diuraikan dalam sebaris ayat pendek (Gibbs, 2005). Melalui pelbagai definisi yang telah dibincangkan, konsep kepemimpinan dapat difahami dengan lebih mendalam. Bass (1990) misalnya melihat kepemimpinan sebagai fenomena sejagat yang boleh wujud dalam organisasi formal dan tidak formal. Sementara itu, Jago (1982) menekankan proses kepemimpinan dalam konteks hubungan pemilik kuasa (pemimpin) dan penerima kuasa (rakyat), di mana kepemimpinan perlu ada kualiti tertentu dalam melaksanakan kuasanya. Hal ini (ciri-ciri kepemimpinan) turut menjadi penekanan dalam perbincangan Peele (2005). Nye (2008) dan Robbins (2000) pula memfokuskan kepada peranan kepemimpinan dalam mencapai matlamat (misi dan visi) organisasi. Semua matlamat dan motif di atas dapat dicapai jika pemimpin memiliki kekuatan dan mendapat sokongan kuat daripada pengikutnya (Schermerhorn, Hunt & Osborn, 2003). Oleh sebab itu, pemimpin mesti berupaya untuk mempengaruhi orang lain sama ada mereka suka atau tidak bagi mencapai matlamatnya (Hodgetts, 2002). Untuk tujuan itu, pemimpin mesti berupaya memujuk pengikutnya dan rakyat untuk patuh kepadanya (Ruscio, 2004). Justeru itu, Burns (1978) menyatakan pemimpin dan kepemimpinan berperanan sebagai agen perubahan dan mobilisasi dalam masyarakat.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, bolehkah ia digunakan dalam memahami konsep kepemimpinan politik? Adakah ciri-ciri kepemimpinan yang dikemukakan itu menepati ciri-ciri kepemimpinan politik wakil rakyat di Malaysia? Analisis awal pengkaji mendapati konsep kepemimpinan politik seperti dibincangkan di bawah tidak jauh bezanya dengan definisi-definisi kepemimpinan yang telah dibincangkan di atas. Cuma ia memberi penekanan lebih kepada aspek politik yang banyak tertumpu kepada perkembangan dalam institusi atau organisasi politik. Hal ini sangat jelas dalam ungkapan Tony Blair bekas Perdana Menteri Britain (Simmon, 2011) seperti:

Leadership is a key factor in any large organisation. This is specially true in the public sector – where leaders are being asked to deliver more modern, efficient and dynamic services at a time of great social and technological change. I value the tremendous job being done by leaders in our hospitals and schools, local authorities and elsewhere. But I want to see more being done to develop and support effective leadership across the public sector as a whole. (hlm. 540)

Kenyataan Blair di atas menunjukkan peranan penting kepimpinan (termasuk kepimpinan politik) dalam pembangunan dan kemajuan negara. Dalam hal ini, kepimpinan politik mempunyai tanggungjawab yang besar khususnya melalui sektor awam untuk memberikan perkhidmatan yang lebih moden, cekap, berkesan dan terbaik kepada rakyat dalam perkembangan sosial yang kian kompleks dan kemajuan teknologi yang semakin hebat dari semasa ke semasa. Berhubung hal ini, dalam kajian tesis ini menunjukkan bahawa wakil rakyat itu adalah pemimpin politik yang telah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya walaupun berstatus calon Bebas.

Sementara itu, Wan Mohd. Mahyiddin (1996: 88) menjelaskan pemimpin politik ialah individu yang telah dipilih oleh rakyat dan berjuang bagi menegakkan kuasa politik. Pemimpin politik menurutnya lagi menganggap diri mereka dalam sistem politik yang sedia ada adalah orang yang paling layak untuk menentukan arah tuju masyarakat berbanding kumpulan-kumpulan lain dalam negara. Di pihak rakyat pula, mereka menganggap pemimpin politik sebagai pembela nasib dan masa hadapan mereka. Pemimpin sebagai tempat mereka untuk mengadu apabila menghadapi kesusahan. Atas kehendak dan keperluan itulah pemimpin politik seperti wakil rakyat berperanan dalam memperjuang dan membela nasib rakyat. Tidak mustahil dalam sosio-politik Malaysia, terdapat pemimpin politik yang lebih mengutamakan kepentingan rakyat dalam perjuangannya.

Bagi Dion (2011: 750), kepimpinan politik merupakan proses yang sukar difahami seperti dalam kenyataan berikut:

Political leadership represents but one of the many categories of leadership, and it is a most elusive one at that. To understand it, we must probe the general concept of leadership – unfortunately one of the many uncertain categories in social science. Concern about leadership extends far back into the history of social thought, and conceptions of it have fluctuated from the hero concept to that the leadership of the Common Man. Today, views on leadership are more ambiguous than ever. On the one hand two world wars and the tragedy of fascism-nazism have created a widespread mistrust of leaders, but on the other hand, the increasing complexity of society today produces a widespread demand for leaders.

Penjelasan Dion di atas menunjukkan kepemimpinan politik itu suatu kedudukan dan fenomena yang sukar difahami. Untuk memahaminya, ia perlu disiasat berdasarkan konsep umum kepemimpinan itu sendiri. Malangnya, kepemimpinan menurut Dion merupakan salah satu aspek yang tidak menentu dalam bidang sains sosial. Jadi, kebimbangan tentang kepemimpinan melangkaui aspek sejarah pemikiran sosial dan ketamadunan manusia. Namun, kini pandangan tentang kepemimpinan lebih jelas berbanding sebelum ini. Misalnya, ketika Perang Dunia Kedua dan kemunculan ideologi fasisme-nazisme telah mewujudkan ketidakpercayaan yang sangat meluas terhadap pemimpin politik ketika itu. Kini kerumitan semakin meningkat untuk memahami proses dan peranan kepemimpinan politik dalam masyarakat yang terhasil daripada permintaan yang semakin meluas kepada pemimpin. Oleh sebab itu, perubahan berlaku dari segi sifat dan keadaan kepemimpinan politik disebabkan evolusi sosial. Dari segi sejarahnya, kepemimpinan itu berlaku melibatkan aspek persanakan, pertubuhan, kasta, rumah ibadat seperti gereja dan keluarga pada masa lalu. Kini kepemimpinan telah berkembang dan dapat dilihat dalam organisasi-organisasi berskala besar, kumpulan-kumpulan sukarela dan media komunikasi termasuklah institusi-institusi politik itu sendiri.

Sementara itu, Haus dan Sweeting (2006: 270) mendefinisikan kepemimpinan politik seperti:

Political leadership is not 'good' in itself, but can be judged in relation to the function it serves within a political order. What good leadership is can thus not be defined independently from a particular initiative it helps to realise or a general set institutions it helps to sustain. Nevertheless, what can be specified is the requirement of leadership in solving the dilemmas within many process of collective action and thus in producing results and social order which can then evaluated. For example, if we take Jon Elster's description of the dilemmas of collective action in cooperative games (Elster, 1989), political acting as political or norm entrepreneurs may help to solve these dilemmas by (1) influencing the incentive structure; (2) interpreting social norms; and (3) focusing awareness on particular goals.

Daripada definisi di atas, kepemimpinan politik boleh dinilai dari segi fungsinya dalam sistem politik walaupun ada ketikanya kepemimpinan politik itu dikatakan tidak

'baik'. Apa yang penting dalam proses kepemimpinan adalah tentang usaha yang dilakukan oleh pemimpin untuk menyelesaikan setiap isu dan masalah dalam masyarakat secara kolektif. Tindakan yang dilakukan itu dapat menghasilkan keputusan dan peraturan sosial yang boleh dinilai termasuklah mempengaruhi rakyat.

Selain itu, Stone (dipetik Haus & Sweeting, 2006: 270) berpendapat bahawa tiada satu pun teori yang benar-benar kukuh dalam mengkaji kepemimpinan politik. Malahan, tiada satu pun definisi kepemimpinan politik yang boleh diterima secara sejagat (*universal*). Apa yang jelas, kepemimpinan politik adalah suatu proses dan tindakan secara kolektif untuk mencapai sesuatu matlamat. Bagi mencapai hasrat ini, kepemimpinan politik memerlukan ketaatan daripada pengikut atau rakyat yang bukan semata-mata berkaitan dengan soal perintah dan hierarki yang wujud dalam organisasi. Sebaliknya, kepemimpinan politik boleh difahami sebagai suatu usaha sistematik melalui institusi tertentu (misalnya parti politik dan kerajaan) yang diperuntukkan sumber tertentu dan diberi harapan untuk melakukannya bagi mencapai matlamat yang diinginkan.

Oleh sebab itu, keperluan kepemimpinan tidak terhad kepada golongan yang berjawatan atau memiliki kedudukan rasmi dalam kepemimpinan politik, tetapi ia menjadi matlamat setiap pihak khususnya ahli-ahli parti politik mahupun barisan pentadbiran kerajaan. Justeru itu, kedudukan kepemimpinan politik dalam sesetengah keadaan dilihat begitu kritikal disebabkan banyak cabaran dan isu yang wujud. Dalam hal ini, Haus dan Sweeting (2006: 270) menjelaskan perlu ada kawalan dari segi akauntabiliti dan tadbir urus dalam soal kepemimpinan dan transformasi institusi-institusi kerajaan demi memastikan kepemimpinan itu berada di landasan yang tepat untuk mencapai matlamat kepemimpinan yang sebenar. Justeru itu, dalam sistem demokrasi, kepemimpinan politik melibatkan interaktif antara pemimpin dengan persekitarannya seperti hubungan dengan pentadbiran untuk mencapai objektif dan nilai-nilai politik, menggerakkan setiap rakyat untuk mencapai visi politik dan mewujudkan interaksi dan persefahaman bersama bagi membentuk rangkaian politik dengan institusi-institusi lain dalam negara.

Untuk mencapai matlamat kepemimpinan politik seperti yang disarankan di atas, Haus dan Sweeting (2006); dan Fairholm (2004 dan 2009) menyarankan agar pemimpin

perlu ada perancangan dan pemikiran strategik untuk masa hadapan. Justeru itu, Fairholm mengemukakan lima perspektif kepimpinan strategik, iaitu:

a) Kepimpinan sebagai pengurusan (saintifik)

Kepimpinan politik dilihat sebagai pengurusan saintifik, di mana pemimpin perlu mempunyai perancangan strategik dan mampu mengawal keadaan dalam organisasi supaya proses, output dan nilai yang bersifat rutin dan norma dalam organisasi (termasuk sistem politik) dapat dilaksanakan dan mencapai matlamatnya. Perspektif ini memberi fokus terhadap perancangan strategik pemimpin ke arah peningkatan kecekapan dan keberkesanan kepimpinannya untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Atas sebab itu, proses kepimpinan politik dianggap sebagai sebahagian daripada aspek pengurusan saintifik.

b) Kepimpinan sebagai pengurusan cemerlang

Dengan andaian yang sama seperti perspektif di atas. Perspektif ini pula melihat kemampuan pemimpin untuk mengawal setiap perkembangan dan keadaan yang berlaku dalam organisasi. Ahli-ahli digalakkan untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan dalam proses kepimpinan bagi membantu pemimpin untuk membentuk pengurusan yang cemerlang. Hal ini hanya boleh dicapai dengan perancangan strategi dan komitmen semua pihak. Jika pemimpin dapat membangunkan perancangan strategik yang baik dan mencapai matlamatnya, ia sebenarnya melahirkan kepimpinan dan pengurusan yang cemerlang.

c) Kepimpinan sebagai aktiviti penggantian nilai

Perspektif ini melihat proses kepimpinan sebagai aktiviti penggantian nilai dalam organisasi. Di sini pemimpin memainkan peranan penting dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan ahli mahupun pengikut bagi mencapai matlamat organisasi. Usaha ini boleh dilakukan secara berkesan melalui perancangan strategik pemimpin dalam menerapkan nilai

dan budaya organisasi yang baik dalam kalangan ahli atau pengikut, di samping dapat mengekalkan kepercayaan bersama.

d) Kepimpinan dalam budaya amanah

Kepimpinan juga berkait dengan soal amanah dalam kalangan pemimpin. Keupayaan pemimpin untuk mengekalkan kepercayaan bersama dan melaksanakan tanggungjawab secara jujur dan cekap dapat membentuk budaya amanah dalam kepimpinan. Jadi, pendekatan strategik dilihat sangat penting ke arah membentuk persekitaran dan budaya organisasi yang baik, di mana akhirnya dapat melahirkan kepimpinan yang baik dan terpuji.

e) Kepimpinan berasaskan jiwa (rohani)

Selain soal amanah, nilai murni, kecemerlangan dan pengurusan yang cekap dan berkesan, kepimpinan juga melibatkan soal kerohanian atau jiwa. Setiap pemimpin mesti ada keperluan rohani atau jiwa yang bersih untuk menjadi teladan yang baik dalam kalangan pengikutnya. Dengan cara itu, ia dapat meletakkan pemimpin itu di landasan yang tepat sebagai pemimpin yang berintegriti dan mampu mengurus hal ehwal dan perkembangan organisasi secara berkesan dan cekap melalui pendekatan strategik untuk diterapkan dalam jiwa dirinya dan pengikutnya. Oleh sebab itu, pemimpin perlu komited ke arah penyuburan dan permurnian jiwa setiap ahli dan pengikutnya dalam melahirkan kepimpinan yang berkualiti dan cemerlang.

Selain pendekatan strategik, kepimpinan tidak boleh dipisahkan daripada soal etika. Secara mudahnya, pemimpin adalah '*role model*' untuk menjadi teladan yang baik kepada pengikut dan rakyat yang dipimpinya. Oleh sebab itu, jika timbul isu berkaitan etika dalam kalangan pemimpin politik, ia sentiasa menjadi tumpuan utama banyak pihak. Pengabaian soal etika, boleh memberi kesan besar ke atas kepimpinan. Justeru itu, Kacmar, Andrews, Harris dan Tepper (2011: 33) menjelaskan bahawa pemimpin perlu memaparkan etika yang baik dan sesuai dengan norma yang diterima pakai dalam organisasi. Atas sebab itu, Mayer, Kuenzi dan Greenbaum (2010); dan Piccolo, Greenbaum, Den Hartog dan Folger (2010) berpendapat kepimpinan yang

beretika mampu menghasilkan kesan positif dalam organisasi ke arah pembentukan tingkah laku yang baik dan murni dalam kalangan pengikut atau rakyat.

Justeru itu, setiap pemimpin perlu mengukuhkan etika masing-masing dalam membentuk kepimpinan yang berkesan dan cemerlang. Ketaatan pengikut dan rakyat kepada pemimpin yang beretika juga tinggi. Kepimpinan yang beretika mempunyai pengaruh ke atas pengikutnya. Hal ini dapat dilihat dalam ulasan Brown dan Trevino (2006) seperti “...*ethical leadership largely influences followers’ behaviors by establishing ethical standards and communicating them to employees.*” Jadi, dalam apa juga situasi dan kedudukannya, kepimpinan yang beretika sangat penting dalam pemerintahan dan pentadbiran. Hal ini kerana pemimpin mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk tingkah laku dan bertindak sebagai agen sosialisasi ke atas rakyat atau pengikutnya. Jadi, kepimpinan yang beretika mendahulukan kepentingan rakyat berbanding kepentingan dirinya.

Hakikatnya, peranan kepimpinan sangat luas. Oleh sebab itu, pemimpin perlu ada wawasan untuk dicapai dalam kepimpinannya hingga ke peringkat antarabangsa dan global. Kepimpinan juga perlu melihat ke arah masa hadapan bukan sejarah semata-mata. Perkara ini begitu jelas dalam apa yang digambarkan oleh Srinivasan (2013: 151) seperti “*the political leadership of the future must have this integral and global vision of individual and national development and must able to provide a strategic thrust to the national evolution based on this vision.*” Justeru itu, pemimpin politik mesti mampu menyediakan teras atau pelan strategik untuk mencapai matlamat dan wawasannya. Apakah tugas utama pemimpin politik? Bagaimanakah keadaannya di Malaysia? Menurut Srinivasan, antara tugas utama pemimpin politik adalah untuk mengekalkan hubungan baik dengan rakyat dan mewujudkan kerjasama dengan negara-negara lain. Selain itu, pemimpin perlu memiliki perancangan strategik khususnya dalam bentuk hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa. Jika peranan tersebut dapat dilaksanakan, pemimpin itu mampu memberi pelbagai manfaat kepada negara dan rakyat.

Apa yang dapat dirumuskan dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa pemimpin politik itu mempunyai kewajibannya—dikatakan kewajiban politik (*political obligation*). Bukan hanya rakyat mempunyai kewajiban kepada pemimpin, tetapi begitu juga sebaliknya. Kewajiban politik rakyat merujuk kepada kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala, pemimpin mempunyai kewajiban politik kepada rakyat terutama dalam pelaksanaan dasar yang dapat memberi manfaat kepada rakyat. Kepatuhan itu sendiri menurut van Erp (2013: 110) merupakan kewajiban politik dalam kalangan pemimpin. Kewajiban politik pemimpin adalah untuk mempertahankan negara dalam peperangan, menegakkan keadilan dan rela berkorban demi negara walaupun terpaksa membahayakan nyawanya sendiri. Oleh sebab itu, tanggungjawab dan kewajiban politik termasuklah soal memperbaiki sistem politik itu sendiri ke arah yang lebih baik dan sempurna seperti yang ditetapkan dalam undang-undang (van Erp, 2013: 111).

Selain itu, kepimpinan politik boleh difahami melalui pendekatan deskriptif (*descriptive*) dan preskriptif (*prescriptive*) (Lussier & Achua, 2010: 173). Dari perspektif deskriptif, peranan kepimpinan itu dilihat berdasarkan kedudukan pemimpin berkenaan. Jika kepimpinan itu dilihat sebagai suatu proses, ia merujuk kepada prespektif preskriptif. Perbandingan antara perspektif deskriptif dan preskriptif boleh dilihat dari segi kepimpinan Adolf Hitler dan Martin Luther King Jr. Hitler ialah pemimpin politik terkemuka Jerman dan merupakan ketua negara tersebut yang terlibat secara langsung dalam Perang Dunia Kedua. Hitler memainkan peranan yang besar dalam peperangan tersebut dan terkenal dengan dasar yang dilakukannya dalam pembunuhan besar-besaran kaum Yahudi. Tindakan Hitler itu tidak selaras dengan peranan dan tanggungjawabnya sebagai pemimpin politik dan ketua negara Jerman pada ketika itu. Atas sebab itu, Hitler tidak boleh dianggap sebagai pemimpin rakyat kerana tidak menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang rasional dan bijaksana. Hitler mengamalkan pemerintahan bersifat kuku besi dan tidak menunjukkan teladan yang baik kepada rakyatnya. Dengan kata lain, Hitler dikatakan pemimpin yang tidak bermoral demi cita-cita politiknya untuk menguasai dunia. Sementara itu, Luther King

Jr.¹⁷ merupakan seorang pemimpin aktivis sosial yang berjuang untuk menegakkan keadilan sosial di Amerika Syarikat. Luther King Jr. dikatakan pemimpin yang bermoral tinggi berbanding Hitler. Antara Hitler dan Luther King, mereka menunjukkan perbezaan antara pemimpin bermoral dan tidak bermoral yang dinilai dari segi tindakan dan keputusan yang mereka buat dalam melaksanakan kepimpinan masing-masing. Jadi, peranan dan kedudukan Hitler sebagai pemimpin politik utama dan ketua negara Jerman menunjukkan ciri kepimpinan deskriptif. Sebaliknya, melalui kedudukannya itu Hitler telah terlibat dalam Perang Dunia Kedua dan membuat keputusan menghapuskan kaum Yahudi menunjukkan ciri-ciri kepimpinan preskriptif. Sedangkan Luther King Jr. hanya menunjukkan ciri-ciri kepimpinan deskriptif kerana kedudukan hanya sebagai aktivis sosial dan tidak mempunyai kuasa untuk melakukan sesuatu seperti apa yang telah dilakukan oleh Hitler.

Perbezaan antara kepimpinan deskriptif dan preskriptif boleh dinilai berdasarkan autoriti (kewibawaan) dan kuasa. Autoriti merujuk kepada kedudukan (deskriptif) seorang pemimpin yang membolehkannya untuk melakukan sesuatu dengan kuasa yang dimiliki atau diperolehinya (preskriptif). Berdasarkan kedua-dua unsur ini—deskriptif dan preskriptif—proses kepimpinan politik menunjukkan suatu bentuk tingkah laku atau jenis (gaya) kepimpinan dan tindakan yang dilakukan oleh pemimpin yang mempunyai kuasa dan autoriti. Pemimpin menggunakan autoriti dalam proses kepimpinannya yang boleh menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang baik atau buruk dari segi bagaimana pemimpin itu menggunakan kuasanya. Oleh sebab itu, kuasa dikatakan bukanlah sesuatu yang baik dan tidak pula buruk kecuali ia melibatkan bagaimana (cara dan pendekatan) seorang pemimpin itu menggunakan kuasa yang dimilikinya. Jika kuasa digunakan cara yang betul dan disukai oleh rakyat, maka baiklah kepimpinan seseorang pemimpin itu. Sebaliknya, jika kuasa disalahgunakan demi kepentingan

¹⁷ Martin Luther King Jr. merupakan seorang aktivis sosial yang banyak berjuang menentang ketidakadilan yang dilakukan oleh pemerintah di Amerika Syarikat pada awal tahun 1960an. Beliau berjuang menegakkan hak asasi dan keadilan dalam masyarakat Amerika Syarikat terutama ketidakadilan yang dilakukan oleh kerajaan terhadap golongan Afrika-Amerika. Disebabkan terlibat dalam demonstrasi bagi membantah ketidakadilan di Birmingham, Alabama menyebabkan Luther King dipenjarakan selama 11 hari. Beliau terkenal dengan esainya yang bertajuk "*Letter from Birmingham City Jail*" yang telah ditulis semasa dalam penjara pada April 1963. Untuk keterangan lanjut, lihat King, M. L. Jr. (1991). "*Letter from Birmingham City Jail*." Dlm. Bedau, H. A. (ed.). *Civil Disobedience in Focus*. London: Routledge (hlm. 68-84).

peribadi dan menimbulkan kesukaran dalam kalangan rakyat, maka buruklah kepimpinan tersebut. Oleh sebab itu, pemimpin misalnya dalam sistem demokrasi perlu bertindak mengikut prinsip-prinsip demokrasi, nilai dan etika yang baik. Jika nilai dan prinsip tersebut menjadi pegangan dan amalan, pemimpin politik itu dipercayai dapat membangunkan masyarakat dan negara dengan baik. Dari segi moralnya, pemimpin tersebut dikatakan telah menggunakan kuasa yang dimilikinya secara sah dan sesuai dalam kepimpinannya. Justeru itu, perbincangan tentang kepimpinan politik memperlihatkan bagaimana kuasa dan autoriti itu dilaksanakan sama ada secara formal dan tidak formal atau secara sah dan tidak sah.

Apabila kepimpinan difahami sebagai suatu proses (preskriptif) dan bukannya sebagai kedudukan (deskriptif), ia memperlihatkan bagaimana pemimpin melaksanakan kepimpinannya dalam negara. Oleh itu, penggunaan kuasa dan autoriti dalam sistem politik boleh membantu untuk proses kepimpinan sama ada bersifat deskriptif atau preskriptif. Hal ini juga memberi gambaran yang jelas tentang misi dan visi pemimpin tersebut yang menjadi cita-cita setiap pemimpin untuk mencapai kejayaan dalam kepimpinannya. Tanpa kuasa dan autoriti mustahil proses (preskriptif) kepimpinan dan penggunaan kedudukannya (deskriptif) sebagai pemimpin dapat direalisasikan. Selain kuasa dan autoriti, dalam kepimpinan politik juga menyentuh tentang hak, keperluan, kehendak, matlamat dan sebagainya khususnya di pihak rakyat. Dalam sistem politik demokrasi seperti di Malaysia, hak dan kuasa rakyat adalah untuk memilih pemimpin dan pemerintah yang dapat mewakili suara mereka melalui pilihan raya. Pilihan rayalah yang digunakan dalam memberi kuasa (kedudukan) kepada pemimpin bagi melaksanakan autoriti dalam kepimpinannya.

Selain itu, terdapat beberapa jenis kepimpinan (politik). Pada umumnya, tiga jenis kepimpinan politik yang lazim dibincangkan dewasa ini. Antaranya, iaitu:

a) Kepimpinan karismatik

Sejarah menunjukkan terdapat pemimpin yang baik dan teruk yang dikatakan berkarisma. Mahatma Ghandi (India) dan Adolf Hitler (Jerman) merupakan pemimpin berkarisma dalam tahun 1930an. Sementara itu,

Martin Luther King Jr. dan George Wallace (Gabenor Alabama) juga dikatakan pemimpin berkarisma dalam tahun 1960an. Tony Blair bekas Perdana Menteri Britian juga dikatakan pemimpin berkarisma (Nye, 2008: 54). Pemimpin berkarisma memiliki suatu sifat yang sangat disanjung dan dihormati oleh para pengikut dan rakyat yang dipimpinnya walaupun ia pemimpin yang teruk dari segi tindakan dan keputusan yang dibuatnya. Menurut Bell (2011: xxvi), karisma itu merupakan suatu kemahiran yang dimiliki oleh pemimpin yang banyak dikaitkan dengan personalitinya walaupun adakalanya pemimpin berkarisma boleh membawa bencana dalam sistem politik.

Kepimpinan berkarisma kerap dibincangkan oleh para sarjana yang bertitik tolak daripada teori jenis unggul (*ideal types*)¹⁸ yang dikemukakan oleh Max Weber. Weber menyatakan bahawa pemimpin berkarisma¹⁹ wujud dalam masyarakat kerana ciri-ciri istimewa yang ada pada dirinya walaupun adakalanya pemimpin berkenaan menjadi tomahan dalam kalangan pengikutnya sendiri (Bell, 2011: xxvi). Oleh sebab itu, pemimpin seperti Ghandi, Hitler, Luther King Jr. dan Wallace dikatakan memiliki kuasa ‘luar biasa’ (sebagai hero, ada keajaiban) dalam mengekalkan pengaruh dan kuasanya. Pemimpin berkarisma kerap menggunakan kuasa lembut dan kuasa keras dalam tindakan yang diambil. Pemimpin berkarisma tidak boleh dicipta dan ditiru oleh pemimpin lain walaupun ada pihak yang berfikiran sebaliknya. Dalam proses kepemimpinan, karisma pemimpin banyak

¹⁸ Max Weber terkenal dengan ideanya tentang kepemimpinan berdasarkan jenis unggul (*ideal types*). Tiga ciri kepemimpinan unggul yang dikemukakan oleh Weber iaitu karisma, tradisional dan sah rasional (*legal rational*). Kepimpinan karismatik wujud di atas nilai-nilai unggul yang dimiliki oleh seseorang itu yang disifatkan sebagai berkarisma hingga mampu menarik sokongan dan kepatuhan rakyat kepadanya. Selain karisma, dalam teori jenis unggul, Weber turut menjelaskan bahawa kepemimpinan itu juga boleh berlaku secara tradisional, di mana pemimpin itu mewarisi kuasa dan autoriti daripada ahli keluarganya untuk menjadi pemerintah. Manakala ciri kepemimpinan sah rasional pula memperlihatkan kemunculan pemimpin itu disebabkan oleh faktor kelayakan dan keupayaan yang dimilikinya. Untuk keterangan lanjut, lihat perbincangan Elcock, H. (2001). *Political Leadership*. Cheltenham, UK: Edward Elgar (hlm. 28-30); dan Blondel, J. & Thiébault, J. 2010. *Political Leadership, Parties and Citizens: The Personalisation of Leadership*. London: Routledge (hlm. 43-47).

¹⁹ Untuk keterangan lanjut, lihat Bell (2011: xxv-xxvii) yang telah mengupas tentang teori kepemimpinan karismatik yang diutarakan oleh Weber.

memfokuskan kepada usaha pemimpin berkenaan dalam menangani konflik dan krisis yang berlaku pada era atau zaman keagungannya. Oleh sebab itu, Bell (2011) menyatakan bahawa tiada krisis, maka tiada karisma. Jadi, untuk menyelesaikan krisis, ia memerlukan kepimpinan yang berkarisma.²⁰

b) Kepimpinan transformasional

Pemimpin berkarisma juga dikatakan memiliki ciri-ciri transformasional. Oleh sebab itu, pemimpin transformasi²¹ dalam proses kepimpinannya mampu mencipta dan mengubah sejarah dunia (Nye, 2008: 7). Pemimpin transformasi²² sentiasa berusaha meningkatkan sokongan bagi dirinya dan dan memperkasa kepimpinannya. Pemimpin jenis ini banyak menggunakan kuasa pintar terutama dalam menangani konflik dan krisis yang berlaku dalam negara dengan meniupkan semangat dan kesedaran dalam kalangan rakyat dan pengikutnya untuk mempercayai kepimpinannya dan mentransformasikan mereka melalui dasar-dasar yang dilaksanakan. Oleh sebab itu, pemimpin transformasi mempunyai misi dan visinya tersendiri dalam memperkukuh kepimpinannya. Koehler dan Pankowski (1997: 41) menyatakan kepimpinan transformasi bermula dengan wawasan (visi). Justeru itu, pemimpin transformasi bijak menggerakkan kuasanya (kuasa pintar) untuk membawa perubahan dalam kalangan pengikutnya ke arah yang lebih ideal atau unggul dan bermoral tinggi berbanding sikap takut, tamak dan perasaan benci. Dalam masa yang sama, pemimpin transformasi sentiasa mendorong pengikutnya untuk meningkatkan kepentingan diri demi mencapai sesuatu yang lebih baik pada masa hadapan dalam konteks hubungan dalam organisasi mahupun sistem politik.

²⁰ Beberapa contoh pemimpin berkarisma seperti Abu Musab al-Zarqawi (pemimpin kontemporari yang telah dibunuh di Iraq dalam tahun 2006 yang dikatakan pemimpin pengganas yang berpengaruh), Osama Laden (pengaruhnya telah berkembang secara global dalam menerajui pergerakan Al Qaeda), Nelson Mandela (bekas Presiden Afrika Syarikat yang berjuang menentang dasar *apartheid*) dan ramai lagi (Nye, 2008: 53-61).

²¹ Pendekatan baharu kepimpinan banyak memberi tumpuan kepada kepimpinan berkarisma dan kepimpinan transformasi yang merupakan paradigma yang dominan sejak awal 1980-an (Nye, 2008: 22).

²² Untuk keterangan lanjut tentang kepimpinan transformasi, lihat Koehler, J. W. & Pankowski, J. M. (1997). *Transformational Leadership in Government*. Delray Beach, Florida: St. Lucie Press.

Antara contoh pemimpin politik transformasi seperti Lyndon Johnson²³ (Amerika Syarikat), Mu' ammar Qaddafi (Libya), George W. Bush (Amerika Syarikat), Margaret Thatcher (Britian) dan ramai lagi (Nye, 2008: 53-61). Pemimpin-pemimpin ini dilihat telah berjaya membawa perubahan dan transformasi dalam kepimpinan masing-masing melalui dasar-dasar yang diperkenalkan walaupun banyak menerima kritikan daripada rakyat mahupun pengikutnya sendiri. Misalnya Gaddafi sebagai Presiden Libya telah berjaya menyakinkan rakyatnya tentang dasar dan program transformasi pembangunan di negaranya. Dengan kata lain, kepimpinan transformasi boleh mewujudkan dasar yang bersifat radikal. Oleh sebab itu, pemimpin transformasi mesti memiliki ciri-ciri seperti: (i) pengaruh yang unggul, di mana pemimpin disifatkan sebagai model dan simbol kepada pengikutnya; (ii) menjadi inspirasi kepada orang bawahan untuk mencapai sesuatu matlamat; (iii) rangsangan intelektual, di mana berperanan dalam mewujudkan dan menggalakkan idea-idea baharu dalam penciptaan dan melakukan sesuatu; dan (iv) pertimbangan individu terhadap motif dan perasaan pengikut (Elcock, 2001: 93).

c) Kepimpinan transaksional

Pemimpin transaksi menerima dan bekerja dalam struktur politik yang sedia ada (Gardner, 1990: 122). Bagi pemimpin transformasi, mereka sentiasa menyeru dan memberi motivasi kepada pengikutnya agar terus berusaha meningkatkan kepentingan diri terutama ke arah mencapai matlamat masing-masing (Burns & Dunn, 2002). Sebaliknya pemimpin transaksi pula menggunakan pelbagai pendekatan dalam proses kepimpinannya, di mana banyak bergantung kepada elemen-elemen seperti ganjaran, hukuman dan kepentingan diri. Sebaliknya pemimpin transformasi lebih banyak tertumpu kepada kepentingan kolektif, tetapi pemimpin transaksi banyak bergantung kepada kepentingan individu. Antara contoh pemimpin transaksi seperti

²³ Senator Johnson sangat kuat berjuang ke arah transformasi menentang ketidakadilan sosial terhadap kelompok Afrika-Amerika di selatan Amerika Syarikat (Nye, 2008: 65).

Mikhail Gorbachev (Kesatuan Soviet), Boris Yeltsin (Rusia), Franklin Roosevelt (Amerika Syarikat), dan ramai lagi.

Roosevelt misalnya seringkali diambil sebagai contoh pemimpin transformasi, di mana dalam tahun 1930an telah menggunakan kuasa lembut melalui komunikasi sebagai inspirasi dalam mencapai matlamat transformasinya untuk membuat reformasi sosial di Amerika Syarikat. Akan tetapi, Roosevelt juga telah menggunakan pendekatan transaksi untuk mengejar matlamatnya dengan mengubah dasar luar Amerika Syarikat dengan menyokong Britian sebelum Perang Dunia Kedua. Atas sebab itu Roosevelt dikatakan pemimpin transaksi. Jadi, kepimpinan transaksional banyak menggunakan kuasa lembut sebagai suatu inspirasi, tetapi dalam pelaksanaan dasar kepimpinannya banyak menggunakan kuasa keras yang lebih cenderung bersifat ancaman (*sticks*) dan ganjaran (*carrots*). Di samping itu, pemimpin transaksi cenderung mewujudkan insentif dalam memperkukuh kepimpinannya dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan memberi ganjaran kepada pengikutnya (Nye, 62-63).

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, jelas sekali kepimpinan politik merupakan fenomena yang sukar difahami (Dion, 2011). Adakalanya ia boleh berlaku dalam keadaan yang baik atau sempurna dan sebaliknya (Haus & Sweeting (2006) dalam usaha mencapai matlamatnya. Hakikatnya, dalam proses kepimpinan timbul beberapa isu dan masalah yang dianggap sebagai rutin (Jones, 2005) yang berkaitan dengan tingkah laku, moral, etika dan integriti, di mana boleh membawa beberapa musibah jika ia tidak dilaksanakan dengan cekap dan sempurna oleh pemimpin (Masciulli, Molchanov & Knight, 2009). Justeru itu, pemimpin politik perlu ada perancangan strategik untuk berjaya dalam kepimpinannya pada masa hadapan (Fairholm, 2004; dan 2009).

Pemimpin yang berjaya juga perlu berpegang kepada nilai dan etika yang baik sehingga menjadi '*role model*' kepada rakyat yang dipimpinya (Brown & Trevino, 2006). Pemimpin yang beretika mampu menghasilkan kesan positif kepada organisasi

dan memberi manfaat kepada pengikutnya (Mayer, Kuenzi & Greenbaum, 2010; dan Piccolo, Greenbaum, Den Hartog & Folger, 2010). Ini adalah tanggungjawab dan kewajiban politik (*political obligations*) yang perlu dipikul oleh pemimpin termasuk mempertahankan maruah dan keselamatan negara walaupun terpaksa mengorbankan kepentingan dan nyawanya sendiri (van Erp, 2013). Selain itu, kepimpinan politik boleh difahami melalui pendekatan deskriptif (*descriptive*) dan preskriptif (*prescriptive*) tentang bagaimana pemimpin menggunakan kuasa yang dimilikinya (Lussier & Achua, 2010). Penggunaan kuasa dan bagaimana tindakan dibuat oleh pemimpin memberi petunjuk tentang jenis kepimpinan seperti kepimpinan karismatik, transformasional dan transaksional. Kepimpinan-kepimpinan ini memperlihatkan bagaimana pemimpin menggunakan kuasa dan autoriti dimilikinya secara pintar (*smart power*) walaupun ada yang menggunakan kuasa lembut (*soft power*) atau kuasa keras (*hard power*) dalam kepimpinannya (Nye, 2008).

2.3 KONSEP DEMOKRASI BERPARLIMEN

Perbincangan sebelum ini menjelaskan konsep kepimpinan politik dan mengupas perkara-perkara yang berkait secara langsung dengannya. Dalam sistem politik Malaysia, kepimpinan politik (merujuk kepada wakil rakyat) berkait dengan pilihan raya yang dilaksanakan untuk memilih perwakilan. Oleh sebab itu, kepimpinan politik itu sebahagian daripada aspek penting dalam sistem demokrasi yang berpegang kepada aktiviti pilihan raya yang memberi peluang kepada rakyat untuk membuat pilihan dan keputusan. Jadi, dalam bahagian ini perbincangan secara khusus kepada konsep demokrasi berparlimen yang mempunyai hubungan kait secara langsung dengan kepimpinan politik. Perlu diingat bahawa asas pemilihan pemimpin dalam sistem demokrasi adalah melalui pilihan raya. Inilah yang membezakan sistem demokrasi dengan sistem komunis dan monarki. Dalam pilihan raya, rakyat diberi hak dan kuasa untuk memilih pemimpin bagi mewakili suara mereka dalam badan perundangan. Melalui aktiviti politik pilihan raya, rakyat berkuasa untuk menentukan siapa yang memerintah negara. Jadi, rakyatlah yang bertanggungjawab memilih pemimpin melalui pilihan raya.

Apa itu demokrasi? Perkataan demokrasi (*democracy*) berasal daripada perkataan Greek, iaitu *demos* bermaksud rakyat dan *kratia* adalah pemerintah. Jadi, demokrasi pada umumnya bermaksud pemerintahan oleh rakyat (Birch, 2001: 71; Elliott, 1971: 120; Huntington, 1991: 6; Lively, 2007: 230; dan Saward, 2007: 3). Dalam sistem demokrasi seperti di Malaysia, rakyat yang berkuasa menentukan siapa yang boleh memerintah dan mewakili suara mereka dalam badan perundangan (*legislative*). Terdapat pelbagai definisi dikemukakan oleh para sarjana tentang demokrasi. Dye dan Zeigler (1996: 5) mendefinisikan demokrasi sebagai sistem pemerintahan yang melibatkan penyertaan individu (misalnya melalui pilihan raya) dalam proses pembuatan keputusan yang memberi kesan penting ke atas kehidupan mereka. Atas sebab itu, kerajaan dalam sistem demokrasi dikatakan sebagai kerajaan '*rule by the many*'—pemerintahan oleh orang ramai. Dengan kata lain, sistem demokrasi berasaskan suara majoriti dalam menentukan siapa yang berkuasa dan memerintah, tetapi bukanlah bermakna suara minoriti diabaikan. Semua rakyat mempunyai hak dan diberi peluang yang sama dalam sistem demokrasi dari segi keadilan, kesaksamaan, pemilikan harta, peluang pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Jadi, penafian hak rakyat dalam perkara-perkara tersebut boleh merosakkan sistem demokrasi itu sendiri.

Dalam sistem demokrasi, peranan rakyat tidak dapat dipisahkan dengan kewujudan kerajaan. Rakyat bertanggungjawab dalam pembentukan kerajaan. Justeru itu, Lijphart (1984: 1) menyifatkan demokrasi itu adalah kerajaan oleh rakyat. Jadi, setiap tindakan dan dasar kerajaan pada prinsipnya perlu memberi keutamaan kepada kepentingan dan mewujudkan persamaan bagi seluruh rakyat. Rakyat mempunyai kuasa dalam menjamin kestabilan dan kesinambungan sistem demokrasi selaras dengan falsafahnya. Perkara ini diakui oleh Dahl (1971: 12) yang berhujah bahawa demokrasi hanya boleh wujud jika ada sekurang-kurangnya lapan institusi jaminan iaitu kebebasan untuk membentuk dan menyertai organisasi; kebebasan bersuara; hak mengundi; kelayakan untuk jawatan awam; hak pemimpin politik bersaing untuk mendapatkan sokongan dan undi; sumber alternatif maklumat; pilihan raya bebas dan adil; dan institusi-institusi yang terlibat dalam pembuatan polisi kerajaan. Berdasarkan kepada pra-syarat tersebut jelas menunjukkan pemerintah demokrasi itu bukan autoritarian dan

ia bertentangan dengan autokrasi. Hal-hal yang disebutkan oleh Dahl itu menjadi kriteria yang membezakan sistem demokrasi dengan sistem autoritarian dan komunis.

Hal yang sama menjadi fokus perbincangan Holden (1974: 8) tentang demokrasi, di mana melihat peranan rakyat seperti “*positively or negatively, make, and are entitled to make, the basic determining decisions on important matters of public policy.*” Oleh sebab itu, kerajaan perlu bersikap adil dan positif melalui dasar-dasar yang dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan rakyat. Dalam sistem demokrasi, rakyat yang berkelayakan berhak menentukan (memilih) pemimpin dan siapa yang menerajui kerajaan (Birch, 2001: 71; dan Finer, 1970: 67). Perkara yang sama turut diutarakan Lively (2007: 24) iaitu, “*government in which the will of the majority of qualified citizen rules.*” Jelas sekali kerajaan demokrasi tidak dapat dipisahkan daripada peranan dan kuasa rakyat misalnya untuk memilih pemimpin dan menentukan kerajaan.

Penglibatan (penyertaan) rakyat dalam sistem demokrasi telah dirakamkan oleh Abraham Lincoln (1809-1865) bekas Presiden Amerika Syarikat dalam diktumnya yang cukup popular iaitu demokrasi adalah ‘kerajaan rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat’ (*government of the people, by the people, for the people*)²⁴ (Birch, 2001: 76; Jacobs, 1997: 16; Levine, 2007: 44; dan Urofsky, 2006: 88). Dalam sistem demokrasi, rakyat bertanggungjawab menguruskan pemerintahan melalui perwakilan yang telah dipilih melalui pilihan raya. Di sini menunjukkan suara majoriti dan mandat daripada rakyat sangat penting kepada pemimpin. Atas sebab itu, demokrasi merupakan sistem yang berpegang kepada prinsip kedaulatan rakyat (*people sovereignty*) dan keabsahan kerajaan yang dibentuk. Dengan kata lain, rakyat diberi hak dan peluang kepada rakyat untuk membuat keputusan demi masa depan mereka sendiri.

Selain itu, sistem demokrasi juga menyentuh tentang hubungan majoriti-minoriti. Siapakah kelompok majoriti? Siapakah pula kelompok minoriti? Hubungan kelompok majoriti-minoriti melibatkan rakyat dan pemimpin (Lively, 2007: 32).

²⁴ Lihat juga perbincangan dalam Dye, Thomas R. & Zeigler, Harmon, (1996) *The Irony of Democracy: An Uncommon Introduction to American Politic* yang membincangkan tentang definisi demokrasi yang telah dikemukakan oleh Abraham Lincoln (hlm. 8).

Pemimpin adalah kelompok minoriti, tetapi menguasai kelompok rakyat yang majoriti. Kuasa di tangan minoriti walaupun ia diberikan oleh majoriti. Hubungan majoriti-minoriti menggambarkan situasi dalam sistem berperwakilan. Rakyat menentukan perwakilan ke dewan perundangan berdasarkan undi majoriti. Hubungan majoriti-minoriti dalam sistem demokrasi berperwakilan membentuk konsep '*patron-client*' yang menggambarkan situasi 'memberi dan menerima' antara pemimpin dan rakyat. Rakyat memberi sokongan (undi) kepada penaung (*patron*). Manakala penaung menyediakan pelbagai dasar dan program untuk manfaat rakyat (*client*).

Apa yang telah dibincangkan di atas menunjukkan secara jelas dari segi prinsipnya sistem demokrasi menekankan soal hak dan kepentingan rakyat. Rakyat berhak untuk mendapat keadilan, kebebasan, kesamaan, kedaulatan, keselamatan dan sebagainya. Semua perkara ini menjadi tanggungjawab pemimpin bagi menjamin hak rakyat sentiasa terpelihara. Pengabaian dan penafian hak dan kepentingan rakyat menimbulkan ketidakadilan dan diskriminasi yang boleh mencetuskan konflik dan ketegangan dalam negara. Jika masalah ini berlaku, ia boleh mencetuskan huru-hara dalam negara antara rakyat dengan pemimpin dan rakyat sesama rakyat. Kemuncaknya boleh mencetuskan perang saudara dalam negara. Seboleh-bolehnya dalam sistem demokrasi tidak wujud diskriminasi dan penindasan ke atas rakyat. Tiada perbezaan antara satu kelompok dengan kelompok yang lain dalam negara kerana masing-masing mempunyai hak dan kepentingan dari segi kebebasan bersuara, bergerak, memiliki kekayaan, bersatu dan sebagainya. Bagi mendukung prinsip-prinsip ini, Jefferson (1969: 30) menyifatkan kerajaan yang terbaik adalah kerajaan yang memberikan kebebasan kepada semua rakyatnya. Jika prinsip ini menjadi ukuran, kerajaan yang terbaik adalah kerajaan demokratik.

Definisi-definisi demokrasi di atas menunjukkan ciri-ciri negara demokrasi atau sebaliknya. Antaranya, sistem demokrasi merupakan kerajaan yang diuruskan oleh rakyat (lihat perbincangan Birch, 2001; Elliott, 1971, Huntington, 1991; Lively, 2007; dan Saward, 2007). Rakyat berkuasa menentukan pemerintahan negara melalui pilihan raya. Rakyat juga terlibat secara langsung dalam pembuatan keputusan melalui perwakilan yang telah dipilih (Dye & Zeigler, 1996). Hal-hal ini adalah jaminan

kepada kewujudan demokrasi itu sendiri (Dahl, 1971) yang mendukung prinsip kedaulatan rakyat dan hubungan majoriti-minoriti (Lively, 2007). Akhirnya, demokrasi dikatakan sistem politik terbaik jika semua nilai itu dapat diwujudkan (Jefferson, 1969).

Apakah itu sistem demokrasi berparlimen? Pada asasnya, demokrasi adalah sistem politik. Sementara itu, parlimen adalah institusi politik. Dengan wujudnya institusi politik iaitu parlimen dan ahlinya dipilih berdasarkan undi majoriti, baharulah sistem demokrasi berparlimen itu wujud. Melalui institusi yang sah dan berautoriti iaitu parlimen baharulah sistem politik itu dapat dilaksanakan. Politik demokrasi tidak dapat diamalkan tanpa institusi yang boleh melaksanakannya seperti parlimen (termasuk peranan dimainkan oleh kabinet). Parlimen dalam bahasa Perancis disebut *parlements* berasal dari perkataan *parler* yang bermaksud berucap atau bercakap. Ini sangat tepat dengan peranan parlimen yang menjadi medan dalam kalangan perwakilan (wakil rakyat) untuk bercakap, berucap dan berbahas tentang undang-undang dan dasar kerajaan (Crystal, 1990: 909; dan Robertson, 1985: 248).

Kebanyakan negara terutama negara-negara Komanwel mengamalkan sistem demokrasi berparlimen ala-British,²⁵ di mana sistem parlimennya berasaskan dwi-dewan (*bicameral*)²⁶ iaitu dewan tinggi (*house of lord*) dan dewan rendah (*house of commons*) (Godwin & Wahlke, 1997; dan Roskin *et al.*, 2003). Lazimnya hanya ahli dewan rendah sahaja yang dipilih melalui pilihan raya. Dari segi strukturnya, kebanyakan parlimen di negara-negara demokrasi berasaskan sistem dwi-dewan dan satu dewan (*unicameral*). Sistem dwi-dewan kebanyakannya diamalkan dalam sistem Inggeris-Amerika (*Anglo-America*) termasuklah Malaysia. Dalam sistem ini, dewan rendah mempunyai kuasa lebih besar berbanding dewan tinggi. Parlimen adalah badan perundangan (*legislative*) yang berperanan dalam mengemukakan usul, membahas,

²⁵ Sistem parlimen dikatakan dari Britian yang digelar sebagai '*Mother of Parliaments*' di mana dengan cepat berkembang hingga ke beberapa negara lain terutama dalam sistem pemerintahan beraja seperti di negara-negara Komanwel dan Scandinavia (Ensiklopedia Malaysiana, 1995: 407).

²⁶ Bagi negara yang memiliki dua dewan (*two chamber or bicameral*) seperti di Britian terdapatnya *House of Lord* (Dewan Tinggi) dan *House of Common* (Dewan Rendah); di Amerika Syarikat pula *Senate* (Dewan Tinggi) dan *House of Representative* (Dewan Rendah); Perancis pula *Senate* (Dewan Tinggi) dan *National Assembly* (Dewan Rendah); dan di Jerman pula dikenali sebagai *Bundesrat* (Dewan Tinggi) dan *Bundestag* (Dewan Rendah).

membincang, menyokong dan meluluskan undang-undang negara (Godwin & Wahlke, 1997: 24). Parlimen juga bertanggungjawab menyemak setiap aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan atau kabinet. Oleh sebab itu, jika ada sebarang pertanyaan daripada parlimen mengenai aktiviti dan dasar kerajaan, maka kabinet perlu menjawabnya secara lisan atau bertulis dalam majlis parlimen. Melalui prinsip inilah kabinet bertanggungjawab kepada parlimen.

Apa itu demokrasi berparlimen? Demokrasi adalah sistem politik dan parlimen pula adalah institusi politik (pemerintahan). Gabungan antara sistem politik (demokrasi) dan institusi politik (parlimen) mewujudkan sistem demokrasi berparlimen (*parliamentary democracy*). Teras dalam sistem demokrasi berparlimen adalah soal pemilihan perwakilan melalui pilihan raya. Perwakilan politik (*political or elected representatives*) dipilih secara langsung oleh rakyat yang berkecuali mengikut undang-undang negara berkenaan.²⁷ Jika di Malaysia, perwakilan politik itu adalah wakil rakyat sama ada ahli parlimen mahupun dewan undangan negeri (DUN). Pemilihan perwakilan politik secara langsung oleh rakyat dalam sistem demokrasi melahirkan konsep demokrasi berparlimen atau berperwakilan. Dalam sistem ini, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat itu sangat penting. Ia mencerminkan atau memberi gambaran yang tepat tentang sistem politik demokrasi yang sebenar.

²⁷ Undang-undang dan peraturan yang berkait secara langsung dengan pilihan raya di Malaysia ialah:

- a) Perlembagaan Persekutuan (lihat Perkara 113 hingga 120 dan Jadual Ketiga Belas);
- b) Perlembagaan Negeri;
- c) Akta Suruhanjaya Pilihan Raya, 1957 (Akta 31);
- d) Akta Pilihan Raya, 1958 (Akta 19);
- e) Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 (Akta 5);
- f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya), 1981;
- g) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih), 2002; dan
- h) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Sementara itu, beberapa undang-undang yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan pilihan raya, tetapi dikuatkuasakan ketika proses pilihan raya sedang dilangsungkan seperti:

- a) Akta Polis 1967;
- b) Akta Hasutan 1958;
- c) Akta Rahsia Rasmi 1971;
- d) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960;
- e) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
- f) Akta Kerajaan Tempatan, 1971 (Akta 171); dan
- g) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). (www.parlimen.gov.my)

Dalam sistem demokrasi, parlimen bertanggungjawab dalam pembentukan kerajaan. Jika di Malaysia, parti politik yang mempunyai kerusi majoriti walaupun hanya mendapat majoriti mudah (*simple majority*) dalam Dewan Rakyat diberi hak menubuhkan kerajaan dan seterusnya mengemukakan barisan kabinetnya untuk mentadbir negara. Parlimen juga mempunyai peranan untuk mengekalkan atau menggantikan kerajaan yang sedia ada dengan kerajaan yang baharu. Jika perwakilan dalam parlimen tidak lagi bersetuju dan menyokong kerajaan yang sedia ada, mereka boleh mengemukakan usul undi tidak percaya (*non-confident vote*) di parlimen. Menurut Schleiter dan Morgan-Jones (2009: 667), dari segi faktanya parlimen berfungsi mengawal kerajaan supaya Perdana Menteri (PM) dan kabinetnya bertanggungjawab kepada parlimen dan majoriti ahlinya. Perwakilan boleh membuat keputusan mengadakan undi tidak percaya jika tidak berpuas hati dengan kerajaan diterajui oleh PM berkenaan. Sekiranya usul undi tidak percaya mendapat sokongan majoriti ahli dewan perundangan, maka PM dan kabinetnya perlu meletakkan jawatan, di mana PM yang baharu perlu dilantik untuk mengetuai kerajaan. Justeru itu, dalam sistem demokrasi berparlimen kerajaan perlu mengekalkan kepercayaan parlimen sepanjang masa (Baron, Diermeier & Fong, 2012: 703).

Berhubung perkara di atas, Robertson (1985: 248) menyifatkan peranan parlimen sangat mustahak dalam sistem berparlimen bagi memilih badan eksekutif iaitu kerajaan yang memiliki kerusi majoriti dalam dewan perundangan. Oleh sebab itu, Baron, Diermeier dan Fong (2012: 709) menjelas terdapat tiga peringkat penting dalam tempoh antara pilihan raya dalam sistem berparlimen. Peringkat pertama melibatkan pilihan raya parlimen untuk menentukan kerusi yang dikongsi oleh ahli parti dalam dewan perundangan. Peringkat kedua melibatkan pembentukan kerajaan. Peringkat ketiga melibatkan soal pembentukan undang-undang dan dasar yang diluluskan oleh parlimen. Ketiga-tiga peringkat merupakan permainan politik yang lengkap dalam sistem demokrasi berparlimen. Tiada sesiapa pun yang boleh menafikan proses ini kerana ia adalah asas penting dalam sistem berparlimen.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan elemen penting dalam sistem demokrasi berparlimen iaitu perwakilan yang telah dipilih oleh rakyat. Di Malaysia, perwakilan

itu merujuk kepada wakil rakyat. Apakah itu perwakilan politik (*political or elected representatives*)? Pada pandangan Ramanathan (2003: 68-69), perwakilan itu merujuk kepada konsep ‘perhubungan antara dua pihak’ iaitu antara rakyat dan perwakilan. Sebagai perwakilan dan ahli perundangan dalam majlis parlimen atau DUN, perwakilan politik atau wakil rakyat merupakan agen penting yang berhubung rapat dengan rakyat. Perwakilan bertindak membawa suara rakyat ke parlimen atau DUN dan seterusnya dikemukakan kepada kerajaan. Dengan kata lain, perwakilan politik (wakil rakyat) adalah agen penting untuk menyalurkan tuntutan dan permintaan rakyat kepada kerajaan. Dalam situasi ini, ia bertepatan dengan hujah Laski (1967: 264-265) yang menyifatkan perwakilan politik (wakil rakyat) sebagai sekumpulan individu yang mempunyai kebolehan dan bertanggungjawab untuk bercakap bagi pihak rakyat dan kawasan parlimen yang diwakilinya. Justeru itu, Ball (1993: 138) dalam penilaiannya tentang perwakilan politik menyifatkannya berperanan mewakili kepentingan, sikap dan nilai rakyat yang telah memilihnya. Situasi inilah yang mewujudkan sistem demokrasi berperwakilan (*representative democracy*) atau demokrasi berparlimen (*parliamentary democracy*) seperti yang terdapat di Malaysia.

Selain beberapa peranan asas seperti disebutkan di atas, perwakilan politik mempunyai beberapa peranan lain. Menurut Birch (dipetik Ramanathan, 2003: 70-71), peranan perwakilan politik dalam sistem demokrasi berparlimen boleh difahami melalui tiga cara. Pertama, berperanan sebagai jurucakap (*spokeman*) yang bertindak sebagai wakil bagi pihak kerajaan—jika mewakili parti pemerintah dikatakan sebagai delegat (*delegate representation*). Tugasnya adalah untuk mempertahankan kepentingan tuannya dan negara misalnya apabila dilantik sebagai duta ke luar negara. Kedua, perwakilan politik mempunyai sifat atau ciri yang menyerupai kumpulan atau pihak yang diwakilinya (*representative sample*). Apa yang dilakukannya atau apa yang disampaikannya mencerminkan kehendak dan kepentingan pihak yang diwakilinya. Misalnya, perwakilan politik (wakil rakyat) Barisan Nasional (BN) pastinya bercakap, bertindak dan menyuarakan sesuatu yang mencerminkan kepentingan dan kehendak parti BN dan ahli-ahlinya. Begitu juga Parti Islam Se-Malaysia (PAS), di mana perwakilan bersuara dan bertindak untuk mewakili parti tersebut dan ahli-ahlinya. Ketiga, perwakilan dianggap sebagai wakil yang melambangkan identiti atau sifat satu

kumpulan manusia (*symbolic representation*) dengan membawa bersama simbol-simbol yang mewakili kepentingan sesuatu kumpulan atau parti. Contohnya, lambang dacing adalah simbol bagi perwakilan BN dan lambang bulan pula bagi simbol perwakilan parti PAS. Secara jelasnya, perwakilan politik selain daripada berperanan sebagai perwakilan (ahli perundangan dalam parlimen dan DUN), ia juga mewakili kumpulan tertentu dalam negara di atas mandat yang diperolehinya, membawa ciri-ciri persamaan dengan kumpulan yang diwakilinya dan bertanggungjawab kepada pihak yang diwakilinya (Ramanathan, 2003: 72).

Sistem perwakilan seperti yang disebutkan di atas sangat relevan dan sesuai dalam politik demokrasi dewasa ini. Hal ini diakui oleh Ball (1993: 144) yang menyifatkan sistem demokrasi berperwakilan boleh diterima banyak negara kerana ia berjaya 'menyesuaikan diri' dalam sistem politik dunia moden dengan kemunculan parti massa dan peningkatan kuasa eksekutif. Penyesuaian sistem berperwakilan dalam politik demokrasi berlaku melalui dua cara. Pertama, ia berkait dengan mandat, di mana kerajaan yang telah dipilih berusaha untuk menunaikan janji (manifesto) pilihan raya kepada rakyat. Penunaian manifesto dan mandat oleh kerajaan dan perwakilan menunjukkan wujudnya unsur rasionalis dalam aliran pemikiran politik demokrasi liberal. Kedua, walaupun manifesto dan mandat telah dilaksanakan dengan baik, tetapi sukar bagi perwakilan dan parti politik termasuk yang membentuk kerajaan untuk mengekalkan kedudukan masing-masing kerana berlakunya perubahan dari segi pendirian dalam kalangan pengundi dalam membuat keputusan dalam pilihan raya yang akan datang. Ketidaktentuan sokongan dan pendirian rakyat kepada parti politik sesuatu yang sukar diramal dalam sistem demokrasi disebabkan banyak faktor membawa kepada pelbagai kemungkinan.

Salah satu peranan penting (utama) perwakilan dalam sistem demokrasi berparlimen adalah membentuk kerajaan. Oleh sebab itu, kerajaan yang dibentuk dalam sistem demokrasi berparlimen dikenali sebagai kerajaan berkabinet (*cabinet government*) atau kerajaan berparlimen (*parliamentary government*). Apakah itu kerajaan berkabinet? Dalam doktrin pengasingan kuasa (*separation of power*, atau SOP), selain badan perundangan dan badan kehakiman, badan eksekutif merupakan

institusi utama pemerintahan. Tidak hairanlah jika badan eksekutif itu seringkali disamaertikan dengan kerajaan (Ramanathan, 2003: 188), di mana apabila disebut eksekutif ia bermakna kerajaan. Kerajaan berkabinet atau berparlimen wujud kerana ahli parlimen boleh dilantik sebagai ahli badan eksekutif atau kabinet. Parti politik yang mempunyai kerusi majoriti dalam pilihan raya parlimen atau DUN berhak membentuk kerajaan. Ini adalah praktis dalam doktrin FOP. Kabinet dibentuk oleh sekumpulan kecil ahli parlimen yang dilantik sebagai menteri dan bertanggungjawab bagi menerajui pentadbiran negara (Robertson, 1985: 29). Dari situlah lahirnya kerajaan berkabinet yang berperanan dan bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar-dasar negara.²⁸

Dalam sistem kerajaan berkabinet, PM adalah ketua kerajaan dan merangkap pengerusi kabinet. Kuasa dan tanggungjawab dikongsi secara saksama antara ahli-ahli kabinet, tetapi kebiasaannya PM mempunyai kuasa yang lebih tinggi berbanding ahli kabinet yang lain. Walau bagaimanapun, kabinet dalam sistem politik British tidak mempunyai peranan yang besar dalam membuat keputusan dan menggubal dasar kerana peranan utama dimainkan oleh jawatankuasa kabinet (*cabinet committee*) (Robertson, 1985: 30). Oleh sebab itu, sistem kerajaan berkabinet terkenal dengan sistem jawatankuasa (*committee system*) yang begitu popular di Britian dan beberapa negara Komanwel termasuk Malaysia. Jawatankuasa kabinet berfungsi mempertimbang secara terperinci proses perundangan dan belanjawan negara.

Dalam sistem kerajaan berkabinet, perkara penting bagi kabinet adalah untuk mengekalkan kepercayaan (*maintain the confidence*) parlimen jika mahu terus kekal berkuasa (Godwin & Wahlke, 1997: 450). Undi tidak percaya boleh dibuat jika kepercayaan kepada kabinet sudah hilang oleh parlimen. Keadaan ini meletakkan parlimen berkedudukan lebih tinggi (*supremacy*) daripada kabinet dalam sistem demokrasi berparlimen seperti yang dijelaskan oleh Finer (1970: 528), iaitu

²⁸ Kerajaan berkabinet berasal dari British apabila kabinet yang ditubuhkan itu daripada Majlis Penasihat (*Privy Councillor*) dan berperanan untuk menasihati raja. Apabila raja atau monarki kehilangan kuasa kerana telah diambil alih oleh parti kerajaan, maka kabinet dibentuk bukannya daripada monarki yang terlalu mempercayai penasihatnya, tetapi dibentuk daripada kalangan ahli-ahli kanan parti yang dominan menjadi ahli kabinet.

“...parliamentary bodies were not exclusively engaged in legislation but that their function were mixed. Historical evolution has deposited with them what we broadly call the ‘control of executive’.” Kawalan parlimen terhadap kabinet bukan bermakna mencampuri segala urusan dan hal ehwal dalam pentadbiran kerajaan. Sebaliknya, ia bertujuan menegakkan integriti dan akauntabiliti kerajaan, di samping mewujudkan konsep *‘check and balance’* dalam pentadbiran. Jika wujud kepincangan dan ketidaktelusan dalam pentadbiran kerajaan, parlimen bertanggungjawab menegurnya dan mengarahkan kabinet membetulkannya.

Dalam sistem berparlimen, tempoh hayat kerajaan (kabinet) bergantung kepada kekerapan pilihan raya. Di Malaysia, tempoh penggal parlimen dan DUN adalah lima tahun dan jangka hayat kabinet pun sama lima tahun. Jika parlimen dibubarkan, tidak lagi kabinet atau kerajaan yang sebenar. Negara ditadbir oleh kerajaan sementara (*caretaker government*) dalam tempoh selepas pembubaran parlimen sehingga keputusan pilihan raya baharu diperolehi. Apabila keputusan pilihan raya baharu diperolehi, parti mendapat kerusi majoriti di parlimen diberi hak menubuhkan kerajaan. Dari segi prestij dan kebolehannya dalam mengendalikan urusan negara, Ramanathan (2003: 187) menjelaskan badan eksekutif atau kabinet mendahului semua institusi. Atas sebab itu, kabinet disegani kerana ia berupaya menguasai semua aspek pentadbiran negara. Justeru itu, ia dianggap sebagai paksi semua kegiatan dan kehidupan politik dalam sebuah negara. Dari segi pengaruhnya pula, kabinet dianggap sebagai satu-satunya institusi yang lebih berupaya untuk mengubah kedudukan sosio-ekonomi dan politik sebuah negara secara mendadak. Dengan kata lain, kabinet atau badan eksekutif mampu untuk mengubah corak hidup masyarakat walaupun saiznya lebih kecil berbanding parlimen. Melalui keupayaannya itu, maka kabinet merupakan agen sosialisasi yang sangat berpengaruh bagi membentuk budaya, nilai dan cara hidup masyarakat dalam negara.

Apa yang jelas daripada perbincangan-perbincangan di atas, dalam konteks demokrasi berparlimen dapat difahami beberapa konsep yang berkait dengannya. Misalnya (Birch, 2001), Elliott (1971), Huntington (1991), Lively (2007) dan Saward (2007) memberi definisi yang asas tentang konsep demokrasi seperti yang terkandung


dalam doktrin SOP. Daripada definisi-definisi yang dikemukakan dapatlah difahami sistem dan kedudukan serta peranan badan perundangan (parlimen) dalam sistem demokrasi. Dalam sistem demokrasi berparlimen, penyertaan rakyat sangat penting sebagaimana yang telah diulas oleh Dye dan Zeigler (1996: 5) terutamanya dalam aktiviti pilihan raya. Oleh sebab itu, sistem demokrasi (berparlimen) disifatkan sebagai kerajaan yang diuruskan oleh rakyat yang majoriti walaupun diperintah oleh kumpulan pemimpin yang minoriti—berasaskan sistem kerajaan *'rule by the many'*. Sistem pentabdiran dalam kerajaan berparlimen (kabinet) lebih mengutamakan sistem jawatankuasa (*cabinet committee*) dalam membuat keputusan dan menggubal dasar negara (Robertson, 1985: 30) seperti yang wujud di Britain dan juga di Malaysia. Di samping itu, walaupun kabinet dikatakan mempunyai prestijnya tersendiri, tetapi ia harus mengekalkan kepercayaan parlimen untuk terus berkuasa (Godwin & Wahlke, 1997). Atas sebab itu, parlimen dikatakan berkedudukan lebih tinggi daripada kabinet dalam sistem demokrasi berparlimen (Finer, 1970). Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran dan isu yang berlaku berkaitan dengan kepimpinan politik dalam sistem berparlimen yang banyak memberi kesan ke atas sistem politik ini yang dapat dilihat di kebanyakan negara kebelakangan ini. Hal yang sama turut berlaku di Malaysia.

2.4 KERANGKA KAJIAN: HUBUNGAN ANTARA KEPIMPINAN POLITIK DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

Perbincangan sebelum ini menjelaskan konsep kepimpinan politik dan diikuti konsep demokrasi berparlimen (berperwakilan). Apakah kaitan antara kedua-dua konsep ini dalam menilai peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia? Kepimpinan politik itu merujuk kepada sekumpulan individu yang telah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Tiada cara lain untuk memilih pemimpin berasaskan sah rasional (*legal rational*) dalam sistem demokrasi kecuali pilihan raya. Atas sebab itu, pilihan raya merupakan mekanisme penting dalam menentukan kepimpinan politik dalam sebuah negara. Ia juga dianggap sebagai kayu pengukur yang penting untuk menilai darjah demokrasi sesebuah negara. Oleh sebab itu, rakyat yang berkelayakan diberi hak untuk menentukan kepimpinan politik (perwakilan) melalui pilihan raya. Tidak hairanlah jika kerajaan demokrasi dikatakan kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat (Birch, 2001; Jacobs, 1997; Levine, 2007; dan Urofsky, 2006). Jadi, dalam menganalisis

peranan kepimpinan politik dalam sistem demokrasi berparlimen, ia tidak dapat dipisahkan daripada perbincangan tentang pilihan raya. Melalui pilihan raya, rakyat memberi mandat kepada perwakilan dan kerajaan dalam sistem demokrasi. Perbincangan dalam bahagian ini melihat hubungan kepimpinan politik dalam demokrasi berparlimen sebagai kerangka analisis seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.1 di bawah.

Rajah 2.1: Kerangka Kajian Penyelidikan



Hakikatnya, dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia, pilihan raya (parlimen dan DUN) merupakan aktiviti politik paling asas dalam menentukan perwakilan atau kepimpinan politik. Calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya dan memenangi kerusi yang dipertandingkan menjadi perwakilan dalam badan perundangan. Dalam sistem berparlimen, kepimpinan politik (perwakilan atau wakil rakyat) dari badan perundangan boleh dilantik sebagai ahli badan eksekutif (kabinet). Kedudukan dalam dua badan berbeza meletakkan kepimpinan politik mempunyai dua tanggungjawab yang utama (*primary roles*), di samping tiada halangan untuk melibatkan diri dalam beberapa peranan yang lain di luar tugas rasmi sebagai peranan sekunder (*secondary roles*). Ini adalah ciri-ciri yang terkandung dalam doktrin FOP. Apabila kepimpinan politik memikul dua peranan yang besar dalam kerjaya sebagai

wakil rakyat, maka pemimpin tersebut mempunyai beban yang besar untuk digalas. Sebagai pemimpin politik, bukanlah suatu tugas yang mudah untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberi kerana wujud pelbagai cabaran yang mempunyai kesan ke atas prestasi dan pencapaiannya.

Oleh sebab itu, kepimpinan politik perlu memiliki kualiti dan kemahiran kepimpinan yang tinggi untuk berjaya sebagai pemimpin. Kualiti dan kemahiran kepimpinan itu sangat penting kerana sebagai pemimpin politik wakil rakyat sentiasa berhubung dengan rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Hubungan sosial (*social relationship*) antara wakil rakyat dan pengundi atau pengikutnya (*followers*) memerlukan kemahiran khususnya dari segi penggunaan kuasa yang ada di tangannya. Oleh sebab itu, dalam analisisnya Nye (2008) menyifatkan pemimpin yang bijaksana adalah mahir dalam menggunakan kuasa lembut dan keras terhadap pengikutnya. Inilah dikatakan kemahiran kuasa pintar oleh pemimpin. Jadi, Nye menyifatkan kemahiran kepimpinan itu melibatkan kombinasi antara tiga kemahiran iaitu kemahiran kuasa lembut, kemahiran kuasa keras dan kemahiran kuasa pintar.

Dengan adanya kemahiran dan kualiti kepimpinan, wakil rakyat dipercayai mampu memikul peranan dan tanggungjawabnya secara berkesan sebagai pemimpin politik. Dalam sistem politik Malaysia, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat tidak pernah dijelaskan secara terperinci dalam bentuk undang-undang (akta) atau sebarang garis panduan untuk rujukan, tetapi peranan wakil rakyat boleh dipecahkan kepada dua kategori utama iaitu peranan primer dan sekunder. Kedua-dua kategori peranan ini menuntut wakil rakyat melaksanakannya dengan cekap dan berkesan demi rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya sama ada ia bersifat rasmi dan tidak rasmi. Pada umumnya, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam kategori primer atau sekunder boleh berbentuk politik, pentadbiran dan khidmat sosial. Dari segi peranan primer, tanggungjawab wakil rakyat dapat dilihat sebagai perwakilan (*representatives*), ahli perundangan (*legislators*), ahli kabinet atau exco (*executives roles*) dan pemimpin parti politik (Lusoli & Ward, 2004; Mickel, 2010; Searing, 1994; dan Stilborn, 2002). Peranan sebagai perwakilan dan ahli perundangan dikatakan sebagai peranan

konstituensi (*constituency roles*)²⁹ dan parlimentari (*parliamentary roles*).³⁰ Selain itu, peranan utama wakil rakyat juga kepada parti politik yang diwakilinya, di mana ia mempunyai tanggungjawab yang besar terutamanya untuk memenangi pilihan raya dan membentuk kerajaan. Melalui peranan konstituensi, parlimentari, ahli kabinet dan parti politik, maka wakil rakyat dapat membawa suara rakyat kepada kerajaan (Jackson, 2004).

Selain peranan primer, wakil rakyat sebagai pemimpin turut memikul tanggungjawab untuk melaksanakan peranan sekunder. Melalui peranan sekunder, wakil rakyat boleh menabur bakti dan memberi sumbangan kepada pengundi, masyarakat dan negara melalui penglibatannya dalam pertubuhan bukan kerajaan seperti NGO—badan sukarela, pertubuhan kebajikan dan persatuan sukan. Di samping itu, wakil rakyat juga dilantik untuk menerajui badan berkanun dan GLC. Peranan sekunder ini lebih bersifat tidak formal yang lebih dilihat sebagai peranan khidmat sosial (*social services*) atau kerja sosial (*social works*) (Mickel (2010). Peranan dalam khidmat atau kerja sosial banyak ditagih dan diberi perhatian oleh kalangan rakyat kerana mereka beranggapan segala masalah dan isu yang mereka hadapi adalah tanggungjawab wakil rakyat untuk menyelesaikannya (Abdullah Muda, 1996). Oleh sebab itu, wakil rakyat terutama yang memegang jawatan dalam kabinet perlu rasional dan sentiasa prihatin terhadap perkembangan rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Di samping itu, pemimpin politik terutama di pihak kerajaan perlu bersikap adil dan positif kepada rakyat (Holden, 1974) melalui dasar-dasar yang dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan rakyat tanpa mengira ideologi politik.

Dalam kerangka analisis seperti ditunjukkan di Rajah 2.1 di atas, maka tesis ini memberi tumpuan dengan menyelidiki perkara-perkara berikut iaitu: (i) penelitian ke atas perkembangan sistem berparlimen di Malaysia; (ii) kaitan dan perkembangan

²⁹ Melibatkan tanggungjawab kepada rakyat dan pengundi dalam kawasan yang diwakili perwakilan berkenaan (Lusoli & Ward, 2004: 1-3).

³⁰ *Ibid.* Tanggungjawab sebagai penggubal undang-undang (peranan hakiki wakil rakyat selaku perwakilan dan ahli perundangan). Peranan ini termasuk mewakili rakyat dan kawasan pilihan raya, membuat undang-undang, mewakili kerajaan, penyokong kerajaan dan pemerhati kepada kerajaan.

pilihan raya sebagai mekanisme dalam menentukan kepimpinan politik dalam parlimen dan DUN); (iii) menilai peranan kepimpinan politik (wakil rakyat) berdasarkan kepada tanggungjawab primer dan sekunder yang merupakan beban yang perlu dipikul oleh semua wakil rakyat; dan (iv) menganalisis prestasi wakil rakyat dalam memikul tanggungjawab (primer dan sekunder) untuk melaksanakan peranan sebagai pemimpin politik, di mana terdapat pelbagai isu dan masalah yang terpaksa dihadapi yang menjadi cabaran terhadap kepimpinan politik seseorang wakil rakyat. Keempat-empat perkara ini menjadi elemen penting dalam memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia.

Jadi, tesis ini boleh menjawab persoalan yang dikemukakan di atas dengan menggunakan konsep kepimpinan politik dan demokrasi berparlimen yang wujud di Malaysia. Misalnya, bagi perkara (i) dan (ii) kajian tesis ini menggunakan konsep kepimpinan politik dan demokrasi berparlimen dalam menilai perkembangan sistem politik ini dan kemunculan wakil rakyat dalam sistem politik di Malaysia yang telah diasaskan oleh British mulai tahun 1952 dan 1955 sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Manakala bagi perkara (iii) dan (iv) perbincangan menjurus kepada perkembangan sistem politik demokrasi berparlimen yang mengamalkan doktrin FOP yang menjadi asas dalam pemerintahan di Malaysia, di mana wakil rakyat daripada dewan perundangan boleh dilantik menjadi ahli badan eksekutif (peranan primer) yang lazimnya mewakili parti politik tertentu, di samping memegang beberapa peranan lain sebagai peranan sekunder. Di akhir analisis, tesis ini menjawab cabaran dan masalah yang dihadapi oleh wakil rakyat dalam melaksanakan kepimpinannya, di mana ia memberi kesan ke atas kerjaya politik dan masa depannya dalam politik nasional terutama dalam menghadapi PRU-13.

2.5 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan empat perkara utama, iaitu konsep kepimpinan dengan tumpuan khusus kepada kepimpinan politik (wakil rakyat); konsep demokrasi berparlimen yang menerbitkan beberapa konsep berkaitan dengannya seperti perwakilan dan kerajaan berkabinet (berperwakilan); hubungan antara konsep kepimpinan politik

dengan demokrasi berparlimen dalam menilai peranan dan tanggungjawab (primer dan sekunder) wakil rakyat di Malaysia; dan kerangka kajian. Perbincangan mengenai konsep-konsep tersebut seperti yang ditunjukkan dalam kerangka analisis di atas membolehkan pengkaji mengoperasikannya dalam kajian ini. Bukan perkara yang mudah untuk mengkaji peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia kerana wujudnya kekeliruan dalam memahaminya dan tiada dokumen yang bertulis untuk menjelaskannya secara terperinci. Oleh sebab itu, kerangka analisis yang dikemukakan dapat membantu memberi penjelasan dan digunakan untuk memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam sistem politik Malaysia.

Dari analisis singkat inilah kerangka kajian dibangunkan untuk melihat hubungan yang jelas antara kepimpinan politik dan sistem demokrasi berparlimen dan seterusnya digunakan untuk menjawab persoalan kajian bagi penyelidikan ini. Dengan pemahaman yang jelas tentang konsep kajian, maka bab seterusnya membincangkan tentang kepimpinan politik dan demokrasi berparlimen di Malaysia yang berkait dengan peranan dan tanggungjawab primer dan sekunder wakil rakyat yang disusun perbincangannya mengikut bab-bab tertentu selepas ini.

BAB 3

SOROTAN LITERATUR

3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dapatan kajian para sarjana sebelum ini mengenai tajuk yang sama atau hampir sama dengan kajian tesis ini mengenai peranan dan tanggungjawab kepimpinan politik wakil rakyat (perwakilan). Penelitian ke atas karya-karya lepas bertujuan menilai persamaan dan perbezaan kajian tesis ini dengan kajian sebelumnya. Bagi memastikan sorotan karya ini diperdebatkan secara ilmiah, maka sumber literatur dipilih secara selektif agar dapat menggambarkan keadaan, ciri dan sistem kepimpinan politik dalam negara demokrasi (berparlimen) yang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Oleh sebab itu, sorotan karya ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu (i) kepimpinan politik di negara sedang membangun; (ii) kepimpinan politik di negara maju; dan (iii) kepimpinan politik di Malaysia.

3.2 KEPIMPINAN POLITIK DI NEGARA SEDANG MEMBANGUN

Telah banyak kajian dan karya telah dihasilkan tentang kepimpinan politik dalam sistem demokrasi di negara sedang membangun. Bagi tujuan sorotan literatur dalam bahagian ini, pengkaji telah memilih empat sahaja kajian lepas untuk diulas iaitu kajian Ogbeidi (2012), Powley (2005), Nzau (2011), dan Jalalzai dan Krook (2010).

Dalam kajiannya tentang kepimpinan politik, Ogbeidi (2012) menganalisis perkembangan politik demokrasi di Nigeria yang tidak pernah stabil semenjak merdeka pada tahun 1963 lagi. Kuasa pemerintahan pula silih berganti antara kerajaan awam dengan kerajaan tentera. Pemimpin tentera hilang kepercayaan kepada kerajaan awam disebabkan rasuah yang telah berakar umbi dan menjadi 'virus maut' dalam politik di Nigeria hingga mendorong tentera merampas kuasa. Malangnya, apabila berkuasa, kerajaan tentera juga terlibat dalam rasuah. Hal ini sekali lagi mendorong kepada rampasan kuasa untuk membetulkan keadaan, tetapi kesudahannya tetap sama iaitu

dibelenggu rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Rasuah telah merebak ke semua peringkat dalam sektor awam atau swasta. Kesannya, rakyatlah yang menjadi mangsa dan hidup dalam kemiskinan. Oleh sebab itu, novelis terkenal Chinua Achebe dalam karyanya *'The Trouble with Nigeria'* menyelar kesusahan rakyat Nigeria kerana diperintah oleh pemimpin yang buruk.

Analisis Ogbeidi tentang kepimpinan politik dan rasuah di Nigeria melalui empat republik yang melibatkan peralihan kuasa dari awam kepada tentera kepada awam semula. Republik Pertama bermula selepas merdeka di bawah pemerintahan Perdana Menteri Sir Abubakar Tafawa Balewa dan Presiden Nnamdi Azike. Kemudian dijatuhkan oleh Jeneral Aguiyi Ironsi melalui rampasan kuasa pada 15 Januari 1966. Ironsi pula digulingkan oleh Jeneral Yakubu Gowon yang kemudiannya digulingkan pula oleh Jeneral Murtada Mohammed pada Julai 1975 juga menerusi rampasan kuasa. Setelah Mohammed dibunuh, Nigeria diperintah oleh Jeneral Olusegun Obasanjo. Obasanjo kemudian menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam yang diterajui oleh Presiden Shehu Shagari—bermula Republik Kedua.

Kemudian Jeneral Muhammadu Bukhari merampas kuasa dari tangan Shagari demi membebaskan Nigeria dari belenggu pemimpin rasuah. Bukhari pula digulingkan oleh Jeneral Ibrahim Babangida melalui rampasan kuasa tanpa pertumpahan darah pada 27 Ogos 1985. Babangida kemudiannya menyerahkan kuasa kepada pemerintahan tentera-awam yang tidak dipilih iaitu Interim National Government pada 26 Ogos 1993 yang kemudiannya disingkirkan oleh Jeneral Sani Abacha pada 17 November 1993. Untuk menyelamatkan Nigeria, Jeneral Muhammadu Bukhari telah merampas kuasa dari Abacha dan wujudlah Republik Ketiga.

Abacha mati kerana diserang sakit jantung pada Januari 1998 menyebabkan Jeneral Abdulsalam Abubakar mengambil alih pemerintahan. Selepas 11 bulan berkuasa, pada Mei 1999 Abubakar menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam. Republik Keempat bermula apabila Jeneral Olusegun Obasanjo dipilih sebagai Presiden Nigeria pada tahun 1999 yang dilihat sebagai fasa pemulihan demokrasi dan memerangi

rasuah secara sistematik melalui transformasi ke arah tadbir urus yang baik di Nigeria setelah 16 tahun kejatuhan Republik Kedua pada tahun 1983.

Kepimpinan politik dalam empat republik di atas mempunyai pendekatan berbeza dalam memerangi rasuah—ada yang serius dan ada yang kurang bersemangat. Antara pemimpin yang serius memerangi rasuah ialah Ironsi. Kepimpinannya telah melakukan penyiasatan secara menyeluruh terhadap beberapa agensi awam dan perbadanan seperti Nigeria Railway Corporation, Nigeria Port Authority dan lain-lain termasuk menteri yang terlibat. Namun, hasratnya gagal kerana telah digulingkan melalui rampasan kuasa oleh Gowon. Akibat tidak serius memerangi rasuah, Gowon digulingkan oleh Muhammed. Presiden Muhammed telah menubuhkan The Federal Asset Investigation Panel tahun 1975 untuk menyiasat kes-kes rasuah. Ramai yang didapati bersalah kerana rasuah termasuk 10 daripada 12 orang Gabenor tentera rejim Gowon. Mereka dipecat dari jawatan gabenor dan ditamatkan dari perkhidmatan tentera. Malangnya, Mohammed telah dibunuh selepas enam bulan memerintah dan Jeneral Olusegun Obasanjo mengambil alih pemerintahan. Namun, Obasanjo kurang bersemangat untuk memerangi rasuah dan menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam—bermula Republik Kedua di bawah Presiden Shehu Shagari.

Gejala rasuah kembali menular dalam rejim Shagari dan dikatakan paling dahsyat berbanding rejim-rejim sebelumnya. Pegawai-pegawai awam sesuka hati membolot dana awam untuk kepentingan diri mereka, di mana dikatakan sebanyak \$16 bilion antara tahun 1979 hingga 1983 hasil minyak telah lesap semasa pemerintahan Shagari. Berlaku penipuan dalam dana awam dan audit kewangan kerajaan untuk menghapuskan bukti penyelewengan wang negara. Bagi menyelamatkan negara, Jeneral Bukhari telah merampas kuasa—bermula Republik Ketiga dengan matlamat memulihkan disiplin, integriti dan maruah pemimpin di mata orang awam.

Dalam rejim Bukhari, pemimpin dan pegawai awam yang rasuah dihadapkan ke tribunal siasatan untuk didakwa dan dihukum. Disebabkan terlalu obses memerangi rasuah, rejim Bukhari mengabaikan soal hak asasi dan kewarasan manusia. Akhirnya Jeneral Babangida merampas kuasa pada 27 Ogos 1985. Selama 13 tahun rejim

Babangida berkuasa, ia tidak serius memerangi rasuah dan bertindak membebaskan pemimpin yang dihukum rasuah semasa rejim Bukhari. Kerajaan menyerahkan semula harta yang telah dirampas kepada mereka. Tindakan Babangida dikritik hebat oleh pemimpin pembangkang awam. Disebabkan desakan yang sangat kuat, Babangida menyerahkan kuasa kepada pemerintahan tentera-awam iaitu Interim National Government pada 26 Ogos 1993 dan kemudiannya disingkirkan oleh Jeneral Sani Abacha pada 17 November 1993.

Rejim Abacha turut terbabit dengan rasuah. Ahli keluarga dan sekutunya dituduh telah melesapkan US\$4 bilion dana awam. Selepas kematiannya pada Januari 1998 Jeneral Abubakar mengambil alih pemerintahan. Selepas 11 bulan memerintah Abubakar menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam pada Mei 1999. Jeneral Obasanjo telah dipilih sebagai Presiden Nigeria. Era Obasanjo dilihat sebagai fasa pemulihan demokrasi dengan melakukan transformasi ke arah tadbir urus yang baik—bermula Republik Keempat. Usaha ini telah dilakukan selama 16 tahun sejak kejatuhan Republik Kedua tahun 1983. Kerajaan Obasanjo telah mengukuhkan undang-undang dan menubuhkan Independent Corruption Practices Commission (ICPC) dan Economic and Financial Crimes Commission (EFCC) untuk menyiasat rasuah. ICPC menyiasat kes-kes rasuah dan salah guna kuasa dalam sektor awam dan EFCC pula menyiasat organisasi dalam semua sektor. Malangnya, kedua-dua institusi ini tidak menunjukkan kesan yang besar dalam menghapuskan rasuah.

Keseluruhannya, analisis Ogbeidi mendapati kesan rasuah sangat besar dalam kepimpinan politik dan sistem demokrasi di Nigeria. Rampasan kuasa tentera untuk mengambil alih kerajaan tidak mampu menyelesaikan masalah kerana fenomena yang sama terus berlaku. Kesannya menyebabkan ekonomi dan pembangunan di Nigeria semakin mundur hingga membawa kepada kehancuran demokrasi apabila kerajaan tentera mengambil alih kuasa dari kerajaan awam. Rasuah sudah sebatu dalam kepimpinan politik di negara tersebut. Pemimpin dan kroninya kaya raya, tetapi rakyat dihimpit kemiskinan dan menderita kerana tiada pekerjaan, kemelesetan ekonomi, kemunduran dan sebagainya. Rasuah telah meletakkan kepimpinan Nigeria gagal dalam segala segi termasuk dari aspek pembangunan sosio-ekonomi.

Satu lagi kajian dilakukan oleh Powley (2005) yang menganalisis kepemimpinan politik wanita di Rwanda. Sejarah pembunuhan beramai-ramai di Rwanda pada tahun 1994 oleh pelampau Hutu (majoriti) terhadap kaum Tutsi (minoriti) dan Hutu (pertengahan) telah menyebabkan kira-kira 800 ribu orang terkorban (satu persepuluh daripada populasi Rwanda). Pembunuhan itu berakhir pada Julai 1994 apabila kaum Tutsi yang diterajui oleh Rwanda Patriotic Front (RPF) diketuai oleh Jeneral Juvenal Habyariman berjaya menamatkan perang saudara. Dalam tempoh 9 bulan berkuasa, RPF telah melakukan transisi dalam politik, di mana 22.7 peratus pemimpin wanita dipilih sebagai ahli parlimen. Hal ini ada kaitan dengan perlembagaan baharu yang digubal, inovasi sistem pilihan raya dan sistem kouta yang diperkenalkan untuk memberi peluang secara meluas kepada pemimpin wanita. Buktinya dalam pilihan raya umum Rwanda pada Oktober 2003 wakil rakyat wanita menguasai 48.8 peratus kerusi parlimen berbanding sebelumnya tidak sampai 18 peratus.

Selepas pembunuhan beramai-ramai, NGO wanita begitu aktif dan sangat berpengaruh di Rwanda. Ini dapat dilihat dalam proses penggubalan perlembagaan baharu, di mana 3 daripada 12 orang ahli Suruhanjaya Perlembagaan yang dilantik adalah wanita. Salah seorangnya bukan ahli politik iaitu Judith Kanakuze pakar gender yang banyak menggerakkan NGO wanita. NGO yang aktif adalah Pro-Femmes yang terlibat secara langsung dalam menggubal perlembagaan baharu Rwanda. Pro-Femmes turut mendesak kerajaan membuka peluang lebih luas kepada wanita menyertai politik dan memberi fokus kepada isu gender dan hak asasi seperti yang terkandung dalam Konvensyen 1979 Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Hasilnya, hak wanita dan kebebasan bersuara serta isu-isu etnik dijamin dalam perlembagaan. Melalui Pro-Femmes, pemimpin politik wanita berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti, khidmat nasihat kepada kerajaan dalam isu wanita, menggalakkan penyertaan wanita dalam politik dan menggalakkan perdamaian.

Melalui perlembagaan baharu yang dikuatkuasakan, terdapat dua jenis kerusi parlimen Rwanda iaitu kerusi terbuka dan kouta. Kerusi terbuka boleh ditandingi oleh sesiapa sahaja, tetapi sebanyak 24 daripada 80 kerusi parlimen adalah khas untuk wanita—hanya calon dan pengundi wanita sahaja yang terlibat yang dikendalikan oleh

Majlis Wanita Kebangsaan walaupun diadakan secara serentak dengan pilihan raya umum kerusi terbuka seperti pada Oktober 2003 dahulu. Atas sebab itu, wakil rakyat wanita menguasai hampir separuh kerusi parlimen Rwanda dan keseluruhannya sebanyak 39 kerusi dipegang oleh wanita. Ini menjadi asas penting dan peluang lebih luas kepada pemimpin wanita berperanan dalam badan pembuatan keputusan.

Dalam badan eksekutif dan pentadbiran, hak wanita terus terpelihara. Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Gender dan Wanita Dalam Pembangunan sebagai badan pembuatan keputusan yang penting bagi hal ehwal wanita. Selepas peristiwa pembunuhan beramai-ramai, peranan wanita semakin diperluaskan di semua peringkat pentadbiran (sektor, daerah dan provinsi). Di peringkat tempatan misalnya, kerajaan telah melantik 10 orang perwakilan wanita untuk memberi latihan kemahiran dan kesedaran tentang hak-hak wanita dan peluang untuk merebut jawatan ahli parlimen dalam pilihan raya. Ini adalah asas membuka minda kaum wanita untuk menjadi lebih dominan dalam politik dan setanding dengan pemimpin lelaki.

Walaupun perlembagaan dan Majlis Wanita Kebangsaan berjaya menaikkan martabat wanita di Rwanda, tetapi terdapat beberapa kelemahan yang menghalang mereka memainkan peranan lebih berkesan. Mereka dikatakan kekurangan sumber untuk menyokong pergerakan mereka dan banyak bergantung kepada sokongan NGO. Hal ini menghadkan pergerakan wanita untuk terus maju. Mereka turut mempunyai komitmen kepada keluarga masing-masing selain kerjaya politik. Ini ditambah dengan ramai wakil rakyat wanita Rwanda tidak berpendidikan tinggi. Atas sebab-sebab ini, pemimpin wanita banyak bergantung kepada NGO walaupun ruang telah terbuka melalui Perlembagaan 2003 Rwanda. Apa yang jelas, NGO dan wakil rakyat mempunyai hubungan erat dalam hal ehwal wanita di Rwanda.

Justeru itu, analisis Powley mendapati kepimpinan wanita Rwanda berjaya membentuk tiga mekanisme penting untuk membela nasib mereka iaitu melalui Pro-Femmes (NGO); Kementerian Gender dan Wanita Dalam Pembangunan (pentadbiran); dan perwakilan dalam badan perundangan (parlimen). Ketiga-tiga mekanisme ini telah meletakkan wanita Rwanda sebagai wakil rakyat jauh ke hadapan

berbanding negara-negara lain dalam parlimen. Suara wanita Rwanda menjadi semakin kuat apabila Pro-Femmes dan NGO-NGO lain berjaya mempengaruhi kerajaan dalam penggubalan perlembagaan baharu. Bagi mengukuhkan peranan wanita, Kementerian Gender dan Wanita Dalam Pembangunan ditubuhkan khas untuk menguruskan hal ehwal wanita. Dalam parlimen pula, mereka diberi kouta khas 24 kerusi hingga menjadikan bilangan wakil rakyat wanita semakin besar.

Jadi, kejayaan yang dicapai oleh NGO dan kepimpinan wanita di Rwanda telah mendapat pengiktirafan Agensi Amerika Syarikat Bagi Pembangunan Antarabangsa (USAID). Justeru itu, NGO wanita dilihat sebagai 'kelompok paling menggegarkan' (*most vibrant sector*) di Rwanda. Dengan kata lain, kejayaan kepimpinan wanita Rwanda juga disebabkan mereka mempunyai hubungan rapat dan mendapat kerjasama yang baik dari kerajaan. Oleh sebab itu, dalam pilihan raya parlimen April 2003, Presiden Paul Kagame menyeru agar wanita sedia menawarkan diri sebagai calon dan mengundi calon lelaki bagi mempertahankan hak dan melindungi kepentingan mereka. Peluang yang diberikan oleh kerajaan yang diterajui oleh RPF telah menjadi asas penting kejayaan kepimpinan wanita Rwanda.

Kejayaan pemimpin wanita disebabkan ketidakseimbangan demografi di Rwanda selepas peristiwa pembunuhan beramai-ramai akibat perang saudara. Ia menjadikan populasi wanita lebih 70 peratus berbanding lelaki di Rwanda. Ini merupakan kesempatan terbaik kepada wanita untuk memperkukuh kedudukan dalam politik dan badan pembuatan keputusan. Kejayaan yang dicapai oleh pemimpin wanita Rwanda menunjukkan mereka telah berjaya menembusi 'siling kaca' dalam menempatkan diri mereka dalam sistem politik demokrasi. Ia sekaligus menepis stereotaip bahawa pemimpin lelaki lebih dominan dan berpengaruh dalam politik walaupun mereka kekurangan dari segi pengalaman dan pendidikan.

Nzau (2011) pula mengkaji kepimpinan politik di Kenya. Kenya mengamalkan sistem demokrasi berparlimen semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1963 dari British. Namun, politik Kenya tidak pernah stabil semenjak merdeka dan sistem demokrasi tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pemimpin yang memerintah

Kenya menjadi diktator dan bersikap autokratik. Politik dalaman Kenya sentiasa bergolak dan berkonflik dengan negara-negara jiran. Pemimpin politik dan birokrat pula mempunyai hubungan dan pengaruh yang kuat dalam pembangunan di Kenya. Disebabkan salah urus pembangunan dan ekonomi, Kenya gagal mencapai kemajuan kerana kepimpinan dicemari unsur rasuah, kronisme, nepotisme dan tadbir urus yang sangat lemah.

Pemimpin-pemimpin politik Kenya berperanan dalam kerajaan dan parti politik. Kerajaan Kenya yang dipimpin oleh Presiden Jomo Kenyatta dari parti KANU (Kenya African National Union) semenjak merdeka tidak pernah stabil. Kenyatta berusaha membangunkan Kenya melalui pelaksanaan dasar yang mengambil kira pendekatan atas-bawah yang digunakan dalam sistem kapitalis—melaksanakan pembangunan dan perancangan secara berpusat. Walaupun menggunakan pendekatan kapitalis, tetapi Kenyatta cenderung berfahaman sosialis dari segi pemikiran politik yang dapat dilihat melalui dasar-dasar yang dilaksanakannya. Persoalannya, mampukah fahaman kapitalis dan sosialis digunakan dalam suatu masa yang sama untuk membangunkan Kenya?

Pada tahun 1965 Tom Mboya telah dibentangkan di Parliament Sessional Paper No.10 sebagai pelan tindakan pembangunan Kenya yang berasaskan idea sosialisme Afrika yang diperkukuh dengan semangat *Harambee*—slogan kebangsaan—bertujuan menggalakkan penyertaan jitu rakyat dalam pembangunan. Kerajaan pusat melalui Pejabat Presiden memberi segala arahan kepada Pentadbiran Wilayah untuk melaksanakan perancangan pembangunan. Realitinya, tiada kesan sosialisme dalam pembangunan Kenya kerana ia berasaskan model kapitalis Barat. Perancangan pembangunan Kenya dilaksanakan oleh Kementerian Perancangan dan Pembangunan Kebangsaan dengan kerjasama semua kementerian termasuk Pejabat Presiden dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kenya mempunyai pelan pembangunan iaitu Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang dilaksanakan semenjak merdeka. Jadi, kepimpinan peringkat Pentadbiran Wilayah memainkan peranan penting dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan di Kenya.

Sebenarnya Perang Dingin mempengaruhi politik di Kenya walaupun ia anggota NAM (Non Aligned Movement). Pemimpin Kenya menjalin hubungan baik dengan Britian, Amerika Syarikat dan Jerman Barat. Ia adalah strategi untuk mendapat bantuan ekonomi dan ketenteraan untuk menghadapi negara-negara jiran. Misalnya, Tanzania adalah negara sosialis. Uganda di bawah Idi Amin pemerintah tentera pada tahun 1975 mengisytiharkan sebahagian besar wilayah Kenya adalah wilayah Uganda. Di Ethiopia pula kerajaan Haile Sellasie jatuh ke tangan Junta Tentera Marxsis (*Dirge*) dipimpin oleh Mengistu Haile Mariam pada tahun 1974. Di Somalia pula, tentera Siad Barre telah merampas kuasa dan mengisytiharkan berfahaman sosialis. Ini semua ancaman kepada Kenya yang memaksa Kenyatta bekerjasama dengan Barat. Lantaran itu, ia dituduh memujuk Britian menerima Unilateral Declaration of Independence di Selatan Rhodesia (kini Zimbabwe) untuk menghapuskan dasar “*another apartheid South Africa*” oleh minoriti rakyat kulit putih yang diketuai oleh Ian Smith—dasar yang telah dipulau oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Perpaduan Afrika dan Negara-negara Komanwel kerana bersifat perkauman dan pemisahan.

Selain itu, parti KANU menghadapi konflik dalaman mulai tahun 1965. Pada tahun 1966 pemimpin seperti Jaramogi Oginga Odinga, Bildad Kaggia, Pio Gama Pinto, Achieng Ouko dan lain-lain keluar dari parti KANU yang dikuasai oleh Kenyatta, Tom Mboya dan Daniel Moi. Odinga menubuhkan parti Kenya People Union (KPU), tetapi diharamkan pada tahun 1969. Nasib yang sama menimpa pemimpin lain jika menentang kerajaan. Mereka dituduh berfahaman sosialis, di mana aktiviti mereka dihad dan sentiasa diawasi supaya tidak mengancam kerajaan. Walaupun mendukung fahaman liberal dan mempercayai sistem kapitalis, tetapi Kenyatta bertindak menjadi diktator melalui Tradisi Elder (Elder Tradition) yang memberinya kuasa sangat besar sebagai *patriarchal leader* untuk menjamin kestabilan Kenya. Para pemimpin pembangkang seperti Oginga Odinga, Martin Shikuku, Achieng Ouko, Jean Marie Seroney dan lain-lain dihukum tahanan dalam rumah, ditahan tanpa bicara dan hidup dalam buangan seperti Ngugi Wa Thiongo. Pembunuhan politik seperti Pio Gama Pinto tahun 1965, Tom Mboya (1969) dan JM Kariuki (1975) turut berlaku dalam pemerintahan Kenyatta.

Di samping itu, badan eksekutif cukup berkuasa di bawah rejim Kenyatta dalam urusan kerajaan dan mempengaruhi keputusan pilihan raya. Ia adalah petanda Kenyatta cenderung menjadi diktator dan bersikap autokratik serta menyekat kebebasan awam di Kenya. Manakala, para kroninya dan pegawai-pegawai awam telah menyalahgunakan dana awam untuk kepentingan diri sendiri. Mereka telah mengumpul kekayaan secara haram dari hasil negara. Malangnya, rakyat terus hidup dalam kemiskinan, di mana jurang antara kelas kaya dan kelas miskin sangat luas. Disebabkan hal ini, Kenya dikatakan sebuah negara “sepuluh jutawan dan sepuluh juta pengemis” kesan daripada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Ekoran kematian Kenyatta, kerajaan Kenya dipimpin oleh Moi sebagai Presiden. Moi mengikut jejak mentornya dengan falsafahnya *Nyayo* iaitu “keamanan, kasih sayang dan perpaduan.” Dalam pembangunan, Moi memberi fokus kepada kawasan luar bandar melalui program District Focus for Rural Development (DFRD). Program ini bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Wilayah melalui Jawatakuasa Pembangunan Daerah dan Jawatankuasa Pembangunan Bahagian. Malangnya, pentadbiran Moi turut dilanda rasuah dan nepotisme secara berleluasa dalam bidang pertanian, pengangkutan, komunikasi, perdagangan dan industri yang menjejaskan perancangan pembangunan sosio-ekonomi Kenya.

Justeru itu, pada tahun 1982 ada cubaan untuk menjatuhkan kerajaan Moi. Bagi memastikan dirinya terus berkuasa, pada tahun 1983 Moi telah meminda Seksyen 2(A) Perlembagaan Kenya dengan menjadikan Kenya mengamalkan sistem satu parti. Kemudian Seksyen 111 Perlembagaan dipinda bagi memberi kuasa mutlak kepada Presiden untuk mengawal penjawat awam dan Jabatan Perlembagaan yang mentafsir undang-undang. Melalui pindaan-pindaan tersebut, Moi telah menguasai instrumen pengawasan kerajaan melalui perkhidmatan awam untuk mengawal pembangunan negara. Parti KANU menjadi parti tunggal yang lebih dominan berbanding kabinet dan parlimen. Para pemimpin pembangkang yang menentang kerajaan seperti Raila Odinga, George Anyona, Mirugi Kariuki, dan lain-lain telah ditahan tanpa dibicarakan. Tindakannya terhadap para pemimpin pembangkang dianggap sangat keterlaluan dan ini menimbulkan kemarahan sekutunya di Barat yang mendukung kuat kebebasan

bersuara dan kesaksamaan berdasarkan nilai-nilai demokrasi. Disebabkan tindakannya tersebut, Amerika Syarikat, Britian dan Jerman telah mengurangkan bantuan ekonomi secara mendadak kepada Kenya. Kesannya prestasi ekonomi Kenya merundum dan tekanan politik semakin kuat. Jadi, pada tahun 1991 kerajaan telah meminda Seksyen 2(A) Perlembagaan untuk menghapuskan sistem satu parti dan membolehkan sistem pelbagai parti dilaksanakan. Namun begitu, Moi berjaya mengekalkan kuasa dalam pilihan raya umum tahun 1992 dan 1997.

Keadaan sangat berbeza dalam pilihan raya umum tahun 2002. Pemimpin pembangkang Mwai Kibaki telah menubuhkan National Alliance Rainbow Coalition (NARC) untuk menentang parti KANU. NARC berjaya membentuk kerajaan dan Kibaki dilantik menjadi Presiden. Peralihan kuasa tersebut merupakan detik baharu dalam sistem politik demokrasi di Kenya. Hubungan diplomatik dengan negara-negara luar seperti Amerika Syarikat dan Britian ditingkatkan melalui kerjasama ekonomi dan keselamatan termasuk juga dengan China dan Jepun. Kerajaan NARC menekankan soal integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam kepimpinan serta kedaulatan undang-undang yang menjamin hak semua kaum.

Kepimpinan Kibaki disifatkan sebagai zaman pemulihan demokrasi yang telah musnah selama 40 tahun di bawah rejim KANU. Kadar pertumbuhan ekonomi terus meningkat kepada 6 peratus dan keluaran domestik cukup untuk menampung belanjawan fiskal negara. Malangnya, dalam setahun dua kemudian, berlaku pergolakan politik di Kenya. Pemimpin-pemimpin elit melalui Referendum Perlembagaan tahun 2002 dianggap '*moment of change*' telah mendesak kerajaan mengambil tindakan secara besar-besaran menghapuskan rasuah dalam pentadbiran dan kepimpinan tertinggi negara. Kemuncaknya apabila keputusan pilihan raya umum Disember 2007 dipertikaikan kerana penuh kontroversi hingga menyebabkan berlakunya rusuhan. Insiden itu telah meletakkan Kenya sebagai '*almari ngeri*' (*horrific closet*) disebabkan keganasan, pembunuhan beramai-ramai dan berlakunya kemusnahan di merata tempat. Bagi menangani konflik berdarah tersebut, Kibaki menjalinkan kerjasama dengan parti pembangkang dan melantik Raila Odinga sebagai

Perdana Menteri. Namun, tindakan itu tidak menyelesaikan konflik kepemimpinan di Kenya.

Berdasarkan analisis Nzau di atas, dapatlah dirumus bahawa kepemimpinan politik mempunyai peranan penting dalam politik, pentadbiran dan pembangunan di Kenya. Pemimpin Kenya telah merencana pembangunan melalui pelbagai dasar yang telah dirangka khususnya bagi kawasan luar bandar seperti melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Namun, dasar-dasar pembangunan yang dijalankan gagal mencapai matlamat dan membangunkan Kenya. Kegagalan itu banyak dikaitkan dengan salah urus ekonomi dan pembangunan disebabkan rasuah dan penyelewengan dalam menguruskan dana awam. Kesan lain yang dapat dilihat dalam politik Kenya, di mana pemimpin cenderung menjadi autokratik dan gagal melaksanakan sistem demokrasi dengan betul demi memastikan kekal berkuasa walaupun rakyat menderita. Akhirnya berlakulah konflik yang membawa kesan tidak baik kepada sistem politik, sosial dan ekonomi di Kenya.

Satu lagi kajian tentang kepemimpinan politik telah dilakukan Jalalzai dan Krook (2010) yang membuat beberapa perbandingan dan menganalisis faktor yang membawa kejayaan kepada pemimpin wanita dunia seperti Benazir Bhutto di Pakistan, Hillary Clinton di Amerika Syarikat dan lain-lain yang telah menjadi Presiden, Perdana Menteri, Canselor dan Gabenor. Kemunculan pemimpin politik wanita sentiasa dibayangi oleh keunggulan pemimpin lelaki yang dominan selama ini. Sejarah dunia menunjukkan pemimpin wanita yang berjaya memecah dominasi lelaki seperti Indira Gandhi (India), Golda Meir (Israel), Sirimavo Bandaranaike (Sri Lanka), Isabel Peron (Argentina), Margaret Thatcher (Britian), Angela Merkel (Jerman), Michelle Bachelet (Chile) dan Ellen Johnson-Sirleaf (Liberia). Sementara itu, Sirimavo Bandaranaike adalah pemimpin wanita pertama (bukan raja) di dunia dilantik sebagai Perdana Menteri Sri Lanka pada tahun 1960. Dalam dekad yang sama, Indira Gandhi di India dan Golda Meir di Israel dilantik sebagai Perdana Menteri. Pada tahun 1974 Isabel Peron pula telah dipilih sebagai Presiden wanita pertama Argentina.

Kemunculan pemimpin wanita berwibawa semenjak kebelakangan ini seperti trend baharu dalam politik. Mereka mampu menumpaskan pemimpin lelaki sama ada di peringkat dalaman atau luaran parti. Dengan kata lain, kini peluang antara pemimpin wanita dan lelaki adalah terbuka dan kejayaan bergantung kepada faktor-faktor tertentu. Tidak semua pemimpin wanita yang berjaya disebabkan faktor nasib walaupun hal ini tidak dinafikan, tetapi hakikatnya mereka telah berjaya menempatkan diri mereka sebagai pemimpin yang berjaya. Hal ini menurut Jalalzai dan Krook ada kaitan dengan soal perlembagaan, demografi dan persekitaran politik dunia. Faktor-faktor inilah yang perlu dipertimbang dalam menilai kepimpinan Benazir Bhutto dalam sistem politik Pakistan. Selain itu, kemunculan pemimpin wanita seperti Bhutto dan lain-lain telah mencetuskan perbincangan dari segi gender dalam sistem politik. Justeru, ada penganalisis yang menilai kemunculan pemimpin wanita kerana kelebihan yang dimiliki mereka untuk memberi saingan kepada pemimpin lelaki. Dengan kata lain, kejayaan yang diperolehi dalam politik bukan kerana nasib dan simpati, tetapi disebabkan bakat, ketrampilan, karisma dan kredibiliti yang dimiliki—merit politik yang meletakkan wanita setanding lelaki dalam kepimpinan.

Walau bagaimanapun, sama ada Bhutto atau lain-lain pemimpin—termasuk juga lelaki—kemunculan mereka dalam politik tidak dapat lari dari faktor kekeluargaan dalam kepimpinan sebelumnya. Atas sebab itu ada yang mengaitkan mereka menumpang pengaruh keluarga dan bersimpati kepadanya kerana nasib buruk yang pernah menimpa keluarganya. Ada pula yang muncul disebabkan karisma yang dimilikinya. Hakikatnya, pemimpin wanita sudah sebaris dan mampu mengatasi keupayaan pemimpin lelaki. Kini pemimpin wanita menjadi pesaing utama kaum lelaki dalam mendapatkan kuasa politik. Oleh sebab itu, walaupun bilangan pemimpin wanita belum setanding dengan lelaki, tetapi sudah wujud petanda pemimpin wanita telah menjadi dominan dan sumber kuasa utama di beberapa buah negara.

Analisis Jalalzai dan Krook menunjukkan ada tiga pembolehubah penting boleh digunakan untuk memahami kemunculan pemimpin wanita dalam politik iaitu: institusi politik; sosial dan ekonomi; dan budaya. Dalam institusi politik, kemunculan pemimpin wanita lebih tinggi di negara yang mengamalkan pilihan raya berasaskan sistem

perwakilan bernisbah atau PR (*propotional representatives*) berbanding sistem majoriti mudah atau FPTP (*first-past-the-post*). Dalam sistem PR, penentuan perwakilan bergantung kepada kapasiti penduduk dalam sesuatu daerah dan semua parti politik boleh meletakkan calon masing-masing untuk bertanding. Dalam sistem FPTP, jumlah perwakilan mengikut bilangan kerusi yang dimenangi. Justeru itu, di Rwanda, Sweden dan beberapa negara lain, kedudukan wanita dalam badan perundangan lebih terbuka dan lebih ramai kerana mengamalkan pilihan raya berasaskan sistem PR.

Kedua, faktor sosial dan ekonomi. Tidak semestinya wanita yang berpendidikan rendah tidak boleh menjadi Presiden atau Perdana Menteri. Namun, kebanyakan yang berjaya adalah mereka yang berpendidikan tinggi. Selain pendidikan, penglibatan dalam NGO juga mampu meningkatkan populariti pemimpin wanita dalam memperjuangkan kepentingan rakyat. Begitu juga dari segi ekonomi. Kebanyakan pemimpin wanita yang berjaya mempunyai latar belakang ekonomi yang lebih baik berbanding pemimpin wanita yang lain, tetapi bukan bermakna pemimpin dari keluarga kelas bawah (kasta rendah) tidak boleh menjadi pemimpin. Jika aspek ini diambil kira, jelas Bhutto di Pakistan memiliki elemen-elemen tersebut hingga muncul sebagai pemimpin politik wanita unggul di Pakistan.

Ketiga, faktor budaya. Budaya politik di sesetengah negara sudah jauh berubah dan terbuka kepada semua tanpa mengira agama, status, etnik dan gender. Semua berpeluang untuk menjadi pemimpin sekiranya mendapat sokongan rakyat. Apabila budaya politik sudah berubah, ia secara langsung memberi penekanan kepada kesaksamaan dan keadilan khususnya dari segi gender. Walaupun di Arab Saudi tidak membenarkan wanita menjadi pemimpin, tetapi di negara-negara lain ia adalah terbuka. Di Rwanda misalnya selepas peristiwa pembunuhan beramai-ramai, perlembagaan negara tersebut memberi jaminan kepada wanita dalam politik, di mana kesannya hampir separuh perwakilan dalam parlimen adalah wanita. Bagi Bhutto, disebabkan budaya terbuka itulah membolehkannya menjadi pemimpin terkenal di Pakistan.

Dalam rumusan mengenai kemunculan wanita dalam politik dunia, Bhutto jelas memenuhi pembolehubah-pembolehubah di atas. Memang benar faktor keluarga tidak

boleh dilupakan walaupun itu bukan satu-satunya menjadi faktor kejayaan pemimpin wanita. Namun, dalam kes Bhutto, beliau telah mewarisi legasi kepemimpinan bapanya iaitu Zulfikar Ali Bhutto bekas Perdana Menteri Pakistan yang telah mengasaskan parti Pakistan People's Party (PPP) yang kemudiannya dipimpin oleh Bhutto. Situasi yang sama dapat disaksikan dalam kes Michelle Bachelet dari Chile dan Gloria Macapagal Arroyo dari Filipina, Indira Gandhi dari India dan Megawati Sukarnoputri dari Indonesia sama ada berdasarkan kepada bapa atau suami masing-masing merupakan faktor kemunculan mereka dalam politik hingga berjaya dipilih sebagai Presiden atau Perdana Menteri.

Secara umumnya, kajian yang telah dilakukan oleh Ogbeidi, Powley, Nzau, dan Jalalzai dan Krook ada persamaan dan perbezaan dengan kajian tesis ini. Dari segi persamaannya, semua kajian tersebut mengkaji kepemimpinan politik walaupun di negara yang berlainan. Semua negara yang dikaji adalah negara demokrasi seperti Malaysia walaupun keadaan politik di negara-negara berkenaan tidak pernah stabil. Kepimpinan politik yang dikaji adalah perwakilan (wakil rakyat) yang dipilih melalui pilihan raya dan berkuasa dalam badan eksekutif sebagai aktor penting dalam menentukan hala tuju negara sama seperti kajian ini.

Terdapat beberapa kelainan antara kajian-kajian di atas dengan kajian tesis ini walaupun fokus utama kepada kepemimpinan politik. Kajian Ogbeidi di Nigeria lebih kepada menilai kesan dan pengaruh kepemimpinan politik dalam pembangunan sama ada di bawah pemimpin awam atau tentera yang dicemari oleh rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Sementara itu, kajian Powley memberi tumpuan kepada kemunculan kepemimpinan (wakil rakyat) wanita di Rwanda yang jumlahnya hampir separuh daripada jumlah kerusi parlimen di negara tersebut. Jumlah yang besar ini dipengaruhi oleh perlembagaan dan sistem pilihan raya yang dikuatkuasakan. Sedangkan di Malaysia, kadar wakil rakyat wanita tidak sampai 10 peratus daripada keseluruhan perwakilan dalam parlimen dan DUN. Manakala, kajian Nzau terarah kepada kepemimpinan politik di Kenya yang cenderung ke arah autokratik dan diktator walaupun memimpin negara demokrasi disebabkan ingin mengekalkan kuasa. Bagi merealisasikan hasrat tersebut pemimpin politik di Kenya sanggup meminda perlembagaan untuk mewujudkan sistem

satu parti dan menafikan kewujudan pembangkang. Keadaan ini tidak berlaku di Malaysia kerana masih mengamalkan sistem pelbagai parti dan kewujudan pembangkang dalam pilihan raya tidak disekat walaupun politik demokrasi di negara ini masih dalam proses pengukuhan. Dalam pada itu, kajian Jalalzai dan Krook pula terarah kepada faktor kejayaan kepimpinan wanita dalam politik dunia seperti Benazir Bhutto dan lain-lain. Banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan pemimpin wanita seperti pengaruh keluarga, latar belakang pendidikan, ekonomi, karisma dan perlembagaan. Namun, di Malaysia masih belum ada pemimpin wanita yang berjaya menjadi Perdana Menteri dan Ketua Menteri walaupun tiada halangan dari segi undang-undang untuk mereka memegang jawatan tersebut.

Berdasarkan kepada kajian-kajian di atas, tiada satu pun yang memberi fokus kepada usaha mendefinisikan secara terperinci peranan dan tanggungjawab wakil rakyat. Oleh sebab itu, kajian ini berusaha mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam usaha mengklasifikasikan peranan wakil rakyat kepada tanggungjawab primer dan sekunder yang meliputi aspek parlimentari, konstituensi, parti politik dan penglibatan dalam badan sukarela atau NGO. Inilah yang membezakan kajian ini dengan kajian-kajian lepas yang telah diulas seperti di atas.

3.3 KEPIMPINAN POLITIK DI NEGARA MAJU

Di negara maju begitu banyak kajian dan karya tentang kepimpinan politik dan demokrasi telah dihasilkan berbanding di negara sedang membangun dan Malaysia. Bagi tujuan sorotan literatur dalam bahagian ini, empat kajian lepas dipilih iaitu kajian oleh Gallop (2009), Bengtsson dan Wass (2011), Colton (2012) dan Heppell (2007).

Gallop (2009) dalam kajiannya menganalisis peranan ahli parlimen di Australia yang begitu kompleks dengan pelbagai fungsi yang perlu dilaksanakan pada sesuatu masa. Hal ini telah meletakkan ahli parlimen di Australia sebagai aktor politik yang penting kepada masyarakat, pengundi, parti politik dan kerajaan, serta kepada sistem demokrasi itu sendiri. Ahli-ahli parlimen di New South Wales, Australia mempunyai akauntabiliti, tanggungjawab, kewajiban dan amanah yang perlu dilaksanakan mengikut

keperluan undang-undang. Ahli parlimen melakukan pelbagai tugas penting sebagai perantara, perunding, jurucakap, pemudahcara, aktivis sosial dan wakil kepada kerajaan di peringkat tempatan, domestik dan antarabangsa. Ini memberi gambaran betapa kompleksnya peranan dan tanggungjawab ahli parlimen untuk memenuhi keperluan politik, pentadbiran, sosial dan ekonomi. Ahli parlimen juga terlibat secara aktif dalam NGO sebagai aktivis sosial (khususnya pembangkang) untuk memperjuangkan kepentingan awam di Australia.

Dari segi politik, orientasi peranan ahli parlimen kini telah berubah kerana tidak lagi memfokuskan kepada tanggungjawab sebagai perwakilan dan ahli parti politik semata-mata. Ahli parlimen juga banyak terlibat dalam pelbagai aktiviti di luar parti dan peranannya sebagai perwakilan di luar parlimen. Apa yang pasti, setiap fungsi yang dimainkan—di luar atau dalam parti politik dan parlimen—mempunyai kaitan dengan kepentingan rakyat dan pengundi yang diwakilinya. Dengan kata lain, ahli parlimen begitu aktif mewakili kepentingan parti politik dan pengundi yang diwakilinya dengan terlibat dalam aktiviti-aktiviti sama ada bersifat formal atau tidak formal. Ini menunjukkan betapa kompleksnya peranan ahli parlimen. Dalam parti politik, ahli parlimen perlu menghadiri mesyuarat parti di peringkat cawangan, majlis tertinggi dan jawatankuasa dasar parti kerana tanggungjawabnya sebagai ahli dan pemimpin parti. Sebagai perwakilan pula, ahli parlimen memainkan peranan penting dalam mewakili pengundi untuk membawa suara mereka dalam badan perundangan tersebut dengan menyertai perbahasan parlimen, mesyuarat parti parlimen, ahli jawatankuasa parlimen, membangunkan fungsi portfolio jika memegang jawatan menteri (atau menteri bayangan), menghadiri majlis-majlis bagi pihak kerajaan (wakil), mengeluarkan kenyataan media dan banyak lagi yang perlu dilunaskan dalam satu-satu masa.

Jadi, jadual harian atau diari ahli parlimen pada setiap hari sentiasa dipenuhi dengan pelbagai aktiviti terutama yang tidak formal sifatnya yang dilakukan bersama komuniti atau kelompok tertentu dalam masyarakat. Banyak aktiviti berbentuk khidmat masyarakat dan kerja sosial dilakukan oleh ahli parlimen sama ada secara individu atau melalui parti politik dan NGO. Walau bagaimanapun, ahli parlimen tetap terikat dengan peraturan (undang-undang) yang wajib dilaksanakan atau mengikut budi biaca

(sukarela) demi kepentingan rakyat, parti politik dan kerajaan (kerajaan bayangan jika di pihak pembangkang). Justeru itu, peranan ahli parlimen disifatkan “*there is no official jobs description*” oleh Philip Norton seorang sarjana British, di mana tiada penjelasan khusus yang menunjukkan betapa luas dan pelbagai fungsi yang dimainkan oleh aktor politik ini.

Sama ada peranan tersebut merupakan tugas wajib (hakiki dan mengikut undang-undang) atau mengikut budi bicara (sukarela), ahli parlimen perlu komited dan melakukannya dengan bersungguh-sungguh terutamanya dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh sebab itu, tidak semestinya tugas ahli parlimen dalam pejabat (pusat khidmat ahli parlimen) sahaja, tetapi boleh bertugas di luar pejabat untuk bertemu pengundi, menjalankan siasatan, penyelidikan, bancian, dan sebagainya demi kepentingan rakyat yang diwakilinya. Ada ketikanya ahli parlimen perlu berada dalam majlis parlimen (peranan hakiki sebagai perwakilan dan ahli perundangan) untuk menggubal undang-undang. Dalam hal ini, Gallop menyifatkan parlimen sebagai sebuah kelab yang dikunjungi oleh ahli-ahlinya dalam masa-masa tertentu. Apa yang penting, ahli parlimen dapat melaksanakan fungsi dan tugasnya sebagai ahli politik yang boleh menjaga kebajikan, hal ehwal dan masa depan rakyat. Dengan kata lain, wakil rakyat bertanggungjawab sebagai pemberi panduan, pembela dan *ombudsman* untuk mewakili kepentingan rakyat yang telah memilihnya.

Hakikatnya, peranan ahli parlimen dalam sistem berparlimen di Australia sangat luas. Justeru itu, Gallop menyeru agar tiada sesiapa pun memandang rendah tanggungjawab yang dimainkan oleh ahli parlimen. Mereka memperoleh kuasa dari mandat yang diberikan oleh rakyat dan ada legitimasi terhadap kuasa yang dilaksanakan di sisi undang-undang. Jadi, melalui kuasa dan legitimasi itu, ahli parlimen boleh bergerak dan melakukan setiap aktiviti untuk kepentingan pengundi, parti politik, kerjayanya dan kerajaan. Di sini ahli parlimen memikul amanah, akauntabiliti dan komitmen kepada pihak-pihak yang diwakilinya (*stakeholders*). Justeru itu, dalam perbahasan parlimen misalnya, ahli parlimen diberi kekebalan untuk membahas, mengkritik, menyoal, menolak dan meluluskan rang undang-undang yang dibentangkan. Oleh itu, ahli parlimen perlu diberi kekebalan atau imuniti terhadap

segala yang dilakukannya dalam dewan parlimen sebagai perwakilan dan ahli perundangan. Dalam hal ini, soal kebebasan bersuara menurut Gallop tidak seharusnya disekat demi kepentingan parti politik, tetapi ahli parlimen perlu diberi keistimewaan untuk bercakap (bersuara) tanpa ada unsur-unsur memihak kepada kepentingan dan disiplin parti. Maksudnya, ahli parlimen perlu ada kekebalan dalam membincangkan isu-isu berkaitan kepentingan awam tanpa disekat oleh isu disiplin parti untuk lebih profesional dalam melaksanakan akauntabilitinya sebagai perwakilan politik.

Seterusnya, tanggungjawab ahli parlimen kepada pengundi cukup banyak dalam pelbagai isu. Walaupun ia bukan tugas rasmi, tetapi penting bagi ahli parlimen mengetahui dan menyelesaikan segala masalah rakyat di peringkat akar umbi. Atas sebab itu, Gallop telah mengulas bahawa Philip Norton menyatakan bahawa peranan ahli parlimen untuk menjaga keselamatan orang awam; mendengar pandangan rakyat tentang isu-isu semasa; menyediakan maklumat untuk pengetahuan umum; pemimpin di peringkat tempatan; pembela nasib golongan tertentu; dermawan dan sebagainya dalam kawasan yang diwakilinya. Ini menjadikan beban tugas dan tanggungjawab ahli parlimen bertambah kompleks. Atas sebab itu, Gallop menyarankan agar kerajaan Australia mengkaji beban dan tanggungjawab yang dipikul oleh ahli parlimen dan dibayar elaun yang setimpal dengan sumbangan mereka. Sumbangan mereka perlu dihargai dan diiktiraf melalui idea-idea baharu, perancangan strategik dan perkongsian kreatif ke arah pembangunan masyarakat.

Dalam kerja-kerja parti politik pula, dalam sistem demokrasi berparlimen seperti di Australia, kecuali ahli parlimen Bebas semua mewakili parti politik tertentu dalam parlimen. Justeru itu, setiap ahli parlimen mempunyai tanggungjawab kepada parti politik yang diwakilinya. Melalui parti politik, ahli parlimen mengharapkan rakyat dapat terus memberi sokongan kepadanya. Oleh sebab itu, ahli parlimen perlu komited dan mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan parti. Antara tugas yang boleh dilakukan oleh ahli parlimen ialah meningkatkan sokongan rakyat kepada parti, menyertai jawatankuasa dasar parti, mengumpul dana dan kewangan parti, merencana pelbagai program atau aktiviti untuk membangunkan parti dan sebagainya. Dalam hal ini, Gallop menyifatkan sumbangan ahli parlimen kepada parti politik dan sebaliknya

boleh menentukan kejayaan atau kegagalan seorang pemimpin dalam politik. Dengan kata lain, kebanyakan pemimpin berjaya melalui parti politik dan kejatuhannya pun dalam parti politik yang sama. Sementara itu, dalam sistem demokrasi berparlimen, parti-parti politik memainkan peranan penting dalam parlimen yang diwakili oleh ahli-ahli parlimen yang telah dipilih. Justeru itu, tidak kira parti kerajaan atau pembangkang, semua ahli parlimen mempunyai peranan penting dan perlu bekerjasama dalam satu pasukan untuk kepentingan parti dalam parlimen. Keadaan ini berlaku dalam Australian Labour Party apabila ahli parlimennya dapat memainkan peranan masing-masing dengan berkesan dalam parlimen untuk kepentingan parti. Justeru itu, ahli parlimen mempunyai akauntabiliti terhadap parti politik masing-masing dalam perbahasan parlimen, di samping mewakili rakyat yang telah memilihnya.

Selain peranan kepada parti politik, ahli parlimen Australia sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang mempunyai portfolio masing-masing yang menentukan tanggungjawab mereka sebagai menteri kabinet (pemerintah) atau kabinet bayangan (pembangkang). Dalam badan eksekutif, ia memerlukan ahli parlimen mempunyai pengetahuan yang luas untuk melaksanakan tanggungjawab untuk kepentingan bersama dan pihak yang berkepentingan dengan ahli parlimen berkenaan. Jadi, apabila dalam kerajaan (kabinet), maka ahli parlimen mengambil tanggungjawab sebagai pembuat keputusan, menerajui jabatan dan agensi tertentu, menjadi sebahagian daripada sistem penyampaian perkhidmatan, memantau soal disiplin ahli parti dan pegawai awam serta mengatasi kekangan yang timbul dalam negara. Semua tanggungjawab ini perlu dilakukan dengan penuh komitmen dan memerlukan masa serta tenaga.

Berdasarkan perbincangan di atas, Gallop merumuskan bahawa ahli parlimen di Australia mempunyai fungsi yang sangat luas. Fungsinya tidak hanya sebagai ahli parlimen atau perwakilan, bahkan mewakili komuniti dan semua aktiviti yang berkaitan dengannya seperti agama, sosial, budaya, sukan dan kebajikan. Menurut Gallop, fungsi-fungsi dalam aspek ini sudah menjadi tradisi dalam sistem politik di Australia. Selain mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan semua fungsi tersebut, ahli parlimen perlu mengalu-alukan dan menggalakkan seluruh lapisan masyarakat untuk mengambil bahagian atau turut serta secara aktif dalam setiap aktiviti yang dianjurkan

oleh pejabat ahli parlimen itu sendiri, parti politik dan kerajaan. Justeru itu, melalui penglibatan dan tanggungjawab melaksanakan segala fungsi yang telah disebutkan di atas, ia memberi pengalaman yang besar ahli parlimen sebagai pemimpin politik.

Akhir sekali Gallop menyuarakan agar ahli parlimen perlu mengambil tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan penuh semangat untuk kepentingan rakyat. Dalam masa yang sama mereka perlu lebih profesional sebagai suatu pendekatan penting untuk menjadi pemimpin yang berkaliber dan berwibawa. Bagi mencapai matlamat ini, ahli parlimen perlu ada garis panduan dan peraturan khas yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan peranan masing-masing terutamanya berlandaskan kepada keperluan undang-undang. Dengan cara itu, ahli parlimen boleh meningkatkan prestasinya dari semasa ke semasa kerana banyak urusan yang perlu diselesaikan seperti mesyuarat, surat menyurat, dialog, ucapan, perbincangan, penyelidikan, kerja sosial dan sebagainya. Komitmen dalam hal-hal ini sangat penting khususnya kepada ahli parlimen yang memegang jawatan dalam kabinet, di mana mereka perlu menerapkan prinsip pengurusan strategik untuk menghasilkan *output* yang terbaik. Ahli parlimen juga perlu membangunkan pelan pengurusan strategik dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, parti politik, kerajaan dan parlimen itu sendiri. Apa yang penting, ahli parlimen mampu menghasilkan sesuatu yang berkualiti dan prestasi yang baik sepanjang tempoh berkhidmat sebagai perwakilan walaupun berhadapan dengan *status-quo* badan eksekutif yang dominan dalam sistem demokrasi berparlimen di Australia.

Tidak banyak perbezaan berbanding kajian Gallop di atas, Bengtsson dan Wass (2011) juga mengkaji peranan ahli parlimen dengan menilainya dari perspektif rakyat di Finland. Pada umumnya masyarakat di negara itu memahami perwakilan berfungsi selaras dengan kepentingan rakyat. Di sini ahli parlimen berperanan secara langsung kepada pengundi dalam kawasan yang diwakilinya. Oleh sebab itu, sebagai perwakilan yang telah dipilih melalui pilih raya, ahli parlimen perlu melaksanakan tanggungjawab dan fungsinya dengan cekap dan berkesan bagi kepentingan awam atau tempatan. Dalam hal ini, analisis Bengtsson dan Wass menunjukkan pilihan raya merupakan aktiviti politik yang berperanan dalam membentuk hubungan antara parti politik dan

ahli parlimen dengan rakyat. Dalam konteks demokrasi berperwakilan, parti politik bertanggungjawab mengetengahkan calon untuk merebut kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya. Di Finland, rakyatnya berpeluang memilih ahli parlimen melalui sistem perwakilan bernisbah atau PR (*propotional representatives*). Jadi, konsep 'perwakilan' menurut Bengtsson dan Wass membentuk hubungan antara ahli parlimen dengan pengundi. Dalam memahami perspektif rakyat tentang peranan ahli parlimen, mereka telah menjalankan kajian di Finland selepas pilihan raya umum tahun 2007.

Peranan ahli parlimen di Finland boleh diteliti berdasarkan fokus (tumpuan) yang mempunyai pengaruh ke atas peranan ahli parlimen. Timbul persoalan, kepentingan siapakah yang diwakilinya? Apakah kaitan dengan pihak yang diwakilinya? Pada asasnya, fokus ahli parlimen adalah kepada kepentingan rakyat. Ia secara langsung melibatkan tanggungjawab kepada konstituensi (bahagian) yang diwakilinya. Berhubung perkara ini, Bengtsson dan Wass membahagikan fokus peranan wakil rakyat dalam konstituensi kepada tiga kategori. Pertama, fokus kepada faktor geografi seperti negara, wilayah dan daerah. Kedua, fokus kepada fungsi kumpulan seperti agama, etnik, ekonomi dan ideologi. Terakhir, fokus kepada faktor individual (perseorangan). Ini ditambah pula dengan fokus kepentingan parti politik.

Perwakilan geografi (*geographical representation*) memfokuskan kepada tanggungjawab terhadap kepentingan rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakili. Dalam fokus ini, ahli parlimen bertanggungjawab menjaga kepentingan tempatan dan bertindak sebagai jurucakap. Dalam situasi ini, Bengtsson dan Wass menggambarkan ahli parlimen adalah 'milik' masyarakat bagi kawasan (geografi) berkenaan misalnya di bandar dan luar bandar. Apabila telah dipilih (memenangi kerusi pilihan raya), ahli parlimen adalah milik rakyat kawasan tersebut dan secara rasminya menjadi wakil kepada mereka dalam majlis parlimen. Bagi mendapatkan kedudukan itu, parti politik berfungsi dalam meletakkan calon-calonnya bagi merebut 15 kerusi bagi setiap daerah pilihan raya yang telah ditetapkan di Finland.

Dalam sistem politik Finland, pengaruh parti politik sangat signifikan dalam menilai peranan ahli parlimen. Selain bertanggungjawab kepada pengundi dan kawasan

yang diwakilinya, ahli parlimen juga mempunyai tanggungjawab untuk kepentingan partinya. Oleh sebab itu, Bengtsson dan Wass menjelaskan fokus peranan ahli parlimen juga terarah kepada pembangunan parti politik—sebagai perwakilan parti (*party representation*). Dalam kes Finland, ahli parlimen terikat dengan etika, disiplin dan peraturan parti walaupun ia mewakili kawasan (dan rakyat) pilihan raya dalam parlimen. Soal disiplin dan peraturan parti yang ketat menjadi penghalang kepada ahli parlimen untuk lebih terbuka, bebas dan rasional di dalam perbahasan atau perdebatan dalam parlimen. Hal ini menyebabkan ia perlu memberi fokus kepada kepentingan parti di samping kepentingan awam dalam parlimen.

Selain fokus kepada parti dan kawasan pilihan raya, peranan ahli parlimen turut dipengaruhi oleh aspek individu (*individual representation*) yang disifatkan lebih mencabar. Tidak semestinya ahli parlimen itu dipilih disebabkan oleh kekuatan parti dan besarnya saiz pengundi dalam kawasan tersebut, tetapi ia dipengaruhi oleh ciri-ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh seseorang itu. Apabila telah dipilih sebagai ahli parlimen, perwakilan itu mempunyai komitmen dan tanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Bagi sesetengah ahli parlimen, ia menganggap dirinya secara individu (bukan parti) mewakili kepentingan pengundi. Ini telah menjadi sebahagian daripada tugas pentingnya. Faktor ini juga dianggap sebagai penentu kepada ahli parlimen untuk dipilih semula dalam pilihan raya akan datang. Oleh sebab itu, amat penting bagi ahli parlimen membentuk hubungan peribadi yang baik dengan pengundi.

Seterusnya, ahli parlimen memegang status sebagai perwakilan adalah pemegang amanah (*trustee representative*). Hal ini ada kaitan dengan gaya kepimpinan yang dipamerkan oleh ahli parlimen. Sebagai pemegang amanah, ahli parlimen perlu membuat keputusan politik yang dapat memberi manfaat kepada rakyat yang diwakilinya. Berhubung hal ini, dalam parlimen sepatutnya perwakilan bebas untuk membuat sebarang keputusan terbaik untuk kepentingan rakyat tanpa dipengaruhi disiplin parti politik. Sebagai pemegang amanah, ahli parlimen berhak mengundi, meluluskan, menyokong, mengkritik dan sebagainya setiap rang undang-undang dan dasar yang dibahaskan dalam parlimen. Bagi tujuan tersebut, ahli parlimen disarankan

agar berkomunikasi secara langsung dengan pengundi tanpa melalui parti politik. Ini memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat.

Dapatan kajian Bengtsson dan Wass dari perspektif rakyat mendapati mereka memahami peranan ahli parlimen dipengaruhi oleh faktor geografi, parti politik, pengundi dan matlamat diri (individu). Jadi, apabila kepentingan bercanggah, ia mempunyai kesan ke atas ahli parlimen itu sendiri. Walaupun diakui pengaruh parti politik sangat penting, tetapi penentu (penjamin) kedudukan ahli parlimen dalam parlimen adalah pengundi (rakyat). Justeru itu, ahli parlimen sentiasa berusaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Semua tanggungjawab berdasarkan fokus di atas memerlukan komitmen yang tinggi daripada ahli parlimen. Dari perspektif rakyat, dapatan kajian Bengtsson dan Wass menunjuk mereka memahami keperluan atau fokus peranan ahli parlimen untuk kepentingan kawasan (geografi) (49 peratus penilaian responden). Ini adalah paling utama dari perspektif rakyat dan diikuti oleh fokus kepada kepentingan pengundi (22 peratus). Matlamat dan kepentingan parti (18 peratus) dari penilaian (perspektif) rakyat berada di kedudukan ketiga dari segi keutamaannya. Manakala, matlamat diri sendiri (individual) (11 peratus) merupakan pilihan terakhir responden terhadap perspektif mereka tentang peranan ahli parlimen.

Berdasarkan penemuan di atas, jelas menunjukkan bahawa perspektif rakyat terhadap peranan ahli parlimen lebih fokus kepada faktor geografi dalam mewakili kepentingan tempatan dan diikuti kepentingan pengundi dalam kawasan pilihan raya berkenaan. Jadi, boleh dirumuskan bahawa dari perspektif rakyat menunjukkan peranan ahli parlimen di Finland tidak perlu memberi fokus kepada kepentingan parti politik dan matlamat individu. Dengan kata lain, rakyat di Finland memahami peranan perwakilan (ahli parlimen) untuk mewakili kepentingan rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Jadi, di Finland masyarakatnya lebih mengutamakan kepentingan awam berbanding parti politik dan diri sendiri. Walau bagaimanapun, rakyat Finland mempercayai keupayaan dan kemampuan ahli parlimen terhadap '*common good*' berbanding kepentingan peribadi.

Seterusnya Colton (2012) mengkaji keberkesanan (*effectiveness*) kepimpinan politik dan kesannya (*impact*) ke atas negara-negara bekas Kesatuan Soviet. Colton dalam analisisnya menyifatkan walaupun isu kepimpinan selepas berakhirnya komunisme di Kesatuan Soviet kurang diberi perhatian oleh ahli-ahli sains politik dalam kajian-kajian mereka, tetapi peranan kepimpinan politik dan pemimpin yang menerajui Negara-negara Komanwel Merdeka atau CIS (*Commonwealth Independent States*) itu banyak mempengaruhi pembangunan dan kemajuan di negara masing-masing. Dalam hal ini, Colton mengemukakan pertanyaan, apakah yang dapat dipelajari tentang kepimpinan politik di negara-negara pasca-komunis tersebut? Bagi Colton adalah tidak adil jika dikatakan tidak banyak yang diketahui dalam beberapa isu seperti ekonomi politik, reka bentuk institusi, konflik etnik, pendapat umum dan pilihan raya di negara-negara CIS. Jika hal seperti itu timbul, bagi Colton itu menunjukkan tidak banyak yang dapat dipelajari tentang kepimpinan politik di negara-negara bekas komunis Kesatuan Soviet.

Di Rusia misalnya, para sarjana banyak memberi fokus dalam kajian mereka terhadap isu dan peranan kepimpinan Gorbachev, Yeltsin dan kemudiannya Putin. Ketiga-tiga pemimpin ini adalah sangat berpengaruh di Rusia serta di negara-negara CIS yang lain. Namun, Colton mengakui disiplin sains pada umumnya mendapati kepimpinan politik merupakan fenomena yang sukar dikaji. Kajian biasanya tertumpu kepada pemikiran politik terhadap pemimpin dan biografinya, terdapat juga kajian-kajian mengenai idea-idea politik pemimpin dan lain-lain mengikut kecenderungan pengkaji atau penulis. Berhubung hal ini, Colton menjelaskan ianya menjadi sukar disebabkan beberapa perkara misalnya sifat dan kepimpinan individu pemimpin itu sendiri agak unik atau aneh, tiada testimoni yang jelas untuk dinilai, pemikiran politik yang samar-samar dan sebagainya. Namun, isu-isu ini boleh dijadikan kayu pengukur dalam menilai kepimpinan politik dan kesannya di negara-negara bekas komunis Kesatuan Soviet.

Selepas tamatnya komunisme, pemimpin-pemimpin politik mengambil masa yang agak panjang dan melalui kesukaran untuk menerapkan ideologi liberal demokrasi dan sistem ekonomi yang terbuka menyebabkan kepimpinan mereka kurang berkesan

dan matlamat politik yang samar-samar. Dengan kata lain, pemimpin-pemimpin politik yang berkuasa di negara-negara CIS berhadapan dengan situasi untuk menghapuskan fahaman komunis dan menerapkan fahaman liberal dalam kalangan masyarakatnya. Di peringkat awal mereka berhadapan dengan kesukaran untuk memecah tembok tersebut hingga mewujudkan cabaran politik yang baharu yang menggugat kedudukan pemimpin berkenaan. Misalnya, pada awal tahun 1990an, ada golongan yang oportunis ke arah kebangkitan nasional, pembangunan, tamadun Euro-Atlantic dan sebagainya. Dalam masa yang sama, ada golongan pemimpin dan pengikutnya lebih terarah kepada usaha-usaha secara kondusif membentuk mobilisasi ekonomi, sosial dan politik serta pembangunan pasca-komunis. Ini adalah sebahagian pilihan yang pemimpin ada untuk kepentingan politik, sosial dan budaya dalam keadaan yang terbatas hingga menimbulkan kekecewaan dan membawa kepada konflik politik di negara-negara pasca-komunis Kesatuan Soviet.

Justeru itu, menurut Colton, para pemimpin pasca-komunis tiada pilihan. Mereka perlu berusaha membina institusi, amalan dan norma politik yang sesuai dalam sistem demokrasi serta menstrukturkan pemikiran atau pemahaman politik untuk menerima ideologi baharu sebagai pengganti kepada komunisme. Hal ini dilakukan oleh Vladimir Putin pada Oktober 2011 apabila beliau 'mengetatkan skru' demokrasi di Rusia yang telah menunjukkan perubahan yang mencatatkan pada awal tahun 2000 berbanding apa yang telah dilakukan oleh pemimpin terdahulu iaitu Yeltsin dan rakan sekutu Yeltsin sebelum itu. Hal ini kerana kebanyakan pemimpin pasca-komunis di negara CIS tidak menunjukkan banyak perbezaan antara satu sama lain dalam membentuk pemikiran, hala tuju (misi), ideologi, perancangan dan pendekatan dalam memimpin negara masing-masing, di mana akhirnya memberi kesan dari segi keberkesanan kepimpinan itu sendiri.

Dalam penilaiannya, analisis Colton mendapati kepimpinan pasca-komunis yang berjaya adalah pemimpin yang mampu mencapai matlamatnya melalui pelbagai pendekatan tersendiri. Jadi, kejayaan kepimpinan politik menurut Colton boleh dinilai melalui dua dimensi iaitu keberkesanan dan kesan seperti telah disebutkan di atas. Keberkesanan berkait dengan apa yang telah dilakukan oleh pemimpin bagi mencapai

matlamatnya. Di sini pemimpin politik perlu menunjukkan bukan sahaja dari segi perancangan, idea, pelaksanaan dan sebagainya, ia juga melibatkan soal kemampuan pemimpin untuk berpidato, mahir dalam pengucapan awam dan jelas dari segi misi dan visi yang hendak dicapai hingga menjamin kejaya politiknya. Menurut Colton, hal ini menjadi suatu gambaran umum apa yang cuba dicapai oleh pemimpin dan menjadi kayu pengukur kepada pencapaian mereka masing-masing. Kayu pengukur kedua adalah kesan. Tiap-tiap kepimpinan sama ada menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi atau rendah mempunyai kesan tersendiri dalam negara yang diperintahnya. Apa yang diharapkan seperti mana di negara CIS, pemimpin mampu melakukan sesuatu perubahan dan membawa kejayaan dalam kepimpinan masing-masing. Dengan kata lain, pemimpin sebenarnya telah banyak mengubah dunia dan sejauhmana ia mampu melakukannya bergantung kepada keberkesanan kepimpinan seperti yang berlaku di negara-negara CIS.

Dalam penilaiannya terhadap kepimpinan di negara CIS, Colton membahagikannya kepada kumpulan pemimpin yang berimpak (kesan) tinggi dan rendah—di antara kedua-dua kategori ini adalah kesan samar-samar. Terdapat pemimpin yang mempunyai keberkesanan yang tinggi dalam kepimpinannya dan berkesan (tinggi) kepada negara yang diterajuinya. Sebaliknya, terdapat pemimpin yang mempunyai keberkesanan yang tinggi, tetapi tidak berkesan dalam kepimpinannya. Dalam pada itu, terdapat dari segi keberkesanan yang rendah dan kesannya juga renda. Jadi, dalam menilai kepimpinan politik di negara CIS, Colton memudahkannya dalam matrik seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Kepimpinan: Keberkesanan dan Kesan

Penilaian	Tidak berkesan	Berkesan
Kesan Rendah	Yushchenko, Shushkevich	Ilham Aliyev
Kesan Samar-samar	Kuchma, Medvedev	Yeltsin, Kravchuk, Saakashvili
Kesan Tinggi	Gorbachev, Bakiyev	Putin, Otunbayeva, Nazarbayev, Lukashenka

Bagi Colton, antara pemimpin yang berimpak rendah yang tidak berkesan ialah Viktor Yushchenko, Presiden Ukraine dari tahun 2005 hingga 2010. Yushchenko adalah *prototaip* pemimpin yang tidak berkesan kerana tidak mencapai objektif yang telah ditetapkannya sendiri selaku Presiden dan gagal mengubah (kesan) masyarakat Ukraine. Lebih teruk lagi, pada tahun 2010 beliau telah kalah dalam pilihan raya untuk dipilih semula sebagai Presiden kepada individu yang telah dikalahkannya dalam Orange Revolution of 2004 dahulu. Sementara itu, Stanislau Shushkevich, pemimpin utama di Belarus pada awal tahun 1990an boleh juga diletakkan dalam kategori seperti Yushchenko. Sementara itu, Vladimir Putin (termasuk Roza Otunbayeva Kyrgyzstan dan Nursultan Nazarbayev dari Kazakhstan; dan Alyaksandr Lukashenka dari Belarus) adalah pemimpin pasca-komunis yang berkesan dan memberi impak tinggi dalam politik di negara masing-masing.

Mikhail Gorbachev (pemimpin terakhir komunis) menunjukkan kepimpinan yang keberkesanan (tinggi), tetapi memberi impak yang rendah berbanding Putin. Kegagalannya apabila Kesatuan Soviet telah berpecah dan berakhirnya komunisme, di mana Boris Yeltsin mengambil alih pemerintahan demokrasi di Rusia selepas itu. Sementara itu, Ilham Aliyev Presiden Azerbaijan semenjak menggantikan bapanya Heydar Aliyev pada tahun 2003 adalah pemimpin yang mempunyai keberkesanan kepimpinan yang tinggi, tetapi kesan yang rendah walaupun mampu memerintah negaranya dalam politik yang stabil. Selain itu, beberapa kepimpinan politik menunjukkan pencapaian mereka masih samar-samar (tidak dapat dinilai keberkesanan dan kesannya secara jelas) seperti Leonid Kuchma (Ukraine) dan Dmitrii Medvedev (Rusia). Kedua-dua pemimpin ini menurut analisis Colton gagal merealisasikan matlamat politik di negara masing-masing. Begitu juga dalam situasi Boris Yeltsin (Rusia), Viktor Kravchuk (Ukraine) dan Mikhail Saakashvili (Georgia) walaupun kelihatan mampu menyesuaikan diri—berkesan dalam kepimpinan—namun masih kabur dari segi impak (kesan) yang ditunjukkan sepanjang berkuasa di negara masing-masing.

Dalam rumusannya tentang kepimpinan pasca-komunis, Colton mendapati sama ada pemimpin itu berkesan dan mampu memberi kesan yang besar kepada negara

masing-masing, ianya dipengaruhi oleh pendekatan dan penerimaan rakyat terhadap usaha memperkukuh demokrasi itu sendiri. Mobiliti sosial dan politik dari komunis kepada demokrasi memerlukan penyesuaian bukan sahaja dari segi kepimpinan dan dasar-dasar yang dilaksanakan, tetapi pemahaman masyarakat mengenainya yang telah disosialisasikan sejak sekian lama dalam fahaman komunisme. Jadi, ini adalah peranan kepimpinan politik untuk mengubah *status quo* tersebut termasuk gaya kepimpinan yang mereka tonjolkan. Dalam hal ini, Colton menyuarakan supaya kepimpinan politik bersedia untuk membentuk suatu sistem politik yang lebih kondusif dalam sistem dan strata sosio-politik yang telah berubah. Justeru itu, kepimpinan yang berjaya dalam sistem demokrasi ke arah membangunkan negaranya dan membentuk politik yang stabil adalah pemimpin yang berkesan dan memberi impak yang tinggi ke atas politik negara berkenaan. Dengan cara itu, lama-kelamaan kesannya fahaman komunisme boleh menghilang dari pemikiran masyarakat di negara-negara CIS.

Seorang lagi sarjana Heppell (2007) dalam kajiannya telah menganalisis kepimpinan John Major bekas Perdana Menteri Britian selepas persaraannya. Setelah meninggalkan pentas politik dan peneraju kepada Parti Konservatif, reputasi Major merundum dengan penguasaan Tony Blair dan Parti Buruh Baharu semakin dominan selepas itu. Oleh sebab itu, ada pihak berusaha untuk menafikan sumbangan Major dengan menyelar kepimpinannya tidak berkesan dalam politik dan pentadbiran di Britian ketika berkuasa. Selain itu, kepimpinan Major sentiasa dibayangi kehebatan dan kecemerlangan Margaret Thatcher sebagai Perdana Menteri dan pendahulunya dalam menerajui pemerintahan di Britian dan Parti Konservatif.

Justeru itu, Heppell berusaha menganalisis permasalahan di atas dan kebenarannya dalam kepimpinan Major. Tidak adil jika menerima persepsi umum tanpa mengetahui kepimpinan Major secara terperinci. Hakikatnya, Major dikritik hebat apabila Parti Konservatif di bawah pimpinannya gagal mengekalkan kuasa di Britian. Oleh sebab itu, Major dikatakan pemimpin yang lemah dan tidak berkesan hingga menyebabkan reputasi kecekapan Parti Konservatif dalam pentadbiran telah lenyap. Major dituduh gagal memperkenalkan strategi pilihan raya yang berkesan hingga kalah kepada Parti Buruh Baharu. Ekoran dari kekalahan tersebut, Major dikritik hebat

oleh penyokong dan ahli partinya sendiri. Ada pendapat lain melihat bahawa kejatuhan Major dan partinya tidak hanya disebabkan oleh ketidakberkesanan kepimpinannya dan parti pembangkang, tetapi dibayangi oleh ketidakakuran para penyokong dan ahli partinya terhadap Major selepas pengunduran Thatcher. Oleh sebab itu, Heppell mengambil kira dua elemen utama iaitu, cita-cita politik dan gaya kepimpinan dalam menilai kepimpinan Major.

Sepanjang tempoh berkuasa, Major mempunyai misi dan visi politiknya sendiri dalam usaha mengekalkan kuasa dan membawa kemajuan kepada Britain. Major mempunyai pendekatan tersendiri yang dikenali sebagai 'Majorisme' dalam merealisasikan misi politiknya dan ingin keluar dari bayang-bayang Thatcherisme dalam aspek politik dan ekonomi sebagai kuasa utama dunia. Menurut Heppell, taktik digunakan Major lebih terarah kepada pendekatan pragmatik dan bukannya strategi hingga menimbulkan percanggahan ideologi (antara Majorisme dan Thatcherisme) yang membawa kepada kekeliruan dan merosakkan perpaduan partinya. Hal ini menjadi punca kelemahan dalam kepimpinan Major dan sokongan rakyat kian merosot terhadap Parti Konservatif. Selain itu, banyak dasar dan pendekatan yang dilaksanakan dalam kepimpinan Major adalah samar-samar walaupun beliau berusaha mengekalkan perpaduan dan kompromi dalam politik di peringkat domestik dan antarabangsa. Justeru itu, matlamat politik yang samar-samar itu menjadi kelemahan dan membawa maut kepada Parti Konservatif dan lantas Blair mengambil kesempatan ini untuk mempromosi misi dan visi parti politik pimpinannya.

Dari segi gaya kepimpinan, ternyata wujud perbezaan yang jelas antara Major dan Thatcher walaupun masing-masing mempunyai wawasan tersendiri. Major tidak mahu terus dibayangi gaya kepimpinan mentornya dalam Parti Konservatif, tetapi beliau sendiri tidak mempunyai 'identiti' sendiri dalam membina kekuatannya dalam politik di Britain selepas Thatcher. Major gagal menarik perhatian rakyat menerusi tindakan dan dasar yang dilaksanakan. Selain itu, Major dikatakan gagal mengekalkan hegemoni politik kerana kegagalannya dalam merangka strategi untuk menghadapi pilihan raya yang diberi tentangan sengit oleh Parti Buruh.

Berhubung gaya kepemimpinan dalam parti politik, analisis Heppell mendapati Major agak ragu-ragu dalam membuat keputusan dan ketetapan untuk mengelak sebarang kontroversi. Apabila situasi ini berlaku, Major kurang keyakinan walaupun berkuasa dalam parti dan kerajaan kerana mahu mengambil langkah selamat, tetapi tidak memberi manfaat kepada masa hadapan parti. Dengan kata lain, Major gagal membuat pertimbangan tepat dalam menentukan hala tuju parti dan kerajaan yang diterajuinya. Justeru itu, kelibat dan kecemerlangan Thatcher melalui ideologi Thatcherisme dari segi ekonomi, politik dan sosial meletakkan Major dalam keadaan serba salah dan samar-samar dalam meletakkan nilai dan pendiriannya melalui pendekatan pragmatik Majorisme yang gagal memberi keyakinan kepada ahli parti dan rakyat di Britian terhadap kepimpinannya. Di Eropah sendiri pun Britian di bawah Major tidak menunjukkan kekuatan sebenar walaupun ia adalah kuasa besar dunia dalam ekonomi dan politik.

Justeru itu, dari segi cita-cita politik dan gaya kepemimpinan Major, wujud perbezaan dan perbandingan dengan Thatcher dan Blair. Thatcher dan Blair masing-masing pernah berpengalaman berada dalam barisan pembangkang di Britian sebelum berjaya menjadi Perdana Menteri. Sedangkan Major meneruskan legasi Thatcher setelah mengambil alih kepemimpinan Parti Konservatif yang sememangnya parti pemerintah. Justeru itu, Major tidak memikirkan strategi dan langkah untuk merebut kuasa, tetapi lebih kepada mengekalkan kuasa. Major tiada persediaan agenda politik untuk menjadi Perdana Menteri. Jadi, Major dikritik ekoran cita-cita politik yang samar-samar dan gaya kepimpinannya tidak strategik yang dapat dilihat dalam menghadapi pilihan raya tahun 1997. Dalam pilihan raya tersebut, Blair mencapai kemenangan kerana gagasan New Labour telah menarik banyak ahli Parti Konservatif untuk menyokong Parti Buruh.

Selain isu strategi politik, cita-cita dan gaya kepemimpinan Major boleh dinilai dari segi kebijaksanaannya. Kebijaksanaan membawa kepada keberkesanan kepemimpinan. Menurut Heppell, sepatutnya kepemimpinan Parti Konservatif pasca-Thatcher lebih fokus ke arah mengekalkan kuasa melalui pendekatan yang lebih tegas, agresif dan kuat. Untuk itu, kepemimpinan Parti Konservatif perlu lebih bijaksana dalam mengekalkan

perpaduan dalam parti itu sendiri. Sebaliknya perpaduan dalam parti era Major semakin longgar dan ini memberi peluang kepada Parti Buruh dalam mempromosikan pendekatannya iaitu gagasan New Labour. Dalam pada itu, perbezaan ideologi Majorisme dan Thactherisme mencetus polimik politik dalam Parti Konservatif, di mana ada usul agar Major tidak terikat dan terikut-ikut dengan pendekatan Thatcher, sedangkan telah terbukti dari segi ekonomi dan politik Thatcher telah berjaya di Britian. Lagi pun Major lebih gemar menunjukkan gaya kepimpinan pragmatik yang lebih ke arah kesederhanaan dalam menerajui Parti Konservatif hingga menyebabkan ahli parti kurang keyakinan ke atas kepimpinannya. Ekoran itu, majoriti kerusi Konservatif telah merosot dalam parlimen Britian dan kemuncaknya apabila Parti Buruh mengambil alih kerajaan selepas pilihan raya tahun 1997.

Selain isu cita-cita politik dan gaya kepimpinan, satu lagi elemen yang boleh digunakan dalam menilai keberkesanan kepimpinan Major adalah persekitaran politik. Sebelum menjadi Perdana Menteri, Thatcher telah bergerak sebagai pembangkang untuk menghadapi Parti Buruh yang lebih cenderung politik aliran kiri melalui fahaman sosialisme. Thatcher menggerakkan usaha ke arah merampas kuasa dari Parti Buruh dan berjaya menjadi Perdana Menteri pada tahun 1979. Kejayaan Thatcher banyak dibantu oleh strategi politiknya dengan pendekatan menyatupadukan ahli-ahli Konservatif dan pengurusan parti yang cekap serta strategi pilihan raya yang mantap. Ini terbukti apabila Thatcher berjaya menjadi Perdana Menteri paling lama di Britian hingga tahun 1990 sebelum menyerahkan kuasa kepada Major. Di samping itu, dalam tempoh lebih 10 tahun berkuasa, Thatcher mampu menangkis fahaman sosialis yang menjadi fahaman Parti Buruh, di mana Parti Konservatif mendapat sokongan kuat kelas menengah pada ketika itu.

Pada tahun 1990 Thatcher menyerahkan kuasa kepada Major. Namun, Major gagal mengekalkan dominasi Konservatif seperti ditunjukkan oleh Thatcher di Britian dan menerima kekalahan dalam pilihan raya tahun 1997 kepada Parti Buruh yang diterajui Blair. Major gagal mengekalkan perpaduan dalam parti. Major juga tidak mempunyai strategi pilihan raya yang mantap. Akhirnya, dalam tempoh 20 tahun Parti Konservatif telah kalah dan Parti Buruh berkuasa semula di Britian. Kekalahan ini

menunjukkan Major tidak berkesan dari segi kepimpinan dan pendekatan politik yang dibawanya gagal menarik minat rakyat yang lebih cenderung menyokong Parti Buruh walaupun banyak mirip kepada ideologi sosialisme. Kekalahan ini juga merupakan isyarat bahawa Britian sebenarnya gagal dalam menangkis fahaman sosialis dan ancaman komunisme yang didukung Kesatuan Soviet dalam konteks Perang Dingin.

Berdasarkan perbincangan di atas, Heppell merumuskan bahawa tiga elemen tersebut merupakan faktor yang boleh digunakan dalam menilai kepimpinan politik Major yang dibayangi oleh kehebatan Iron Lady dan kebangkitan Blair dalam mendukung fahaman sosialis melalui Parti Buruh Baharu. Sebenarnya Parti Buruh banyak disokong oleh golongan pekerja yang aktif melalui kesatuan sekerja dalam membuat desakan kepada kerajaan. Kegagalan kerajaan dalam isu-isu pekerjaan seperti pengangguran, gaji, pampasan, keselamatan, kebajikan dan sebagainya menjadi tekanan kepada Parti Konservatif yang menerajui kerajaan dan ini memberi peluang kepada Parti Buruh untuk menarik sokongan rakyat khususnya golongan pekerja. Lagi pun, Parti Buruh lebih menonjolkan kepimpinan berpusatkan organisasi dan ke arah kebajikan golongan pekerja dan bawahan berbanding Parti Konservatif yang banyak mendapat sokongan kelas pertengahan. Kepimpinan Major tidak mampu mengurangkan tekanan ini dan menarik minat rakyat terhadap dasar dan pendekatan Konservatif di Britian serta menerima kritikan hebat dari Parti Buruh di bawah kepimpinan Blair.

Hakikatnya, ternyata Major adalah pemimpin yang lemah dan kepimpinan tidak berkesan dalam Parti Konservatif dan kerajaan yang dipimpinnya. Major tidak agresif dan pendekatannya lebih pragmatik untuk mengelak kontroversi, tetapi gagal mengekalkan perpaduan dalam parti hingga ahlinya lebih tertarik kepada Parti Buruh yang lebih berfahaman sosialis. Lagi pun, Major tidak dapat memisahkan dirinya dari bayang-bayang kepimpinan Thatcher yang nyata sangat berkuasa dalam lebih 10 tahun di Britian dan berjaya melalui dasar-dasarnya walaupun bersifat *affirmative* seperti pelaksanaan penswastan yang mendapat kritikan banyak pihak. Namun begitu, tidak adil jika Major dikatakan tidak menunjukkan sebarang kejayaan walaupun tidaklah sehebat Thatcher dan Blair. Major juga mampu melaksanakan tanggungjawabnya

kepada rakyat, parti politik dan kerajaan sepanjang tempoh berkuasa sebelum kerajaan Britian bertukar tangan kepada Parti Buruh pada tahun 1997.

Jadi, melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Gallop (2009), Bengtsson dan Wass (2011), Colton (2012) dan Heppell (2007) mempunyai persamaan dan perbezaannya dengan kajian tesis ini. Kajian Gallop memfokuskan kepada peranan kepimpinan politik ahli parlimen di Australia bukan sahaja mempunyai tanggungjawab sebagai perwakilan dan ahli perundangan dalam parlimen, tetapi bertanggungjawab di peringkat kerajaan tempatan. Tanggungjawab ini meletakkan peranan ahli parlimen di Australia semakin kompleks kerana banyak fungsi yang perlu dimainkan dalam masa yang sama. Bengtsson dan Wass pula mengkaji peranan ahli parlimen di Finland. Kajian mereka lebih terarah kepada tanggungjawab yang dimainkan oleh ahli parlimen di peringkat komuniti (masyarakat), parti politik dan kerajaan. Dengan kata lain, ahli parlimen sebagai perwakilan memainkan pelbagai fungsi dalam sistem demokrasi berperwakilan (berparlimen) di Finland khususnya mewakili kepentingan awam atau pengundi yang telah memilihnya.

Colton pula mengkaji keberkesanan kepimpinan politik dan kesannya di negara-negara pasca-komunis selepas keruntuhan komunisme Kesatuan Soviet. Colton menilai terdapat pemimpin yang berkesan dan berjaya dalam kepimpinan masing-masing dalam menerajui negara demokrasi walaupun transisi dari komunisme menghadapi pelbagai cabaran. Dalam pada itu, Heppell pula mengkaji kepimpinan John Major di Britian sebagai penerajui Parti Konservatif dan Perdana Menteri yang telah mengambil alih kuasa daripada Margaret Thatcher. Namun, Major dikatakan pemimpin yang tidak berkesan hingga menyebabkan Parti Konservatif hilang kuasa kepada Parti Buruh dan tidak dapat 'melepaskan' dirinya dari bayang-bayang Thatcher melalui dasar dan pendekatan politik yang dilaksanakannya.

Jadi, apa yang disebutkan di atas adalah perbezaan antara kajian-kajian tersebut dengan kajian tesis ini. Tiada satu pun kajian-kajian di atas yang sama atau hampir sama dengan tema kajian tesis ini kecuali kajian Bengtsson dan Wass, tetapi mereka tidak mengkategorikan peranan ahli parlimen (wakil rakyat) kepada tanggungjawab

tertentu. Semua kajian di atas memberi tumpuan kepada kepimpinan politik dan peranan perwakilan itu sendiri. Begitu juga kajian ini, tetapi berusaha mengisi kekosongan yang ditinggalkan sarjana-sarjana di atas dengan usaha untuk mengklasifikasikan peranan wakil rakyat (perwakilan) berdasarkan kategori tertentu, di mana secara umum meliputi peranan primer dan sekunder dalam tanggungjawab parlementari, konstituensi, parti politik dan penglibatan dalam badan sukarela dan NGO.

3.4 KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA

Isu dan cabaran kepimpinan politik dalam sistem demokrasi di Malaysia turut menarik perhatian para sarjana untuk mengkajinya. Walaupun dari segi kuantiti kajian yang telah dihasilkan mengenai kepimpinan politik adalah sangat terhad, tetapi banyak kajian lain dalam ruang lingkup sistem demokrasi itu sendiri yang telah dihasilkan seperti pilihan raya, tingkah laku pengundi, gender, dan sebagainya. Namun, kepimpinan politik khususnya tentang wakil rakyat Malaysia adalah sangat terhad. Antara karya yang diulas ialah kajian oleh James Chin (2006), Caballero-Anthony (2005), Mohd. Ali (2004) dan Mohd. Izani (2007).

James Chin (2006) dalam kajiannya telah menganalisis kepimpinan politik dalam parti MCA (Malaysian Chinese Association) dan Gerakan (Gerakan Rakyat Malaysia) menjelang pemilihan tahun 2005. Krisis kepimpinan membabitkan jawatan Presiden dan Timbalannya telah lama berlaku. Oleh sebab itu, pemilihan tahun 2005 adalah paling mencabar bagi MCA dan Gerakan. Sukar diramal siapa calon yang boleh menang jawatan nombor satu dan nombor dua dalam parti untuk proses peralihan kuasa kelak. Berdasarkan keadaan semasa, penyandang tidak boleh memandang mudah kemampuan pencabarnya kerana mereka mempunyai pengaruh yang kuat dalam parti.

Namun, Chin melihat telah menjadi suatu trend dalam parti-parti politik di Malaysia kerana jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti. Dalam parti UMNO, ia sudah lama tidak berlaku semenjak tahun 1987 selepas persaingan sengit antara Dr. Mahathir Mohamad dengan Tengku Razaleigh (Ku Li) merebut jawatan Presiden. Dalam pemilihan tersebut Dr. Mahathir mengalahkan

Ku Li dengan majoriti kurang 50 undi. Konflik kepimpinan antara Dr. Mahathir (Team A) dan Ku Li (Team B) berlarutan hingga Ku Li keluar dari UMNO dan menubuhkan parti Semangat 46 (S46). Untuk mengukuhkan kedudukannya, Dr. Mahathir telah meminda Perlembagaan UMNO dan diperkenalkan sistem ‘bonus’—10 undi bonus diberi kepada seseorang yang mendapat pencalonan di setiap bahagian. Sistem ini kemudian ditukar sistem ‘peratus’ undi pada penghujung tahun 1990an. Calon Presiden mesti mendapat 30 peratus pencalonan, Timbalan dan Naib Presiden 20 peratus dan Ahli Majlis Tertinggi 5 peratus dari semua bahagian parti. Lagi pun ada usul dari bahagian parti agar jawatan nombor satu dan dua tidak dipertandingkan. Melalui cara-cara tersebut Dr. Mahathir kekal sebagai Presiden hingga bersara pada tahun 2003.

Trend yang sama berlaku dalam parti MCA dan Gerakan. Jawatan Presiden dan Timbalannya telah lama tidak dipertandingkan. Ada pula usul dari bahagian parti supaya tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan tersebut demi perpaduan parti. Jadi, dalam UMNO, MCA dan Gerakan, ‘tiada pertandingan’ sudah menjadi ‘tradisi’ yang kononnya untuk perpaduan parti, tetapi ia sebenarnya menjadi punca konflik kepimpinan apabila peralihan kuasa tidak berlaku. Dalam MCA, krisis kepimpinan telah lama berlaku antara Ling Liong Sik (Team A) dan Timbalannya Lim Ah Lek (Team B). Ia semakin ketara selepas PRU tahun 1999. Peralihan kuasa yang dijanjikan tidak berlaku antara kedua-dua pemimpin. Disebabkan bimbang undi kaum Cina terjejas terhadap BN, Dr. Mahathir menggunakan formula keamanan kepada Pasukan A dan B agar pemilihan parti ditangguhkan sehingga PRU tahun 1999 selesai. Selepas PRU tahun 1999, Liong Sik dan *portêgênnya* Ong Ka Ting dilantik sebagai menteri, manakala Chan Kong Choy *portêgê* kepada Ah Lek hanya sebagai timbalan menteri. Ah Lek sendiri selaku Timbalan Presiden tidak diberi sebarang jawatan dalam kabinet.

Sebelum PRU tahun 2004, peralihan kuasa berlaku dalam MCA. Pada 23 Mei 2003, Liong Sik meletak jawatan setelah 17 tahun sebagai Presiden. Ah Lek turut melepaskan jawatannya pada hari yang sama. Ong Ka Ting dilantik sebagai Presiden dan Chan Kong Choy sebagai Timbalan Presiden. Dalam PRU Mac 2004, gandingan Ong-Chan berjaya menyatukan MCA sebagai mengiktiraf kepimpinan mereka. MCA berjaya memenangi 31 daripada 40 kerusi parlimen dan 76 daripada 90 kerusi peringkat

DUN yang diperuntukkannya. Selepas PRU tahun 2004, Team A dan B bersedia menghadapi pemilihan parti pada tahun 2005. Walaupun gandingan Ong-Chan dikatakan mantap dalam PRU tahun 2004, tetapi para ahli dan pemimpin bawahan mahu perubahan kepimpinan dalam MCA dan pemilihan parti tahun 2005 merupakan landasan terbaik ke arah peralihan kuasa.

Sewaktu berkuasa, Liong Sik lebih cenderung menetengahkan kumpulan pemimpin yang pro kepada beliau (Team A) dan menolak pemimpin yang pro-Ah Lek (Team B) dalam parti dan kerajaan termasuk Ah Lek sendiri digugurkan sebagai Ketua Jawatankuasa Disiplin parti. Manakala dalam PRU tahun 2004, ramai pemimpin dari Team B tidak dicalonkan. Hal ini mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin Team B. Akibatnya, dalam mesyuarat Pemuda MCA berlaku kekecohan antara Team A dan Team B hingga berlaku kejadian melempar kerusi antara satu sama lain. Oleh sebab itu, mereka mendesak peralihan kuasa berlaku semasa Liong Sik menjadi Presiden lagi untuk memberi peluang kepada pemimpin lain menerajui MCA. Ianya tidak berlaku sehinggalah Ka Ting dilantik sebagai Presiden.

Dalam pemilihan parti tahun 2005, Kong Choy membuat keputusan tidak mencabar Ka Ting sebagai Presiden. Peluang ini digunakan oleh Chua Jui Meng bekas Menteri Kesihatan yang digugurkan dari barisan kabinet 2004 mencabar Ka Ting. Jui Meng memutuskan bertanding jawatan Presiden kerana beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam parti jika mengalami kekalahan. Ada yang menyifatkan Jui Meng mengetuai Team B2 dan Ah Lek mengetuai Team B1. Jui Meng juga dilihat cuba mewujudkan 'kuasa ketiga' atau Team C dalam MCA kerana memang berniat mencabar jawatan Presiden atau sekurang-kurangnya Timbalan Presiden dalam pemilihan parti tahun 2002 yang terpaksa ditangguhkan untuk memberi fokus kepada PRU tahun 2004. Kong Choy dicabar oleh Ting Chew Peh Setiausaha Agung MCA dan Chan Tse Yuen bekas Ketua Pemuda MCA untuk jawatan Timbalan Presiden.

Ka Ting mendapat 1,515 undi untuk mengalahkan Jui Meng yang mendapat 819 undi. Kong Choy pula memperolehi 1,315 undi, Chew Peh 738 undi dan Chan Tse Yuen hanya 72 undi. Berlaku kejutan kerana sebelum pemilihan dijangka

gandingan Ong-Chan mampu memperolehi 75 hingga 80 peratus undi disebabkan mereka berpengaruh dalam parti dan kerajaan. Ka Ting pula mendapat sokongan kuat Liong Sik yang dikatakan mampu menyumbang 30 peratus undi kepadanya. Malangnya gandingan Ong-Chua mendapat lebih kurang 70 peratus undi sahaja. Jadi, dua bulan kemudian, Ka Ting memperkenalkan dasar pemimpin hanya boleh memegang kuasa selama 9 tahun (3 penggal) bagi mengelak berkuasa terlalu lama seperti zaman Liong Sik.

Parti Gerakan pula telah diterajui oleh Lim Keng Yaik sebagai Presiden sejak tahun 1980. Sementara itu, sejak tahun 1989 Kerk Choo Ting menjadi Timbalan Presiden. Sama seperti dalam MCA semasa Liong Sik-Ah Lek berlaku krisis kepimpinan, dalam Gerakan pun sama. Keng Yaik merancang peralihan kuasa selepas PRU tahun 2004. Beliau mengumumkan untuk memberi laluan kepada Koh Tsu Koon. Oleh sebab itu, Keng Yaik meminta Choo Ting tidak mempertahankan jawatannya agar Tsu Koon boleh menang tanpa bertanding dalam pemilihan parti tahun 2007 bagi jawatan Timbalan Presiden. Selepas itu, Keng Yaik melepaskan jawatannya kepada Tsu Koon bagi memastikan peralihan kuasa berlaku secara lancar. Malangnya, Choo Ting menolak cadangan tersebut walaupun ditawarkan kekal sebagai timbalan menteri dan dijanjikan jawatan Penasihat Parti Gerakan. Lantas, Choo Ting mengumumkan untuk mencabar jawatan Presiden. Atas sebab itu, Keng Yaik mendedahkan bahawa beliau sememangnya mahu Choo Ting berundur dari kepimpinan parti sebelum itu lagi. Tindakan Choo Ting bertanding menurut Keng Yaik disebabkan ‘kemarahan dan kekecewaan.’

Sebagai reaksi balas kepada kenyataan tersebut, Choo Ting mendakwa masalah peralihan kuasa dalam Gerakan gagal disebabkan oleh kepimpinan Keng Yaik yang telah mengambil masa yang sangat lama untuk bersara semenjak tahun 1995 lagi. Jadi, Choo Ting menyamakan Keng Yaik dengan Mao Zedong di China kerana menjadi diktator dan mengamalkan dasar ‘pecah dan perintah’ dalam kepimpinannya. Keng Yaik turut dituduh mengamalkan nepotisme dan cuba mewujudkan ‘Dinasti Lim’ kerana anaknya Lim Si Pin telah dipilih sebagai Naib Ketua Pemuda Gerakan. Choo Ting pula berjanji jika dipilih sebagai Presiden, beliau akan memimpin parti tidak lebih

3 penggal (9 tahun). Reaksi serta-merta dari Keng Yaik dengan mengadakan sidang media dan meletakkan papan iklan dengan nombor 2 dan 9 di belakangnya. Ia sebagai simbolik beliau bersara dalam tempoh 2 tahun lagi, atau jika Choo Ting dipilih sebagai Presiden, maka ahli Gerakan terpaksa menunggu 9 tahun lagi untuk mendapat Presiden baharu hingga tahun 2014 sebelum Tsu Koon menjadi Presiden. Jadi, mana satu menjadi pilihan para ahli dan perwakilan parti Gerakan?

Pertembungan antara Keng Yaik dan Choo Ting dilihat lebih kepada faktor personaliti dan matlamat peribadi. Choo Ting mahu mempertahankan maruah dan kedudukannya disebabkan diminta untuk berundur. Sedangkan Keng Yaik sendiri masih mahu mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden walaupun telah mengumumkan pelan persaraannya dengan menamakan Tsu Koon sebagai penggantinya. Jika Keng Yaik dikatakan diktator dan nepotisme, Choo Ting pula pada pandangan Keng Yaik seorang pemimpin dilihat lebih sukar menyendiri, 'malu-malu kucing' dan tidak agresif. Akhirnya keputusan pemilihan Gerakan tahun 2005 menyaksikan Keng Yaik memperoleh 983 undi (61 peratus) dan Choo Teng hanya mendapat 628 undi (39 peratus). Keputusan pemilihan ini menunjukkan lebih satu pertiga perwakilan parti Gerakan mengundi Choo Ting. Ini isyarat penting bahawa jawatan Presiden boleh dicabar jika bukan disebabkan dasar parti menghalangnya.

Dalam rumusannya, Chin menyifatkan terdapat beberapa persamaan antara MCA dan Gerakan dalam pemilihan parti tahun 2005. Pertama, kedua-dua parti ini banyak bergantung kepada UMNO dalam membuat keputusan akhir dalam semua dasar utama. Walaupun kedua-dua parti mewakili kepentingan kaum Cina, mereka tidak boleh mencabar 'kekuatan Melayu' atau ketinggian politik Melayu di bawah UMNO. Jadi, kedua-dua parti bergantung kepada UMNO dalam menuntut layanan yang sama kepada kaum Cina walaupun kecenderungan dasar-dasar kerajaan pro-Bumiputera, tetapi mereka terpaksa menerimanya.

Kedua, peralihan kuasa dalam MCA dan Gerakan banyak dipengaruhi oleh Presiden. Dalam MCA, pengaruh Liong Sik sangat kuat hingga mampu membantu kemenangan Ka Ting dalam pemilihan tahun 2005. Liong Sik juga dikatakan

nepotisme apabila anaknya iaitu Ling Hee Leong dipilih sebagai Naib Ketua Pemuda MCA dan Ling Hee Keat sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda MCA Pusat. Hal ini juga berlaku dalam Gerakan apabila Keng Yaik cukup berkuasa hingga dikatakan bersikap diktator. Keng Yaik hanya mahu menyerahkan kuasa Presiden parti kepada anak didiknya Tsu Koon dan bukan kepada Choo Ting. Keng Yaik juga dituduh nepotisme kerana anaknya Lim Si Pin telah dipilih sebagai Naib Ketua Pemuda Gerakan pada tahun 2005. Pemilihan anak-anak mereka dalam parti tidak menjadi kenyataan jika bukan kerana pengaruh mereka sebagai Presiden.

Usaha membina dinasti politik bukan perkara aneh dan baharu dalam politik Malaysia. Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO Mohd. Najib dan Menteri Pelajaran Hishamuddin adalah anak kepada bekas Perdana Menteri Abdul Razak dan Hussien Onn. Khairy Jamaluddin pula adalah menantu Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Badawi dipilih sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO pada tahun 2004. Dalam parti pembangkang, Lim Guan Eng anak kepada Lim Kit Siang telah dipilih sebagai Setiausaha Agung DAP.

Ketiga, PRU tahun 2004 telah menarik minat ramai untuk bertanding, tetapi tidak dicalonkan. Jika dicalonkan dan menang pilihan raya seperti Jui Meng, tetapi tidak dilantik dalam kabinet. Oleh sebab itu, mereka yang tersingkir melihat pemilihan parti tahun 2005 dalam MCA dan Gerakan sebagai peluang untuk menebus kekecewaan sebelum itu. Justeru itu, Jui Meng dan Choo Ting dilihat sebagai calon yang boleh melakukan kemusnahan legasi kepimpinan yang sedia ada jika mereka menang jawatan Presiden. Walaupun kalah, mereka telah memberi isyarat bahawa mereka mendapat sokongan lebih satu pertiga perwakilan parti. Oleh sebab itu, Ka Ting (MCA) dan Tsu Koon (Gerakan) masing-masing mengumumkan mereka hanya memegang kuasa maksimum selamat 3 penggal (9 tahun) untuk memberi laluan kepada pemimpin lain menerajui parti. Langkah penghadan ini juga boleh mengelak konflik kepimpinan dan perpecahan dalam parti.

Seorang lagi sarjana Caballero-Anthony (2005) telah menganalisis peralihan kuasa di Asia Tenggara. Peralihan kuasa berlaku kesan daripada krisis kewangan dan

ekonomi yang melanda negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina. Ia juga ada kaitan kesan keputusan pilihan raya umum (PRU) sekitar tahun 2004 dan 2005 di negara-negara berkenaan. Ia bermula di Malaysia apabila PRU diadakan pada Mac 2004, diikuti Indonesia pada April 2004 yang berlanjutan hingga enam bulan dan kemudian Filipina pada Mei 2004. Manakala PRU di Filipina diadakan pada Februari 2005. Menurut Caballero-Anthony, beberapa siri PRU ini adalah penting ke arah peralihan kuasa kerana banyak sebab.

Pertama, kemunculan aktor politik baharu yang mengambil alih kuasa daripada pemimpin yang telah lama berkuasa di rantau ini. Di Malaysia, Abdullah Badawi menggantikan Dr. Mahathir Mohamad yang telah menjadi Perdana Menteri (PM) lebih 23 tahun. Di Singapura walaupun tiada pilihan raya, peralihan kuasa antara Goh Chok Tong dengan Lee Hsien Loong telah berlaku. Kedua, walaupun tiga Presiden selepas kejatuhan Suharto tidak kekal lama, tetapi kemunculan Susilo Bambang Yudhoyono sebagai Presiden pertama yang telah dipilih melalui pilihan raya selepas Orde Baru Indonesia menghadkan kuasa Presiden hanya enam tahun sahaja sebelum peralihan kuasa ke arah yang lebih demokratik. Ketiga, kedua-dua penyandang iaitu Presiden Gloria Macapagal Aroyo di Filipina dan Perdana Menteri Thaksin Shinawatra di Thailand masih boleh dianggap sebagai aktor politik baharu kerana sedang berkhidmat untuk penggal kedua setelah mereka mendapat semula mandat dalam PRU yang telah diadakan di negara masing-masing.

Hakikatnya, PRU yang telah diadakan menimbulkan suatu era baharu dalam politik dari segi kepimpinan, krisis, cabaran dan kuasa ke arah perubahan. Menurut Caballero-Anthony, semua ini berlaku dalam tempoh krisis kewangan Asia tahun 1997 yang mendorong perubahan dan momentum bergerak ke arah pendemokrasian politik di rantau ini. Jadi, PRU dan peralihan kuasa di Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina merupakan harapan besar ke arah pengukuhan pendemokrasian politik yang mempunyai kesan ke atas pembangunan sosio-ekonomi, politik dan keselamatan di negara-negara ASEAN. Ia juga menunjukkan peranan yang dimainkan oleh aktor-aktor politik baharu yang mempunyai agenda penting dalam membentuk hubungan yang lebih baik dengan rakyat di negara masing-masing.

Caballero-Anthony menjelaskan peralihan kuasa dalam kepemimpinan politik berlaku secara dramatik daripada rejim autoritarian kepada demokrasi baharu seperti di Indonesia. Krisis kewangan tahun 1997 menjadi punca utama kejatuhan Suharto walaupun ada desakan sebelum itu mahu beliau berundur. Hal yang sama berlaku di Thailand, Malaysia dan Singapura kerana wujud gerakan untuk menolak kepemimpinan yang dipanggil rejim semi-demokratik ke arah sistem politik yang lebih demokratik dan terbuka. Jadi, peralihan kuasa—dari rejim autoritarian dan semi-demokratik ke arah pendemokrasian atau pengukuhan demokrasi—menyebabkan munculnya demokrasi baharu di negara-negara ASEAN. Untuk analisis ulasan karya ini, pengkaji hanya memberi fokus secara langsung kepada kes peralihan kuasa di Malaysia.

PRU-11 pada 21 Mac 2004 adalah peristiwa penting kepada Abdullah Badawi sebagai PM dan Pengerusi BN. BN menang 198 daripada 210 kerusi parlimen dengan memperolehi 65 peratus undi popular. Ini adalah kemenangan paling besar dalam sejarah BN yang diterajui oleh parti UMNO. Dalam PRU-10 tahun 1999, UMNO telah hilang banyak kerusi kepada PAS dan KeADILan. Dalam tempoh tersebut kedudukan UMNO cukup berkecamuk dan Malaysia dilanda pelbagai krisis. Kekalahan besar UMNO dalam PRU-10 di beberapa kawasan pilihan raya kesan pemecatan Anwar Ibrahim (TPM dan Timbalan Presiden UMNO) dan telah dipenjarakan. Penyokong Anwar menentang kerajaan melalui protes jalanan dan demonstrasi hingga menggugat kerajaan. Kesannya prestasi UMNO-BN merosot teruk dalam PRU-10 menyebabkan Dr. Mahathir bersara pada Oktober 2003. Pengunduran Mahathir juga ada kaitan dengan krisis mata wang dan ekonomi tahun 1997-98 hingga memaksanya memecat Anwar.

Menurut Caballero-Anthony, peralihan kuasa dan PRU-12 tahun 2004 bukanlah faktor sebenar yang mengubah hegemoni politik dan sokongan kepada UMNO dan BN. Tidak banyak peralihan dan transformasi politik yang berlaku secara muktamad di Malaysia ketika itu. Keputusan PRU-11 banyak dipengaruhi oleh dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Abdullah sebagai reaksi—perhatian dan pertimbangan—kepada desakan dan tuntutan masyarakat, NGO dan parti pembangkang kepada kepemimpinan sebelum itu. Nilai keterbukaan, politik lebih liberal, menggalakkan penyertaan rakyat

dalam politik dan usaha perkukuhkan tadbir urus kerajaan yang dilakukan oleh Abdullah mendapat respons yang sangat baik banyak pihak. Justeru itu, dalam PRU-11 kepimpinan Abdullah mendapat sokongan yang sangat kuat daripada rakyat.

Kemunculan Abdullah dalam kepimpinan nasional memberi nafas baharu dalam iklim politik Malaysia termasuk dalam UMNO dan BN sendiri yang telah diterajui lebih 23 tahun oleh Mahathir yang digambarkan sebagai autokratik. Abdullah dilihat sebagai pemimpin lembut dan kurang kontroversi berbanding Mahathir hingga dikenali sebagai Mr. Nice Guy. Membawa imej kepimpinan Islam dalam politik dan pentadbiran untuk menyaingi PAS. Lantas Abdullah memperkenalkan Islam Hadhari sebagai pendekatan yang lebih progresif dalam mendekati Islam sebagai cara hidup, dan beberapa perkara lain seperti toleransi agama, sekularisme, pembangunan sosio-ekonomi dalam konteks permodenan dan globalisasi serta menolak agenda Islam yang ekstrimis dan radikal.

Abdullah juga agresif dalam memerangi rasuah di semua sektor. Abdullah telah mengarahkan siasatan dan mendakwa Eric Chia Ketua Pegawai Eksekutif Perwaja (National Steel Company) dan Kasitah Gaddam Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi yang dituduh rasuah. Beberapa pemimpin dalam UMNO turut disiasat dalam memerangi rasuah. Lantas kerajaan memperkenalkan Kod Etika pada April 2004 yang mewajibkan semua ahli kabinet dan wakil rakyat BN mengisytiharkan harta mereka. Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga ditubuhkan untuk memperbaiki perkhidmatan dan integriti anggota dan pegawai PDRM yang dianggotai oleh 16 orang ahli yang berpengalaman dalam bidang politik, undang-undang, agama, sosial dan korporat. Abdullah turut melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai petunjuk kesungguhannya memerangi rasuah dan meningkatkan integriti di negara ini.

Selain itu, Abdullah turut memberi perhatian untuk meningkat tadbir urus korporat dengan melakukan beberapa pembaharuan dalam GLC. Ini termasuklah menstrukturkan semula Khazanah Nasional sebuah syarikat pelaburan utama kerajaan dengan mengambil alih beberapa GLC lain yang tidak menunjukkan prestasi yang

memuaskan. Dengan itu, Abdullah telah melantik Azman Mohktar bekas Pengerusi Salomon Smith Barney sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Khazanah Nasional yang baharu kerana tidak mahu melantik bekas ahli politik menerajui GLC tersebut.

Dalam pada itu, Abdullah berusaha mengelak tekanan politik dan menarik semula sokongan rakyat kepada UMNO dan BN. Untuk tujuan itu, Abdullah telah membebaskan Anwar Ibrahim dari menjalani hukuman penjara. Ini menunjukkan sikap keterbukaan Abdullah dalam politik kerana Anwar dikatakan simbol politik penindasan dan penganiayaan badan kehakiman di Malaysia. Ia juga menggambarkan kebebasan badan kehakiman semasa era Mahathir sangat terhad. Langkah Abdullah membebaskan Anwar ternyata memberi banyak manfaat kepada UMNO dan BN. Jelas sekali, dasar-dasar reformasi yang diperkenalkan Abdullah selepas peralihan kuasa begitu berkesan. Hakikat ini tidak dapat dinafikan apabila dalam PRU-11 tahun 2004 BN telah mencapai kemenangan paling besar dalam sejarah PRU di Malaysia selepas merdeka.

Berhubung peralihan kuasa di negara-negara Asia Tenggara termasuk di Malaysia, Caballero-Anthony merumuskan ia telah dipengaruhi banyak faktor seperti telah dijelaskan di atas. Peralihan kuasa yang berlaku merupakan suatu trend baharu dalam politik ke arah pengukuhan demokrasi atau proses pendemokrasian politik di negara-negara yang terbabit. Perkembangan yang berlaku seakan-akan serentak di Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina dalam tempoh tahun 2004 dan 2005. Ini dilihat sebagai landskap baharu dalam kalangan negara-negara ASEAN ekoran kebimbangan politik autoritarian yang menghalang demokrasi yang sebenar seperti berlaku di Myanmar di bawah pengaruh kepimpinan komunis. Oleh sebab itu, dalam kes Malaysia dan Thailand, peralihan kuasa dalam kepimpinan dilihat dapat mengukuhkan pendemokrasian politik di kedua-dua negara yang sebelum ini cenderung ke arah autoritarian.

Peralihan kuasa di negara-negara ASEAN telah mewujudkan kepimpinan baharu yang lebih cenderung bersikap liberal dan terbuka hingga disifatkan memberi nafas baharu demokrasi yang sebelum ini dikatakan sukar atau hampir mati. Tidak hairan jika di beberapa negara dikatakan sebagai semi-demokrasi disebabkan pemimpinnya

bersikap autokratik. Dalam kes Indonesia, walaupun Presiden Yudhoyono mempunyai latar belakang tentera, tetapi beliau telah dipilih melalui pilihan raya presiden yang dilihat sebagai penyelamat demokrasi di Indonesia yang telah terancam sebelum ini semenjak zaman Suharto lagi. Dalam masa yang sama telah ada trend baharu bagi parti-parti politik menampilkan para pemimpin muda diketengahkan sebagai langkah mempromosi demokrasi secara meluas di rantau ini. Jadi, setelah berlaku peralihan kuasa di negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, ruang penyertaan dan suara rakyat lebih terbuka dalam menyatakan sesuatu kepada pemimpin dan kerajaan. Semua langkah dan dasar yang diambil oleh pemimpin-pemimpin baharu termasuk Abdullah lebih cenderung ke arah pengukuhan demokrasi di negara masing-masing. Perkembangan muktakhir ke arah peralihan kuasa juga kesan daripada proses liberalisasi dan globalisasi di seluruh dunia yang memberi ruang kebebasan dan keterbukaan kepada rakyat melalui media massa menyatakan pendirian dan pandangan mereka dalam pelbagai isu khususnya hak asasi dan kebebasan bersuara.

Sementara itu, Mohd. Ali (2004) dalam kajiannya memberi fokus kepada kepimpinan politik golongan istana (bangsawan) dalam politik UMNO di negeri Kelantan. Persoalan yang dikemukakan ialah apakah corak kepimpinan UMNO Kelantan, dan siapakah yang menguasai kepimpinan parti itu sejak tahun 1946 hingga 1990? Mohd. Ali mendapati peranan golongan bangsawan dan kerabat diraja begitu sinonim dalam jatuh banggunya UMNO Kelantan dalam tempoh itu sama ada berjaya atau tidak menubuhkan kerajaan di negeri itu. Golongan ini begitu menonjol kepimpinannya dalam UMNO bagi menyaingi musuh politiknya PAS. Antara pemimpin UMNO Kelantan dalam golongan bangsawan ialah Tengku Ahmad Tengku Abdul Ghafar, Tengku Mahmud Mahyiddin, Tengku Indra Petra, Tengku Ahmad Rithauden dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Pemimpin-pemimpin ini adalah antara artistokrat yang pernah menjadi pemimpin rakyat Kelantan, tetapi yang mampu bertahan hingga kini hanyalah Tengku Razaleigh (Ku Li) dan mampu menjadi penaung politik UMNO Kelantan. Kekuatan Ku Li bukan kerana karisma pada dirinya semata-mata. Ia berkait dengan pertaliannya dengan Istana Kelantan yang memberi kewibawaan tradisional kepadanya. Kekuatan

Ku Li sebagai pemimpin politik sangat kental sama ada dalam UMNO atau di luar UMNO apabila menubuhkan parti Semangat 46 (S46) akibat gagal menjawat jawatan Presiden UMNO pada tahun 1987, tetapi rakyat terus menyokongnya. Ku Li mengikut analisis Mohd. Ali mempunyai kekuatan dan kewibawaan serta pengaruh yang sangat kuat kepada UMNO Kelantan.

Kewibawaan kepimpinan—karismatik atau tradisional—yang dimiliki Ku Li banyak meletakkan masa depan UMNO Kelantan di tangannya. Tanpa Ku Li UMNO Kelantan menuju ke arah kemalapan. Ini dapat dilihat dalam pilihan raya umum 1990 dahulu apabila S46 bekerjasama dengan PAS dengan menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Dalam pilihan raya itu APU telah berjaya mengalahkan BN di Kelantan. Atas faktor itu, Mohd. Ali mengatakan Ku Li merupakan bangsawan yang telah berjaya mengembalikan kuasa politik UMNO di Kelantan. Beliau juga yang bertanggungjawab menamatkan kuasa UMNO di negeri itu. Apa yang mustahak dalam politik Kelantan telah memperlihatkan beberapa pemimpin dan kerabat diraja Kelantan dalam politik UMNO.

Dalam analisisnya, Mohd. Ali mendapati tidak semua tokoh bangsawan mampu muncul sebagai pemimpin yang berkesan dan berjaya membawa UMNO ke pusat kuasa. Ku Li antara pemimpin aristokrat yang pernah menjadi pemimpin rakyat Kelantan dan kekal hingga kini berbanding yang lain seperti Tengku Ahmad, Tengku Mahmud Mahyidin, Tengku Indra Putra, Tengku Ahmad Rithauddin. Dengan berbekalkan kewibawaan tradisional dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat telah memberi penghormatan kepada Ku Li menjadikannya pemimpin aristokrat yang paling berjaya di Kelantan. Rakyat terus memberi sokongan kepadanya—dalam dan luar UMNO dan BN—hingga kini walaupun S46 telah dibubarkan.

Kepimpinan Ku Li juga menepati semua kewibawaan—sah rasional, tradisional dan karisma—yang meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang disegani dan digeruni dalam UMNO di Kelantan. Rakyat terus memberi taat setia dan sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepadanya menjadikan kedudukan beliau dalam parti terus stabil dan terjamin. Jadi, tidak mengejutkan jika penyokongnya terus memberi sokongan dan

mempertahankan kepimpinannya walaupun keluar dari UMNO—mengagung-agungkan kepimpinan Ku Li. Penyokong Ku Li sukar menerima hakikat pemimpin mereka telah tersingkir dalam kepimpinan UMNO kerana menentang Mahathir. Bagi mereka, masa depan UMNO Kelantan bergantung kepada kekuatan dan pengaruh peribadi Ku Li. Tanpa Ku Li UMNO Kelantan melalui zaman malap seperti nasib menimpa UMNO dan BN dalam PRU tahun 1990 UMNO-BN kalah di tangan APU.

Dalam rumusannya Mohd. Ali mengesyorkan faktor kepimpinan seperti dimiliki Ku Li perlu diberi perhatian serius terutama dalam menilai kekuatan UMNO di Kelantan. Ini kerana UMNO di Kelantan setelah kehilangan Ku Li mengalami saat kemalapan dan dalam keadaan yang berpecah-belah. Jadi, kekuatan yang dimiliki oleh Ku Li perlu dimanfaatkan oleh kepimpinan UMNO untuk mendapat sokongan di Kelantan. Hal ini kerana Ku Li adalah pemimpin dinamik dan berkarisma hingga memberi banyak manfaat kepada UMNO dan S46 pada suatu ketika dahulu. Namun, kejayaan kepimpinan Ku Li tidak hanya bergantung kepada kewibawaan yang dimiliki. Ia dibantu oleh strategi dan persekitaran politik, sumber dan motivasi dalam dirinya untuk menjadi pemimpin. Tanpa semua itu, seseorang itu tidak mengambil keputusan menjadi pemimpin.

Manakala Mohd. Izani (2007) dalam kajiannya menilai peranan wakil rakyat sebagai pembangkang di Malaysia. Kewujudan pembangkang tidak dapat dielakkan kerana ia menyuburkan semangat demokrasi yang berasaskan sistem politik kepartian di negara ini. Parti yang menang kerusi majoriti berhak menjadi kerajaan dan parti yang menang kerusi minoriti menjadi pembangkang. Kedua-dua parti mempunyai peranan masing-masing dalam parlimen. Kerajaan bertanggungjawab melaksanakan dasar dan pembangkang pula bertindak sebagai '*watch dog*' untuk memerhati, mengawasi dan mengkritik tindak tanduk kerajaan. Sebagai pembangkang, wakil rakyat bukanlah membangkang secara membabi buta tanpa memberi sebarang cadangan dan alternatif kepada kerajaan. Pembangkang yang hanya tahu menghentam, mengkritik, mengeluarkan pandangan secara emosi dan tidak berfikir secara matang serta rasional dilabelkan sebagai pembangkang tanpa faedah. Sepatutnya mereka membangkang secara lebih positif dan matang untuk faedah rakyat yang dilabelkan sebagai

pembangkang setia terutama dalam mengemukakan cadangan bagi membetulkan dasar-dasar kerajaan walaupun pandangan yang berbeza dengan kerajaan.

Analisis Mohd. Izani mendapati PAS lebih ke arah peranan pembangkang setia. Ini kerana PAS cenderung mengemukakan usul dan isu berkaitan kepentingan rakyat dalam parlimen demi kepentingan rakyat dan mampu melaksanakan ‘semak dan imbang’ dalam Dewan Rakyat. Selain mengkritik dan menilai, wakil rakyat PAS juga mencadangkan alternatif untuk memperbaiki dasar dan undang-undang yang dibuat oleh kerajaan misalnya dalam isu murtad, kegawatan ekonomi dan hak asasi manusia. Ahli-ahli parlimen PAS telah mengemukakan beberapa cadangan kepada kerajaan untuk diambil tindakan. Dalam isu murtad misalnya, mereka mencadangkan supaya digubal undang-undang syariah untuk menanganinya walaupun usul tersebut ditolak oleh kerajaan. Dalam isu hak asasi, wakil rakyat PAS menyokong penuh cadangan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (SUHAKAM) sebagai langkah menjamin hak asasi rakyat di negara ini. Hal ini kerana terdapat pelbagai akta yang menyekat kebebasan dan hak asasi rakyat di negara ini seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak, Akta Hasutan dan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Di samping itu, wakil rakyat PAS mengkritik perkembangan ekonomi negara ekoran krisis mata wang dan ekonomi di Asia Tenggara pada tahun 1997. Bagi menangani isu tersebut, ahli parlimen PAS mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mengamalkan pendekatan ekonomi Islam, menubuhkan Majlis Perunding Syariah dan Tenaga Pakar dan sebagainya.

Dalam rumusannya, Mohd. Izani menyifatkan ahli parlimen PAS telah memainkan peranannya secara berkesan sebagai pembangkang yang berfaedah dalam parlimen. PAS berjaya mewujudkan konsep ‘semak dan imbang’ dengan mengkritik, menilai dan mencadangkan beberapa perkara untuk memperbaiki undang-undang, dasar dan program kerajaan seperti dalam isu-isu disebutkan di atas. Namun, walaupun berkesan memainkan peranannya sebagai pembangkang setia dalam parlimen, tetapi PAS masih gagal mempengaruhi atau mendesak kerajaan dalam menentukan sebarang keputusan dan dasar meskipun lantang bersuara di parlimen.

Berdasarkan kajian-kajian James Chin (2006), Caballero-Anthony (2005), Mohd. Ali (2004) dan Mohd. Izani (2007) yang telah diulas di atas, terdapat beberapa persamaan dan perbezaannya dengan kajian ini. Kajian Chin lebih kepada konflik kepimpinan dalam parti MCA dan Gerakan. Walaupun telah berlaku peralihan kuasa antara Ling Liong Sik dan Lim Ah Lek masing-masing kepada Ong Ka Ting dan Chan Kong Choy, tetapi konflik kepimpinan semakin lebih teruk di bawah gandingan Ong-Chan. Begitu juga dalam Gerakan apabila Lim Keng Yaik enggan melepaskan jawatannya kepada Timbalan Presiden untuk memberi laluan kepada Koh Tsu Koon hingga membawa konflik berpanjangan dengan Kerk Choo Ting. Konflik dalam MCA dan Gerakan berlarutan sebelum PRU-10 hingga selesai PRU-11, di mana telah menjejaskan prestasi kedua-dua parti tersebut dan terlalu banyak bergantung kepada UMNO. Inilah perbezaan kajian Chin dengan kajian tesis ini. Sementara kajian tesis ini lebih fokus kepada peranan wakil rakyat di Malaysia dan tidak mengkhususkan kepada wakil rakyat MCA atau Gerakan. Persamaan kajian ini dengan kajian Chin kerana sama-sama menilai peranan wakil rakyat yang mempunyai tanggungjawab kepada parti politik masing-masing.

Manakala kajian Caballero-Anthony menilai kepada peralihan kuasa dalam kepimpinan di Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand. Di Malaysia, Caballero-Anthony memberi tumpuan kepada peralihan kuasa dari Mahathir kepada Abdullah Badawi. Badawi disifatkan sebagai pemimpin lembut, lebih liberal dan terbuka dengan ciri-ciri kepimpinan Islam yang dibawanya berbanding Mahathir yang lebih keras, autokratik dan banyak kontroversi. Peralihan kuasa dilihat sebagai proses pengukuhan demokrasi atau pendemokrasian politik bukan sahaja di Malaysia, tetapi negara-negara ASEAN yang lain. Inilah membezakan kajian Caballero-Anthony dengan kajian ini. Dari segi persamaan kajian tesis ini dengan Caballero-Anthony adalah masing-masing memberi penekanan dalam menilai kepimpinan politik iaitu wakil rakyat yang telah dipilih melalui pilihan raya. Sebagai PM, banyak peranan yang dimainkan oleh Abdullah sebagai pengganti kepada Mahathir dalam parlimen, kawasan pilihan raya dan parti UMNO yang diwakilinya sama seperti wakil-wakil rakyat yang lain.

Kajian Mohd. Ali menilai peranan kepimpinan bangsawan dalam politik Malaysia, di mana menganalisis pengaruh Ku Li dalam UMNO. Tidak seperti pemimpin bangsawan lain, Ku Li sangat berpengaruh dalam dan luar UMNO semasa menerajui parti S46. Jadi, persamaan kajian Mohd. Ali dengan kajian tesis ini kerana masing-masing menilai peranan kepimpinan politik di Malaysia walaupun Mohd. Ali lebih kepada kepimpinan Ku Li dalam UMNO di Kelantan. Perbezaannya, kajian tesis ini berusaha dalam menilai peranan pemimpin politik iaitu wakil rakyat dalam kategori tanggungjawab parlimentari, konstituensi, parti politik dan NGO atau badan sukarela.

Akhir sekali, kajian Mohd. Izani lebih memfokuskan kepada peranan ahli parlimen PAS sebagai pembangkang di Dewan Rakyat. Ahli parlimen PAS memainkan peranan sebagai pembangkang berfaedah melalui kritikan, komen dan cadangan kepada kerajaan walaupun tidak pernah diterima dan gagal mempengaruhi keputusan dan dasar kerajaan. Inilah yang membezakan kajian Mohd. Izani dengan kajian tesis ini. Dari segi persamaannya, kedua-dua kajian ini memberi tumpuan kepada peranan ahli parlimen (wakil rakyat) dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing dalam sistem politik Malaysia terutama peranan sebagai perwakilan dalam parlimen.

3.5 RUMUSAN

Berdasarkan kepada sorotan kajian-kajian lepas di atas—di negara-negara sedang membangun, negara-negara maju dan Malaysia—menunjukkan kepelbagaian tema dan tumpuan dalam setiap kajian oleh sarjana yang berlainan. Walaupun dalam konteks politik demokrasi dan kepimpinan, namun ia menunjukkan kecenderungan dan pendekatan yang berbeza dalam analisis masing-masing. Apa yang jelas, dalam sistem politik demokrasi berparlimen khasnya—begitu juga dalam autoritarian, monarki dan komunis—kepimpinan politik menjadi persoalan yang sangat penting. Ia bukan sahaja melibatkan aktor yang dipilih sebagai pemimpin, tetapi gaya kepimpinan yang dilaksanakan ketika menerajui pemerintahan. Ia juga melibatkan persoalan tentang kuasa. Kuasa dan pemimpin tidak boleh dipisahkan kerana melalui kuasa seseorang itu boleh menjadi pemimpin dan melaksanakan kepimpinan. Walau bagaimanapun, kaedah dan pendekatan kepimpinan yang diamalkan tidak semuanya dipersetujui. Justeru itu,

ada pemimpin lain yang turut berminat untuk berkuasa dan berusaha untuk melakukannya. Atas sebab itu, ia mengundang kepada konflik dan perbalahan hingga berlarutan kepada keadaan yang lebih kritikan. Di Nigeria, Rwanda dan Kenya misalnya termasuklah di Thailand, campur tangan tentera berlaku dalam politik hingga menumbangkan kerajaan awam. Ini sekaligus memamatkan demokrasi dan kuasa rakyat dalam menentukan kepimpinan negara.

Ini ditambah pula dengan tindakan pemimpin yang tidak amanah, salah guna kuasa, rasuah, nepotisme dan sebagainya. Apabila kerajaan bertukar tangan dari kerajaan awam kepada tentera kononnya untuk menghapuskan salah tadbir dalam kerajaan awam seperti di beberapa negara seperti dibincangkan di atas, apa yang diharapkan tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya masalah yang sama timbul dan keadaan lebih teruk lagi hingga menyebabkan politik dan ekonomi tidak pernah stabil. Jadi, rakyat mendesak agar dilakukan peralihan kuasa dan diwujudkan amalan demokrasi untuk memberi peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin. Apabila peralihan kuasa telah berlaku di negara-negara membangun misalnya, ia dilihat sebagai nafas baharu dan proses pengukuhan politik demokrasi atau pendemokrasian politik di negara tersebut.

Berdasarkan sorotan kajian-kajian di atas, ia memberi panduan dan meletakkan tanggungjawab kepada pengkaji untuk melihatnya dari perspektif lain walaupun dalam dimensi atau ruang lingkup politik demokrasi berparlimen yang sama. Banyak persoalan yang ditinggalkan oleh sarjana-sarjana di atas untuk dijawab dalam kajian tesis ini mahu pun kajian lain pada masa hadapan. Melalui analisis sorotan karya ini juga pengkaji dapat mendalami beberapa permasalahan dan isu dalam kepimpinan dan politik demokrasi serta bagaimana ia berlaku dalam konteks Malaysia. Diharap melalui kajian tesis ini dan kajian-kajian lepas di atas dapat membentuk gabung jalin ilmu sains politik yang lebih bersifat ke hadapan dalam pelbagai dimensi yang berlainan agar disiplin ini tidak menjadi statik.

BAB 4

PERKEMBANGAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DI MALAYSIA

4.1 PENGENALAN

Sejarah demokrasi di Malaysia baharu mencecah usia 57 tahun jika dikira daripada tarikh kemerdekaan pada tahun 1957. Ini bermakna demokrasi di Malaysia masih muda. Akan tetapi, sistem berparlimen wujud lebih awal apabila British telah menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) dan Majlis Undangan Persekutuan (MUP) pada tahun 1948. British juga memperkenalkan sistem pilihan raya bagi memilih ahli majlis perbandaran dan MUP. Penubuhan PTM dan MUP adalah asas kepada sistem demokrasi berparlimen di Tanah Melayu. Oleh sebab itu, penjajahan British mempunyai pengaruh dan kesan yang besar ke atas sistem politik dan pentadbiran di Tanah Melayu. Hal ini diakui oleh Puthucheary (1980) dalam kenyataannya seperti berikut:

...system of administration follows closely the pattern of the modern western bureaucratic administration which it inherited from the British during the colonial period. However, even though the forms of the western system are outwardly observed, there appears to be a widespread discrepancy between form and reality. (hlm. 1)

Tidak dinafikan kesan penjajahan British cukup besar di Tanah Melayu, tetapi pendudukan tentera Jepun dari tahun 1942 hingga 1945 juga mempunyai pengaruh dan kesannya tersendiri. Pendudukan Jepun telah menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu bagi menentang British dan menuntut kemerdekaan (Andaya & Andaya, 1983: 289). Apabila British kembali ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua tamat, kesedaran politik dan semangat juang orang-orang Melayu sudah berubah (Mohd. Isa, 2002: 291). Semenjak itu, mereka tidak lagi tunduk dan patuh secara membabi buta terhadap dasar-dasar British. Buktinya, para pemimpin dan orang Melayu bersatu hati sepenuhnya menentang penubuhan Malayan Union (MU) yang diumumkan oleh British. Ini menunjukkan mereka semakin berani dan terang-terangan menentang British.

Jadi, perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada beberapa tiga bahagian. Pertama, perbincangan tentang perkembangan sistem politik (berparlimen) di Tanah Melayu dari era sebelum dan awal merdeka. Kedua, perbincangan tentang perkembangan pilihan raya di Tanah Melayu (kemudian Malaysia) dalam menilai pencapaian parti pemerintah dan pembangkang. Hal ini kerana pilihan raya merupakan aktiviti politik yang sangat penting dalam sistem demokrasi untuk menentukan perwakilan dan seterusnya pemerintah. Ketiga, bab ini juga membincangkan isu-isu yang timbul dalam kepimpinan politik dari era Tunku Abdul Rahman hingga Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi cabaran kepada sistem politik demokrasi di Malaysia. Penggunaan nama Tanah Melayu dalam bab ini merujuk kepada era sebelum merdeka hingga tahun 1963 dan nama Malaysia selepas tahun 1963.

4.2 PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Penubuhan PTM pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan MU adalah asas pengenalan sistem berparlimen di Tanah Melayu dan seterusnya demokrasi di Malaysia. Persoalannya, adakah Tanah Melayu (atau Malaysia) negara demokratik? Pada asasnya memang jelas Malaysia adalah negara demokrasi yang berpaksikan kepada sistem berparlimen ala-British. Namun, Malaysia dilabelkan bukan negara demokrasi kerana beberapa tindakan, dasar, peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan bersifat kekerasan, menyekat kebebasan, berlakunya diskriminasi dan sebagainya. Misalnya, Case (1993: 182-205) melabelkan Malaysia sebagai semi-demokrasi; Jesudason (1995: 335-356) pula sebagai negara statis-demokrasi; dan Zakaria Ahmad (1989: 347-382) sebagai negara quasi-demokrasi. Sementara itu, Crough (1996) mempunyai pandangan yang hampir sama dengan sarjana-sarjana ini seperti kenyataannya di bawah:

The Malaysia political system could not be described as either democratic or authoritarian without substantial qualification. Since independence in 1957, the form of democratic government were maintained, but the government also gradually acquired increased authoritarian powers that made it almost impossible for ruling coalition to be force out of office.
(hlm. 27)

Hakikatnya, British bertanggungjawab memperkenalkan sistem politik demokrasi di Tanah Melayu walaupun mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu apabila kembali semula menjajah selepas Perang Dunia Kedua. Buktinya, apabila British cuba untuk memperkenalkan gagasan MU—satu formula politik baharu—ia mendapat tentangan yang hebat daripada para pemimpin dan orang Melayu.³¹ Ini merupakan kejutan yang besar kepada British. MU merupakan sistem pemerintahan berbentuk pemusatan kuasa. Punca orang Melayu menentang penubuhan MU kerana British telah memberi dan mengiktiraf kedudukan sama rata antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu dari segi kewarganegaraan secara *jus soli*, kuasa raja-raja Melayu yang dihadkan kepada soal agama dan adat istiadat Melayu sahaja dan pemerintahan langsung dari England (Comber, 2007: 62; Mohammad Agus, 2006: 50; Muhammad Kamil, 2001: 73; Nidzam, 2006: 106-107; Puthucheary, 1980: 28; dan Rais, 2007: 6). MU telah diisytiharkan secara rasmi pada 1 April 1946.

Kesan penentangan terhadap MU, orang Melayu telah menubuhkan parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization, atau UMNO).³² Melalui UMNO, orang Melayu bergerak menentang MU. Penentangan secara besar-besaran oleh UMNO terhadap MU menyebabkan British akhirnya membuka pintu rundingan bagi menyelesaikan kemelut yang timbul. Kesudahannya, pemimpin Melayu melalui UMNO telah berjaya memaksa British membubarkan MU (Andaya & Andaya, 1983: 298). Sebelum MU dibubarkan, British telah mengadakan rundingan dengan para pemimpin Melayu (melibatkan wakil UMNO dan Raja-raja Melayu) bagi membentuk pemerintahan alternatif yang boleh diterima oleh semua pihak.

³¹ Pada 11 Oktober 1945, Utusan Khas Inggeris Sir Harold MacMicheal telah tiba di Tanah Melayu dalam rangka menepati usaha-usaha terakhir dan penting untuk menjayakan penubuhan Malayan Union. Tujuannya adalah untuk mendapatkan perkenan dan tandatangan Raja-raja Melayu sebagai tanda memersetujui penubuhan Malayan Union. Pengumuman rasmi mengenai penubuhan Malayan Union telah dibuat di parlimen Inggeris sehari sebelum ketibaan MacMicheal (pada 10 Oktober 1945) di Tanah Melayu (Malaysia, 1986a: 33).

³² UMNO secara rasminya telah diasaskan pada 11 Mei 1946 dan diterajui oleh Dato' Onn Jaafar. Kelahiran UMNO merupakan suatu manifestasi perjuangan orang Melayu dalam menuntut keadilan terhadap hak dan keistimewaan mereka dan Raja-raja Melayu yang terabai atau dinafikan dalam perlembagaan Malayan Union. Jadi, kelahiran UMNO adalah suatu kebangkitan besar nasionalisme orang Melayu.

Rundingan tersebut telah bersetuju membentuk jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Inggeris-Melayu (Anglo-Malay Working Committee)³³ yang bertanggungjawab untuk merangka deraf perlembagaan baharu untuk menggantikan Perlembagaan MU.³⁴ Pada 20 November 1946, Sidang Pleno untuk menggubal perlembagaan PTM telah mengadakan mesyuarat terakhir di King's House, Kuala Lumpur. Sidang Pleno tersebut dianggotai wakil British, Raja-raja Melayu dan UMNO. British telah diwakili oleh Gabenor Jeneral Malcolm MacDonald. Ia turut dihadiri oleh Gabenor MU Sir Edward Gent, Peguam Negara K.K. O'Connor dan Ketua Setiausaha A.T. Newbould. UMNO pula diwakili oleh Dato' Onn Jaafar, Datuk Hamzah Abdullah, Raja Kamarulzaman, Raja Mansur, Hj. Mohamed Shariff Osman, Dato' Nik Kamil Mohamad dan Dato' Abdul Rahman Mohamad Yassin (Malaysia, 1986a: 165). Kesungguhan dan semangat perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO pada ketika itu berjaya membuahkan hasil apabila Perlembagaan PTM 1948 diluluskan yang membawa kepada penubuhan PTM bagi menggantikan MU.

³³ Anglo-Malay Working Committee dibentuk pada 25 Julai 1946 mengandungi wakil-wakil kerajaan British, UMNO dan Raja-raja Melayu. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merangka cadangan-cadangan bagi perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Perjanjian Persekutuan. Pada 18 November 1946 merupakan sesi perbincangan yang terakhir diadakan oleh Jawatankuasa Kerja ini dan menandatangani laporannya. Dalam jawatankuasa ini, kebanyakan daripada perwakilan Melayu pernah menjadi pegawai kerajaan dan juga Menteri Besar. Ahli-ahli Jawatankuasa seperti Sir Theodore Adams, K.K. O'Connor, A.T. Newbould, Dato Onn Jaafar, Haji Mohamad Sheriff bin Osman, Raja Kamarulzaman bin Raja Mansor, D.C. Watherston, Sir Ralph Hone, W.D. Godsall, Dato Nik Ahmad Kamil bin Mahmud, Dato Hamzah bin Abdullah, Dato Abdul Rahman Mohammed Yassin, Dato Roland Braddell dan D.W. Lineham (Malaysia, 1995: 29).

³⁴ Perlembagaan Malayan Union seperti yang telah dibincangkan mengandungi beberapa ciri seperti:

- i) Semua negeri di Tanah Melayu digabungkan di bawah satu kerajaan pusat kecuali Singapura yang kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan;
- ii) Pentadbiran Tanah Melayu diketuai oleh seorang Gabenor yang dibantu oleh sebuah Majlis Mesyuarat Undangan dan Majlis Kerja;
- iii) Pesuruhjaya Residen menjadi ketua pentadbir tertinggi di negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri Selat dan akan menjadi pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri yang terletak di bawah kawalan kerajaan pusat;
- iv) Majlis Mesyuarat Negeri dikekalkan untuk menguruskan hal ehwal tempatan dan dikawal oleh kerajaan pusat dan dianggotai oleh para pegawai British; dan
- v) Majlis Mesyuarat Undangan mempunyai bilangan ahli rasmi dan tidak rasmi yang sama banyak. Gabenor berkuasa untuk melulus dan membatalkan sesuatu undang-undang. Semua undang-undang yang dikuatkuasakan tidak memerlukan tandatangan Sultan.

Untuk perbincangan lanjut, lihat Ruslan Zainuddin, (2005). "Kemerdekaan dan Penubuhan Malaysia" Dlm. Ruslan Zainuddin, Mohd. Mahadee Ismail & Zaini Othman. *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (hlm. 138-182).

Pada 21 Januari 1948, Raja-raja Melayu dan British telah menandatangani Perjanjian PTM untuk menggantikan Perlembagaan MU (Milne & Mauzy, 1982: 11). Pada tarikh itu juga MU telah dibubarkan. Akhirnya pada 1 Februari 1948 Perlembagaan PTM³⁵ telah dilancarkan dan menandakan secara rasmi PTM menggantikan MU (Muhammad Kamil, 2001: 80). Perlembagaan PTM mempunyai beberapa ciri penting seperti:

- a) Persekutuan mengandungi sembilan buah negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang;
- b) Singapura terus menjadi koloni British;
- c) Seorang Pesuruhjaya Tinggi British dilantik untuk mengetuai kerajaan dan menjadi Pengerusi kepada MUP dan Majlis Mesyuarat Kerja;
- d) MUP dianggotai oleh tiga ahli *ex-officio*, sembilan orang Menteri Besar (MB) dan dua orang wakil Majlis Tempatan (Pulau Pinang dan Melaka), 11 orang ahli rasmi dan 50 orang ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi;
- e) Sebuah Majlis Raja-raja Melayu dibentuk dan setiap kali persidangan dipengerusikan oleh salah seorang daripada Sultan yang dipilih oleh persidangan;
- f) Majlis Negeri ditubuhkan di tiap-tiap negeri bagi membuat undang-undang negeri. Pegawai eksekutif penting di peringkat negeri ialah MB;
- g) Kedudukan istimewa orang Melayu terus dipelihara di samping kepentingan sah kaum-kaum lain juga dijaga;
- h) Dari segi kerakyatan prinsip *jus soli* telah digugurkan dan diperkenalkan kewarganegaraan bersama. Dengan ini penduduk bukan Bumiputera boleh menjadi rakyat Tanah Melayu mengikut undang-undang; dan
- i) Dalam hal pertahanan dan hal ehwal luar dipegang oleh kerajaan British.

³⁵ Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd. Isa Othman, (2002) *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (hlm. 332). Juga lihat, Rais Yatim, (2007). "The Road to Merdeka." Dlm. Harding, A. & Lee., H. P. *Constitutional Landmarks in Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: LexisNexis (hlm. 15); dan Milne, R. S. & Mauzy. D. K., (1982). *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (hlm. 38).

Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan PTM banyak perbezaan dengan Perlembagaan MU. PTM merupakan sistem pemerintahan dan pentadbiran berasaskan pemencaran kuasa. Seterusnya, Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu diperintah dalam suatu persekutuan di bawah PTM. Sistem ini menjadi model persekutuan di Tanah Melayu selepas merdeka dan kekal hingga kini. Dalam PTM, hak orang Melayu lebih terjamin dan kuasa Raja-raja Melayu telah dikembalikan, di samping mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat kepada kaum pendatang (Milne & Mauzy, 1982: 11). Pembentukan PTM selain dilihat sebagai asas kewujudan sistem persekutuan dan demokrasi berparlimen di Malaysia kini, di mana ia juga merupakan asas tolak ansur antara orang Melayu dan Cina di Tanah Melayu ketika itu (Comber, 2007: 63).

Melalui PTM juga British berusaha untuk mengadakan pilihan raya bagi memilih perwakilan politik dalam MUP. Malangnya, cadangan British mengadakan pilihan raya MUP dan Majlis Negeri terpaksa ditangguhkan kerana pemberontakan komunis di Tanah Melayu. Apabila keadaan sudah reda, British telah mengambil beberapa langkah untuk membolehkan Tanah Melayu membentuk kerajaan sendiri.³⁶ Sebelum pilihan raya MUP diadakan, British terlebih dahulu memperkenalkan Sistem Ahli (Members System)³⁷ pada tahun 1951. Sistem Ahli memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk bertanggungjawab dalam mengetuai jabatan-jabatan kerajaan dengan kedudukannya sama seperti menteri. Sistem Ahli mempunyai ahli rasmi dan ahli tidak rasmi yang dipilih oleh Pesuruhjaya Tinggi, di mana boleh meluluskan undang-undang mengenai perkara yang termasuk dalam tugas peringkat negeri (Majlis Mesyuarat Negeri) bagi memastikan keseragaman undang-undang antara negeri (Milne & Mauzy, 1982: 39; dan Muhammad Kamil, 2001: 81-83). Asas-asas ke arah sistem politik bercirikan konsep berperwakilan telah terserlah melalui Sistem Ahli, di mana

³⁶ Kerajaan British mengatakan semenjak mula-mula lagi bahawa telah bersedia untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu tanpa perjuangan berdarah dan beberapa rundingan telah dijalankan dengan lancar (Comber, 2007: 88).

³⁷ Antara tokoh-tokoh yang telah dilantik dalam sistem ini seperti Dato' Onn Jaafar (Hal Ehwal Dalam Negeri), E.E.C. Thuraisingham (Pelajaran), Dr. Lee Ting Keng (Kesihatan), Tunku Yaacob ibni Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Pertanian dan Perhutanan) dan Dato' Mahmud bin Mat (Tanah, Perlombongan dan Perhubungan) (Mohd. Isa, 2002; dan Ruslan, 2005: 158).

kemuncaknya apabila diadakan pilihan raya bagi memilih perwakilan dalam MUP yang dibincangkan dalam sub topik berikut.

4.3 PILIHAN RAYA DAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

Terdapat dua peringkat pilihan raya di Tanah Melayu selepas PTM dan MUP ditubuhkan. Pertama, pilihan raya peringkat perbandaran. Kedua, pilihan raya peringkat MUP. Pilihan raya perbandaran (tempatan) merupakan detik penting dalam sejarah pilihan raya di Tanah Melayu. Pilihan raya tempatan yang pertama telah diadakan pada Disember 1951 bagi memilih Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).³⁸ Parti Radikal telah memenangi 6 daripada 9 kerusi yang dipertandingkan. Manakala parti UMNO, Parti Buruh dan calon Bebas masing-masing memenangi satu kerusi (Ruslan, 2005: 159). Pada Februari 1952, pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (MPKL) diadakan. Dalam pilihan raya MPKL, parti UMNO dan MCA telah membentuk perikatan. Perikatan UMNO-MCA³⁹ bersetuju bertanding dalam pilihan raya tersebut dan memenangi 9 daripada 12 kerusi⁴⁰ yang dipertandingkan (Andaya & Andaya, 1983: 304; Mohd. Isa, 2002: 340; dan Ruslan, 2005: 159).

Melihat kepada kejayaan pilihan raya tempatan tersebut, British memutuskan untuk mengadakan pilihan raya persekutuan (MUP). Beberapa peristiwa penting berlaku sebelum pilihan raya 1952 diadakan. Pada tahun 1952 iaitu semasa darurat, Ordinan Majlis Tempatan telah diluluskan, di mana buat pertama kali dalam sejarah kerajaan tempatan di Tanah Melayu diwujudkan majlis-majlis tempatan di peringkat kampung dan kawasan luar bandar. Melalui Majlis Tempatan, rakyat diberi peluang untuk terlibat dalam proses memilih wakil mereka ke majlis yang akan mentadbir

³⁸ Pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan diadakan apabila Ordinan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1950 diluluskan oleh Majlis Undangan Persekutuan. Ordinan ini membolehkan pilihan raya diadakan bagi tiga kategori pihak berkuasa tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Georgetown (Pulau Pinang), Melaka dan Kuala Lumpur. Pilihan raya bagi Majlis Perbandaran Melaka turut diadakan pada Disember 1951.

³⁹ Parti Perikatan telah ditubuhkan pada bulan Disember 1951 hasil gabungan UMNO dan MCA sebelum kemasukan MIC (Malaysia, 1986: 99).

⁴⁰ Pilihan raya 1952 menyaksikan parti perikatan ditentang hebat oleh IMP yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar dan berjaya mendapat 2 kerusi sahaja dan satu kerusi dimenangi oleh calon bebas, tetapi 6 calon parti Buruh tewas kesemuanya (Mohd. Isa, 2002: 341; dan Ruslan, 2005: 159).

kebajikan mereka. Setiap Majlis Tempatan mengandungi ahli yang majoritinya dipilih melalui pilihan raya daripada kalangan mereka yang bermastautin di kawasan majlis berkenaan. Jadi, pilihan raya tempatan seperti yang telah dilaksanakan di Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang telah memberi peluang kepada parti-parti politik dan orang ramai untuk terlibat dalam pentadbiran kerajaan tempatan. Ia juga telah membuka peluang kepada perkembangan kepada parti-parti politik yang kemudiannya mengambil bahagian secara aktif dalam pilihan raya MUP pada tahun 1955 (Malaysia, 2007c: 24-25).

Pilihan raya umum (PRU) pertama di Tanah Melayu telah diadakan pada 27 Julai 1955. Ia bertujuan membolehkan PTM membentuk kerajaan sementara sebelum mendapat kemerdekaan. PRU tahun 1955 telah dijalankan berlandaskan kepada tiga ordinan, iaitu: (i) The Legislative Council Election Ordinance, 1954; (ii) The Registration of Electors Ordinance, 1954; dan (iii) The Election Offences Ordinance, 1954. Sebanyak 52 bahagian pilihan raya telah dikenal pasti di seluruh Tanah Melayu. Ketua Setiausaha Kerajaan Persekutuan telah melantik seorang Penyelia Pilihan Raya serta menubuhkan Pejabat Pilihan Raya di Kuala Lumpur dan di beberapa buah negeri tertentu bagi menguruskan PRU 1955 (Malaysia, 2007c: 27).⁴¹

PRU pertama Tanah Melayu menyaksikan beberapa parti politik mengambil bahagian, iaitu: (i) parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) bertanding di semua 52 kawasan (UMNO 35 kerusi, MCA 15 kerusi dan MIC 2 kerusi); (ii) Parti Negara pimpinan Dato' Onn Jaafar bertanding di 33 kerusi; dan (iii) parti PAS bertanding di 11 kerusi (Malaysia, 1983: 93). Dalam pilihan raya tersebut, seramai 129 orang calon telah bertanding yang terdiri daripada 111 orang calon daripada tujuh buah parti politik⁴² dan 18 orang calon Bebas yang telah mengemukakan kertas penamaan calon pada 15 Jun 1955. Tempoh berkempen telah ditetapkan selama enam minggu. Parti-parti politik

⁴¹ Urusan pendaftaran pemilih dalam kalangan rakyat yang layak, iaitu berumur 21 tahun ke atas, bermula pada 18 Oktober 1954 (29 Oktober di Terengganu) dan dijadualkan ditutup pada 16 November, tetapi dilanjutkan sehingga 1 Disember 1954. Sebanyak 1.28 juta pemilih telah berdaftar dan selepas dipamerkan selama 14 hari untuk dibuat tuntutan dan bantahan, daftar tersebut telah diterima (Malaysia, 2007c: 27).

⁴² Antara parti politik yang bertanding ialah Perikatan (UMNO-MCA-MIC), PAS, Parti Negara, People's Progressive Party, Parti Buruh dan Liga Melayu Perak.

dan calon-calon yang bertanding diberi peluang untuk menyampaikan mesej kepada pengundi melalui Radio Malaya selain daripada mengadakan perhimpunan untuk meraih sokongan. Memandangkan PRU tersebut buat julung kali diadakan, maka program publisiti telah dibuat setahun lebih awal bermula pada Februari 1954 (Malaysia, 2007c: 28).

Keputusan pilihan raya 1955 menunjukkan parti Perikatan berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Satu kerusi telah dimenangi oleh PAS di Kerian, Perak (Andaya & Andaya, 1983: 304; Malaysia, 1983: 93; dan Nidzam, 2006: 112). Kemenangan besar parti Perikatan membuktikan konsep perikatan (formula perkongsian kuasa) diterima baik oleh rakyat dan mendapat sokongan majoriti. PRU itu juga disifatkan sebagai asas dalam melatih dan mendedahkan rakyat dan pemimpin Tanah Melayu terhadap politik demokrasi seperti yang diamalkan di Britian. Kemenangan tersebut membolehkan parti Perikatan membentuk kerajaan dan Tunku Abdul Rahman Al-Haj selaku pengerusi Perikatan dilantik sebagai Ketua Menteri Tanah Melayu yang pertama.

Jadual 4.1: Kabinet Tanah Melayu 1955

Ahli	Jawatan
Tunku Abdul Rahman Al-Haj	Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri.
Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussien	Menteri Pelajaran.
Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman	Menteri Tanah dan Galian.
Kol. Hau Shek Lee (H.S. Lee)	Menteri Pengangkutan.
Abdul Aziz bin Ishak	Menteri Pertanian.
Leong Yew Koh	Menteri Kesihatan.
Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman	Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
Sardon bin Jubir	Menteri Kerja Raya.
Ong Yoke Lin	Menteri Pos, Telekom dan Perhubungan.
V.T. Sambanthan	Menteri Buruh.

(Sumber: dipetik daripada Ruslan, 2005: 160)

Tunku Abdul Rahman kemudian menubuhkan kabinetnya yang terdiri daripada 10 Menteri (6 daripada UMNO, 3 MCA dan 1 MIC) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di atas (Andaya & Andaya, 1983: 305; Mohammad Agus, 2006: 58; dan Ruslan, 2005: 160). Di bawah kabinet persekutuan 1955, portfolio seperti pertahanan, kewangan dan hal ehwal luar negeri masih dipegang oleh pegawai-pegawai British.

Portfolio hal ehwal kewangan dan ekonomi di bawah C.T. Thomas, pertahanan di bawah A.H.P. Humphrey, manakala D.C. Watherson bertindak sebagai Setiausaha Agung kepada kerajaan persekutuan dan M.J. Hogan sebagai Ketua Pengarah Perbendaharaan (Rais, 2007: 15).

Cabaran besar kepada kabinet Tunku adalah menghadapi desakan golongan radikal agar Perikatan menuntut kemerdekaan lebih awal daripada British (Mohammad Agus, 2006: 58). Di samping itu, kabinet Tunku juga bertanggungjawab untuk menunaikan manifesto PRU tahun 1955 kepada rakyat di Tanah Melayu seperti:

- a) Berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British dalam tempoh empat tahun;
- b) Menjadikan perkhidmatan awam bercorak Tanah Melayu;
- c) Penubuhan sekolah kebangsaan;
- d) Mempertahan dan melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan di negeri masing-masing;
- e) Menjamin hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera; dan
- f) Bahasa Melayu dan menjadi bahasa kebangsaan dalam tempoh 10 tahun.

Disebabkan desakan yang kuat daripada golongan radikal untuk menuntut kemerdekaan, akhirnya Tunku telah menghantar satu memorandum kepada Pejabat Tanah Jajahan British di London bertujuan untuk merunding proses kemerdekaan Tanah Melayu. Memorandum tersebut diserahkan kepada Alan Lennox-Boyd Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British. Menerusi memorandum tersebut pihak Perikatan telah menuntut dua perkara, iaitu: (i) pemberian kerajaan sendiri secepat mungkin; dan (ii) penubuhan suruhanjaya bebas untuk menggubal perlembagaan baharu bagi Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat.

Majlis Raja-raja dan parti Perikatan kemudiannya bersetuju agar Perlembagaan Tanah Melayu 1948 dipinda dan berharap mendapat kemerdekaan dengan segera. Akhirnya, pada 1 Januari 1956, Rombongan Kemerdekaan telah bertolak ke London

melibatkan empat orang wakil Raja-raja Melayu⁴³ dan empat orang wakil Perikatan.⁴⁴ Semua wakil ini telah memberi kata sepakat untuk mencapai kemerdekaan sebelum bertolak ke London lagi (Mohd. Isa, 2002: 342; dan Ruslan, 2005: 161). Rundingan telah diadakan di London dari 18 Januari hingga 6 Februari 1956 yang dipengerusikan oleh Alan Lennox Boyd dan telah mencapai beberapa persetujuan seperti:

- a) Kerajaan British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, tetapi terus kekal dalam lingkungan Komanwel dengan mengamalkan pemerintahan secara demokrasi;
- b) Rakyat tempatan akan mengambil alih jawatan-jawatan penting dalam Kementerian Pertahanan dan Keselamatan, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan dan Kementerian Dalam Negeri;
- c) British dibenarkan untuk menempatkan tenteranya di Tanah Melayu; dan
- d) Sebuah badan bebas dibentuk bagi menggubal perlembagaan baharu Tanah Melayu (Ruslan, 2005: 161).

Hasil rundingan tersebut, British bersetuju menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji perlembagaan yang sesuai (seperti perkara (d) di atas) untuk Tanah Melayu. Justeru itu, Suruhanjaya Reid⁴⁵ telah ditubuhkan pada Mac 1956 untuk mengesyor dan menyusun perlembagaan bagi negara Tanah Melayu yang demokratik (Mohd. Isa, 2002: 343; Mohammad Agus, 2006: 58; dan Rais, 2007: 16) berasaskan kepada sistem demokrasi berparlimen dwi-dewan (*bicameral*). Suruhanjaya Reid mempunyai tugas

⁴³ Wakil Raja-raja Melayu seperti Dato' Haji Abdul Wahab bin Abdul Aziz (Ketua) Menteri Besar Perak (Dato' Panglima Bukit Gantang); Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Nik Mahmud, Menteri Besar Kelantan; Dato' Muhammad Seth bin Muhammad Said, Menteri Besar Johor; dan Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, Menteri Besar Selangor. Abdul Kadir bin Shamsuddin bertindak selaku Setiausaha Rombongan (Ruslan, 2005: 161).

⁴⁴ Wakil parti Perikatan terdiri daripada Tunku Abdul Rahman (Ketua), Ketua Menteri; Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussien, Menteri Pelajaran; Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Tanah dan Galian; dan Kolonel Hau Shek Lee (H.S. Lee), Menteri Pengangkutan. T.H. Tan (Setiausaha Perikatan) bertindak selaku Setiausaha Rombongan (Ruslan, 2005: 161).

⁴⁵ Pelantikan anggota-anggota Suruhanjaya Reid di atas persetujuan daripada Ratu England (Queen) dan Raja-raja Melayu yang terdiri daripada Lord Reid (Pengerusi) Hakim Inggeris, Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell (bekas Gabenor Jeneral Australia), Tuan Hakim Abdu Hamid (bekas Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Pakistan), dan Tuan Hakim B. Malik (bekas Ketua Hakim Mahkamah Tinggi India). Untuk keterangan lanjut, lihat perbincangan Mohammad Agus (2006: 89), Rais (2007: 18); dan Mohd. Isa (2002: 343).

penting membentuk Perlembagaan PTM (Mohammad Agus, 2006: 58) seperti dapat dilihat dalam pernyataan berikut:

...the Reid Commission was set-up to make recommendations for democratic Malaya with following features: a strong central government and a bicameral legislative in which the prestige of the rulers as constitutional monarchs of their respective states would be safeguarded; a head of state for the federation to be chosen from among the rulers; a common nationality for the whole federation; but at the same time guarantees for the special position of the Malay majority.

Sepanjang menjalankan tugasnya, Suruhanjaya Reid telah menerima sebanyak 131 memorandum daripada Raja-raja Melayu, orang perseorangan, pertubuhan dan parti siasah; dan telah mengadakan sebanyak 81 kali perjumpaan. Namun, memorandum daripada parti Perikatan sangat penting memandangkan peranan yang bakal dimainkannya sebagai kerajaan apabila British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu seperti yang dinyatakan dalam laporan Suruhanjaya Reid. Atas sebab itu, suruhanjaya tersebut menyatakan rasa terhutang budi kepada parti Perikatan di atas memorandum mereka dan keterangan mengenainya yang diberikan secara lisan (Milne & Mauzy, 1982: 47). Tidak semua memorandum yang diterima dimasukkan dalam draf perlembagaan, tetapi hanya perkara-perkara utama sahaja yang dipertimbangkan. Lapornya telah disiapkan pada akhir tahun 1956 (Mohd. Isa, 2002: 343) dan diterbitkan pada Februari 1957 (Mohammad Agus, 2006: 58).⁴⁶ Rang undang-undang (perlembagaan) yang diterima dengan beberapa pindaan telah diluluskan oleh MUP pada bulan Julai 1957. Kelulusan rang undang-undang tersebut telah menghasilkan Perlembagaan PTM 1957 sebagai undang-undang tertinggi negara merdeka.

Sebagai langkah permulaan ke arah kemerdekaan, menurut Mohammad Agus (2006: 57) suatu siri proses tawar-menawar yang sangat penting telah berlaku antara pemimpin UMNO dan MCA berhubung ciri-ciri (kandungan) Perlembagaan 1957 yang merangkumi aspek kewarganegaraan, bahasa dan hak istimewa orang Melayu.

⁴⁶ Untuk keterangan lanjut, lihat Rais (2007: 16-20) mengenai proses dan hasil kerja yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Reid dalam merangka Perlembagaan Persekutuan.

Beberapa perkara penting menjadi asas dalam Perlembagaan 1957 yang telah diluluskan adalah hasil tawar menawar antara UMNO dan MCA yang menyentuh aspek seperti:

- a) Ketua negara bukan politik dinamakan Yang DiPertuan Agong (YDA);
- b) Badan perundangan terdiri daripada dua dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara;
- c) Perkhidmatan awam bersifat berkecuali dan badan kehakiman yang bebas;
- d) Kedudukan istimewa orang Melayu berasaskan Perkara 153 dan kepentingan sah kaum lain; dan
- e) Ditetapkan satu kerakyatan atas alasan kelahiran atau memenuhi keperluan-keperluan kediaman, bahasa dan ikrar taat setia (Mohd. Isa, 2002: 344).

Pada 5 Ogos 1957, pihak British dan parti Perikatan telah menandatangani perjanjian perlembagaan yang merdeka bagi PTM.⁴⁷ Selepas itu, tepat jam 12.00 tengah malam 30 Ogos 1957 bendera Union Jack telah diturunkan dalam upacara yang gilang-gemilang di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur. Kemudian bendera PTM dinaikkan sebagai simbolik British telah memerdekakan Tanah Melayu (Comber, 2007: 93-94). Pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu telah diisytiharkan secara rasminya sebagai sebuah negara merdeka. Kerajaan Tanah Melayu diterajui parti Perikatan dan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri (PM). Kemudian pada 2 September 1957, Tuanku Abdul Rahman ibin Almarhum Tuanku Mohamad, Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan telah ditabalkan sebagai YDA yang pertama. Ini menandakan secara

⁴⁷ Pada 5 Ogos 1957, Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani di antara Raja-raja Melayu dengan wakil Baginda Queen, Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray di King's House, Kuala Lumpur dalam satu upacara yang gilang-gemilang yang berlangsung selama dua jam. Pada jam 9.30 pagi seramai 15 orang penandatangan utama iaitu Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu, 8 orang Raja-raja Melayu, Tengku Mahkota Johor dan 5 orang pembesar yang berkuasa dari Negeri Sembilan (iaitu selain daripada Yang DiPertuan Besar) serta saksi-saksi kepada penandatangan-penandatangan telah menandatangani perjanjian itu dengan menggunakan pena khas bertulis Federation of Malaya Agreement 1957. Perjanjian itu telah ditandatangani dalam 40 salinan, di mana 20 salinan dalam Bahasa Melayu dan 20 salinan lagi dalam Bahasa Inggeris. Dalam pada itu, 2 salinan daripada perjanjian itu telah dihantar kepada kerajaan British, sementara 2 salinan lagi disimpan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Satu salinan dihantar ke setiap negeri termasuk Melaka dan Pulau Pinang, sementara itu Negeri Sembilan diserahkan 6 salinan. Dengan termeterainya perjanjian tersebut, maka dengan sendirinya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah termansuh, dan begitu juga berakhirnya kuasa dan kedaulatan Baginda Queen ke atas seluruh Tanah Melayu termasuk di Melaka dan Pulau Pinang (Malaysia, 1983: 125).

rasminya Tanah Melayu mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan yang kekal hingga kini.⁴⁸

Pada 10 September 1957, Jemaah Kabinet Persekutuan yang ulung telah mengadakan mesyuarat pertama di MUP (parlimen), Kuala Lumpur. Inilah pertama kali pemimpin-pemimpin tempatan mengambil alih tempat pegawai-pegawai British. Mesyuarat kabinet pertama ini telah dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman selaku PM bertujuan membincangkan peraturan baharu yang harus dipakai oleh para menteri. Ahli kabinet 1955 masih dikekalkan dalam kabinet 1957 melainkan Kolonel H.S. Lee yang dilantik sebagai Menteri Kewangan kerana tidak bertanding dalam PRU 1955 (Malaysia, 1983: 255). Ini bermakna kabinet PTM tahun 1957 adalah terdiri daripada perwakilan politik yang telah dipilih dalam PRU tahun 1955. Atas sebab itu, pilihan raya selepas merdeka sangat penting untuk mengukur kekuatan kerajaan yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman.

PRU yang pertama selepas merdeka di Tanah Melayu diadakan pada 19 Ogos 1959 melibatkan kawasan parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan Undangan Negeri (DUN).⁴⁹ Sebanyak 104 kerusi parlimen dipertandingkan berbanding 52 kerusi pada tahun 1955. Parti Perikatan ditentang oleh Parti Negara, Parti Malaya, PAS, Parti Progresif Rakyat, Parti Barisan Sosialis, Parti Tindakan Rakyat, Parti Demokratik Bersatu dan beberapa orang calon Bebas. Keputusan pilihan raya menunjukkan parti Perikatan berjaya memenangi 74 kerusi, parti PAS 13 kerusi, parti Barisan Sosialis 4 kerusi, parti Malaya 1 kerusi, Bebas 3 kerusi. Sementara itu, Parti Demokratik Bersatu dan Parti Tindakan Rakyat gagal mendapatkan sebarang kerusi. Dengan kemenangan itu, parti Perikatan mendapat mandat membentuk kerajaan. Pada 22 Ogos 1959, Tunku

⁴⁸ Sebagai sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat, kewujudan Tanah Melayu dalam lingkungan negara-negara Komanwel telah diakui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 17 September 1957. Pengiktirafan ini bukan sahaja oleh negara-negara bebas (merdeka) di dunia, tetapi juga oleh negara-negara komunis dan sosialis (Malaysia, 1983: 217).

⁴⁹ Dalam pilihan raya umum 1959, jumlah pengundi telah bertambah daripada 1.28 juta orang pada tahun 1955 kepada 2.17 juta orang. Ini menunjukkan peningkatan pengundi Melayu menjadi 57%, Cina 30% dan India 7%. Pertambahan bilangan pengundi bukan Melayu disebabkan oleh kemudahan-kemudahan yang diberikan melalui perkembangan atau proses naturalisasi dan lain-lain kemudahan yang diberikan dalam masa 12 bulan yang pertama selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dari segi kewarganegaraan. Keadaan ini menyebabkan daftar pemilih disemak semula pada tahun 1958 (Malaysia, 1983: 171).

Abdul Rahman mengangkat sumpah sebagai PM dan mengumumkan barisan kabinetnya pada 23 Ogos 1959 seperti dalam Jadual 4.2 di bawah. Semua menteri dalam kabinet tahun 1957 dilantik semula termasuk muka baharu Mohd. Khir Johari⁵⁰ kecuali Kolonel H.S. Lee (Menteri Kewangan) kerana tidak bertanding dalam PRU tahun 1959 (Malaysia, 1983: 187).

Jadual 4.2: Kabinet Tanah Melayu 1959

Nama	Bidang Tugas
Tunku Abdul Rahman Al-Haj	Perdana Menteri dan Kemajuan Kampung-kampung.
Dato' Abdul Razak Hussien	Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan
Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman	Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan
Tan Siew Sin	Menteri Kewangan
Sulaiman Dato' Abdul Rahman	Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Keadilan
Abdul Aziz Ishak	Menteri Pertanian
Mohd. Khir Johari	Menteri Pelajaran
Sardon Haji Jubir	Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom
Ong Yoke Lin	Menteri Buruh, Sosial dan Kebajikan
Bahaman bin Shamsuddin	Menteri Hasil Bumi
Abdul Rahman Talib	Menteri Pengangkutan
V.T. Sambanthan	Menteri Kesihatan

(Sumber: Malaysia, 1983: 187)

Sidang parlimen pertama telah diadakan pada 12 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YDA yang dihadiri oleh semua ahli parlimen yang memenangi pilihan raya 1959. Ini adalah julung kalinya parlimen bersidang, di mana semua ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Sebelum ini ahli MUP terdiri daripada mereka yang dipilih dan dilantik oleh British. Ini adalah asas demokrasi berparlimen di Malaysia, di mana pilihan raya terakhir adalah PRU-13 yang diadakan pada 5 Mac 2013.

⁵⁰ Mohd. Khir yang bertanding di kawasan Kedah Tengah telah ditangguhkan pemilihannya kepada 30 September 1959. Setelah memenangi pilihan raya kawasan tersebut, pada 3 Oktober 1959 beliau telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Sebelum Mohd. Khir Johari mengangkat sumpah sebagai Menteri Pelajaran, portfolio tersebut telah dipegang buat sementara oleh En. Abdul Aziz Ishak (Menteri Pertanian) (Malaysia, 1983: 187).

4.4 PERKEMBANGAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Pilihan raya merupakan proses penting untuk memilih perwakilan politik (wakil rakyat) dalam sistem demokrasi berparlimen. Semenjak pilihan raya tahun 1955 (sebelum merdeka) dan terakhir PRU-13 tahun 2013 (selepas merdeka) menunjukkan pilihan raya merupakan proses penting dalam menentukan perwakilan dan kerajaan. Selepas penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 berlaku pertambahan penduduk dengan kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura yang menyebabkan bertambahnya kawasan (persempadanan) pilihan raya yang baharu di peringkat parlimen dan DUN. Ini sekaligus menambah bilangan perwakilan yang berasaskan prinsip satu kawasan satu wakil (*single member territorial representation*). Walau bagaimanapun, fokus dalam kajian tesis ini hanya melibatkan penggal PRU-12.

Jadual 4.3: Bilangan Kerusi Parlimen

Bil.	Tahun PRU	Bil. Kerusi	Perikatan / BN	Pembangkang
1.	1959	104	74	30
2.	1964	159	144	15
3.	1969	144	74	70
4.	1974	154	135	19
5.	1978	154	130	24
6.	1982	154	132	22
7.	1986	177	148	29
8.	1990	180	127	53
9.	1995	192	162	30
10.	1999	193	148	45
11.	2004	219	199	20
12.	2008	222	140	82

(Sumber: Laporan Pilihan Raya, SPR 1959-2008)

PRU-1 telah diadakan pada 19 Ogos 1959 untuk memilih 104 orang ahli Dewan Rakyat (Chamil, 2009: x). Parti Perikatan masih diberikan mandat untuk membentuk kerajaan apabila memenangi 74 kerusi yang dipertandingkan dan Tunku Abdul Rahman kekal sebagai PM. Dalam pada itu, pada 11 September 1959 telah menyaksikan buat pertama kalinya badan perundangan di Tanah Melayu telah diinstitusikan dengan wujudnya dua majlis parlimen (berasaskan dwi-dewan) iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Diinstitusikan bermaksud parlimen mempunyai institusinya yang jelas sebagai tempat untuk mengangkat sumpah sebagai ahli perundangan, berhimpun, berbahas dan

meluluskan undang-undang dan dasar-dasar negara apabila bangunan parlimen dibina seperti yang dapat disaksikan pada hari ini.

Dari PRU-1 (1959) hingga PRU-12 (2008) menunjukkan penambahan bilangan kerusi (kawasan pilihan raya) parlimen (Dewan Rakyat). Daripada hanya 104 kerusi dalam PRU-1 telah bertambah kepada 222 kerusi dalam PRU-12 seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di atas. Dalam PRU-2 pada tahun 1964, bilangan kerusi parlimen bertambah kepada 159 kerusi disebabkan kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia. Namun, kerusi parlimen berkurangan kepada 144 kerusi dalam PRU-3 tahun 1965 disebabkan Singapura telah keluar dari Malaysia. Selepas itu, bermula dari PRU-4 tahun 1974, bilangan kerusi parlimen bertambah kepada 154 kerusi dan kekal hingga PRU-6 tahun 1982. Jumlah kerusi parlimen terus bertambah sehingga menjadi 222 kerusi dalam PRU-12 tahun 2008. Ini merupakan evolusi pilihan raya di Malaysia walaupun prestasi parti pemerintah mahupun pembangkang turun naik.

Jadual 4.4: Pilihan Raya Umum Parlimen

Bil.	Tahun	Tarikh Diadakan
1.	1959	19 Ogos 1959
2.	1964	25 April 1964
3.	1969	10 Mei 1969 10 Mei hingga 25 Mei 1969 (Sabah) 10 Mei hingga 7 Jun 1969 (Sarawak)
4.	1974	24 Ogos 1974 24 Ogos hingga 7 September 1974 (Sabah) 24 Ogos hingga 14 September 1974 (Sarawak)
5.	1978	8 Julai 1978 8 Julai hingga 15 Julai 1978 (Sabah) 8 Julai hingga 22 Julai 1978 (Sarawak)
6.	1982	22 April 1982 22 April hingga 26 April (Sabah & Sarawak)
7.	1986	3 Ogos 1986 2 Ogos hingga 3 Ogos 1986 (Sabah & Sarawak)
8.	1990	21 Oktober 1990 20 Oktober hingga 21 Oktober 1990 (Sabah & Sarawak)
9.	1995	25 April 1995 24 April hingga 25 April 1995 (Sabah & Sarawak)
10.	1999	29 November 1999
11.	2004	21 Mac 2004
12.	2008	8 Mac 2008

(Sumber: Malaysia, 2007c)

Jadual 4.4 di atas menunjukkan tarikh PRU-1 hingga PRU-12 bagi kawasan parlimen. Wujud perbezaan tarikh PRU antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Dalam PRU-3 (1969) hingga PRU-9 (1995), pilihan raya di Sabah dan Sarawak diadakan lebih awal disebabkan oleh faktor jarak dan kekurangan pengangkutan menyebabkan SPR membuat keputusan seperti itu. Hanya pada PRU-10 tahun 1999, kedua-dua negeri ini diberi tempoh mengundi yang sama dengan Semenanjung Malaysia disebabkan sistem pengangkutan dan perhubungan yang semakin baik. Dari segi kerusi pilihan raya mengikut persempadanan (parlimen) bagi semua negeri di Malaysia seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.5 di bawah, di mana Sarawak memiliki kerusi paling banyak iaitu 31 kerusi, diikuti Johor (26 kerusi), Sabah (25 kerusi), Perak (24 kerusi) dan Selangor (22 kerusi).

Jadual 4.5: Bilangan Kerusi Parlimen Mengikut Negeri (PRU-12)

Bil.	Negeri	Bil. Kerusi	Jumlah Pengundi
1.	Johor	26	1,283,671
2.	Kedah	15	873,674
3.	Kelantan	14	751,682
4.	Melaka	6	371,594
5.	Negeri Sembilan	8	462,015
6.	Pahang	14	618,079
7.	Pulau Pinang	13	700,163
8.	Perak	24	1,170,351
9.	Perlis	3	120,081
10.	Sabah	25	807,862
11.	Sarawak	31	912,454
12.	Selangor	22	1,565,494
13.	Terengganu	8	521,597
14.	W. Persekutuan Kuala Lumpur	11	687,936
15.	W. Persekutuan Labuan	1	21,521
16.	W. Persekutuan Putrajaya	1	6,608
Jumlah		222	10,874,782

(Sumber: dipetik daripada Chamil, 2009: 16)

Bagi PRU negeri, Sabah telah mengadakannya serentak dengan Semenanjung Malaysia mulai PRU-11 (2004) dan PRU-12 (2008) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.6 di bawah. Sarawak pula tidak pernah mengadakan PRU negeri serentak dengan PRU parlimen kecuali dalam PRU-2 tahun 1969 (yang pertama bagi Sarawak untuk kawasan parlimen) seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.7 di bawah. PRU negeri Sarawak (parlimen dan DUN) yang pertama diadakan secara berperingkat mulai 10 Mei

1969 hingga 7 Jun 1969 kerana sistem pengangkutan dan komunikasi belum sempurna pada masa itu. Walau bagaimanapun, PRU tersebut terpaksa ditangguhkan kerana darurat akibat peristiwa 13 Mei 1969. Akibat penangguhan itu, pilihan raya di sembilan kawasan daripada 48 kawasan yang telah diadakan masih belum selesai. PRU negeri dan parlimen disambung semula pada 6 Jun 1970 dan selesai pada 4 Julai 1970. PRU negeri Sarawak selepas tahun 1974 diadakan dalam tahun yang berbeza dengan Semenanjung Malaysia dan Sabah, di mana yang terakhir diadakan pada tahun 2011.

Jadual 4.6: Pilihan Raya Umum DUN Sabah

Bil.	Tahun	Tarikh Diadakan
1.	1967	8 April hingga 23 April 1967
2.	1971	Semua kerusi dimenangi Perikatan Sabah tanpa bertanding
3.	1976	5 April hingga 14 April 1976
4.	1981	23 Mac hingga 28 Mac 1981
5.	1985	20 April hingga 21 April 1985
6.	1986	5 Mei hingga 6 Mei 1986
7.	1990	16 Julai hingga 17 Julai 1990
8.	1994	18 Februari hingga 19 Februari 1994
9.	1999	12 Mac hingga 13 Mac 1999
10.	2004	21 Mac 2004
11.	2008	8 Mac 2004

(Sumber: Malaysia, 2007c)

Jadual 4.7: Pilihan Raya Umum DUN Sarawak

Bil.	Tahun	Tarikh Diadakan
1.	1969	10 Mei hingga 7 Jun 1969
2.	1974	24 Ogos hingga 14 September 1974
3.	1979	15 September hingga 22 September 1979
4.	1983	28 Disember hingga 29 Disember 1983
5.	1987	15 April hingga 16 April 1987
6.	1991	27 September hingga 28 September 1991
7.	1996	7 September hingga 8 September 1996
8.	2001	27 September 2001
9.	2006	20 Mei 2006
10.	2011	16 April 2011

(Sumber: Malaysia, 2007c)

Perkembangan sistem berparlimen di Malaysia bukan sahaja melibatkan pilihan raya dan bilangan perwakilan bagi menduduki Dewan Rakyat dan DUN. Evolusi sistem berparlimen di Malaysia juga melibatkan kedudukan Yang Dipertua (*Speaker*)

Dewan Rakyat. Tempoh penggal parlimen bermula apabila persidangan pertama diadakan serentak dengan majlis angkat sumpah ahli-ahli Dewan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.8 di bawah. Begitu juga di peringkat DUN, di mana tempoh lima tahun bagi penggal DUN berkuatkuasa. Misalnya, tempoh penggal parlimen ke-12 bermula daripada 23 April 2008 dan tamat pada 22 April 2013. Jika tidak dibubarkan dalam tempoh tersebut, Dewan Rakyat dengan sendirinya terubur pada 23 April 2013.

Jadual 4.8: Penggal Parlimen Di Malaysia

Bil.	Penggal Dewan	Tarikh Angkat Sumpah	<i>Speaker</i>
1.	Dewan Rakyat 1	11 September 1959	Dato' Haji Mohd. Noah Omar 11 September 1959 – 29 Februari 1964
2.	Dewan Rakyat 2	18 Mei 1964	Dato' Syed Esa Alwee 18 Mei 1964 – 24 November 1964
			Tan Sri Dato' Chik Mohd Yusof 25 November 1964 – 19 Februari 1970
3.	Dewan Rakyat 3	20 Februari 1970	Tan Sri Dato' Chik Mohd Yusof 20 Februari – 3 November 1974
4.	Dewan Rakyat 4	4 November 1974	Tan Sri Nik Ahmad Kamil 4 November 1974 – 20 Disember 1977
5.	Dewan Rakyat 5	31 Julai 1978	Tan Sri Syed Nasir Ismail 6 September 1978 – 16 Mac 1982
6.	Dewan Rakyat 6	14 Jun 1982	Tun Dato' Seri Mohd. Zahir Ismail 14 Jun 1982 – 14 Oktober 2004
7.	Dewan Rakyat 7	6 Oktober 1986	
8.	Dewan Rakyat 8	3 Disember 1990	
9.	Dewan Rakyat 9	7 Jun 1995	
10.	Dewan Rakyat 10	20 Disember 1999	
11.	Dewan Rakyat 11	17 Mei 2004	Tan Sri Ramli Ngah Talib 17 Mei 2004 – 23 Februari 2008
12.	Dewan Rakyat 12	23 April 2008	Tan Sri Pandikar Amin Mulia 23 April 2008 – 22 April 2013

(Sumber: Chamil, 2009: x-xi; dan 147-213)

4.5 SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DI MALAYSIA

Perbincangan di atas menilai dari segi sejarah pembentukan sistem berparlimen dan pilihan raya di Malaysia. Seterusnya dalam bahagian ini menilai sistem demokrasi berparlimen yang lebih menjurus kepada aspek fizikal institusi parlimen di Malaysia. Dalam doktrin pengasingan kuasa (*separation of power* atau SOP) terdapat tiga institusi pemerintahan utama iaitu badan perundangan (parlimen), badan eksekutif (kabinet) dan

badan kehakiman (mahkamah). Namun, sedikit kelainan dalam sistem demokrasi berparlimen ala-British apabila doktrin percantuman kuasa (*fusion of power*, atau FOP)⁵¹ menjadi amalan seperti yang terdapat di Malaysia—amalan doktrin FOP diizinkan atau dibenarkan dalam sistem demokrasi berparlimen (Crystal, 1990: 1089; Ramanathan, 1992: 236; dan Roskin *et al.*, 2003: 260). Melalui doktrin ini, ahli perundangan (wakil rakyat) boleh dilantik sebagai ahli badan eksekutif (kabinet). Inilah yang dikatakan percantuman kuasa, di mana ia bukan bermakna mengurangkan jumlah institusi pemerintahan daripada tiga menjadi dua atau satu sahaja. Sebenarnya ia merujuk kepada kedudukan perwakilan politik (wakil rakyat) yang mempunyai dua peranan yang serentak dalam parlimen dan kabinet (Robertson, 1985: 117). Inilah yang membezakan sistem demokrasi berparlimen dengan demokrasi berpresiden (Carter & Herz, 1970: 34; dan Mahajan, 1981: 279).⁵² Dari segi perundangan, dalam sistem politik Malaysia amalan percantuman kuasa itu adalah sah atau dibenarkan.⁵³

Parlimen Malaysia terdiri daripada tiga kompenan yang melibatkan YDA, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.⁵⁴ Dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan, YDA merupakan ketua negara dan ketua ketiga-tiga badan pemerintahan seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.1 di bawah. Kuasa YDA dalam badan eksekutif termaktub dalam Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan yang dijalankan oleh kabinet, di mana YDA bertindak atas nasihat PM dan kabinet (Perkara 40(1) Perlembagaan Persekutuan). Sementara itu, sistem parlimen Malaysia berasaskan dwi-dewan, di mana terdapatnya Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Manakala, di tiap-tiap negeri mempunyai DUN

⁵¹ Britian dan kebanyakan negara-negara Komanwel mengamalkan doktrin percantuman kuasa (*fusion of power*) (Carter & Herz, 1970: 28; dan Robertson, 1985: 249). Ini menunjukkan bahawa di negara-negara yang mengamalkan doktrin percantuman kuasa, ahli badan perundangan (parlimen) boleh dilantik sebagai ahli badan eksekutif (kabinet). Misalnya, Perdana Menteri yang dilantik sebagai ketua eksekutif atau kerajaan (*head of government*) merupakan ahli badan perundangan.


⁵² Lihat juga perbincangan Crystal (1990: 197 & 909) tentang kabinet yang telah menerangkan mengenai sistem berparlimen yang melaksanakan doktrin percantuman kuasa.

⁵³ Untuk keterangan lanjut, lihat Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menyebut mengenai perlantikan anggota parlimen ke dalam kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri dan seterusnya berkaitan perlantikan Jemaah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

⁵⁴ Kuasa perundangan persekutuan terletak pada parlimen yang melibatkan ketiga-tiga komponen ini seperti yang dinyatakan dalam Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan mengenai keanggotaan parlimen.

masing-masing. Disebabkan Malaysia mengekalkan institusi beraja, berasaskan perlembagaan, maka wujudlah sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan di negara ini.

Rajah 4.1: Struktur Kerajaan Malaysia



(Sumber: Malaysia, 2006a)

4.5.1 Dewan Negara

Dewan Negara salah satu komponen penting dalam sistem berparlimen di Malaysia. Ahli Dewan Negara tidak dipilih melalui pilihan raya seperti mana ahli Dewan Rakyat,

tetapi dilantik oleh YDA termasuk dicalonkan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri.⁵⁵ Dewan Negara dipengerusikan oleh seorang *Speaker* dan dibantu oleh seorang timbalan.⁵⁶ Sehingga Mac 2011, ahlinya seramai 66 orang (lihat Lampiran 2). *Speaker* berperanan dalam perkara-perkara berikut:⁵⁷

- a) Bertanggungjawab mengawasi perjalanan mesyuarat supaya berjalan dengan lancar;
- b) Memastikan perubahan ada kaitan dengan perkara yang dibahaskan; dan
- c) Membuat keputusan mengenai peraturan-peraturan mesyuarat sekiranya berlaku perbalahan (www.parlimen.gov.my).

4.5.2 Jawatankuasa Dewan Negara

Terdapat empat jawatankuasa dalam Dewan Negara yang diwujudkan mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat dan mempunyai peranan masing-masing seperti:

a) Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa ini dilantik pada awal tiap-tiap penggal parlimen untuk majlis-majlis kewajiban-kewajiban yang diperuntukkan oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat. Dipengerusikan oleh *Speaker* dan enam orang Dewan Negara yang dipilih oleh majlis (www.parlimen.gov.my).

b) Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menimbang dan mengeluarkan penyata kepada majlis-majlis yang berkaitan dengan Perkara 73(1)

⁵⁵ Untuk keterangan lanjut, lihat Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan Malaysia tentang keanggotaan Dewan Negara (Malaysia, 2011: 57).

⁵⁶ Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh YDA (Perkara 45[2]) adalah mengambil kira sumbangan yang telah diberikan kepada negara seperti telah memberi perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan, dan perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan orang Asli.

⁵⁷ Seseorang ahli DUN yang akan memegang jawatan sebagai YDP Dewan Negara hendaklah melepaskan kerusi DUN sekiranya ingin menjawat jawatan YDP Dewan Negara (www.parlimen.gov).

Peraturan-peraturan Mesyuarat apabila diserahkan oleh Majlis untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada *Speaker* sebagai Pengerusi dan enam orang ahli Dewan Negara lain yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih (*ibid.*).

c) Jawatankuasa Dewan

Jawatankuasa Dewan dipengerusikan oleh *Speaker* dan enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Jawatankuasa ini bertindak sebagai penasihat kepada *Speaker* atas segala perkara berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan bagi ahli Majlis. Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika diberi kuasa oleh Majlis untuk berbuat demikian (*ibid.*).

d) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

Speaker sebagai Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih yang bertanggungjawab untuk menimbangkan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya dan mengeluarkan penyata tentang perkara itu kepada Majlis. Apabila Majlis tidak bersidang, seseorang ahli boleh memberitahu *Speaker* dan jika tidak dikatakan telah berlaku kesalahan melanggar peraturan hak-hak dan kebebasan Majlis. Jika *Speaker* tidak berpuas hati, ia bolehlah diserahkan kepada jawatankuasa ini dan seterusnya akan mengeluarkan penyata kepada Majlis mengenai perkara tersebut. Jawatankuasa ini berkuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta dikeluarkan surat-surat serta boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis dari semasa ke semasa (*ibid.*).

4.5.3 Dewan Rakyat

Dewan Rakyat merupakan salah satu komponen penting parlimen di Malaysia, di mana ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Terdapat beberapa syarat untuk menjadi ahli Dewan Rakyat iaitu warganegara Malaysia, berumur tidak kurang daripada 21 tahun,

waras fikiran, tidak muflis dan tidak mempunyai rekod jenayah. Tempoh memegang jawatan sebagai ahli Dewan Rakyat bergantung kepada tempoh penggal parlimen hingga dibubarkan. Apabila parlimen dibubarkan, maka kerusi Dewan Rakyat adalah kosong sehingga keputusan pilihan raya yang baharu diperolehi. Sehingga penggal parlimen ke-13, terdapat 222 orang ahli Dewan Rakyat. Seorang wakil rakyat tidak boleh menjadi ahli kedua-dua majlis parlimen (Dewan Negara dan Dewan Rakyat) secara serentak. Sebaliknya, ahli Dewan Rakyat boleh menjadi ahli DUN. Beberapa perkara penting mengenai Dewan Rakyat dibincangkan di bawah.

a) Pemilihan YDP Dewan Rakyat

Pada hari pertama mesyuarat Majlis (Dewan Rakyat) diadakan, proses penting adalah memilih *Speaker* Dewan Rakyat mengikut Perkara 1 Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat.⁵⁸ *Speaker* perlu mengangkat sumpah jawatannya mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan.⁵⁹ Pemilihan *Speaker* dan timbalannya⁶⁰ tertakluk kepada Perkara 57(1) Perlembagaan Persekutuan dan aturan pemilihan dalam Perkara 4 Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat. Calon *Speaker* dan timbalannya dicadangkan oleh mana-mana ahli dewan. *Speaker* mempunyai beberapa fungsi seperti:

- i) Bertanggungjawab mengawasi perjalanan mesyuarat supaya berjalan dengan lancar;
- ii) Memastikan perbahasan ada berkaitan dengan perkara-perkara yang dibahaskan;
- iii) Membuat keputusan mengikut peraturan-peraturan mesyuarat sekiranya berlaku pembaharuan; dan

⁵⁸ Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat telah dibuat oleh Dewan Rakyat mengikut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan berkenaan tatacara parlimen.

⁵⁹ Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan adalah tentang bentuk sumpah dan ikrar YDP atau *Speaker* dan ahli-ahli mesyuarat di mana ia juga berkaitan dengan Perkara 43(b), 43B(4), 57(1A[a]), 59(1), 124, 142 (b) Perlembagaan Persekutuan.

⁶⁰ Pemilihan Timbalan YDP Dewan Rakyat mengikut Perkara 6(1) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat.

iv) Mengesahkan bil-bil perbelanjaan/kewangan sebelum bil-bil tersebut dibawa ke dalam Dewan Rakyat.

b) Majlis Angkat Sumpah Ahli Dewan Rakyat

Selepas pemilihan *Speaker* dan timbalannya selesai baharulah ahli-ahli mesyuarat (wakil rakyat) mengangkat sumpah jawatan di hadapan *Speaker* (Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan) bertujuan berjanji taat menjalankan tugas sebagai ahli Dewan Rakyat dengan sebaik mungkin dan taat setia kepada Malaysia serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan perlembagaan (*ibid.*). Majlis ini dijalankan oleh Setiausaha Dewan Rakyat.⁶¹

c) Kedudukan Ahli Mesyuarat Dalam Dewan

Speaker diberi kuasa mutlak dan muktamad untuk menentukan kedudukan kerusi bagi setiap ahli dewan mengikut Perkara 2 Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat (lihat Lampiran 3).⁶² Tempat duduk ahli dipecahkan kepada sembilan bahagian (A hingga I) selain tempat duduk *Speaker*, timbalannya dan Setiausaha Dewan Rakyat⁶³ bertujuan menentukan barisan kerajaan (kabinet) dan kelab penyokongnya yang bertentangan dengan barisan pembangkang serta ahli-ahli Bebas.

4.5.4 Jawatankuasa Dewan Rakyat

Terdapat enam jawatankuasa ditubuhkan mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat dengan bidang kuasa masing-masing. *Speaker* merupakan

⁶¹ Perkara 5(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat.

⁶² Jika YDA bertitah kepada Majlis Dewan Rakyat dan Dewan Negara secara serentak (bersama) di bawah Perkara 60 Perlembagaan Persekutuan, kerusi ahli-ahli Dewan Rakyat dan ahli-ahli Dewan Negara juga akan ditentukan oleh YDP Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Mesyuarat tersebut (Perkara 2(4) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat).

⁶³ Perlantikan Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah dibuat oleh YDA mengikut Perkara 65(1) dan (2) di kalangan pegawai awam Persekutuan sehingga mencapai umur persaraan wajib.

pengerusi bagi setiap jawatankuasa kecuali Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam dan Jawatankuasa Pilihan Khas.

a) Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa ini dilantik pada awal setiap penggal parlimen bermula untuk menjalankan kewajipan-kewajipan mengikut Perkara 76 Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat dan menjalankan perkara lain yang diserahkan kepadanya dari semasa ke semasa. Terdiri daripada seorang Pengerusi dan enam orang ahli yang dipilih oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memaklumkan kepada Majlis apabila seseorang ahli menjadi ahli sebuah jawatankuasa dengan mengeluarkan satu penyata, tetapi tidak berkuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali jika Majlis memberi kuasa kepadanya untuk berbuat demikian (*ibid.*).

b) Jawatankuasa Dewan

Jawatankuasa ini dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan enam orang ahli yang berperanan sebagai penasihat kepada *Speaker* berkaitan dengan segala kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan bagi ahli Majlis (Perkara 79 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat). Jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta surat-surat kecuali jika diberikan kuasa oleh Majlis untuk melakukannya. Dalam pada itu, setiap minit mesyuarat jawatankuasa ini dihantar kepada semua ahli Majlis Mesyuarat. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa bersidang atau bermesyuarat sebagai Jawatankuasa Bersama dengan Majlis Dewan Negara (*ibid.*).

c) Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat

Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi menimbang dan mengeluarkan penyata kepada Majlis-majlis yang berkenaan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat. Jawatankuasa ini tidak

mempunyai kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta surat kecuali diberikan kebenaran oleh Majlis untuk berbuat demikian. Jawatankuasa ini boleh mengeluarkan penyata-penyata kepada Majlis tentang cadangan jika ada usul daripada seseorang ahli bagi pindaan ke atas Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat (lihat Perkara 78(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat).

d) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

Jawatankuasa ini dibentuk mengikut Perkara 80(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan dipengerusikan oleh *Speaker* dan enam orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Bertanggungjawab untuk menimbang apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya dan mengeluarkan penyata tentang perkara berkenaan kepada Majlis. Seseorang ahli boleh memberitahu YDP apabila Majlis tidak bersidang pada bila-bila masa jika ada dikatakan berlaku kesalahan yang melanggar peraturan hak-hak dan kebebasan Majlis (Perkara 80(2) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat). Jawatankuasa ini berkuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta dikeluarkan surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis dari semasa ke semasa.

e) Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Account Committee, atau PAC) ditubuhkan mengikut Perkara 77(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat. Terdiri daripada seorang Pengerusi, Naib Pengerusi dan sekurang-kurangnya enam orang ahli serta tidak lebih daripada 12 orang ahli yang dilantik oleh Majlis. Seseorang ahli Majlis tidak boleh dilantik atau memangku jawatan sebagai Pengerusi dan ahli PAC jika memegang jawatan sebagai menteri (Perkara 77(4) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat). Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari semasa ke semasa (Perkara 77(5) Peraturan-peraturan Mesyuarat). Dalam penggal parlimen ke-12, Dato' Seri

Azmi Khalid dipilih sebagai Pengerusi PAC. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk:

- i) Memeriksa kira-kira kerajaan dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh parlimen kerana ia menepati perbelanjaan negeri; dan
- ii) Memeriksa apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam Majlis.

f) Jawatankuasa Pilihan Khas

Jawatankuasa ini dilantik mengikut Perkara 81(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat yang terdiri daripada tiga orang ahli termasuk Pengerusi kecuali diperintahkan oleh Majlis boleh lebih atau kurang daripada jumlah itu (Perkara 83(3) Peraturan-peraturan Mesyuarat). Jawatankuasa ini boleh memilih Pengerusinya sendiri (Perkara 81(2) Peraturan-peraturan Mesyuarat). Jawatankuasa ini berkuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis yang mengandungi fikiran dan pandangannya serta butir-butir keterangan yang telah diberikan di hadapannya. Jawatankuasa ini boleh bermesyuarat semasa Majlis bersidang, tetapi hendaklah diadakan di permis parlimen sahaja (Perkara 83(5A) Peraturan-peraturan Mesyuarat). Jawatankuasa ini boleh terus menjalankan siasatan walaupun Majlis telah ditangguhkan (Perkara 83(7) Peraturan-peraturan Mesyuarat) dan tempoh perkhidmatan ahli ini tidak dihadkan pada masa ia dilantik dan terus kekal hingga selesai tugas yang diserahkan kepadanya atau sehingga pembubaran parlimen (Perkara 83(6A) Peraturan-peraturan Mesyuarat).

4.6 CABARAN DALAM SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DI MALAYSIA

Dalam proses pengukuhan demokrasi di Malaysia, wujud pelbagai isu yang menjadi cabaran kepada sistem politik ini dan kepimpinan politik yang sedia ada. Isu-isu yang

berlaku mendapat pelbagai reaksi daripada rakyat dan parti-parti pembangkang yang dimanifestasikan dalam bentuk bantahan, demonstrasi, perhimpunan dan tunjuk perasaan demi membela kepentingan golongan tertentu dari segi hak asasi, kebebasan, ekonomi dan sebagainya. Bahagian ini menganalisis secara ringkas isu yang wujud dalam kepimpinan PM dari era Tunku Abdul Rahman hingga kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dilihat sebagai cabaran dalam sistem demokrasi di Malaysia.

4.6.1 Era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)

Tiga PRU telah diadakan dalam era Tunku Abdul Rahman PRU-1 (1959), PRU-2 (1964) dan PRU-3 (1969). Menjelang PRU-1, beberapa isu melibatkan kaum Melayu, Cina dan India diketengahkan oleh parti-parti pembangkang seperti perpaduan dan kerjasama antara ketiga-tiga kaum ini, kemiskinan dan pembangunan di kawasan luar bandar. Walaupun mewakili kaum Melayu, tetapi tidak semua orang Melayu berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh UMNO dan kerajaan. Ketidakpuasan hati orang Melayu disalurkan melalui parti PAS dan Parti Negara. Bagi kaum Cina dan India pula, ketidakpuasan hati mereka disalurkan melalui People's Progressive Party (PPP) dan Socialist Front (SF) (Smith, 1960: 43). Namun, dalam PRU-1 parti Perikatan memenangi 74 daripada 104 kerusi dipertandingkan untuk membentuk kerajaan.

Tunku Abdul Rahman kemudian mencadangkan penubuhan Persekutuan Malaysia (Melayu Raya) yang merangkumi Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.⁶⁴ Hasrat ini dinyatakan sewaktu berucap di hadapan Persatuan Wartawan-wartawan Asing di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961 seperti "*Malaya today as a nation realize that she cannot stand alone in isolation. It is inevitable that we should look ahead to this objective*" (Mohd. Aris 1983: 68). Tunku mencadangkan penubuhan Malaysia kerana bimbang dengan perkembangan pengaruh komunisme di Asia Tenggara dan takut menjadi pangkalan pergerakan perkauman Cina sebaik sahaja mencapai kemerdekaan, di samping dapat meningkatkan kekuatan ekonomi dan pertahanan kerana Indonesia dan Filipina juga berminat terhadap Sarawak dan Sabah.

⁶⁴ Untuk perbincangan lanjut, lihat Awang Raduan (1994); Milne & Mauzy (1982); Mohd. Noor (1979); dan Roff (1974).

Cadangan tersebut mendapat pelbagai reaksi daripada para pemimpin di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak,⁶⁵ di mana ada yang menerima, menolak dan berkecuali. PAS misalnya tidak bersetuju dengan kemasukan Singapura, tetapi perlu melibatkan Indonesia dan Filipina. Sementara itu, SF dan United Democratic Party (UDP) dan Parti Negara mendesak kerajaan mengambil kira pandangan rakyat. Kesannya, pada 25 April 1963 parti-parti seperti SF, PAS, Parti Negara dan UDP telah mengadakan perhimpunan bagi membantah rancangan pembentukan Malaysia. Parti PAS pula telah membawa kes ini ke mahkamah untuk mencabar penubuhan Malaysia. Parti PAS menyaman Tunku sebab meminda perlembagaan untuk penubuhan Malaysia tanpa persetujuan Raja-raja, tetapi mahkamah memutuskan kerajaan berhak berbuat demikian. Akhirnya, pada 20 Ogos 1963 rang undang-undang pembentukan Malaysia diluluskan di Dewan Rakyat (Zawiyah, 2013: 100) dan Persekutuan Malaysia telah diisytiharkan secara rasmi pada 16 September 1963.⁶⁶

Selepas Malaysia ditubuhkan, Tunku Abdul Rahman bersedia menghadapi PRU-2 tahun 1964. Sebelum PRU diadakan, kerajaan menghadapi pelbagai tekanan daripada pembangkang kesan daripada penubuhan Malaysia. Bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku, pada April 1963 Tunku menahan beberapa pemimpin pembangkang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act, atau ISA) seperti Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin Helmi, Ishak Haji Mohamad, Aziz Ishak dan Nazar Nong kerana dikatakan mengancam keselamatan negara (Ratnam & Milne, 1969: 112). Parti SF dan PAS pula didakwa terlibat dalam aktiviti subversif bersama Indonesia bagi menentang penubuhan Malaysia. Sebagai tindak balas, parti SF

⁶⁵ Di Sarawak, Ong Kee Hui (Pengerusi SUPP) dan Temenggung Jugah (Yang Dipertua Pesaka) antara yang menentang kerana berpendapat kerajaan Tanah Melayu mempunyai niat jahat dan menipu. Mereka berpendapat ini suatu penjajahan bentuk baharu ke atas Sabah, Sarawak dan Brunei.

⁶⁶ Perjanjian Malaysia telah ditandatangani pada 8 Julai 1963 (jam 11.00 malam) di Marlborough, London antara British, Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Parlimen British telah meluluskan Rang Undang-undang Malaysia pada 31 Julai 1963. Majlis Undangan Sabah telah mengesahkan keputusan menyertai Malaysia dan menerima perjanjian tersebut pada 8 Ogos 1963. Majlis Undangan Sarawak meluluskan perjanjian itu pada 21 Ogos 1963. Parlimen Tanah Melayu telah meluluskan undang-undang Akta Malaysia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) pada 2 Ogos 1963. Akta ini dijangka berkuatkuasa pada 31 Ogos 1963, di mana Persekutuan Malaysia akan wujud pada tarikh tersebut. Disebabkan bantahan daripada Indonesia dan Filipina, maka rancangan penubuhan itu terpaksa ditangguhkan. Indonesia melancarkan konfrontasi dengan Malaysia dan konfrontasi tersebut hanya berakhir pada Mei 1966.

telah mengadakan demonstrasi dengan menyelar tindakan kerajaan bersifat kekerasan dan menindas (Zawiyah, 2013: 100). Namun, keputusan PRU-2 menyaksikan parti Perikatan memenangi 144 kerusi daripada 159 yang dipertandingkan.

Selepas PRU-2, terdapat tiga peristiwa besar dihadapi kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Pertama, Singapura keluar daripada Malaysia pada tahun 1965. Timbul isu hubungan antara Lee Kwan Yew (KM Singapura) dengan Tunku yang dikatakan tidak baik selepas PRU-2.⁶⁷ Ia berakhir dengan Singapura keluar dari Malaysia secara rasminya pada 9 Oktober 1965 (Malaysia, 1983: 137). Kedua, konflik dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan di Sarawak yang berpunca daripada isu bahasa dan perkhidmatan awam.⁶⁸ Ningkan mahu mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi di Sarawak termasuk di sekolah-sekolah kerajaan dan juga mengekalkan para pegawai asing yang berpengalaman untuk membangunkan Sarawak. Ningkan ingin mengekalkan pegawai-pegawai British yang mempunyai banyak pengalaman untuk membantu kerajaan menjalankan pentadbiran dan melancarkan proses perkhidmatan awam kerana beliau berpendapat tidak ramai rakyat tempatan mempunyai pendidikan tinggi untuk mengambil alih jawatan tersebut. Kerajaan pusat pula berpendapat pengekalan pegawai-pegawai British boleh mengganggu proses perpaduan negara dan untuk itu mahu menghantar pulang pegawai-pegawai British. Rancangan Tunku tidak dipersetujui oleh Ningkan kerana beliau beranggapan

⁶⁷ Tunku Abdul Rahman turut menjelaskan antara sebab-sebab lain yang membawa kepada pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia kerana sikap sesetengah pemimpin-politik Singapura yang memperjuangkan konsep '*Malaysian Malaysia*'; menafikan kewujudan institusi kesultanan Melayu; menentang hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera; dan tidak adanya persefahaman dalam meningkat dan memajukan dasar-dasar perdagangan dan pembahagian cukai serta perindustrian (Malaysia, 1983: 137).

⁶⁸ Menurut Perkara 61 Akta Malaysia, penggunaan bahasa Inggeris akan diteruskan sehingga tahun 1973 selepas Hari Merdeka dan Sarawak mempunyai pilihan untuk menanguhkan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mengikut kemahuan mereka (Leigh 1988: 89). Sewaktu menyertai Malaysia, negeri Sarawak (dan Sabah) bersetuju menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan walaupun dibenarkan untuk mengekalkan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi selama 10 tahun lagi. Ningkan tidak berminat untuk menerima cadangan kerajaan pusat untuk melaksanakan bahasa kebangsaan. Dalam pada itu, Tunku Abdul Rahman pula menyatakan bahawa 90 peratus kaum Dayak boleh berbahasa Melayu berbanding kurang daripada satu peratus mampu menguasai bahasa Inggeris. Namun, Ningkan tetap tidak berganjak dengan keputusannya dan terus mahu mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Keengganan ini mengakibatkan hubungan kerajaan pusat dengan kerajaan negeri menjadi tegang. Inilah merupakan detik permulaan konflik yang semakin serius di antara kerajaan negeri dan pusat.

kemasukan pegawai-pegawai dari Semenanjung akan mengancam kebebasan perkhidmatan awam di Sarawak (Leigh 1988: 81; dan Ongkili 1972: 33).

Kerajaan pusat tidak bersetuju dengan cadangan Ningkan hingga membawa konflik antara kerajaan pusat dan negeri.⁶⁹ Oleh sebab itu, kerajaan pusat berusaha untuk menggulingkan Ningkan, di mana ia disokong oleh pemimpin-pemimpin Sarawak seperti Abdul Taib Mahmud⁷⁰ (Setiausaha Agung Barjasa), Thomas Kana dan Alfren Mason (ahli Pesaka) (Lee, 2007: 79; dan Leigh 1988: 102). Atas nasihat kerajaan pusat, gabenor akhirnya memecat Ningkan sebagai KM Sarawak dan digantikan oleh Penghulu Tawi Sli yang mendapat sokongan Tunku Abdul Rahman.⁷¹ Ningkan mencabar pemecatannya di Mahkamah Tinggi Sarawak kerana mendakwa pemecatannya bertentangan dengan perlembagaan.⁷² Pada 7 September 1966, Ketua Hakim Sarawak, Harley memutuskan bahawa pemecatan Ningkan tidak sah. Keputusan tersebut memberi tamparan hebat kepada kerajaan pusat. Akhirnya kerajaan persekutuan mengisytiharkan darurat di Sarawak pada 15 Ogos 1966 bagi membolehkan

⁶⁹ Tunku mendesak Ningkan meletakkan jawatan sebaagi Ketua Menteri. Tunku mengatakan bahawa gabenor boleh menyingkirkan Ningkan dari jawatannya melalui Perkara 7(1) Perlembagaan Sarawak:

If the Chief Minister ceases to command the confidence of a majority of the Council Negri, then, unless at his request the Governor dissolves the Council Negri, the Chief Minister shall tender the resignation of the members of the Supreme Council, other than ex-officio members.

⁷⁰ Akibat mengumpulkan tandatangan menjatuhkan Ningkan, pada 12 Jun 1966 Taib Mahmud dipecat dari kabinet Ningkan ketika berada di Kuala Lumpur bersama-sama ahli Majlis yang menandatangani petisyen tidak mempercayai kepimpinan Ningkan untuk bertemu Tunku bagi mengemukakan usul berkenaan. Sepanjang bulan Mei dan awal bulan Jun 1966, sebanyak dua puluh satu tandatangan telah dikumpulkan oleh Taib Mahmud (iaitu lima belas dari ahli Pesaka, lima dari Barjasa satu dari PANAS) daripada tiga puluh dua ahli Perikatan Sarawak di Majlis Negeri bertujuan untuk memecat Ningkan sebagai Ketua Menteri kerana tidak mempercayai kepimpinannya (Roff 1974: 136). (Leigh 1988: 102).

⁷¹ Susulan daripada pemecatan Ningkan sebagai KM Sarawak, beliau telah membawa SNAP keluar dari Perikatan melalui satu resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung SNAP pada 3 Julai 1966.

⁷² Pada 15 Jun 1966, Tun Dr. Ismail (Menteri Dalam Negeri), Abdul Kadir Yusof (Peguam Negara), Khaw Kai Boh (Menteri Kerajaan Tempatan) dan Tan Sri Salleh Ismail (Ketua Polis Negara) bersama dua puluh satu orang tiba di Kuching untuk mendesak Ningkan meletak jawatan. Namun, Ningkan enggan kerana beliau berpendapat bahawa perkara itu adalah dalam kuasa Majlis Negeri. Ekoran itu, Ningkan meminta gabenor supaya membubarkan Majlis Negeri supaya pilihan raya dapat diadakan, tetapi ditolak (Chin 1996: 89; Leigh 1988: 102-103; dan Searle 1983: 38). Lihat perbincangan mengenai darurat di Sarawak dalam krisis Ningkan dengan kerajaan pusat dalam Mohd. Salleh Abas (1982), *Undang-undang Darurat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (hlm. 13-16).

kerajaan pusat menyelesaikan politik yang membahayakan di seluruh negeri Sarawak. Alasannya, Ningkan dituduh mendapat sokongan Sarawak United People's Party (SUPP) yang dikaitkan dengan komunis pada ketika itu dan boleh mengancam keselamatan negara (Leigh 1988: 111). Pengisytiharan darurat membolehkan Perlembagaan Sarawak dipinda untuk memberikan kuasa lebih luas kepada gabenor bagi memecat KM dan ahli Majlis Tertinggi.

Ketiga, peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Ia ada kaitan dengan bantahan daripada parti pembangkang dan gerakan mahasiswa dalam isu kemiskinan dan ekonomi. Contohnya, pada Jun 1967 parti Buruh telah mengadakan demonstrasi di Kuala Lumpur kerana kejatuhan harga getah di pasaran. Turut berlaku demonstrasi dan mogok umum pada September 1967 di Pulau Pinang oleh golongan petani dan pekerja bandar hingga berlaku rusuhan yang menyebabkan 11 orang mati dan lebih 100 orang cedera. Ia berpunca daripada isu tidak berpuas hati kerana peralihan mata wang lama British kepada mata wang baharu. Peralihan itu menyebabkan nilai mata wang lama turun sebanyak 15 peratus (%) berbanding mata wang baharu. Kerajaan bertindak menahan beberapa pemimpin parti Buruh di bawah ISA dan mengeluarkan arahan perintah berkurung. Pada tahun 1967 juga Persatuan Pelajar Universiti Malaysia (PPUM) dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) berdemonstrasi bagi membantah tindakan kerajaan meroboh rumah para petani di Telok Gong, Selangor sebab menceroboh tanah kerajaan dan mereka membangkitkan isu kemiskinan orang Melayu pada ketika (Zawiyah, 2013). Kesannya, ia telah menjejaskan prestasi parti Perikatan dalam PRU-3, di mana gagal mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi parlimen dengan memenangi hanya 74 daripada 144 kerusi yang dipertandingkan.

Keputusan PRU-3 menyebabkan keadaan di Kuala Lumpur menjadi huru hara. Berlaku pergaduhan hingga menyebabkan kebakaran rumah, kenderaan, kerosakan harta benda dan kematian kerana orang-orang Melayu dan Cina menjadi agresif dan bertindak ganas. Apabila keadaan sudah tidak terkawal, kerajaan telah mengisytiharkan darurat pada 15 Mei 1969. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk mentadbir Malaysia dalam tempoh darurat (Mohd. Salleh Abas 1982: 16-18). Kemudian Majlis Perpaduan Negara (MPN) ditubuhkan dengan tujuan mengadakan

garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi sosial untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia dan bertanggungjawab membentuk ideologi negara iaitu Rukun Negara⁷³ (Milne & Mauzy 1982: 116-120). Pada 20 Februari 1971, kuasa parlimen dipulihkan dan pemerintahan negara dikembalikan semula kepada kerajaan yang sebelumnya. Sebelum itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilancarkan pada tahun 1970 dengan matlamat, (i) mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan; dan (ii) menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan ketidakseimbangan sosio-ekonomi.

Analisis di atas menunjukkan dalam kepimpinannya, Tunku Abdul Rahman berhadapan dengan pelbagai cabaran dan tentangan hebat daripada parti-parti pembangkang dan gerakan mahasiswa. Isu-isu yang dibangkitkan telah memberi kesan yang besar seperti dalam PRU-3 tahun 1969. Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kepimpinan Tunku merupakan suatu cabaran kepada sistem demokrasi di Malaysia. Di pihak kerajaan, tentangan yang wujud perlu ditangani secara rasional dan cekap. Hal ini kerana pembangkang cenderung untuk mempengaruhi rakyat melalui isu-isu yang dikemukakan untuk tidak menyokong kerajaan. Dalam hal ini, peranan kepimpinan itu sangat penting walaupun matlamatnya adalah untuk berkuasa, tetapi kuasa itu perlu dilaksanakan secara berhemah dan pintar demi kepentingan rakyat. Jadi, tentangan oleh parti-parti pembangkang dan mahasiswa dalam sistem politik Malaysia yang disifatkan sebagai ketidakakuran sivil (*civil disobedience*)⁷⁴ amat penting dalam pengukuhan demokrasi ataupun pendemokrasian politik di negara ini. Di sini peranan pembangkang dilihat sebagai '*check and balance*' kepada tindakan dan dasar kerajaan.

⁷³ Rukun Negara Ia telah dilancarkan oleh YDA ke-4 Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin sempena ulangtahun ke-13 kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1970 telah mengisytiharkan secara rasmi ideologi negara yang dikenali sebagai Rukun Negara. Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian iaitu; pertama, menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk seperti: (i) mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; (ii) memelihara satu cara hidup demokratik; (iii) mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; (iv) membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; dan (v) membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Kedua, menggariskan lima prinsip seperti: (i) kepercayaan kepada tuhan; (ii) kesetiaan kepada raja dan negara; (iii) keluhuran perlembagaan; (iv) kedaulatan undang-undang; dan (v) kesopanan dan kesusilaan (Malaysia, 2007b).

⁷⁴ Untuk perbincangan lanjut tentang ketidakakuran sivil, lihat Zawiyah Mohd. Zain, (2013). *Ketidakakuran Sivil dan Pendemokrasian Politik Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

4.6.2 Era Tun Abdul Razak Hussien (1971-1975)

Setelah Tunku Abdul Rahman bersara, jawatan PM disandang oleh Tun Abdul Razak.⁷⁵ Langkah pertama Abdul Razak adalah untuk memulihkan kuasa parlimen. Hal ini penting dalam proses penggubalan undang-undang terutama apabila kerajaan berusaha meminda Akta Hasutan untuk memastikan negara terus kekal aman, damai dan masyarakat berbilang kaum dapat hidup dengan penuh perpaduan. Kepimpinan Abdul Razak mempunyai peranan penting untuk membangunkan negara dan mewujudkan perpaduan antara kaum melalui DEB. Sebelum PRU-4 tahun 1974 diadakan, Abdul Razak mempelawa parti-parti pembangkang untuk menyertai Barisan Nasional (BN)⁷⁶ sebagai langkah mengurangkan konflik kaum dan mencapai objektif DEB. Beliau berjaya membawa parti PPP, Gerakan dan PAS menyertai BN termasuk parti Perikatan di Sabah dan Sarawak (Hilley, 2009: 36; dan Hng Hung Yong, 2004: 105). Dalam PRU-4, BN telah mencapai kemenangan besar dengan memenangi 135 daripada 154 kerusi parlimen yang dipertandingkan (lihat Jadual 4.3 di atas).⁷⁷ Ini merupakan keputusan PRU terbaik berbanding tiga PRU sebelumnya disebabkan beberapa perkara. Pertama, Abdul Razak berjaya menubuhkan BN yang disertai parti-parti pembangkang dan dapat meningkatkan sokongan rakyat. Kedua, dasar yang diperkenalkan oleh Abdul Razak diterima baik oleh banyak pihak. Ketiga, tidak berlaku penentangan yang ketara oleh parti politik dan NGO kerana parti-parti utama telah menyertai BN (Zawiyah, 2013: 108).

⁷⁵ Surat perletakan jawatannya telah diserahkan kepada YDA pada 22 September 1970. Tunku juga mengumumkan kerajaan telah bersedia menarik balik penggantungan parlimen dan DUN pada Februari 1971 (Comber, 2007: 155).

⁷⁶ BN telah didaftarkan pada 1 Jun 1974 yang melibatkan kerjasama sembilan buah parti politik iaitu tiga buah parti Perikatan (UMNO, MCA dan MIC); empat buah parti Perikatan Sabah iaitu United National Sabah Organization (USNO), United National Kadazan Organization (UNKO), Borneo Utara National Party (BUNAP) dan United Pasok Momogun Organization; dan parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) (hasil gabungan Parti Negara Sarawak (Panas), Barisan Rakyat Jati Sarawak (Barjasa) dan Parti Pusaka Anak Sarwak (Pusaka) yang telah ditubuhkan pada tahun 1968) dan Sarawak United People's Party (SUPP).

⁷⁷ Sebagai parti pembangkang, DAP hanya memenangi 9 kerusi dan Parti Keadilan Masyarakat (Pekemas) berjaya mendapat 1 kerusi. Parti-parti lain seperti Parti Sosialis Rakyat Malaysi (PSRM) dan parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA) gagal mendapat sebarang kerusi.

Namun, kepimpinan Abdul Razak berhadapan dengan beberapa cabaran selepas PRU-4. Pada September 1974, berlaku demonstrasi oleh penduduk dan PPUM kerana menentang tindakan kerajaan mengambil tanah melibatkan setingan di Johor Bahru.⁷⁸ Demonstrasi turut berlaku di Baling, Kedah melibatkan golongan petani disebabkan isu kemiskinan, kenaikan harga barang keperluan secara drastik dan kejatuhan harga getah di pasaran. Dalam isu ini, mahasiswa dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang diketuai oleh Anwar Ibrahim telah mengadakan demonstrasi besar-besaran antara November hingga Disember 1974.⁷⁹ Mereka menyalahkan kerajaan kerana tidak membela nasib golongan miskin di Kedah dan Perak.⁸⁰ Ini merupakan tentang hebat terhadap kepimpinan Abdul Razak dengan tujuan mendesak kerajaan mengambil langkah lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Tentang yang diterima oleh kerajaan menunjukkan tahap kesedaran politik dalam kalangan rakyat, NGO dan mahasiswa adalah tinggi. Ini suatu petanda yang positif dalam proses pendemokrasian politik di Malaysia, tetapi di pihak kerajaan ia dilihat sebagai suatu ancaman. Oleh sebab itu, kerajaan berusaha menyelesaikannya demi mengekalkan kuasa mereka walaupun terpaksa menggunakan kekerasan dan penindasan. Apabila kerajaan mengenakan sekatan, kekerasan dan bersifat autokratik dalam menangani tentang parti-parti pembangkang, NGO dan mahasiswa, ia telah menyempitkan proses pendemokrasian politik itu sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa tindakan yang diambil dalam kepimpinan Abdul Razak. Antaranya, untuk menangani gerakan mahasiswa, pindaan dibuat ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada tahun 1975. Kerajaan turut menahan pemimpin mahasiswa di bawah ISA dan mengancam menghentikan biasiswa terhadap pelajar yang menentang

⁷⁸ Kerajaan telah menahan 48 individu dan 7 orang mahasiswa daripada PPUM yang menyebabkan pelajar UM dan beberapa pensyarah telah mengadakan demonstrasi di hadapan pejabat PM di Kuala Lumpur untuk mendesak pembebasan mereka yang ditahan (Means, 1991: 36).

⁷⁹ Kemuncak demonstrasi mahasiswa telah berlaku perhimpunan besar-besaran di Padang Kelab Selangor pada 3 Disember 1974 yang disertai oleh para pensyarah untuk menyatakan simpati kepada golongan petani dan orang miskin agar kerajaan lebih komited dalam membela nasib mereka, di mana ia turut disokong oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

⁸⁰ Untuk perbincangan lanjut tentang gerakan mahasiswa di Malaysia awal tahun 1970an, lihat Syed Husin Ali. (2012). *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*. Petaling Jaya, Selangor dalam Bab 3: Kegiatan Akademik dan Luar Akademik tentang Peristiwa Tasik Utara dan Baling (hlm. 58-59).

kerajaan. Tindakan seperti ini tidak mematahkan semangat pelajar, bahkan mereka semakin terbuka pada ketika itu untuk menentang dasar-dasar kerajaan yang menghalang kebebasan bersuara dan gerakan mahasiswa. Misalnya, pada Januari 1976, seramai 5000 orang mahasiswa telah mengadakan protes di Institut Teknologi Mara (ITM) kerana membantah keputusan kerajaan menghalang penyertaan dan gerakan pelajar dalam aktiviti politik negara.

Tentangan semakin hebat daripada mahasiswa terhadap kepimpinan Abdul Razak apabila kerajaan mengambil tindakan seperti di atas. Mereka terus menentang kerajaan demi membela golongan miskin dan petani terutama di kawasan luar bandar. Penentangan mahasiswa juga disebabkan kepimpinan Abdul Razak telah menafikan hak berpolitik mereka apabila meminda AUKU, di mana mereka perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Naib Canselor untuk terlibat dalam politik. Sebagai tindak balas kepada tindakan kerajaan, mahasiswa telah mengadakan protes, bantahan, demonstrasi dan perhimpunan besar-besaran yang disifatkan sebagai ketidakakuran sivil. Ini adalah antara cabaran utama dalam kepimpinan Abdul Razak yang turut dihadapi oleh kepimpinan politik selepas itu, di mana suara mahasiswa, NGO dan parti politik terus kedengaran walaupun terdapat sekatan.

4.6.3 Era Tun Hussien Onn (1976-1980)

Isu yang belum selesai dalam era Abdul Razak berlarutan ke era kepimpinan Tun Hussien Onn. Isu besar yang dihadapi dalam kepimpinannya adalah skandal rasuah membabitkan Datuk Harun sebagai MB Selangor dan Pengerusi Bank Rakyat pada tahun 1975 apabila telah membawa masuk peninju Muhammad Ali dan Joe Bugner untuk bertarung di Kuala Lumpur.⁸¹ Projek tersebut gagal mencapai sasaran dan mengalami kerugian. Harun dituduh menggunakan kedudukannya dengan menggunakan wang Bank Rakyat untuk menampung kerugian yang ditanggung oleh penganjur. Tindakan Harun tersebut telah menyebabkan Bank Rakyat mengalami kerugian besar. Ekoran itu, Harun telah disabitkan dengan kesalahan pecah amanah dan

⁸¹ Untuk perbincangan lanjut, lihat Hng Hung Yong, (2004). *Five men and Five Ideas: Building National Identity*. Kuala Lumpur: Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) & Pelanduk Publications (hlm. 120-123).

rasuah pada tahun 1976 dan kemudiannya dihukum penjara selama dua tahun oleh mahkamah. Ahli-ahli UMNO yang setia kepada Harun menyatakan rasa tidak berpuas hati terhadap kepimpinan Hussien Onn. Mereka menuduh Hussien gagal mempertahankan Harun walaupun beliau banyak berjasa kepada UMNO dan negara terutama semasa darurat tahun 1969.

Selepas itu berlaku pergolakan politik dalam parti PAS di Kelantan. DUN Kelantan dikuasai oleh majoriti wakil rakyat PAS. Mereka berusaha menyingkirkan Mohamad Nasir sebagai MB sebab gagal menjaga kepentingan parti PAS kerana memihak kepada kerajaan pusat. Penentangan terhadap Mohamad Nasir juga disebabkan membeku konsesi balak di Kelantan yang menimbulkan kemarahan dalam kalangan pemimpin politik pada waktu itu. Seramai 20 orang wakil rakyat PAS telah mengundi untuk menyingkirkan Mohamad Nasir dan mesyuarat Jawatankuasa PAS pada 10 Oktober 1977 meluluskan pemecatannya. Namun, beliau enggan berundur kerana menganggap pemecatannya tidak sah. Lagipun ia mendapat sokongan kuat dari kerajaan pusat. Krisis tersebut membawa kepada tunjuk perasaan, demonstrasi dan bantahan daripada penyokong UMNO dan Mohamad Nasir dalam PAS menyebabkan keadaan tidak terkawal di Kota Bharu dan kawasan sekitarnya (Mauzy, 1983: 114). Untuk menyelamatkan keadaan, kerajaan pusat mengisytiharkan darurat selama tiga bulan bermula dari bulan November 1977 di Kelantan. Apabila keadaan politik telah pulih, DUN Kelantan dibubarkan pada Mac 1978. Manakala parlimen pula dibubarkan pada 8 Julai 1978 untuk diadakan PRU-5. Dalam PRU-5 dan PRU negeri, parti PAS telah keluar daripada BN dan bertindak sebagai pembangkang (Hng Hung Yong, 2004: 105). Keputusan PRU-5 menyaksikan BN hanya memenangi 130 daripada 154 kerusi yang dipertandingkan (lihat Jadual 4.3 di atas).

Kemudian muncul gerakan golongan kelas menengah dipelopori Chandra Muzaffar (Aliran), Param Curumaswamy (Majlis Peguam) dan Gurmit Singh (Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia, atau EPSM) yang mencabar kepimpinan Hussein Onn. Peranan mereka ini disifatkan sebagai pengganti gerakan mahasiswa yang telah dibataskan oleh pindaan ke atas AUKU. Untuk menyekat kemunculan kumpulan ini, kerajaan cuba meminda Akta Pertubuhan 1961 untuk memberi kuasa kepada Pendaftar

Pertubuhan bagi membatalkan pendaftaran pertubuhan atau organisasi yang mengancam kerajaan dan membangkitkan isu-isu sensitif seperti agama, kepentingan orang Melayu dan bahasa kebangsaan. Walaupun mendapat tentangan hebat, pindaan tetap dilakukan pada tahun 1981 (Zawiyah, 2013: 114). Hal ini telah menyebabkan pihak yang tidak berpuas hati terus berusaha untuk menentang kerajaan.

Tindakan kerajaan meminda Akta Pertubuhan 1961 adalah antara punca utama rakyat menjadi marah dan menentang kepimpinan Hussien Onn. Ini menambah lagi kemelut politik yang sedia ada, di mana kebebasan politik mahasiswa telah disekat melalui pindaan AUKU dalam era Tun Abdul Razak. Golongan mahasiswa menentang kepimpinan Hussien Onn kerana gagal menangani masalah kemiskinan di Malaysia. Penentangan terhadap kepimpinan Hussien Onn juga disebabkan konflik politik di Kelantan—pengisytiharan darurat—yang dianggap sebagai suatu bentuk kekerasan dan mematikan demokrasi. Analisis ringkas di atas menunjukkan tentangan terhadap kepimpinan Hussien Onn oleh parti politik, NGO dan mahasiswa yang menggugat kewibawaan kerajaan merupakan ketidakakuran sivil yang perlu ditangani secara rasional demi kepentingan semua pihak. Ini adalah cabaran dalam sistem politik Malaysia yang memberi tamparan hebat kepada kepimpinan politik yang sedia ada. Jadi, tentangan terhadap kepimpinan politik mempunyai implikasi secara langsung terhadap proses pendemokrasian politik di Malaysia. Justeru itu, kepimpinan politik perlu memastikan hala tuju dan agenda politik mereka selaras dengan nilai-nilai demokrasi demi kepentingan rakyat.

4.6.4 Era Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)

Sebagai PM yang paling lama berkuasa, Tun Dr. Mahathir telah terlibat beberapa siri PRU iaitu PRU-6 (1982), PRU-7 (1986), PRU-8 (1990), PRU-9 (1995) dan PRU-10 (1999). Namun, prestasi BN tidak konsisten di bawah kepimpinannya (lihat Jadual 5.3 di atas) dan turut menghadapi pelbagai cabaran dalam kepimpinannya.⁸² Di peringkat awal kepimpinannya, tiada isu besar ditimbulkan oleh parti-parti pembangkang terhadap

⁸² Untuk perbincangan lanjut, lihat Khoo Boo Teik, (2003). *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and Its Discontents*. London: Zed Books Ltd.

kepemimpinan Dr. Mahathir. Hal ini kerana beliau telah mengambil langkah awal untuk meredakan tekanan politik seperti membebaskan 21 orang tahanan ISA. Beliau kemudian membebaskan 47 orang tahanan ISA sempena hari kemerdekaan 31 Ogos 1981 (Zawiyah, 2013: 116). Beliau turut memperkenalkan dasar-dasar ke arah meningkatkan nilai dan etika baharu dalam politik dan pentadbiran kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur; konsep Bersih, Cekap dan Amanah; dan mengetengahkan konsep Islamisasi dengan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta berusaha memperbaiki masalah birokrasi dan memerangi rasuah. Ternyata usaha-usaha Dr. Mahathir berkesan apabila BN berjaya meningkatkan pencapaiannya dalam PRU-6 dengan memenangi 132 daripada 154 kerusi parlimen yang dipertandingkan.

Kemudian Dr. Mahathir telah mengambil tindakan ke arah menyekat kebebasan bersuara di Malaysia. Misalnya, kerajaan telah meluluskan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak (PPPA) tahun 1984 bagi menggantikan Ordinan Mesin Cetak 1948 yang digunakan semasa darurat. PPPA bertujuan mengetatkan syarat penerbitan dan percetakan seperti buku, majalah dan akhbar. PPPA memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menarik balik, menggantung atau mengenakan syarat tertentu kepada mana-mana penerbitan yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan (Means, 1991: 139). Walaupun mendapat tentangan kuat daripada parti politik dan NGO, tetapi kerajaan tetap meluluskan PPPA. Manakala dalam tahun 1986 kepimpinan Dr. Mahathir pula berusaha meminda Akta Rahsia Rasmi (OSA). Ia berpunca apabila isu rasuah dalam Bumiputera Malaysia Finance (BMF) yang dikaitkan dengan Menteri Kewangan Daim Zainuddin telah didedahkan kepada umum melalui Far Eastern Economic Review (FEER) dan Asian Wall Street Journal (AWSJ).

Tindakan kerajaan meminda OSA menyebabkan lebih kurang 2000 wartawan mengadakan demonstrasi untuk membantah tindakan tersebut. Sementara itu, Pertubuhan Kebangsaan Wartawan (PKW) telah mengumpul 36,000 tandatangan orang ramai yang turut membantah pindaan OSA. Bantahan terhadap pindaan tersebut kerana ia disifatkan membahayakan golongan wartawan jika melaporkan isu-isu dilarang kerajaan, di mana ia turut menghalang rakyat mengetahui keputusan dan dasar kerajaan

yang memberi kesan negatif kepada mereka. ABIM, Aliran, CAP dan Majlis Peguam turut mengadakan protes dengan mengadakan dialog bertajuk “Pergerakan untuk Kebebasan dan Keadilan.” Bantahan terhadap pindaan OSA turut disertai bekas PM iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussien Onn, bekas TPM Musa Hitam dan bekas Juruadit Negara Ahmad Noordin kerana berpendapat pindaan terhadap OSA menyekat kebebasan bersuara di Malaysia. Pindaan OSA berjaya dilakukan dengan 131 menyokong berbanding 21 membantah di parlimen pada 5 Disember 1986 (Zawiyah, 2013: 121). Isu PPPA dan pindaan OSA merupakan modal berkempen bagi parti pembangkang, tetapi BN masih mengekalkan kuasa dalam PRU-7 tahun 1986 apabila memenangi 148 daripada 177 kerusi dipertandingkan.

Terdapat dua peristiwa penting sebelum PRU-7 yang berlaku antara tempoh kelulusan PPPA dan pindaan OSA. Pertama, berlakunya protes daripada masyarakat kaum Cina di Bukit Papan, Perak untuk membantah keputusan kerajaan meluluskan tapak perlupusan sisa buangan radioaktif oleh Syarikat Asian Rare Earth (ARE) kerana bimbang berlaku kesan buruk terhadap kesihatan penduduk dan persekitaran di kawasan tersebut. Protes telah dilakukan oleh parti DAP, EPSM dan Jawatankuasa Anti Radioaktif Perak (PARC) tahun 1984 yang berlarutan hingga ke mahkamah. Mahkamah memerintahkan projek itu ditangguhkan sehingga isu keselamatan diselesaikan, tetapi ARE mendapat kebenaran meneruskan semula projek pada Februari 1987. Lebih 10,000 orang mengadakan demonstrasi menentang projek tersebut. Projek tersebut telah dihentikan atas keputusan mahkamah pada tahun 1992 (Zawiyah, 2013: 120). Kedua, peristiwa Memali tahun 1985. Peristiwa ini telah melibatkan 14 orang awam dan 4 anggota polis telah terbunuh di kampung Memali, Baling, Kedah. Kematian berpunca disebabkan usaha polis untuk menahan Ibrahim Libya yang diberi perlindungan oleh penduduk kampung kerana didakwa membawa ajaran sesat berbentuk militan. Peristiwa Memali itu mendapat kritikan hebat pembangkang terutama PAS dan NGO kerana ia suatu bentuk kekejaman dan kekerasan terhadap penduduk yang tiada bersenjata. Kesan peristiwa tersebut dan desakan terhadap kerajaan menyebabkan Musa Hitam meletak jawatan sebagai TPM pada 26 Februari 1986 kerana beliau bertanggungjawab sebab ketika itu Dr. Mahathir berada di luar negara (*ibid.*).

Selepas PRU-7, berlaku konflik dalaman parti UMNO yang menggugat kepimpinan Dr. Mahathir, di mana kemuncaknya dalam pemilihan UMNO tahun 1987. Kumpulan yang diketuai Dr. Mahathir (dikenali sebagai Team A) dicabar hebat oleh Team B (diketuai Tengku Razaleigh Hamzah selaku Menteri Perdagangan dan Industri). Team B mencabar kepimpinan Dr. Mahathir kerana tidak berpuas hati dengan gaya kepimpinannya dan prestasi kerajaan yang tidak memuaskan kerana banyak berlaku rasuah, kronisme dan nepotisme dalam pentadbiran. Hasrat Tengku Razaleigh merampas jawatan Presiden UMNO gagal apabila kalah kepada Dr. Mahathir (761 undi) dengan majoriti kecil iaitu 43 undi. Ekoran itu, Tengku Razaleigh meletakkan jawatan sebagai menteri kabinet, di mana konflik kepimpinan tersebut akhirnya membawa kepada pengharaman UMNO oleh mahkamah pada 4 Februari 1988. Pengharaman tersebut membuatkan Dr. Mahathir terpaksa mendaftar parti baharu yang dikenali sebagai UMNO Baru pada 13 Februari 1988, manakala Tengku Razaleigh pula menubuhkan parti Semangat 46 (S46) (Hilley, 2009: 101).

Selain konflik kepimpinan UMNO, wujud bantahan daripada masyarakat kaum Cina apabila kerajaan mengumumkan untuk mengambil 100 orang guru yang bukan berpendidikan Mandrin bagi ditempatkan di sekolah-sekolah Cina. Ia mendapat sokongan daripada parti DAP, Gerakan, Social Democratic Party (SDP), PSRM dan MCA bersama beberapa persatuan pendidikan dan perguruan Cina. Mereka bertindak memboikot kelas, di mana 30,000 orang pelajar tidak dibenarkan ke sekolah oleh ibu bapa mereka. Kumpulan tersebut turut mengadakan perhimpunan bagi membantah keputusan kerajaan dalam isu kouta kemasukan ke universiti awam dan penolakan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman. Sebagai tindak balas, UMNO telah mengadakan perhimpunan sebagai membantah desakan kaum Cina tersebut dengan berhimpun di Kampung Baru, Kuala Lumpur yang dihadiri lebih kurang 6000 orang. UMNO turut bercadang mengadakan bantahan besar-besaran pada 1 November 1987 bagi membantah tindakan MCA yang menyokong pembangkang dalam isu tersebut hingga menimbulkan ketegangan kaum antara Melayu dan Cina (Zawiyah, 2013: 125).

Untuk mengelak ketegangan kaum berlaku dan peristiwa 13 Mei 1969 berulang, kerajaan telah melancarkan Operasi Lalang pada 27 dan 28 Oktober 1987 (Hilley, 2009:

101). Dalam operasi ini, seramai 106 orang telah ditahan di bawah ISA. Kerajaan juga mengharamkan sebarang perhimpunan awam dan ceramah membabitkan isu tersebut termasuk cadangan UMNO untuk mengadakan perhimpunan pada 1 November 1987. Kerajaan juga menggantung permit penerbitan akhbar Star, Sin Chew Jit Poh dan Watan (Hilley, 2009: 136). Kemudian kerajaan bertindak meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan pada tahun 1988 untuk memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri menarik balik atau menggantung permit penerbitan jika melanggar syarat yang ditetapkan dan mengancam kepentingan negara.⁸³

Selepas berlaku isu-isu di atas, kepimpinan Dr. Mahathir bersedia menghadapi PRU-8 tahun 1990. BN ditentang hebat oleh parti PAS, DAP dan S46. Prestasi BN dalam PRU tersebut mencatatkan penurunan dengan hanya memenangi 127 daripada 180 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Dalam PRU-8 turut menyaksikan DUN Kelantan jatuh kepada pakatan PAS dan S46. Kemosotan prestasi BN dalam PRU-8 disebabkan konflik kepimpinan dalam UMNO pada tahun 1987, penubuhan parti S46 dan penentangan oleh kaum Cina kerana tidak berpuas hati berhubung isu pendidikan di Malaysia. Namun, Dr. Mahathir masih berupaya mengekalkan kedudukannya sebagai PM dan Presiden UMNO bagi menghadapi PRU-9 tahun 1995. Dalam PRU-9, tidak banyak isu besar yang mencabar kepimpinan Dr. Mahathir berbanding PRU-8. BN memperbaiki pencapaiannya dengan memenangi 162 kerusi daripada 192 kerusi dipertandingkan.

Iklim politik Malaysia kelihatan jauh berbeza dalam PRU-10 tahun 1999. Ia disifatkan sebagai saat genting kepada kepimpinan Dr. Mahathir kerana berhadapan dengan gerakan reformasi yang dicetuskan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dipecat sebagai TPM, Timbalan Presiden UMNO dan Menteri Kewangan (Hilley, 2009: 86-87). Reformasi yang dicetuskan oleh Anwar mendapat sokongan banyak pihak yang jelas mencabar kepimpinan Dr. Mahathir tatkala negara ketika itu bertindak sebagai tuan

⁸³ Antara pemimpin politik yang ditahan dan didapati bersalah pada April 1997 di bawah seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984) dan seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan (1984) ialah Lim Guan Eng yang mengkritik keputusan kerajaan tidak mendakwa ahli politik UMNO dan bekas KM Melaka, Rahim Tamby Chik atas kesalahan rogol statutori. Lim Guan Eng yang menyokong gadis yang terlibat, didenda kerana menerbitkan risalah berbentuk kritikan (*True Story Talk*) dan keranan membuat ucapan kritikal mengenai isu yang berlaku di sebuah hotel di Melaka pada 1995 (Hilley, 2009: 126).

rumah Sukan Komanwel (SUKOM) tahun 1998.⁸⁴ Anwar berjaya menganjurkan gerakan reformasi dengan mengadakan demonstrasi besar-besaran di Masjid Negara dan Dataran Merdeka yang melibatkan lebih 30,000 orang dan dianggap sebagai demonstrasi terbesar dalam sejarah politik Malaysia. Pada 20 September 1998 Anwar ditahan dan kemudian dibicarakan. Akhirnya Anwar dihukum penjara menyebabkan penyokongnya mengadakan tunjuk perasaan dan demonstrasi selama 4 hari berturut dari 13 hingga 16 April 1999. Kemudian demonstrasi diadakan pada 11, 19 dan 25 September 1999. Demonstrasi seterusnya pada Januari 2000 selepas Anwar disabitkan dengan kesalahan kedua iaitu kes liwat dan dipenjara selama 15 tahun yang berlarutan hingga tahun 2001. Kemuncak demonstrasi diadakan pada April 2001 dan Julai 2003 sebagai sokongan kepada Anwar.

Banyak parti politik, NGO, pertubuhan, mahasiswa dan aktivis sosial⁸⁵ menyertai gerakan reformasi oleh Anwar. Reformasi bukan sahaja di jalanan, tetapi berkembang melalui penggunaan Internet sebagai saluran komunikasi untuk mengedarkan poster, risalah dan informasi. Parti PAS bergabung dengan NGO Islam

⁸⁴ Krisis kewangan yang teruk di negara-negara Asia turut menyebabkan krisis kewangan di Malaysia. Untuk menangani krisis tersebut, Mahathir dan Anwar bercanggah pendapat. Anwar merancang mengurangkan perbelanjaan kerajaan, tangguh projek mega, mengenakan kadar lebih tinggi untuk tingkat keuntungan dan menolak langkah untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tempatan yang mengalami kerugian seperti Renong dan MAS. Mahathir tidak bersetuju sebab masalah tersebut bukan disebabkan oleh kelemahan domestik tetapi berpunca daripada spekulasi mata wang antarabangsa. Krisis Anwar Mahathir berlarutan bukan sahaja berpunca daripada langkah menangani krisis kewangan dan ekonomi Malaysia, tetapi disebabkan masalah politik (Zawiyah, 2013: 135). Untuk perbincangan lanjut, lihat analisis Hilley (2009: 73-87) mengenai punca krisis antara Anwar dan Mahathir.

⁸⁵ Parti politik yang menyokong gerakan reformasi Anwar seperti DAP, PAS dan PRM. Manakala aktivis sosial digerakkan oleh Mohamad Ezam Mohd Nor bekas Setiausaha Politik Anwar, Chandra Muzaffar President Just, Tian Chua aktivis Suaram dan Hishamuddin Rais. NGO yang menyertai gerakan reformasi Anwar diketuai oleh Irene Fernandez dan Zaitun Kassim yang kemudiannya melancarkan Women Agenda For Change (WAC) pada Mei 1999. NGO lain seperti Malaysian Chinese Organization Election Appeals Committee (Suqiu) ditubuhkan pada April 1999 menuntut soal demokrasi, hak asasi, keadilan, hak wanita, perpaduan dan sebagainya termasuk pendidikan. Mahasiswa pula menubuhkan Barisan Bertindak Mahasiswa, Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), Gerakan Demokratik Belia dan Pelajar Malaysia (DEMA) dan Bersatu Untuk Demokrasi dan Insaniah (BUDI) yang banyak mengemukakan suara terhadap soal demokrasi seperti pilihan raya yang bersih, pembuatan keputusan secara pemencaran dan menentang salah guna kuasa dalam kalangan pegawai kerajaan. Pelbagai pertubuhan NGO, pertubuhan agama, kesatuan sekerja dan badan profesional serta persatuan pelajar bergabung untuk bergerak secara kolektif dan bekerjasama antara satu sama lain (kerjasama parti politik dan NGO), di mana terbentuknya Gagasan Demokrasi Rakyat Malaysia (Gagasan) yang dipimpin oleh Tian Chua. Untuk keterangan lanjut, lihat Zawiyah Mohd. Zain. (2013). *Ketidakakuran Civil dan Pendemokrasian Politik Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

dinamakan GERAK yang dipimpin oleh Presiden PAS iaitu Fadzil Nor bertujuan menuntut kerajaan melaksanakan pemerintahan yang demokratik dan keadilan dalam pentadbiran (Hilley, 2009: 225). GERAK bergabung dengan Gagasan secara aktif dalam reformasi sehingga pertengahan tahun 1999 sebelum diambil alih oleh gabungan parti politik Barisan Alternatif (BA) yang berkempen dalam PRU-10 tahun 1999.⁸⁶ Pada 2 Julai 1999, PAS, DAP, PKN dan PRM bekerjasama untuk bertanding di bawah BA untuk menghadapi PRU-10 yang berteraskan kepada perjuangan utama reformasi iaitu kepada soal demokrasi, keadilan sosial, kebebasan awam, peningkatan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti. Namun, dalam PRU-10, BN mampu mengekalkan majoriti lebih dua pertiga kerusi parlimen walaupun mendapat saingan hebat daripada BA dengan memenangi 148 kerusi daripada 193 kerusi dipertandingkan. Ini menjadikan Dr. Mahathir kekal sebagai PM bagi penggal kelima dan merupakan pemimpin negara yang paling lama berkuasa di Asia (Hilley, 2009: 294).

Berdasarkan analisis di atas, jelas menunjukkan kepimpinan Dr. Mahathir menghadapi tentangan hebat daripada parti-parti pembangkang dan NGO terutama selepas pemecatan Anwar yang kemudiannya memulakan gerakan reformasi untuk menjatuhkan kerajaan. Walaupun dianggap sebagai pemimpin diktator dan mengamalkan kekerasan serta penuh kontroversi dalam kepimpinannya, Dr. Mahathir dari segi politik masih mampu mengekalkan sokongan rakyat dan mendapat mandat untuk terus memerintah dan menerajui BN sebagai parti kerajaan. Sebagaimana pemimpin-pemimpin sebelum ini, isu-isu yang berlaku jelas mencabar kepimpinan Dr. Mahathir hingga terpaksa memecat Anwar Ibrahim. Sebagai meredakan tekanan politik di penghujung era kepimpinannya, Dr. Mahathir melantik Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai TPM. Sebenarnya cabaran yang dihadapi oleh Dr. Mahathir juga merupakan gelombang penentangan yang sama terhadap kepimpinan terdahulu yang berterusan dengan disemarakkan oleh semangat reformasi yang dicetuskan oleh Anwar Ibrahim. Penentangan dalam bentuk gelombang reformasi mewarnai politik Malaysia yang kelihatannya menghala kepada kebangkitan secara terbuka rakyat negara ini dan

⁸⁶ Melalui GERAK, Gagasan dan Adil, persefahaman yang tidak pernah difikirkan dalam tahun-tahun sebelumnya, kini mula terbentuk antara parti PAS dan DAP, di samping wujud kumpulan besar yang menyokong Anwar Ibrahim dan ahli UMNO yang menentang dan berusaha mencari kedudukan politik (Hilley, 2009: 233).

penggunaan Internet secara berkesan sebagai saluran komunikasi politik penting yang sangat signifikan dalam konteks pengukuhan demokrasi di Malaysia.

4.6.5 Era Tun Abdullah Ahmad Badawi (2004-2008)

Gerakan reformasi dicetuskan Anwar bukan sahaja memberi tekanan kepada BN, tetapi kepada kepimpinan Dr. Mahathir itu sendiri yang semakin kurang mendapat sokongan daripada orang Melayu. Rentetan dari peristiwa-peristiwa yang berlaku akhirnya dalam perhimpunan agung UMNO pada Jun 2002 Dr. Mahathir mengumumkan persaraannya dari semua jawatan politik dan kerajaan walaupun diminta untuk ditangguhkan hingga meletakkan jawatannya secara rasmi pada September 2003. Persaraan Dr. Mahathir membolehkan kepimpinan negara dan UMNO diterajui Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai PM pada 31 Oktober 2003. Sebagai pengganti Dr. Mahathir, tanggungjawab besar di bahu Abdullah untuk mengembalikan sokongan orang Melayu dan Cina yang semakin merosot terhadap UMNO dan BN seperti dalam PRU-10 (Hng Hung Yong, 2004: 163). Dalam menganalisis cabaran terhadap kepimpinan Abdullah dalam sistem politik Malaysia, ia boleh dinilai dalam dua fasa iaitu sebelum dan selepas PRU-11.

Walaupun Abdullah membawa imej pemimpin yang lembut dan tidak keras yang diberi gelaran 'Mr. Clean' (Hilley, 2009: 125) tidak seperti Dr. Mahathir, di mana kesannya dapat dilihat dalam pencapaian yang di luar dugaan oleh BN dalam PRU-11 tahun 2004, tetapi kepimpinannya tidak terlepas daripada kontroversi dan isu-isu yang mencabar kepimpinannya. Pada fasa pertama kepimpinannya, Abdullah telah menonjolkan ciri-ciri kepimpinan dan pentadbiran Islamik melalui pelancaran Islam Hadhari. Bagi meningkatkan integriti dan tadbir urus yang baik, slogan "Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" dijadikan pemangkin dalam mengetengahkan dasar dan program ke arah mencapai kecemerlangan dalam pentadbiran. Turut diperkenalkan ialah Pelan Integriti Nasional (PIN) serentak dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM), penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain. Semua elemen ini dilihat sebagai langkah dan komitmen Abdullah dalam memerangi rasuah dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan terutama dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan cekap.

Abdullah turut membuktikan kesungguhannya dalam meningkatkan imej dan reputasi agensi kerajaan seperti memperbaiki imej pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melalui penubuhan Suruhanjaya Penambahbaikan Pasukan Polis. Sebagai langkah berjimat dalam perbelanjaan kerajaan, Abdullah membuat keputusan menghentikan atau membatalkan beberapa projek mega yang dijalankan pada era Dr. Mahathir walaupun banyak pihak yang membantahnya. Antara projek mega dibatalkan ialah Jambatan Bangkok menghubungkan Singapura dan Malaysia, landasan keretapi berkembar dari Rawang ke Ipoh. Di samping itu, Abdullah memberi fokus terhadap pembangunan pertanian secara komersial sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan menggalakkan industri berasaskan bioteknologi. Kesannya, ekonomi negara pada awal pentadbiran Abdullah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan.⁸⁷ Justeru itu, di peringkat awal kepimpinannya, beberapa dasar dan program yang diperkenalkan Abdullah mendapat sambutan baik daripada banyak pihak. Hal ini ternyata berkesan dan dapat dilihat dari segi pencapaian BN dalam PRU-11 tahun 2004 apabila berjaya memperolehi 199 kerusi daripada 219 kerusi parlimen yang dipertandingkan (lihat Jadual 4.2). Ini merupakan suatu rekod terbaik pernah dicapai oleh BN. Keputusan PRU-11 juga menunjukkan sokongan orang Melayu telah berubah arah semula kepada BN seperti yang berlaku di Perlis, Kedah, Terengganu (berjaya merampas dari parti PAS) dan Kelantan walaupun belum berupaya menumbangkan kerajaan PAS.

Dalam fasa kedua, kepimpinan Abdullah mula diselubungi pelbagai isu dan cabaran dari dalam dan luar. Dalam kerajaan dan parti UMNO, Abdullah mendapat kritikan hebat daripada Dr. Mahathir menerusi blognya Che Det. Dr. Mahathir seperti hilang kepercayaan dan tidak menduga kepimpinan Abdullah tidak mengikut landasan pentadbiran yang telah dirintis pada zaman pentadbirannya, di mana ketegangan kedua-dua tokoh ini mencetuskan dua kumpulan dalam UMNO yang berbeza pendapat dan

⁸⁷ Bank Negara telah mengumumkan pencapaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) bagi tahun 2003 meningkat melebihi 2% daripada jangkaan 4.5%. Pertumbuhan disebabkan peningkatan eksport dalam sektor pembuatan dan peningkatan dalam pelaburan. Malaysia telah mencatatkan perolehan yang tinggi melalui indeks komposit di BSKL, di mana pada 18 Mac 2004 mencapai tahap 900 mata iaitu tertinggi dicatatkan dalam tempoh 4 tahun (Zawiyah, 2013: 179).

sokongan.⁸⁸ Konflik kedua-dua pemimpin ini berpanjangan hingga selepas PRU-12. Selepas PRU-11, kepimpinan Abdullah juga dilihat gagal mengotakan janji-janji yang telah dilaungkan sebaik mengambil alih tampuk pemerintahan menyebabkan rakyat mula mencemuhinya terutama apabila gagal menunaikan manifesto BN. Paling menimbulkan rasa marah dalam kalangan rakyat apabila kerajaan menaikkan harga minyak sehingga 90 sen pada 2006. Kenaikan tersebut menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan lain, kos sara hidup meningkat dan jenayah juga dilihat semakin tinggi. Akibatnya, kepimpinan Abdullah mendapat kecaman daripada banyak pihak termasuk Dr. Mahathir.

Skandal rasuah V. K. Lingam yang telah didedahkan oleh Anwar Ibrahim melalui video yang diperolehinya menggemparkan negara kerana ia melibatkan badan kehakiman di Malaysia yang menjadi cabaran besar kepada kepimpinan Abdullah. Video tersebut mendedahkan perbualan Lingam dengan seorang hakim kanan untuk memastikannya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Hakim Negara. Skandal ini mendapat perhatian orang ramai, tetapi kerajaan tidak mengambil tindakan serius untuk menyiasatnya bagi membuktikan dakwaan tersebut. Kemudian baharulah Suruhanjaya Siasatan DiRaja ditubuhkan bagi menyiasat skandal video tersebut. Suruhanjaya memberi cadangan supaya individu lain yang terbabit dalam skandal tersebut turut disiasat, tetapi kerajaan menganggap ianya tidak perlu dan membiarkannya sahaja. Hal ini telah dibantah oleh Majlis Peguam. Mereka telah mengadakan perhimpunan yang dinamakan '*walk for justice*' melibatkan 2,000 orang peguam. Penyokong mereka berarak ke pejabat PM pada September 2007 untuk mendesak kerajaan menambahbaik sistem kehakiman di Malaysia kerana wujud kepincangan seperti didedahkan dalam video Lingam itu (Zawiyah, 2013: 189).

⁸⁸ Banyak kritika Dr. Mahathir terhadap kepimpinan Abdullah disebabkan isu rasuah, menghapuskan kronisme, penyalahgunaan kuasa dan kepincangan pentadbiran. Antara kritikan keras Dr. Mahathir ialah campur tangan keluarga dalam pentadbiran Abdullah oleh menantunya Khairy Jamaluddin dan anaknya Kamaluddin. Kemudian beliau mengkritik kepimpinan Abdullah disebabkan menaikkan tarif kenderaan import pada Oktober 2005 dan membatalkan projek jambatan bengkok menghubungkan Singapura dan Malaysia. Dr. Mahathir juga mendakwa kepimpinan Abdullah telah menyekat kebebasan media massa di Malaysia (*ibid.*).

Kepimpinan Abdullah juga diselubungi isu pembunuhan kejam model Mongolia, Altantuya Shaaribuu. Model itu dikaitkan dengan penganalisis politik Abdul Razak Baginda dan Dato' Seri Mohd. Najib selaku TPM ketika itu. Altantuya dibunuh dan mayatnya ditemui diletupkan dengan bom di Shah Alam pada Oktober 2006. Pembunuhan kejam itu menimbulkan kegemparan dalam negara lebih-lebih lagi ia dikaitkan dengan dengan TPM. Dalam penyiasatan kes ini, ia membawa kepada penangkapan dua anggota Unit Tindakan Khas PDRM iaitu Azilah Hadri dan Sairul Azhar dan kemudian dibicarakan. Keputusan perbicaraan mendapati kedua-dua tertuduh bersalah. Namun, banyak pihak tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah itu kerana tiada siasatan dilakukan terhadap Najib Razak seperti mana didedahkan oleh penyiasat persendirian Balasundram bahawa ia ada kaitan dengan model Mongolia tersebut (Zawiyah, 2013: 189).

Isu agama turut menjadi cabaran besar dalam kepimpinan Abdullah. Isu pertukaran agama seperti dalam kes Lina Joy yang gagal mendapat kebenaran Mahkamah Syariah untuk menukar agama Islam kepada Kristian. Dalam kes lain, ia melibatkan Maniam Moorthy (Mohammad Abdullah) yang mayatnya diarahkan disempurnakan cara Islam oleh Mahkamah Syariah. Isterinya mendakwa tidak mengetahui suaminya telah memeluk agama Islam dan menyebabkan keluarga Moorthy tidak berpuas hati. Begitu juga isu hak penjagaan anak apabila Mahkamah Syariah memutuskan Jeyaganesh Mogarajah (Muhammad Ridzuan Mogarajah) yang beragama Hindu telah memeluk Islam diberi hak penjagaan dua orang anaknya. Isterinya tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah kerana mendakwa tidak dimaklumkan suaminya telah menukar agama dua orang anaknya kepada Islam (Zawiyah, 2013: 190).

Dalam kes-kes syariah di atas, ia tidak memihak kepada orang bukan Islam. Jsuteru itu, beberapa NGO dan Majlis Peguam mempertikaikan kebebasan beragama di Malaysia dan mereka mempersoalkan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan setiap rakyat bebas untuk memilih dan menganuti agama masing-masing. Kumpulan ini kemudiannya menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang diketuai oleh Jawatankuasa Hak Asasi Majlis Peguam bertujuan untuk membincangkan tentang Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. IFC pada April 2005

cuba mengadakan dialog antara agama yang melibatkan 200 peserta untuk membincangkan kebebasan agama di Malaysia mengikut Perkara 11 tersebut, tetapi usaha mereka mendapat bantahan daripada NGO Islam yang mengadakan demonstrasi. Abdullah meminta forum tersebut dibatalkan (Zawiyah, 2013: 191).

Kegagalan kepimpinan Abdullah dalam menangani isu-isu yang dibincangkan di atas menyebabkan banyak bantahan dan demonstrasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu untuk mendesak kerajaan mengambil tindakan yang lebih adil, saksama dan cekap. Bantahan bukan sahaja di jalanan, tetapi meluas dalam Internet khususnya menerusi blog-blog yang mengkritik kerajaan. Kumpulan kaum India yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Abdullah telah menubuhkan gerakan yang dikenali Hindu Human Rights Action Force (Hindraf). Hindarf kerap kali cuba menyerahkan memorandum kepada kerajaan agar memberi layanan yang lebih baik kepada kaum India, tetapi tidak dipedulikan oleh Abdullah. Hal ini menyebabkan kumpulan yang menentang kerajaan termasuk Hindarf yang disertai oleh aktivis daripada parti pembangkang (PAS dan DAP) telah mengadakan demonstrasi pada November 2006 perhimpunan di KLCC untuk membantah kenaikan harga gula dari RM1.40 kepada RM1.45 sekilo. Bagi menyuraikan demonstrasi tersebut, pihak polis menggunakan gas pemedih dan menahan beberapa orang pemimpin.⁸⁹

Keadaan politik negara bertambah tegang apabila pihak pembangkang telah mengadakan dua perhimpunan besar dalam tahun 2007 dianjurkan oleh Bersih⁹⁰ dan Hindarf. Tanpa permit polis bagi menganjurkan perhimpunan Bersih tersebut, ia tetap mendapat sambutan apabila lebih kurang 50,000 orang menyertainya dari pelbagai bangsa yang turut dihadiri pemimpin seperti Lim Kit Siang, Anwar Ibrahim dan Mohamad Sabu. Ia bertujuan mendesak kerajaan supaya dapat mengadakan pilihan

⁸⁹ Antara pemimpin pembangkang yang ditahan dalam perhimpunan tersebut ialah Ketua Pemuda PAS Salahuddin Ayub, Setiausaha DAP Ronnie Liu, Timbalan Ketua Penerangan Pemuda Keadilan Badrul Hisham Shahrin, Zulkifli Nordin dan Ahli Jawatankuasa Lajnah Pengguna PAS Pusat Wardah Abdullah.

⁹⁰ Bersih merupakan gabungan beberapa NGO yang menuntut pilihan raya yang adil dan bersih. Bersih telah dilancarkan secara rasmi di Parlimen pada 23 November 2006. Tujuan Bersih ditubuhkan bagi mendesak kerajaan membuat reformasi dalam proses pilihan raya agar ianya lebih telus dan adil. Untuk keterangan lanjut, lihat <http://www.bersih.org>.

raya yang lebih adil dan telus. Bersih melakukan perarakan ke Istana Negara untuk menyerahkan memorandum kepada YDA mengenai ketidakadilan SPR dalam menguruskan perjalanan pilihan raya. Bersih juga menuntut supaya daftar pemilih sedia ada disemak semula, menggunakan dakwat kekal dalam pengundian, memansuhkan undi pos dan liputan media yang adil kepada semua parti politik mulai PRU-12 (Zawiyah, 2013: 193).⁹¹ Hindraf pula mengadakan demonstrasi pada 25 November 2007 sebab memprotes perobohan kuil-kuil Hindu oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor. Walaupun tanpa permit, perhimpunan Hindarf berjaya menarik lebih kurang 30,000 orang menyertainya. Bagi menyuraikan perhimpunan, pihak berkuasa menggunakan gas pemedih mata dan menahan seramai 240 orang termasuk pemimpin-pemimpin utamanya iaitu P. Uthayakumar, T. Vasantha Kumar, M. Manoharan, R. Kenghadharan dan V. Ganabathirai di bawah ISA (Zawiyah, 2013: 194).

Analisis di atas menunjukkan kepimpinan Abdullah mendapat tentangan hebat terutama dari pihak pembangkang dan NGO. Ini menyebabkan kepimpinan Abdullah menjadi semakin lemah termasuk krisis dalaman parti UMNO yang diterajunya. Rakyat kelihatan memberi sokongan kuat kepada parti PAS, DAP dan PKR. Walaupun penggal parlimen belum matang, Abdullah telah membubarkannya pada 13 Februari 2008. Kemudian PRU-12 diadakan pada 8 Mac 2012. PRU-12 diadakan setahun lebih awal daripada tempoh matang bagi mengelak Anwar Ibrahim daripada bertanding dalam PRU-12 setelah dibebaskan daripada hukuman penjara (Zawiyah, 2013: 195).⁹² Walaupun tidak boleh bertanding dalam PRU-12, tetapi peranan Anwar untuk menarik sokongan rakyat tidak dapat dihalang. Beliau berjaya menggabungkan Parti Keadilan Nasional (PKN atau dikenali sebagai Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menjadi Parti Keadilan Rakyat (PKR). PKR mendapat kerjasama yang kuat daripada parti DAP dan PAS dalam PRU-12.

⁹¹ Bersih berjaya menuntut kerajaan melaksanakan penggunaan dakwat kekal dalam PRU-12, tetapi kemudiannya dibatalkan disebabkan penggunaannya melanggar hak asasi pengundi.

⁹² Anwar Ibrahim yang dibebaskan daripada penjara kerana kes rasuah hanya dibenarkan bertanding dalam pilihan raya selepas April 2008. Dalam PRU-12, Wan Azizah Presiden PKR masih mengekalkan kerusi parlimen Permatang Pauh, tetapi meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat pada 31 Julai 2008 bagi memberi laluan kepada Anwar bertanding di kawasan parlimen tersebut dalam pilihan raya kecil (PRK) pada 26 Ogos 2008. Dalam PRK tersebut Anwar berjaya mengalahkan calon BN iaitu Arif Shah Omar Shah dan Hanafi Mamat (AKIM).

Hakikatnya, dalam PRU-12 kepimpinan Abdullah berhadapan dengan masalah kronisme dalam BN, masalah ekonomi, perbalahan agama dan isu perkauman. Hal ini menyebabkan kedudukan BN menjadi semakin sukar dalam PRU-12. Kebangkitan NGO dan pengaruh Anwar cukup kuat dalam PRU-12, apatah lagi Abdullah sentiasa dikritik oleh Dr. Mahathir hingga memberi peluang kepada rakyat untuk menolak kepimpinan Abdullah. Keputusan PRU-12 jauh di luar jangkaan jika dibandingkan dengan PRU-11 apabila BN gagal mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi parlimen dengan hanya memenangi 140 daripada 222 kerusi yang dipertandingkan. PRU-12 juga menyaksikan Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor jatuh ke tangan parti pembangkang serta gagal merampas Kelantan daripada parti PAS. Ramai menteri dan timbalan menteri kabinet kecundang di tangan calon parti pembangkang.⁹³ Keputusan PRU-12 menyaksikan gelombang kebangkitan rakyat untuk menentang kerajaan disebabkan gagal menangani isu dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Kerajaan di bawah kepimpinan Abdullah mengambil mudah tanpa tindakan serius menangani setiap isu dan masalah yang berlaku hingga memberi tamparan hebat terhadap BN dalam PRU-12 yang disifatkan oleh penganalisis politik sebagai ‘tsunami politik’.

Analisis di atas menunjukkan dalam sistem demokrasi, kuasa rakyat itu sangat mustahak terutama dalam pilihan raya untuk menentukan sokongan dan seterusnya memilih pemimpin untuk menerajui kerajaan. Dalam situasi politik di era kepimpinan Abdullah menyaksikan bagaimana gelombang kebangkitan rakyat tidak dapat disekat walaupun melalui penguatkuasaan undang-undang dan tindakan secara kekerasan. Sekatan terhadap kebebasan bersuara, berhimpun, akhbar dan sebagainya tidak menghalang rakyat untuk tidak bersetuju dengan kerajaan. Terdapat medium lain yang boleh digunakan secara berkesan seperti Internet untuk berkomunikasi dalam kalangan rakyat bahkan lebih pantas dan menjimatkan. Disebabkan kurang memberi perhatian

⁹³ Antara menteri kabinet yang kalah iaitu Datuk Seri Samy Vellu (Menteri Kerja Raya di kawasan parlimen Sungai Siput, Perak), Datuk Seri Zainuddin Maidin (Menteri Penerangan di kawasan parlimen Sungai Petani, Kedah), Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di kawasan parlimen Lembah Pantai, Kuala Lumpur), Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin (Menteri Pembangunan Luar Bandar di kawasan parlimen Shah Alam, Selangor), Datuk M. Kayveas (Timbalan Menteri di JPM di kawasan parlimen Taiping, Perak), Datuk Seri Dr. Awang Adek Hussin (Timbalan Menteri Kewangan di kawasan parlimen Bachok, Kelantan) dan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Ketua Menteri Pulau Pinang di kawasan parlimen Batu Kawan, Pulau Pinang).

terhadap isu-isu yang dipaparkan dalam Internet termasuk kempen-kempen parti pembangkang melalui Internet, maka keputusan PRU-12 disifatkan tidak memihak kepada kerajaan yang telah kehilangan sokongan popular walaupun masih dapat membentuk kerajaan.

Apabila kepimpinan Abdullah dan BN gagal mengekalkan kecemerlangannya dalam PRU-12, maka Abdullah didesak untuk meletakkan jawatan sebagai PM. Ramai pemimpin dalam BN termasuk Dr. Mahathir mendakwa Abdullah bertanggungjawab dalam kejatuhan BN hingga membuka peluang kepada parti-parti pembangkang merampas beberapa buah negeri. Walau bagaimanapun, keputusan PRU-12 perlu dilihat dari pelbagai sudut. Pertama, rakyat Malaysia sudah semakin matang berpolitik dan mendapat pendedahan yang lebih luas melalui Internet walaupun media konvensional seperti radio, televisyen dan akhbar tidak memberi peluang kepada pihak pembangkang untuk bersuara dengan lebih lantang ekoran sekatan yang dikenakan oleh kerajaan. Kedua, parti-parti pembangkang bersama NGO berjaya meniupkan sentimen anti kerajaan dalam kalangan rakyat melalui isu-isu dan masalah-masalah yang didedahkan lebih-lebih lagi yang gagal ditangani secara berkesan oleh kerajaan. Apabila peranan pembangkang semakin besar dalam sistem politik, ia memberi peluang yang lebih luas kepada rakyat untuk bersuara dan mampu membentuk konsep '*check and balance*' terhadap dasar dan tindakan kerajaan.

Ketiga, kegagalan kepimpinan dalam BN dan Abdullah untuk memperbaiki imej dan kredibiliti mereka menyebabkan rakyat mulai berasa bosan dan mereka ada pilihan lain iaitu parti pembangkang. Justeru itu, peranan kepimpinan politik sangat penting dalam hal-hal seperti yang dianalisis di atas sekiranya ingin terus mengekalkan kuasa, populariti dan sokongan kuat daripada rakyat. Perkara-perkara ini harus diambil perhatian serius oleh kerajaan dan pastinya ia penting dalam proses pendemokrasian politik di Malaysia ke arah demokrasi yang lebih matang pada masa hadapan. Oleh sebab itu, tentangan daripada rakyat, mahasiswa, NGO dan parti politik terhadap kepimpinan politik yang dikatakan sebagai ketidakakuran sivil (*civil disobedience*) perlu dilihat dari sudut yang positif terutama dalam proses memantapkan sistem politik yang sedia ada kerajaan sistem yang lebih demokratik, rasional dan adil untuk semua.

4.7 RUMUSAN

Dalam sistem politik demokrasi, kewujudan institusi wakil rakyat yakni parlimen dan DUN seperti di Malaysia merupakan elemen penting yang memberi peluang dan hak kepada rakyat untuk turut serta dan terlibat dalam proses politik terutama melalui pilihan raya. Justeru itu, sistem politik demokrasi tidak dapat dipisahkan dengan pilihan raya bagi memilih perwakilan atau wakil rakyat. Melalui pilihan rayalah, kepimpinan politik itu ditentukan untuk memerintah dan mentadbir negara. Namun, dalam sistem politik di Malaysia, kepimpinan yang sedia ada terutama di pihak kerajaan berhadapan dengan pelbagai isu dan masalah yang menjadi cabaran kepada setiap pemimpin seperti yang telah dianalisis secara ringkas di atas.

Apa yang penting dalam sistem politik di Malaysia terutama melalui institusi parlimen dan DUN, kepimpinan politik sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang perlu menunjukkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti yang menjadi kayu ukuran dalam kalangan rakyat untuk memilih siapa yang boleh menjadi pemimpin mereka. Oleh sebab itu, peranan dan tanggungjawab kepimpinan politik seperti wakil rakyat perlu difahami dan diteliti dengan baik agar tidak berlaku kekeliruan untuk rakyat memahaminya. Hal ini kerana dalam sistem demokrasi berparlimen, peranan wakil rakyat itu tidak hanya dalam parlimen dan DUN, tetapi boleh dilantik ke dalam jawatan kabinet atau Jemaah Menteri seperti mana yang difahami dalam doktrin FOP. Jadi, dalam bab berikut dibincangkan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat yang utama atau primer, di mana sebahagian besarnya adalah bersifat rasmi.

BAB 5

PENILAIAN PERANAN UTAMA WAKIL RAKYAT

5.1 PENGENALAN

Doktrin percantuman kuasa (FOP) mempunyai pengaruh dalam memahami peranan wakil rakyat dalam sistem berparlimen seperti di Britian dan negara-negara Komanwel (Carter & Herz, 1970: 28; Crystal, 1990: 1089; dan Robertson, 1985: 249). Mengikut doktrin FOP, wakil rakyat berperanan dalam dua institusi berbeza iaitu badan perundangan dan badan eksekutif dalam masa yang sama. Situasi inilah yang membezakan sistem berparlimen dengan sistem sistem berpresiden yang mengamalkan doktrin pengasingan kuasa (SOP) sepenuhnya. Peranan dalam kedua-dua institusi pemerintahan tersebut merupakan peranan utama (primer) wakil rakyat yang lazimnya bersifat formal dan mengikut undang-undang. Di Malaysia, amalan doktrin FOP itu termaktub dalam Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menjelaskan bahawa ahli parlimen boleh dilantik sebagai PM dan menteri dalam badan eksekutif.

Apabila mempunyai lebih daripada satu peranan, maka wakil rakyat mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai pemimpin politik untuk melaksanakannya secara cekap dan berkesan. Dalam situasi semasa berasaskan doktrin FOP, peranan wakil rakyat bukan sahaja sebagai ahli badan perundangan (parlimentari), tetapi mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya (peranan konstituensi). Selain itu, sebilangan wakil rakyat pula dilantik sebagai ahli badan eksekutif (Jemaah Menteri) menambahkan lagi tanggungjawab yang sedia ada. Dalam sistem politik Malaysia, semua wakil rakyat kecuali calon Bebas mewakili parti politik tertentu dan mempunyai tanggungjawab terhadapnya dengan matlamat masing-masing. Jadi, peranan dalam aspek parlimentari, konstituensi, eksekutif dan parti politik adalah peranan utama yang menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk melaksanakannya sebaik mungkin sebagai pemimpin politik.

Justeru itu, bab ini membincang peranan-peranan utama wakil rakyat seperti disebutkan di atas. Analisis perbincangan disokong dengan penemuan dapatan kajian yang telah dijalankan. Dalam bab ini juga turut meneliti sistem parlimen dan peranan ahli-ahlinya di Bangladesh, Belanda, Britian, India dan Kanada sebagai perbandingan dengan Malaysia.⁹⁴ Analisis secara perbandingan adalah perlu untuk memahami dengan tepat peranan wakil rakyat bagi membezakan peranan utama dan sekunder. Ini merupakan suatu usaha menjelaskan kedudukan wakil rakyat di Malaysia secara ilmiah supaya peranan aktor politik yang penting ini dapat difahami secara lebih sistematik mengikut klasifikasi yang jelas atau tersusun.

5.2 PERANAN WAKIL RAKYAT DALAM SISTEM BERPARLIMEN

Apakah peranan wakil rakyat? Dalam persoalan ini, Gallop (2009: 1) menyatakan bahawa perbincangan boleh dimulakan melalui pelbagai cara yang berbeza dengan memberi tumpuan kepada yang bersifat hakiki (amanah) dan keperluan semasa. Sebagai pemimpin yang telah dipilih melalui pilihan raya, wakil rakyat berperanan sebagai perwakilan (*representatives*) dan ahli perundangan (*legislators*) dalam parlimen. Ini adalah peranan parlimentari bagi wakil rakyat dan sebab itu ia perlu mempunyai kebolehan bercakap dalam majlis parlimen (*chamber*) bagi rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya (Ball, 1993: 138). Melalui peranan ini, wakil rakyat dianggap mewakili kepentingan, sikap dan nilai rakyat tanpa mengira ia mewakili parti pemerintah, pembangkang atau Bebas. Melalui peranan ini juga wakil rakyat turut memainkan peranan dalam aspek konstituensi bagi rakyat dan kawasan

⁹⁴ Untuk menilai sistem parlimen di negara-negara berkenaan, ia boleh dirujuk melalui laman sesawang (*web*) seperti disenaraikan:

- a) Parlimen Bangladesh dikenali sebagai *Jatiyo Shangsad* dengan sistem satu dewan (<http://www.bangladesh.gov.bd>);
- b) Parlimen Belanda dikenali sebagai *Tweede Kamer der Staten-Generaal* berasaskan sistem dua dewan iaitu *Senate* (Dewan Tinggi) dan *House of Representative* (Dewan Rendah) (<http://www.houseofrepresentatives.nl>);
- c) Parlimen Britian berasaskan sistem dua dewan iaitu *House of Lord* (Dewan Tinggi) dan *House of Common* (Dewan Rendah) (<http://www.parliament.uk>);
- d) Parlimen India berasaskan sistem dua dewan iaitu *Rajya Sabha* (Dewan Tinggi) dan *Lok Sabha* (Dewan Rendah) (<http://parliamentofindia.gov.in>);
- e) Parlimen Kanada berasaskan sistem dua dewan iaitu *Senate* (Dewan Tinggi) dan *House of Common* (Dewan Rendah) (<http://www.parl.gc.ca>); dan
- f) Parlimen Malaysia berasaskan sistem dua dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat (<http://www.parlimen.gov.my>).

yang diwakilinya. Oleh sebab itu, dalam sesetengah keadaan, wakil rakyat bertindak sebagai jurucakap (*spokeman*) bagi rakyat dan parti politik yang diwakilinya berhubung isu dalam aspek parlimentari atau konstituensi yang mendapat sokongan dari kelab penyokong (*backbenchers*) masing-masing dalam parlimen.

Analisis yang dibuat ke atas sistem berparlimen Bangladesh, Britian, Kanada, India dan Kanada berbanding Malaysia tiada perbezaan yang ketara kerana wakil rakyat pada asasnya berperanan sebagai perwakilan (*representatives*), ahli perundangan (*legislators*), wakil parti (*party representatives*) dan ahli kabinet (*cabinet members*). Melalui peranan-peranan ini, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab dan tugas masing-masing yang boleh dilihat dalam kategori parlimentari, konstituensi, parti politik dan kabinet seperti dalam perbincangan di bawah.

a) Peranan Sebagai Perwakilan

Peranan paling asas wakil rakyat dalam sistem berparlimen adalah sebagai perwakilan (*representatives*). Sesuai dengan kaedah mewakili sebuah kawasan atau bahagian pilihan raya, maka ia meletakkan wakil rakyat berperanan sebagai perwakilan. Peranan sebagai perwakilan bermakna dalam majlis parlimen dan DUN, wakil rakyat bercakap atau bersuara demi mewakili kepentingan rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Inilah yang dinamakan sebagai perwakilan.

b) Peranan Sebagai Ahli Perundangan

Serentak dengan peranan sebagai perwakilan dalam majlis parlimen dan DUN, wakil rakyat berperanan sebagai ahli perundangan (*legislators*). Peranan ahli perundangan adalah untuk membahas, mengkritik, mengemukakan usul, dan menyokong atau menolak dalam rang undang-undang untuk diluluskan sebagai undang-undang. Dalam kedudukan sebagai ahli perundangan, ia menunjukkan bahawa wakil rakyat berperanan membuat undang-undang (*law-making*).

c) Peranan Sebagai Ahli Jawatankuasa Perundangan

Wakil rakyat dalam sistem berparlimen boleh dilantik untuk menjadi AJK mana-mana jawatankuasa perundangan (*legislative committee*) yang dibentuk dalam majlis parlimen. Peranan sebagai AJK majlis parlimen meletakkan wakil rakyat yang berkenaan mempunyai fungsi khas untuk mengawasi, memerhati, memantau dan memberi nasihat kepada kabinet terhadap segala dasar, program dan aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan. Dalam kedudukan ini wakil rakyat memainkan peranan sebagai 'watch dog' dan 'surveillance' terhadap segala aktiviti dan tindakan kerajaan.

d) Peranan Mewakili Parti Politik

Semua wakil rakyat yang telah dipilih sebagai ahli parlimen dan DUN mewakili parti politik (*party representatives*) kecuali calon Bebas. Oleh sebab itu, wakil rakyat biasanya bercakap bagi mewakili parti politik yang disertainya terutama bagi pihak kerajaan. Dalam konteks parti BN di Malaysia, setiap ahli parti yang menjadi wakil rakyat perlu menyokong keputusan parti terhadap apa yang dibincangkan dalam parlimen dan DUN. Jika tidak, parti melalui *whip* mengambil tindakan kepada wakil rakyat berkenaan. Justeru itu, wakil rakyat dalam perbahasan di majlis parlimen banyak menunjukkan suara mewakili kepentingan parti.

e) Peranan Dalam Pembentukan Kerajaan

Salah satu peranan penting wakil rakyat adalah untuk membentuk kerajaan atau sebagai parti pemerintah (*ruling party*). Parti politik yang memiliki majoriti dalam dewan perundangan (parlimen dan DUN) berhak menubuhkan kerajaan untuk memerintah dan membentuk barisan kabinetnya. Sementara itu, parti yang memiliki majoriti kecil dalam dewan perundangan bertindak sebagai pembangkang (*opposition*).

f) Peranan Sebagai Kelab Penyokong

Di pihak parti pemerintah, ahli-ahli wakil rakyat yang tidak dilantik sebagai ahli kabinet dan memegang sebarang jawatan dalam beberapa agensi

kerajaan dan badan berkanun serta syarikat berkepentingan kerajaan biasanya bertindak sebagai ahli kelab penyokong (*backbenchers club*). Kelab penyokong ini berperanan dalam memberi sokongan dan bertindak sebagai penepis serangan dari pihak parti pembangkang. Kelab penyokong juga wujud di pihak parti pembangkang.

g) Peranan Sebagai Ahli Kaukus

Peranan wakil rakyat juga sebagai ahli kaukus (*caucus*). Kaukus parti terutamanya di pihak parti kerajaan mengadakan mesyuarat sebelum perbahasan dewan perundangan diadakan. Ia berfungsi sebagai taklimat awal menjelaskan sesuatu perkara misalnya sebelum sesuatu usul dan rang undang-undang dikemukakan untuk diluluskan dalam majlis parlimen. Ahli *kaukus* juga biasanya hadir dalam mesyuarat kabinet, tetapi tidak boleh mencampuri keputusan mesyuarat. Peranan kaukus seolah-olah sebagai pelobi kepada rang undang-undang dan dasar yang diperkenalkan oleh kabinet untuk mendapat sokongan dan diluluskan dalam majlis parlimen.

h) Peranan Sebagai Ketua Whip

Kedua-dua pihak (pembangkang dan kerajaan) ada *whip* parti untuk memantau disiplin wakil rakyat masing-masing. Fungsi *whip* parti adalah untuk mengambil tindakan terhadap ahli perundangan yang mempunyai perbezaan pandangan dan tidak menyokong usul dikemukakan oleh pemimpin parti. Di pihak parti BN, ketua *whip* adalah TPM yang bertindak dalam memantau segala disiplin wakil rakyat BN. Jika ada wakil rakyat BN tidak menyokong usul BN dalam majlis parlimen walaupun itu haknya sebagai perwakilan atau ahli perundangan, tetapi ia bertentangan dengan prinsip parti. Justeru itu, ia boleh diambil tindakan seperti digantung tugas sebagai ahli kabinet oleh *whip* parti untuk suatu tempoh yang dikenakan.

i) Peranan Sebagai Ketua Kerajaan

Ketua parti yang memperolehi majoriti kerusi diberi hak untuk membentuk kerajaan dan lazimnya dilantik sebagai PM. Selaku PM, wakil rakyat

berkenaan merupakan ketua kerajaan (*head of government*). Sebagai ketua kerajaan, PM boleh menamakan beberapa orang ahli parlimen lain untuk dilantik sebagai ahli kabinet. Oleh sebab itu, kerajaan dalam sistem berparlimen dikenali sebagai kerajaan berkabinet (*cabinet government*) kerana kabinet itu adalah kerajaan dan kerajaan itu adalah kabinet. Jadi, PM adalah ketua kerajaan dan pengerusi kepada kabinet yang dibentuk untuk menerajui kerajaan dan pentadbiran negara.

j) Peranan Sebagai Ketua Pembangkang

Bagi parti yang mendapat kerusi minoriti dalam parlimen dan DUN, wakil rakyatnya berperanan sebagai pembangkang. Ketua parti pembangkang biasanya dipilih untuk menjadi ketua pembangkang (*head of opposition*). Jika PM berkuasa untuk menamakan barisan kabinetnya, ketua pembangkang pula membentuk kerajaan atau kabinet bayangan (*shadow government/cabinet*) yang bersedia mengambil alih kuasa dari kerajaan yang sedia ada pada bila-bila masa. Peranan ketua pembangkang adalah untuk tujuan 'check and balance' dan 'watch dog' terhadap aktiviti dan dasar kerajaan demi kepentingan rakyat.

k) Peranan Mewakili Kerajaan

Antara peranan lain wakil rakyat adalah mewakili kerajaan seperti dilantik sebagai duta, pesuruhjaya dan diplomat di negara-negara luar. Melalui jawatan-jawatan tersebut, wakil rakyat mewakili pihak kerajaan dan negara dalam hubungan diplomatik dan antarabangsa. Oleh sebab itu, terdapat wakil rakyat khususnya dari parti kerajaan dilantik sebagai duta. Tidak kurang pula yang dilantik mengikut masa dan keadaan tertentu mewakili kerajaan seperti dalam persidangan antarabangsa melibatkan kepentingan negara seperti di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Persidangan Negara-negara Komanwel, Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam, Persidangan Negara-negara ASEAN dan sebagainya.

1) Peranan Dalam Badan Berkanun dan GLC

Bagi wakil rakyat dari parti kerajaan yang tidak dilantik ke dalam kabinet dan sebagai duta, mereka diberi peluang sebagai pengerusi, penasihat dan penaung kepada beberapa badan berkanun dan beberapa agensi kerajaan yang lain serta syarikat kepentingan kerajaan (government link company atau GLC). Kedudukan ini meletakkan wakil rakyat berperanan sebagai pentadbir (*administrator*) untuk mengurus tadbir agensi-agensi kerajaan, badan berkanun dan GLC.

Berdasarkan analisis di atas, ia menunjukkan betapa kompleksnya peranan wakil rakyat di Malaysia dan di beberapa buah negara lain dalam sistem berparlimen. Dalam erti kata lain, wakil rakyat bukan sekadar sebagai perwakilan, tetapi banyak tanggungjawab lain yang perlu dilaksanakannya demi rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Oleh sebab itu, dalam konteks politik Malaysia, wakil rakyat berperanan sebagai ahli politik (*politician*), pemimpin (*leader*), pentadbir (*administrator*) dan pengurus (*manager*). Berkaitan peranan-peranan ini, analisis berikutnya menilai beberapa peranan utama wakil rakyat di Malaysia. Jadi, secara umumnya Inter-Parliamentary Union (IPU) (2005:7) melaporkan terdapat persetujuan tentang fungsi parlimen dalam melaksanakan tugasnya seperti:

- a) Pembuat undang-undang;
- b) Meluluskan cukai dan perbelanjaan, secara umumnya dalam konteks bajet negara;
- c) Mengawasi tindakan, dasar dan personal ahli eksekutif;
- d) Mengesahkan perjanjian dan memantau badan-badan perjanjian;
- e) Membahaskan isu-isu semasa negara dan antarabangsa;
- f) Mendengar dan membetulkan pelbagai aduan atau rungutan; dan
- g) Meluluskan pindaan perlembagaan negara.

5.3 PENILAIAN PERANAN PARLIMENTARI

Penilaian ke atas peranan wakil rakyat perlu mengambil kira dari segi kerja-kerja yang dilakukan dengan memberi tumpuan terhadap soal kuasa dan tanggungjawab serta sumber-sumber yang diperuntukkan kepadanya (Gallop, 2009: 3). Justeru itu, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat harus difahami sebaik mungkin bagi mengelak salah faham khususnya dalam peranan parlimentari. Peranan parlimentari merujuk kepada tanggungjawab wakil rakyat dalam majlis parlimen dan DUN. Pelaksanaan peranan dan tanggungjawab dalam aspek parlimentari tertakluk kepada peruntukan undang-undang. Di Malaysia, setiap wakil rakyat mewakili satu kawasan pilihan raya sahaja⁹⁵ dan lazimnya mewakili parti politik tertentu (Malaysia, 2007: 7). Dapatan kajian jelas menunjukkan kedudukan ini, di mana wakil rakyat mewakili setiap satu kawasan pilihan raya parlimen dan DUN (lihat Lampiran 4) dan parti-parti politik dalam komponen BN dan PR (lihat Lampiran 5). Walau bagaimanapun, seorang wakil rakyat boleh menjadi ahli parlimen dan DUN secara serentak. Contohnya, YB Mohamed Azmin Ali berjawatan sebagai ahli parlimen Gombak dan DUN Bukit Antarabangsa, Selangor dalam PRU-12 tahun 2008.

Jadual 5.1: Peranan Dalam Jawatankuasa Perundangan

Jawatankuasa (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Dewan Rakyat:		
Ahli BNBBC	3	5.4%
Setiausaha BNBBC	1	1.8%
AJK Peraturan Dewan Rakyat	1	1.8%
AJK <i>Caucus Gender</i>	1	1.8%
Pengerusi <i>Women Caucus</i>	1	1.8%
Ketua <i>Whip</i> PKR	1	1.8%
Dewan Undangan Negeri:		
Ahli SELCAT	2	3.6%
AJK Peraturan-peraturan DUN	3	5.4%
AJK Pemilih DUN	1	1.8%
Pengerusi BBC	1	1.8%
Setiausaha BBC	1	1.8%
AJK BBC	1	1.8%
Timbalan <i>Speaker</i> / YDP	1	1.8%

⁹⁵ Penentuan kedudukan sebagai wakil rakyat mengambil kira sistem pilihan raya di Malaysia berasaskan tiga prinsip iaitu (i) undi majoriti mengikut kaedah *first-past-the-post system* (FPTP); (ii) pemilihan seorang perwakilan mengikut bahagian pilihan raya (*single member territorial representation*); dan (iii) penyertaan pelbagai parti (*multi party electoral system*) (Malaysia, 2007c: 7).

Sebagai ahli perundangan, wakil rakyat boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa (AJK) tertentu dalam majlis parlimen dan DUN selain dilantik sebagai *Speaker* parlimen dan DUN seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.1 di atas. Antaranya memikul tanggungjawab sebagai ahli kelab penyokong (*backbenchers*), AJK kaukus, ketua *whip*, AJK parlimen dan lain-lain. Ini merupakan peranan penting yang diamanahkan kepada wakil rakyat bagi penggal parlimen dan DUN yang sedia ada, misalnya fungsi yang dimainkan melalui kaukus parti seperti merancang strategi parti, membenarkan pemimpin parti menjelaskan dasar parti dan memberi peluang kepada kelab penyokong untuk menyatakan pendirian mereka. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan penemuan kajian Leduc Jr dan White (1974: 98) yang menyatakan bahawa fungsi wakil rakyat termasuklah hadir dalam sesi rasmi badan perundangan, menjadi AJK parlimen, jawatankuasa khas, kaukus parti dan melobi ahli-ahli lain dari partinya untuk dilantik sebagai ahli kabinet.

Selain peranan-peranan di atas, peranan parlimentari yang dimainkan oleh wakil rakyat boleh dinilai dari sudut literasi sains politik. Ini bermakna peranan wakil rakyat boleh ditafsir dari sudut ilmu politik itu sendiri. Selain sebagai ahli politik (*politicians*) beberapa peranan utama lain yang dimainkan oleh wakil rakyat seperti sebagai penggubal dasar (termasuk undang-undang), pengekal sokongan, ahli perundangan dan *broker* kuasa. Walaupun dari segi prinsipnya, peranan-peranan ini mudah difahami, namun dapatan kajian seperti dalam Jadual 5.2 di bawah memberi gambaran tahap pemahaman wakil rakyat mengenai perkara ini.

Jadual 5.2: Peranan Mengikut Literasi Sains Politik

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Penggubal dasar.	56	4.57	.599	94.6%	5.4%	-
Pengekal sokongan.	55	4.20	.869	87.3%	7.3%	5.4%
Ahli perundangan.	56	4.14	.903	76.8%	17.9%	5.4%
<i>Broker</i> kuasa.	53	3.00	1.109	35.9%	30.2%	34.0%

Min Skor Keseluruhan = 15.90; Sisihan Piawai Keseluruhan = 2.35

Wakil rakyat itu sendiri tidak dapat memahami sepenuhnya peranan mengikut literasi politik khususnya dari segi *broker* kuasa (hanya 35.9% memahamni) berbanding

peranan-peranan lain. *Broker* kuasa termasuk juga aktiviti melobi seperti dijelaskan di atas untuk mempengaruhi ketua kerajaan bagi melantik dalam kalangan salah seorang daripada ahli parlimen atau DUN sebagai ahli kabinet. Mengikut kajian Ottinger dan Couto (2010: 298), wakil rakyat boleh bertindak sebagai kumpulan berkepentingan atas kapasiti sebagai ahli parlimen untuk melobi sesuatu daripada kerajaan. Misalnya, para pelobi dan perwakilan lain yang mewakili kumpulan tertentu boleh melobi untuk tambahan peruntukan pembangunan bagi manfaat kumpulan dan kawasan yang diwakilinya atau masyarakat umum. Oleh sebab itu, peranan-peranan ini perlu difahami sebaik mungkin oleh wakil rakyat.

Peranan wakil rakyat juga boleh dinilai mengikut keperluan perlembagaan seperti di Malaysia. Sebagai perwakilan (*representatives*) dan ahli perundangan (*legislators*), wakil rakyat bertanggungjawab untuk menyuarakan masalah rakyat kepada kerajaan, mewakili suara majoriti yang telah memilihnya, penggubal undang-undang, berperanan dalam pembentukan kerajaan, mewakili parti politik dan menjadi pembangkang dalam parlimen dan DUN. Semua peranan ini adalah tuntutan dalam sistem politik demokrasi berparlimen dan ia mempunyai kaitan dengan pilihan raya. Dengan kata lain, pilihan raya menjadi medium utama dalam menentukan kedudukan wakil rakyat yang melaksanakan peranan-peranan tersebut demi kepentingan rakyat yang telah memilihnya seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.3 di bawah.

Jadual 5.3: Peranan Dalam Sistem Berparlimen

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Menyuarakan masalah rakyat.	56	4.73	.447	100.0%	-	-
Tuntutan demokrasi berparlimen.	55	4.55	.571	96.4%	3.6%	-
Mewakili suara majoriti.	54	4.52	.637	92.6%	7.4%	-
Penggubal undang-undang.	55	4.51	.814	92.8%	3.6%	3.6%
Unsur penting penubuhan kerajaan.	54	4.48	.666	90.8%	9.3%	-
Mewakili parti politik.	53	4.36	.834	88.7%	5.7%	5.7%
Menjadi pembangkang.	54	4.22	1.003	85.1%	7.4%	7.5%

Min Skor Keseluruhan = 31.40; Sisihan Piawai Keseluruhan = 3.11

Mengikut hasil kajian Flinder (2002: 38), wakil rakyat memainkan dua peranan utama dalam parlimen iaitu menyokong dan memantau badan eksekutif misalnya melalui peranan-peranan yang dimainkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.4 di bawah. Oleh sebab itu, Gallop (2009) menjelaskan bahawa wakil rakyat adalah bebas bersuara dalam parlimen, di mana hal ini telah dijelaskan oleh New South Wales (NSW) Supreme Court seperti:

Doubtless there may be Members of strong energy, easy credulity, and impulsive temperament who, in discussing a question of public interest, may injure and individual by reckless and injudicious statements. But it is of greater importance to the community that its legislators should not speak in fear of actions for defamation. It is most important there should be perfect liberty of speech in Parliament, even though it may sometimes degenerate into licence. (hlm. 4)

Apa yang dibincangkan di atas menjelaskan bahawa peranan hakiki wakil rakyat dalam aspek parlimentari—sebagai ahli perundangan dalam majlis parlimen (*chamber*)—dengan beberapa fungsi utama. Dalam majlis parlimen di Malaysia misalnya, peranan hakiki wakil rakyat adalah untuk membahaskan rang undang-undang, membenteng usul, mengkritik pandangan dari pembangkang mahupun wakil kerajaan, mengemukakan pertanyaan kepada wakil rakyat lain atau kepada menteri dan sebagainya. Peranan-peranan utama dalam *chamber* ini perlu dilaksanakan secara berkesan kerana setiap keputusan yang dibuat seperti undang-undang dan dasar kerajaan melibatkan kepentingan rakyat. Di sini wakil rakyat menjunjung amanah dan mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepadanya dalam melaksanakan peranan-peranan dalam majlis perundangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.4 di bawah.

Berhubung perbincangan di atas, laporan NSW Government (2011: 2) menyebut antara lain peranan ahli parlimen (wakil rakyat) adalah untuk menghadiri perbahasan parlimen, berperanan sebagai perwakilan dalam membincangkan isu-isu masyarakat dan kawasan yang diwakilinya, menjadi perunding dalam isu-isu yang dikemukakan oleh jawatankuasa parlimen dan mengundi bagi meluluskan sesuatu rang undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan. Ini adalah peranan tradisi perwakilan politik dalam memastikan parlimen berfungsi dengan baik kerana ia melibatkan kepentingan

rakyat bagi menyampaikan suara mereka kepada kerajaan. Wakil rakyat berkuasa untuk bercakap dan mengemukakan sebarang pertanyaan mengenai sesuatu perkara dalam parlimen dan termasuklah meluluskan undang-undang yang melibatkan kepentingan rakyat. Berhubung isu ini, dalam kajian Gallop (2009: 4-5) mendapati enam bentuk akauntabiliti yang perlu dipikul oleh wakil rakyat dalam sesuatu masa iaitu kepada pengundi, parti politik (yang disertainya), parti dalam majlis parlimen (jika ia ahli parti selain Bebas), portfolio yang dipegang dalam kabinet, parlimen itu sendiri dan komuniti.

Jadual 5.4: Peranan Dalam Majlis Perundangan (*Chamber*)

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Bahas rang undang-undang perbekalan.	56	4.66	.514	98.2%	1.8%	-
Bahas usul oleh kerajaan.	56	4.54	.538	98.2%	1.8%	-
Kritik pandangan pembangkang dan kerajaan.	55	4.53	.573	96.4%	3.6%	-
Bentang dan bahas rang undang-undang.	56	4.45	.784	94.5%	1.8%	3.6%
Bahas dan soal usul daripada menteri.	55	4.38	.782	90.9%	7.3%	1.8%
Tanya soalan kepada <i>Speaker</i> / YB	56	4.38	.728	92.8%	3.6%	3.6%
Sokong usul pindaan perlembagaan.	53	4.06	.949	75.4%	18.9%	5.7%
Sokong rang undang-undang dibawa Whip	56	3.98	1.213	71.5%	14.3%	14.3%
Tetap sokong usul kerajaan.	56	3.02	1.300	46.5%	14.3%	39.3%

Min Skor Keseluruhan = 37.92; Sisihan Piawai Keseluruhan = 4.60

Analisis di atas memberi gambaran betapa besarnya peranan dan tanggungjawab dalam aspek parlimentari yang perlu dilaksanakan oleh wakil rakyat demi kepentingan rakyat dan parti politik yang diwakilinya. Oleh sebab itu, kehadiran dalam persidangan atau perbahasan dalam dewan (*chamber*) sangat mustahak apabila tiba masa untuk membuat undian sama ada menyokong atau menolak usul yang dibentangkan untuk diluluskan. Sebagai suatu amanah, sudah pastinya wakil rakyat mesti berdisiplin dan menghadiri setiap sesi perbahasan demi kepentingan rakyat yang diwakilinya. Justeru itu, pelaksanaan peranan parlimentari merupakan tugas hakiki dan rasmi wakil rakyat

yang tertakluk kepada undang-undang. Dalam hal ini, penyertaan wakil rakyat secara langsung dalam perbincangan, mengemukakan usul dan soalan tentang sesuatu perkara adalah sangat mustahak.

Dalam hal ini, soal akauntabiliti dan integriti wakil rakyat sebagai pemimpin dan perwakilan adalah sangat penting demi amanah yang telah diberikan. Jika amanah ini dapat dilaksanakan dengan baik, isu ketidakhadiran—suatu kecuaihan—dalam meluluskan Bajet 2010 dahulu tidak timbul di Malaysia. Ketika bacaan kali ketiga untuk meluluskan Bajet 2010 di Dewan Rakyat pada lewat malam Isnin 14 Disember 2009, ia diluluskan dengan undi majoriti kecil dengan 66 menyokong (BN) berbanding 63 membantah (PR) (*Utusan Malaysia*, 16 Disember 2009).⁹⁶ Peristiwa undi 66-63 di atas adalah suatu pengajaran besar khususnya kepada wakil rakyat BN supaya mereka lebih berdisiplin, jujur dan amanah dalam melaksanakan peranan parlimentari bagi memastikan akauntabiliti dan integriti mereka sebagai pemimpin terus terpelihara.⁹⁷

Jika dikira jumlah perwakilan dalam Dewan Rakyat seramai 222 orang, di manakah sebilangan besar mereka berada pada ketika itu? Bagi memastikan peristiwa ini tidak berulang sama ada di pihak parti pemerintah atau pembangkang, ketua *whip* masing-masing perlu lebih tegas menangani isu ini agar tidak memberi gambaran buruk di mata rakyat terhadap pemimpin yang telah mereka pilih. Amaran keras perlu diberi kepada setiap perwakilan dari parti masing-masing supaya kejadian yang sama tidak berulang kembali pada masa hadapan. Perbuatan tidak hadir dalam perbincangan

⁹⁶ Selain Bajet 2010, persidangan Dewan Rakyat yang bersidang selama 36 hari bermula 19 Oktober 2009 turut meluluskan 18 rang undang-undang selain pembentangan rang undang-undang baharu. Antara rang undang-undang yang diluluskan termasuk Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009, Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008, Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008, Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2009 dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2009. Rang undang-undang baharu yang dibentangkan termasuk Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009, Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009 serta Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009.

⁹⁷ Isu undi 66-63 ini telah mendapat reaksi daripada *Speaker* Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin yang menegur ketidakhadiran wakil rakyat kerana implikasinya cukup besar terutama kepada kerajaan. Katanya, jika kerajaan tewas dalam undi belah bahagian itu, Bajet 2010 tidak dapat diluluskan dan seandainya perkara itu berlaku, pilihan raya baharu perlu diadakan. Selain Bajet 2010, Kementerian Dalam Negeri juga hampir menjadi mangsa pada malam yang sama apabila undi belah bahagian dijalankan untuk meluluskan bajet bagi kementerian itu, tetapi terselamat dengan kelebihan satu undi.

parlimen atau DUN pastinya memberi kerugian kepada rakyat yang diwakili dan juga parti politik sebab tiada siapa yang boleh mewakili suara mereka kecuali wakil rakyat yang telah dipilih tersebut.⁹⁸

5.4 PENILAIAN PERANAN KONSTITUENSI

Peranan konstituensi secara umumnya menggambarkan tanggungjawab secara langsung wakil rakyat kepada masyarakat dan kawasan yang diwakilinya. Ia juga adalah peranan utama wakil rakyat walaupun bukan peranan hakiki seperti peranan parlimentari. Ini hanyalah tanggungjawab sebagai pemimpin kepada rakyat yang telah menyokongnya dan ia tidak berkait dengan keperluan undang-undang seperti peranan parlimentari. Menurut Aldons (2001: 34), peranan konstituensi merupakan salah satu akauntabiliti yang perlu dilaksanakan oleh pemimpin kepada rakyat yang diwakilinya. Di pihak rakyat pula, peranan konstituensi ini lebih diberi perhatian berbanding parlimentari. Misalnya, apabila menghadapi sebarang masalah dan isu, mereka biasanya terus merujuk kepada wakil rakyat untuk diselesaikan. Terdapat pelbagai tanggungjawab konstituensi dilaksanakan wakil rakyat untuk kemudahan dan keselesaan rakyat melibatkan aspek pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi.

5.4.1 Keperluan Mengurus Tanggungjawab

Dalam mengurus tanggungjawab dalam hal ehwal konstituensi, wakil rakyat memerlukan bantuan dan kerjasama dari segi sumber manusia dan logistik untuk meringankan beban dan komitmen kerja yang terpaksa dipikul dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Hal ini kerana wakil rakyat mempunyai banyak tanggungjawab lain termasuk peranan parlimentari dan parti politik yang memerlukan

⁹⁸ Bagi parti BN, persidangan kali ini memberi pengajaran kepada wakil rakyatnya tentang betapa pentingnya kehadiran mereka dalam dewan Parlimen yang menentukan masa depan negara dan rakyat. Misalnya, Datuk Kamalia Ibrahim Naib Ketua Wanita UMNO mahu Datuk Mohamed Nazri meletakkan jawatan sebagai bertanggungjawab terhadap perkara tersebut. Pada anggapan Kamalia, ketua *whip* adalah Nazri, tetapi dinafikan oleh Nazri bahawa *whip* diketuai oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku TPM. Justeru itu, Nazri mengingatkan bahawa bukan tugas beliau untuk memastikan wakil rakyat BN hadir dalam sesi perbincangan parlimen khususnya ketika hendak meluluskan rang undang-undang walaupun beliau merupakan menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal parlimen (*Utusan Malaysia*, 16 Disember 2009).

komitmen dan tumpuan sepenuhnya. Justeru itu, wakil rakyat tidak dapat memberi perhatian penuh kepada hal ehwal masyarakat dan kawasan yang diwakilinya tanpa sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Apabila adanya kerjasama dan sokongan dari segi sumber manusia dan logistik, ia dapat memudahkan urusan wakil rakyat dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan berkesan. Dengan kata lain, ada pihak yang boleh mewakili wakil rakyat dalam hal-hal tertentu sebelum disampaikan kepadanya. Melalui cara itu, rakyat tidak menuduh pemimpin mereka hanya muncul ketika hendak berkempen bagi pilihan raya dan melobi jawatan dalam parti. Melalui wakil-wakil yang telah dilantik, wakil rakyat dapat memindahkan secara sementara waktu tanggungjawabnya kepada wakil berkenaan untuk mewakili dirinya.

Jadual 5.5: Bantuan dan Kerjasama Diperlukan

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Pegawai khas.	56	4.62	.489	100.0%	-	-
Setiausaha politik.	54	4.41	.659	86.5%	7.7%	5.8%
Wakil kepada wakil rakyat.	56	4.38	.676	94.4%	3.7%	1.9%
Pengerusi biro parti.	52	4.25	.837	75.5%	18.8%	5.7%
Setiausaha bahagian atau cawangan.	54	4.15	.787	83.4%	13.0%	3.7%
Setiausaha sulit.	53	4.11	.891	77.3%	17.0%	5.7%
Pegawai awam persekutuan atau negeri.	53	4.02	.866	89.3%	10.8%	-

Min Skor Keseluruhan = 29.78; Sisihan Piawai Keseluruhan = 4.10

Berhubung perkara di atas, bagi memudahkan segala urusan wakil rakyat, maka kerjasama dari pegawai khas, setiausaha politik, setiausaha sulit, pegawai awam, wakil parti yang dilantik dan biro parti adalah diperlukan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.5 di atas. Analisis dapatan kajian mendapati dalam keadaan semasa di Malaysia, wakil rakyat sangat memerlukan khidmat pegawai khas—semua bersetuju (100%)—bagi membantunya melicinkan tugas dan memberi perkhidmatan kepada rakyat. Pegawai khas boleh bertindak sebagai perantara dan wakil serta pengurus untuk membantu wakil rakyat misalnya mengurus jadual kerja, aktiviti, mesyuarat dan sebagainya supaya lebih teratur. Hal ini sangat diperlukan lebih-lebih lagi jika wakil rakyat itu mempunyai tanggungjawab lain seperti dilantik memegang jawatan dalam badan berkanun, syarikat kepentingan kerajaan dan kabinet. Dengan adanya pegawai khas, setiausaha politik,

setiausaha sulit, pegawai awam, wakil parti dan lain-lain yang dilantik, ia dapat memindahkan buat sementara waktu peranan wakil rakyat kepada mereka. Selain itu, kerjasama daripada pegawai-pegawai awam (persekutuan dan negeri) juga diperlukan untuk memudahkan wakil rakyat melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat.

Hubungan antara ahli politik (wakil rakyat) dengan birokrat sangat penting dalam soal pentadbiran dan juga pembangunan. Hal ini sangat jelas seperti apa yang dinyatakan oleh Rahman (2012: 113) seperti:

...politicians and bureaucrats are an integral part of the governance and policy processes of the administration. The degree of success or failure in governing processes depends on the relation between politicians and bureaucrats. However, this relationship has not been without difficulties. Tension occurs when conflict arises between two actors in the context of policy formulation and implementation. In general, policies are chosen and implemented by both elected representatives (politicians) and non elected bureaucrat. So, the effective function of administration depends on the mode of interaction between the sets of actors—elected politician and bureaucrats—and they both need to be accountable to people.

Apa yang disebutkan oleh Rahman di atas dan hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kerjasama antara wakil rakyat dan ahli birokrat adalah sangat penting. Hal ini kerana banyak urusan untuk menyelesaikan pelbagai masalah rakyat terpaksa berurusan dengan pegawai-pegawai awam. Jadi, kerjasama dan sokongan pegawai-pegawai awam memudahkan prosedur dan proses yang perlu dilalui dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat dalam hal-hal tertentu.

Selain itu, sokongan logistik juga sangat diperlukan oleh wakil rakyat dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Di Malaysia, kerajaan telah menyediakan beberapa keperluan logistik untuk kemudahan wakil rakyat. Bahkan kemudahan logistik yang diterima dinyatakan secara jelas dalam statut dan akta seperti Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Semua wakil rakyat (ahli parlimen) dibekalkan atau disediakan dengan pelbagai kemudahan seperti telefon mudah alih dan talian tetap (pejabat dan kediaman rasmi atau persendirian), perkhidmatan Internet, kenderaan

rasmi, pemandu, dan lain-lain. Bahkan wakil rakyat turut dibayar pelbagai elaun bulanan (lihat Jadual 5.7 hingga Jadual 5.11).

Analisis dapatan kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.6 di bawah memperihalkan beberapa keperluan logistik yang sangat diperlukan oleh wakil rakyat. Dua kemudahan utama yang diperlukan ialah telefon (talian tetap dan mudah alih) dan pejabat khas dalam kawasan pilihan raya. Wakil rakyat juga memerlukan kemudahan-kemudahan lain seperti Internet dan mesin faksimili. Di samping itu, wakil rakyat juga memerlukan pegawai penyelidik, pemandu, perlindungan keselamatan, pegawai undang-undang dan pegawai peribadi. Jadi, elemen-elemen logistik yang dibincangkan ini memudahkan wakil rakyat untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh lapisan masyarakat. Hal ini sangat penting terutama dari perhubungan dan komunikasi dalam menyampaikan dan mendapatkan maklumat penting untuk kebaikan kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan belum lagi menyediakan perlindungan keselamatan kepada wakil rakyat, kecuali diberi kemudahan memiliki lesen senjata api secara percuma (lihat Jadual 5.9).

Jadual 5.6: Keperluan Logistik

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Telefon talian tetap dan bimbit.	56	4.82	.386	100.0%	-	-
Pejabat khas di kawasan pilihan raya.	55	4.80	.404	100.0%	-	-
Kemudahan internet dan ICT.	55	4.69	.540	98.2%	-	1.8%
Kemudahan mesin faks.	55	4.69	.573	96.4%	3.6%	-
Pegawai penyelidik.	56	4.30	.829	87.5%	7.2%	5.4%
Pemandu peribadi.	55	4.04	1.053	74.5%	14.6%	10.9%
Kenderaan khas untuk YB.	56	3.96	1.128	69.6%	16.0%	14.3%
Perlindungan keselamatan 24 jam.	55	3.82	1.156	60.0%	21.8%	18.2%
Pegawai undang-undang.	55	3.75	1.058	65.5%	21.8%	12.7%
Pengawal peribadi.	54	3.35	1.184	74.5%	14.6%	10.9%

Min Skor Keseluruhan = 42.18; Sisihan Piawai Keseluruhan = 5.50

Kemudahan ICT dalam konteks masa kini selain sebagai langkah ke arah pelaksanaan kerajaan elektronik (electronic government atau e-Government), ia juga dilihat sebagai alat komunikasi penting dalam e-Demokrasi. Penggunaan ICT dalam

konteks e-Demokrasi dalam kajian Cropf (2010: 813-814) bersangkut dengan penggunaan komputer dan Internet untuk berkomunikasi dalam ruang alam siber.⁹⁹ ICT menyediakan pelbagai peluang kepada individu atau kelompok untuk terlibat secara aktif (langsung) dalam proses politik dan tadbir urus. e-Demokrasi menggunakan pelbagai cara yang mengandungi pautan individu atau kumpulan tanpa mengira jarak, membolehkan mereka membentuk dan mengambil bahagian dalam masyarakat dan bekerjasama dalam rangkaian persekitaran yang sama. Alat ICT termasuklah World Wide Web (dikenali sebagai Internet), Wiki sebagai alat yang membolehkan individu untuk bekerjasama dalam penciptaan kandungan, Weblog atau Blog yang membolehkan individu untuk memuat naik kandungan peribadi untuk Internet dan peranti sosial yang boleh digunakan untuk memberi kuasa kepada individu dan kumpulan untuk berkomunikasi dengan kerajaan dari lapangan (*from the field*) (Cropf, 2010: 814).

Jadual 5.7: Elaun Wakil Rakyat

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Elaun perubatan dan rawatan hospital.	56	4.55	.685	96.4%	-	3.6%
Gaji lebih tinggi setimpal dengan tugas.	56	4.54	.830	94.7%	-	5.4%
Skim pencen sebagai YB.	56	4.52	.738	92.9%	3.6%	3.6%
Insurans perlindungan.	56	4.50	.853	91.1%	1.8%	7.1%
Elaun kereta.	56	4.41	.682	92.9%	5.4%	1.8%
Elaun pemandu.	56	4.38	.620	96.5%	1.8%	1.8%
Elaun perjalanan lebih tinggi.	56	4.36	.819	89.3%	5.4%	5.4%
Elaun pegawai peribadi.	56	4.25	.837	85.7%	8.9%	5.4%
Elaun kecemasan.	54	4.13	.953	79.6%	11.1%	9.3%
Elaun pembantu rumah.	55	3.69	1.184	56.3%	23.6%	20.0%
Elaun tukang kebun.	55	3.51	1.215	52.8%	21.8%	25.4%

Min Skor Keseluruhan = 46.61; Sisihan Piawai Keseluruhan = 7.71

⁹⁹ e-Demokrasi berbeza dengan e-Kerajaan. e-Kerajaan melibatkan penggunaan ICT oleh kerajaan untuk menyediakan maklumat dan untuk membantu dalam proses penyampaian perkhidmatan dan barangan awam kepada rakyat. Misalnya, Internet dilabelkan sebagai e-Kerajaan. Manakala, dalam e-Demokrasi pula menggalakkan penyertaan sebenar rakyat untuk berhadapan dengan kerajaan, di mana rakyat di peringkat akar umbi dan NGO telah berusaha untuk membina masyarakat awam dalam World Wide Web terutamanya maklum balas rakyat terhadap sesuatu perkara yang bergerak ke arah komuniti maya (*virtual community*). e-Demokrasi juga melibatkan penggunaan ICT bagi mencapai matlamat-matlamat politi, iaitu (i) untuk memberi kuasa kepada rakyat kebanyakan (biasa) untuk melibatkan diri dalam wacana umum yang berkesan terhadap matlamat politik yang sesuai (betul) dan cara-cara untuk mencapai matlamat tersebut; dan (ii) untuk menyediakan satu cara yang berkesan untuk membawa kepada kepada dasar awam (Cropf, 2010: 814).

Sementara itu, dalam melaksanakan peranan konstituensi, isu elaun wakil rakyat juga tidak boleh diabaikan. Hal ini berkaitan dengan beban kerja dan motivasi kerana wakil rakyat juga menghadapi masalah kewangan terutama dalam usaha membantu meringan beban segelintir rakyat yang sangat memerlukannya untuk pelbagai tujuan. Oleh sebab itu, ada saranan agar kerajaan menyemak semula elaun dan gaji wakil rakyat (ahli parlimen). Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa wakil rakyat bersetuju beberapa elaun disemak semula termasuk diberi perlindungan insurans hayat seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.7 di atas.

Jadi, untuk mengurus tanggungjawab konstituensi, wakil rakyat memerlukan bantuan dan kerjasama dari segi logistik, sumber manusia dan kewangan. Perkara-perkara ini sangat penting untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat misalnya dalam menjayakan pelbagai aktiviti berbentuk khidmat sosial (*social services*). Sebenarnya, dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 telah menyenaraikan pelbagai elaun dan kemudahan yang diterima oleh wakil rakyat seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.8 di bawah. Sementara itu, mengikut Seksysen 4(b) Akta 237, *Speaker* Dewan Rakyat menerima elaun bulanan sebanyak RM9,860 (Statut 95, Akta 237) termasuk beberapa elaun lain (lihat Jadual 5.10). Secara kasarnya *Speaker* menerima elaun sebanyak RM22,329.00 sebulan.

Jadual 5.8: Elaun-elaun *Speaker* Dewan Rakyat

Bil.	Jenis Elaun	Kelayakan / Jumlah	Catatan
1.	Elaun <i>Speaker</i>	RM9,860	
2.	Elaun wakil rakyat	RM5,969	
3.	Elaun kediaman rasmi	RM4,000	
4.	Elaun pembantu rumah	RM2,500	
5.	Elaun harian	RM230 (dalam negara) RM400 (luar negara)	Satu hari
6.	Elaun penyelenggaraan rumah	RM10,000	Setahun sekali
7.	Pemberian khas	RM10,000	Sekali sahaja sebaik dilantik

(Sumber: Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980)

Dalam Statut 95 (Akta 237), *Speaker* Dewan Rakyat juga layak menerima beberapa kemudahan seperti disenaraikan dalam Jadual 5.9 di bawah. Antaranya ialah kemudahan dua telefon talian terus (di kediaman rasmi atau kediaman sendiri) dan satu

talian terus bagi pejabat di kawasan pilihan raya; telefon bimbit; kemudahan gas dan perkhidmatan pembentungan; kereta rasmi; lesen kereta bermotor; lesen senjata; cuti rehat; kemudahan perubatan; pinjaman kereta, perumahan dan komputer; dan personal data assistant (PDA).

Jadual 5.9: Kemudahan Diterima *Speaker* Dewan Rakyat

Bil.	Kemudahan	Kelayakan	Kelayakan
1.	Telefon	2 talian	Kediaman rasmi atau rumah kediaman (pemasangan, penyewaan dan bayaran bil bagi ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan).
2.	Telefon	1 talian	Pejabat kawasan pilihan raya. Pemasangan, penyewaan dan bayaran bil ditanggung kerajaan dengan maksimum RM400 sebulan.
3.	Telefon bimbit	RM3,000	Untuk tempoh 3 tahun sekali. Pembelian, pendaftaran lalu dan bayaran bil dengan maksimum RM1,000 sebulan.
4.	Gas dan perkhidmatan pembentungan	Percuma	Ditanggung kerajaan di kediaman rasmi atau tempat kediaman.
5.	Kereta rasmi	Perdana V6	Disediakan kerajaan
6.	Lesen kereta bermotor	Percuma	Ditanggung kerajaan
7.	Lesen senjata api	Percuma	Ditanggung kerajaan
8.	Cuti rehat	Luar dan dalam negara	Mengikut kelayakan dan kemudahan yang disediakan kerajaan.
9.	Perubatan	Percuma	Wad kelas satu (swasta / kerajaan) ditanggung kerajaan.
10.	Pinjaman kereta	RM160,000	Mengikut kadar bayaran balik pinjaman kerajaan.
11.	Pinjaman perumahan	RM720,000	Mengikut kadar bayaran balik pinjaman kerajaan.
11.	Pinjaman komputer	Tiada had	Mengikut amaun, terma dan syarat dalam Pekeliling Perbendaharaan.
12.	PDA	RM3,500	Untuk tempoh 3 tahun sekali.

(Sumber: Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980)

Sementara itu, wakil rakyat biasa tanpa sebarang jawatan dalam kabinet termasuk timbalan *Speaker*, ketua pembangkang, PM, TPM, menteri dan timbalan menteri menerima beberapa elaun yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3(b) Akta 237 seperti disenaraikan dalam Jadual 5.10 di bawah. Secara puratanya wakil rakyat biasa menerima elaun lebih kurang RM12,569 sebulan. Sementara itu, PM (Seksyen 6(1)(a) Akta 237) layak menerima beberapa elaun selain elaun wakil rakyat iaitu elaun PM sebanyak RM17,150 sebulan beserta elaun lain berkaitan tugas rasmi (dalam atau luar negara). PM turut layak menerima elaun wakil rakyat mengikut Statut 235 (Akta 237)

sebanyak RM5,969, elaun keraian RM1,500, bayaran khas RM1,500, elaun tetap perjalanan RM1,500 dan elaun pemandu RM1,200. Secara kasarnya PM menerima lebih kurang RM28,819 elaun sebulan dan menerima pelbagai kemudahan lain.

Jadual 5.10: Jenis Elaun Wakil Rakyat Biasa

Bil.	Jenis Elaun	Kelayakan	Catatan
1.	Elaun wakil rakyat	RM5,969	
2.	Elaun ketua pembangkang	RM3,190	
3.	Timbalan <i>Speaker</i>	RM3,090	
4.	Elaun keraian	RM1,500	
5.	Bayaran khas	RM1,500	
6.	Elaun tetap perjalanan	RM1,500	
7.	Elaun pemandu	RM1,200	
8.	Elaun telefon	RM900	
9.	Elaun harian	Setara Gred 54	Bagi tugas rasmi

(Sumber: Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980)

Dari segi kemudahan, wakil rakyat lain (tanpa sebarang jawatan eksekutif) menerima kemudahan hampir sama dengan *Speaker* kecuali tidak disediakan kenderaan rasmi iaitu telefon talian terus; telefon bimbit; lesen kereta bermotor; lesen senjata; cuti rehat; kemudahan perubatan; dan pinjaman kereta, perumahan dan komputer seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.11 di bawah.

Jadual 5.11: Kemudahan-kemudahan Diterima Wakil Rakyat Biasa

Bil.	Jenis Elaun	Jumlah (RM)	Kelayakan
1.	Telefon talian terus	1 talian	Pemasangan dan penyewaan ditanggung kerajaan.
2.	Telefon bimbit	RM1,500	Untuk tempoh 3 tahun.
3.	Lesen kereta bermotor	Percuma	Ditanggung kerajaan.
4.	Lesen senjata api	Percuma	Ditanggung kerajaan.
5.	Pinjaman kereta	RM100,000	Mengikut kadar bayaran balik pinjaman kerajaan.
6.	Pinjaman perumahan	RM360,000	Mengikut kadar bayaran balik pinjaman kerajaan.
7.	Pinjaman komputer	RM6,000	Mengikut kadar bayaran balik pinjaman kerajaan.
8.	Cuti rehat	Luar dan dalam negara	Mengikut kelayakan dan kemudahan yang disediakan kerajaan.
9.	Perubatan	Percuma	Wad kelas satu (swasta / kerajaan) ditanggung kerajaan

(Sumber: Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980)

Analisis di atas jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan dan pembayaran elaun kepada wakil rakyat. Persoalannya, adakah kadar elaun dan kemudahan yang diterima itu mencukupi dan setimpal dengan beban dan tanggungjawab yang mereka pikul? Walaupun elaun yang diterima itu sama ada mencukupi atau tidak dan begitu juga dalam soal kemudahan, ianya bukanlah perkara utama sebagai agenda untuk menjadi wakil rakyat. Sebaliknya, apa yang penting adalah kualiti perkhidmatan dan komitmen yang ditunjukkan kepada masyarakat sebagai pemimpin politik untuk terus mendapat sokongan rakyat.

5.4.2 Peranan Dalam Pembangunan Infrastruktur

Wakil rakyat mempunyai tanggungjawab membawa pembangunan dalam kawasan yang diwakilinya. Dalam kajian ini, dapatan kajian menunjukkan pelbagai projek pembangunan yang telah berjaya dibawa oleh wakil rakyat di kawasan masing-masing seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.12 di bawah seperti membina kediaman, rumah ibadah, jalan raya, saliran dan perparitan, jambatan, permis perniagaan, pusat pendidikan dan sebagainya. Projek pembangunan paling popular adalah membina rumah untuk golongan miskin, membina masjid atau surau dan jalan raya.

Jadual 5.12: Projek Pembangunan Dibawa Wakil Rakyat

Projek Pembangunan (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Membina rumah orang miskin.	49	87.5%
Membina masjid atau surau.	45	80.4%
Membina jalan raya.	44	78.6%
Menyediakan bekalan air bersih.	43	76.8%
Menyediakan bekalan elektrik.	42	75.0%
Membina jambatan.	41	73.2%
Membina dewan atau balai raya.	40	71.4%
Membina sistem saliran.	39	69.6%
Membina sekolah rendah atau menengah.	31	55.4%
Menyediakan bekalan subsidi.	28	50.0%
Membina kompleks sukan.	26	46.4%
Membina gereja/tokong/kuil.	24	42.9%
Membuka tanah rancangan.	23	41.1%
Membina kawasan rekreasi dan perkelahan.	23	41.1%
Membina bangunan perniagaan atau pasar raya.	19	33.9%
Membina tempat parkir.	18	32.1%
Membina jeti untuk kemudahan nelayan.	18	32.1%
Membina kolej komuniti.	17	30.4%

Selain pelbagai projek pembangunan seperti di atas, beberapa lagi projek berjaya dilaksanakan oleh wakil rakyat (lihat Lampiran 6). Antaranya seperti membaiki pulih rumah orang miskin; membina tadika; menyediakan kemudahan untuk laluan pejalan kaki; kemudahan lalulintas seperti lampu jalan, lampu isyarat dan jejantas untuk pejalan kaki; menaik taraf dan membaiki kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada; membina pusat kesihatan, pusat dialisis dan kolej jururawat; membina gelanggang permainan seperti futsal, sepak takraw, badminton dan pantague; membina pencawang dan menara ICT; dan sebagainya. Semua projek tersebut adalah untuk kemudahan dan keselesaan semua lapisan masyarakat.

Dalam melaksanakan pelbagai jenis pembangunan seperti di atas, ia melibatkan sejumlah peruntukan terutama dari kerajaan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan tiada kriteria khusus digunakan untuk mengagih peruntukan pembangunan di kawasan masing-masing seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.13 di bawah. Berhubung hal ini, penilaian responden terhadap setiap item yang diukur adalah sederhana tinggi. Analisis menunjukkan keutamaan lebih diberi kepada kawasan penyokong kuat dalam mengagih peruntukan pembangunan. Tiada diskriminasi dalam isu ini kerana ia tidak mengambil kira sama ada di kawasan tersebut menyokong atau tidak wakil rakyat berkenaan. Ini bermakna wakil rakyat di Malaysia tidak menunjukkan kecenderungan bersikap pilih kasih dalam hal ini kerana ia mewakili semua lapisan masyarakat.

Jadual 5.13: Kriteria Dalam Pembahagian Peruntukan

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Kawasan penyokong sendiri.	56	4.02	1.213	76.8%	7.2%	16.1%
Kawasan penyokong atau tidak menyokong.	55	3.78	1.182	67.3%	16.4%	16.4%
Kawasan berpotensi menyokong.	55	3.71	1.272	67.4%	11.0%	21.8%
Kawasan penyokong atas pagar.	55	3.58	1.182	61.9%	16.4%	21.9%
Kawasan tidak menyokong.	55	3.24	1.232	47.2%	21.8%	30.9%
Kawasan penyokong parti lawan.	55	3.13	1.263	45.4%	18.2%	36.4%

Min Skor Keseluruhan = 21.45; Sisihan Piawai Keseluruhan = 5.98

Dalam pembangunan, pelbagai peranan dimainkan oleh wakil rakyat seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.14 di bawah. Analisis dapatan kajian menunjukkan antara peranan penting dimainkan oleh wakil rakyat termasuk memberi idea-idea bernas ke arah pembangunan sosio-ekonomi bagi kawasan yang diwakilinya. Ini menunjukkan bahawa peranan wakil rakyat dalam pembangunan begitu mustahak dan tidak boleh diperkecilkan dari segi sumbangan yang telah diberikan sepanjang berkhidmat sebagai pemimpin di kawasan berkenaan lebih-lebih lagi dalam soal membahagikan projek pembangunan kepada golongan masyarakat yang berhak atau memerlukannya.

Jadual 5.14: Lain-lain Peranan Dalam Pembangunan

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Memberi idea untuk pembangunan sosio-ekonomi.	56	4.79	.414	100.0%	-	-
Mengawal selia projek pembangunan.	55	4.40	.710	90.8%	7.3%	1.8%
Membahagi projek kepada yang berhak.	54	4.26	1.152	83.3%	5.6%	11.2%
Merasmikan pembukaan projek pembangunan.	54	4.19	.803	83.4%	13.0%	3.7%
Meluluskan peruntukan projek pembangunan.	53	4.13	1.020	77.3%	11.3%	11.4%

Min Skor Keseluruhan = 21.69; Sisihan Piawai Keseluruhan = 3.01

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan penemuan kajian yang telah dijalankan oleh Inter-Parliamentary Union (2009: 11) yang melaporkan bahawa badan eksekutif (kabinet) mempunyai tanggungjawab besar dalam soal menentukan pengagihan peruntukan untuk tujuan pembangunan. Dalam konteks ini, peranan wakil rakyat hanya menyuarakan masalah rakyat kepada kerajaan. Oleh sebab itu, jika mewakili parti pemerintah, suara seperti itu lebih mudah diambil tindakan oleh kerajaan berbanding di pihak parti pembangkang. Berhubung isu pengagihan peruntukan pembangunan, seharusnya tiada dikriminasi terhadap sesebuah kawasan pilihan raya dan pengundi terutama yang tidak memberi sokongan kepada pemimpin berkenaan. Ini adalah tanggungjawab pemimpin kepada rakyat. Oleh sebab itu, Couto dan Davidson (2010: 221) menjelaskan pemimpin politik (wakil rakyat) mempunyai peranan sangat penting dalam proses memacu pembangunan melalui sumber-sumber yang diperolehi,

digunakan dan bagaimana ianya diagihkan kepada rakyat untuk tujuan pelaksanaan pembangunan.

5.4.3 Peranan Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi

Dalam aspek sosio-ekonomi, wakil rakyat memainkan pelbagai peranan terutama untuk menyelesaikan pelbagai masalah rakyat. Oleh sebab itu, program melawat kawasan yang dilakukan oleh setiap wakil rakyat dalam masa-masa tertentu merupakan suatu peluang yang sangat baik kepada rakyat untuk bersemuka dengan pemimpin mereka. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui aktiviti melawat kawasan, wakil rakyat menggunakan kesempatan tersebut untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dalam kawasan berkenaan. Melalui program tersebut juga wakil rakyat dapat mendengar pandangan dan idea daripada ahli-ahli parti, mengadakan sesi dialog bersama ahli-ahli dan ketua masyarakat, menyelesaikan masalah rakyat dan bermesyuarat bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Di samping itu, wakil rakyat turut mewakili kepentingan kumpulan tertentu dalam aspek sosio-ekonomi seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.15 di bawah. Analisis dapatan kajian menunjukkan wakil rakyat biasanya bertindak sebagai penyokong orang-orang susah mendapat bantuan kerajaan. Ia juga turut memberi idea bernas ke arah kemajuan masyarakat, mencalonkan nama-nama tokoh dalam masyarakat untuk menerima pingat kebesaran kerajaan, bertindak sebagai penjamin kepada golongan peniaga mendapatkan pinjaman kewangan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan membantu pelajar mendapat biasiswa atau pinjaman pelajaran.

Berhubung peranan dalam pembangunan sosio-ekonomi, sebagai pemimpin maka peranan wakil rakyat begitu penting kepada rakyat. Oleh sebab itu, hubungan antara pemimpin dan rakyat dalam hal ini sangat mustahak agar kedua-dua belah pihak mencapai kepuasan. Hal ini telah diulas oleh Nye Jr (2008: 87) daripada hasil kajiannya seperti *“some leaders tend to be relationship-oriented; their self-esteems as a leader come more from developing good personal relationship with their followers. Other leaders are more task-oriented; their satisfaction come from the accomplishment*

of a task.” Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya hubungan baik antara pemimpin dan rakyat dalam memahami masalah dan tanggungjawab masing-masing termasuklah dalam isu-isu sosio-ekonomi, di mana akhirnya setiap tindakan yang dilakukan dapat memberi kepuasan kepada semua pihak.

Jadual 5.15: Mewakili Kepentingan Tertentu Dalam Masyarakat

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Menolong orang susah mendapat bantuan kerajaan.	56	4.71	.653	98.2%	-	1.8%
Memberi idea bernas untuk kemajuan sosio-ekonomi.	56	4.71	.653	98.2%	-	1.8%
Membantu menyelesaikan tuntutan pembangunan sosio-ekonomi.	56	4.50	.714	96.4%	1.8%	1.8%
Membantu rakyat mendapat subsidi.	56	4.16	.949	84.0%	10.8%	5.4%
Membantu rakyat membeli rumah kos rendah.	56	4.12	1.028	83.8%	8.9%	7.2%
Membantu rakyat memohon tanah pertanian atau industri.	56	4.11	.802	85.6%	10.7%	3.6%
Membantu rakyat sertai rancangan-rancangan tanah.	55	4.02	.952	78.3%	16.4%	5.4%
Membuat perakuan untuk tokoh mendapat pingat kebesaran.	56	3.91	.920	75.0%	19.6%	5.4%
Menjadi penjamin pinjaman dan biasiswa pelajaran.	56	2.73	1.272	33.9%	19.6%	46.5%
Menjadi penjamin peniaga kecil buat pinjaman.	56	2.30	1.205	17.9%	16.1%	66.0%

Min Skor Keseluruhan = 39.29; Sisihan Piawai Keseluruhan = 6.07

Walau bagaimanapun, wakil rakyat menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha melaksanakan pembangunan dalam kawasan yang diwakili disebabkan oleh beberapa kekangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.16 di bawah. Analisis dapatan kajian menunjukkan faktor kekurangan peruntukan merupakan cabaran besar yang dihadapi untuk melaksanakan pembangunan. Sementara itu, sikap masyarakat yang masih terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan, tidak mendapat kerjasama baik daripada pegawai kerajaan dan kerajaan negeri pula tidak mampu memberi sokongan kewangan merupakan cabaran melaksanakan pembangunan. Di samping itu, ia juga berhadapan dengan masalah kawasan yang cuba dibangunkan itu tidak strategik dan ekonomik serta jauh dari pentadbiran pusat dan negeri.

Jadual 5.16: Cabaran Melaksanakan Pembangunan

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Kekurangan peruntukan kewangan.	54	4.65	.482	100.0%	-	-
Sikap masyarakat masih perlu kepada bantuan kerajaan.	54	4.19	.913	85.2%	5.6%	9.3%
Kurang kerjasama daripada pegawai kerajaan.	54	3.39	1.071	48.2%	27.8%	24.2%
Kerajaan negeri tidak mampu beri sokongan kewangan.	54	3.35	1.200	50.0%	18.5%	31.6%
Tidak dapat sokongan daripada kerajaan pusat.	53	3.17	1.383	43.3%	17.0%	39.6%
Kawasan cuba dibangun tidak strategik dan ekonomik	53	2.96	1.091	30.2%	28.3%	41.5%
Masalah pengangkutan dan perhubungan.	53	2.94	1.134	30.1%	30.2%	39.6%
Kekurangan tenaga kerja atau buruh.	53	2.83	1.087	28.2%	26.4%	45.4%
Kekurangan sumber alam untuk dimajukan.	53	2.70	1.067	20.7%	30.2%	49.1%
Perhubungan jauh dari pusat pentadbiran.	53	2.58	1.117	22.6%	16.9%	60.5%

Min Skor Keseluruhan = 32.69; Sisihan Piawai Keseluruhan = 6.23

5.5 PERANAN WAKIL RAKYAT DALAM PARTI POLITIK

Selain daripada peranan parlimentari dan konstituensi, wakil rakyat mempunyai peranan utama (secara langsung) kepada parti politik yang diwakilinya (Stilborn, 2002). Analisis dapatan kajian menunjukkan sebanyak 64.3% wakil rakyat mewakili parti komponen BN dan 35.7% mewakili PR (lihat Jadual 5.1).¹⁰⁰ Sebagai pemimpin parti, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab besar kepada parti terutama untuk memenangi pilihan raya dan memerintah. Wakil rakyat juga bertanggungjawab meningkatkan keahlian parti, mendapatkan sumber kewangan untuk parti, mengenal pasti pemimpin pelapis dan sebagainya. Di samping itu, wakil rakyat menghadapi pelbagai masalah dalam parti seperti konflik, perpuakan, perebutan kuasa, politik wang dan sebagainya.

¹⁰⁰ Dalam komponen BN wakil rakyat UMNO seramai 20 orang, PBB (6 orang), MCA (5 orang), SPDP (2 orang), MIC dan SUPP masing-masing 1 orang). Manakala wakil rakyat PR diwakili oleh parti PAS seramai 9 orang, PKR (8 orang) dan DAP (4 orang).

Jadual 5.17: Jawatan Dalam Parti Politik

Peringkat (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Cawangan:		
Ahli Biasa / Tiada Jawatan	19	33.9%
Ketua Cawangan / Ketua Wanita	19	33.9%
Pengerusi / YDP Cawangan	8	14.3%
Ahli Jawatankuasa	2	3.6%
Pengerusi Tetap	2	3.6%
Timbalan Ketua Cawangan	1	1.8%
Bahagian:		
Tiada Jawatan	12	21.4%
Ketua Bahagian / Ketua Wanita	11	19.6%
Pengerusi / YDP Bahagian	11	19.6%
Naib Ketua Bahagian	10	17.9%
Ahli Jawatankuasa	5	9.0%
Setiausaha	1	1.8%
Perhubungan Negeri:		
Tiada Jawatan	29	51.8%
Timbalan Pengerusi	6	10.7%
Ahli Jawatankuasa	6	10.7%
Ahli Biro	3	5.4%
Ketua Pemuda / Wanita	2	3.6%
Pengerusi	1	1.8%
Setiausaha Antarabangsa	1	1.8%
Penolong Setiausaha	1	1.8%
Majlis Kerja Tertinggi:		
Tiada Jawatan	29	51.8%
Ahli Jawatankuasa	4	7.1%
Naib Presiden	3	5.3%
Ahli dan Ketua Biro	3	5.3%
Ahli MKT	2	3.6%
Ketua Pemuda / Ketua Wanita	2	3.6%
Naib Presiden Kanan	2	3.6%
Presiden	1	1.8%
Timbalan Presiden	1	1.8%
Setiausaha	1	1.8%

Dari segi kedudukan penting pemimpin dalam parti politik, dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Gallop (2009: 5) yang menjelaskan bahawa jawatan dalam parti adalah sangat penting yang boleh menjadi faktor penentuan kejayaan dan kegagalan seseorang pemimpin, di mana ia merupakan suatu peluang yang tidak boleh dilepaskan. Oleh sebab itu, ramai pemimpin yang bercita-cita menjawat jawatan penting dalam parti, di mana ia boleh menyediakan pelbagai peluang dalam politik kepadanya termasuk dicalonkan dalam pilihan raya. Dalam hal ini, hasrat untuk mencapai cita-cita politik boleh direalisasikan melalui parti politik. Oleh sebab itu, kajian ini turut menilai punca (alasan) seseorang pemimpin membuat keputusan untuk

menyertai—menjadi ahli—parti politik yang diwakilinya. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai alasan diberi mengapa pemimpin itu menyertai parti politik berkenaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.18 di bawah. Alasan paling banyak ialah demi kepentingan rakyat menjadi faktor mendorong menyertai parti politik tersebut. Ada yang menyertai parti politik atas pilihan sendiri dan meneruskan kesimbungan parti tradisi keluarga. Ada pula yang menyertai parti politik disebabkan menerima tawaran dari parti berkenaan dan pelawaan dari rakan politik. Semua alasan yang dikemukakan memperihal bahawa wakil rakyat mempunyai pilihan dalam menentukan parti yang sesuai dengan cita-cita dan matlamat perjuangannya.

Jadual 5.18: Alasan Untuk Menyertai Parti Politik

Alasan (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Demi kepentingan rakyat.	50	89.3%
Pilihan sendiri.	31	55.4%
Parti tradisi keluarga.	17	30.4%
Tawaran daripada parti.	13	23.2%
Pelawaan rakan politik.	3	5.4%
Dipecat daripada parti lama.	-	-

Selain alasan-alasan di atas, wujud faktor penarik lain yang mendorong wakil rakyat berkenaan membuat keputusan untuk menyertai parti politik itu. Antaranya kerana hendak memperjuangkan nasib rakyat; ingin menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara; meneruskan matlamat parti dalam memperjuangkan kepentingan agama Islam, orang Melayu dan Raja-raja; dan sebagainya. Ada juga yang mengemukakan alasan kerana hendak membantu Dato' Seri Anwar Ibrahim (kini ketua pembangkang dan Penasihat Umum PKR) seperti yang telah dikemukakan oleh YB Ahmad Kassim (parti PKR dan ahli Parlimen Kuala Kedah, Kedah).

Salah satu peranan penting wakil rakyat adalah untuk mendapatkan maklumat bagi parti. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai sumber maklumat seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.19 di bawah. Antaranya aduan yang diterima melalui pusat khidmat wakil rakyat merupakan sumber maklumat utama untuk disalurkan kepada parti politik masing-masing. Selain itu, agen parti yang dilantik juga merupakan

sumber maklumat utama parti, media massa, Internet, biro aduan parti dan Biro Pengaduan Awam (BPA). Semua sumber maklumat ini sangat penting kepada wakil rakyat untuk dianalisis khususnya bagi menilai perkembangan parti lawan dan sebagai medium menyalurkan semula maklumat dari parti kepada rakyat atau ahli-ahli parti. Dalam politik Malaysia, menurut Francis Loh (2005: 19), parti-parti politik seperti MCA dan Gerakan telah menubuhkan pusat-pusat perkhidmatan (*service centres*) dan biro pengaduan awam (*complaints bureau*) di seluruh negara yang bukan sahaja untuk menjaga *status quo* dan menyampaikan barangan awam dan perkhidmatan, tetapi juga sebagai sumber maklumat penting kepada parti.

Jadual 5.19: Sumber Mendapatkan Maklumat Untuk Parti

Cara Mendapat Maklumat (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Aduan diterima melalui PKWR.	54	96.4%
Melalui agen / wakil di kawasan pilihan raya.	49	87.5%
Melalui media massa.	46	82.1%
Melalui Internet.	44	78.6%
Melalui biro aduan parti.	22	39.3%
Melalui Biro Pengaduan Awam (BPA).	8	14.3%

Berkaitan dengan perkara di atas, perkembangan ICT seperti Internet di Malaysia perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh wakil rakyat sebagai sumber maklumat yang penting dan alat komunikasi dengan rakyat. Analisis dapatan kajian menunjukkan kadar penggunaan kemudahan ICT dan Internet belum mencapai tahap optimum dalam kalangan wakil rakyat di Malaysia. Dapatan kajian mendapati hanya 76.8% sahaja wakil rakyat memiliki akaun email terutama akaun persendirian, 19.6% memiliki blog dan 57.1% sahaja ada akaun laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Ini menunjukkan bahawa wakil rakyat Malaysia masih belum dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan ICT di negara ini. Sementara itu, jika medium sosial baharu ini telah ada, wakil rakyat juga perlu mengemaskini selalu akaun masing-masing agar ia aktif dan boleh digunakan. Penggunaan ICT begitu aktif dalam kalangan pemimpin parti pembangkang menjelang PRU-12 lalu, di mana telah memberi kesan yang baik kepada prestasi parti mereka seperti dibincangkan di bawah.

Penggunaan ICT khususnya Internet dalam kempen pilihan raya kebelakangan ini cukup berkesan dan berkembang dengan pesat. Hal ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di Amerika Syarikat kempen digital menggunakan ICT dilihat sebagai suatu proses meningkatkan e-Demokrasi. Mengikut hasil kajian Nalder (2010: 337), penggunaan Internet mempunyai potensi besar bagi merevolusikan kempen politik (pilihan raya), di mana ia menjadi suatu bukti yang sukar untuk mengawal mesej yang disampaikan. Di sini Internet memainkan peranan meletakkan lebih kuasa di tangan individu dan aktiviti rakyat lebih terbuka, di mana boleh mengemukakan idea atau suara dan menghasilkan sesuatu yang boleh dikongsi dengan beribu-ribu orang melalui Facebook, MySpace, Twitter, YouTube dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam kempen tahun 2008 untuk jawatan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama mempunyai empat kali ganda rakan Facebook mengatasi lawannya John McCain, sepuluh kali lebih banyak pengikut Twitter dan begitu banyak penyebaran kempen dalam YouTube dan rakan-rakan MySpace. Walaupun penggunaan, sokongan dan populariti melalui media sosial ini tidak boleh dijadikan pengukur kepada pencapaian calon yang bertanding dalam pilihan raya, tetapi secara relatifnya dalam kes Obama menunjukkan beliau telah memanfaatkan perkembangan ICT untuk berkempen melalui media-media sosial berkenaan (Nalder, 2010: 337).

Dapatan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan hasil kajian Ward dan Lusoli (2005: 57) yang menganalisis tentang pengaruh ICT terhadap keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab wakil rakyat. Dalam analisisnya, Ward dan Lusoli mengulas bahawa penggunaan ICT beberapa dekad lalu telah meningkatkan minat terhadap suatu bentuk komunikasi baharu yang menghubungkan ahli-ahli politik dengan rakyat secara meluas terutama melalui teknologi baharu seperti Internet. Penggunaan Internet dilihat dapat menyelesaikan beberapa masalah komunikasi antara pemimpin dengan rakyat terutama dalam proses e-Demokrasi walaupun ada baik dan buruknya ICT dalam penyebaran maklumat. Penggunaan ICT perlu secara beretika terutama dalam menyampaikan maklumat dan perkhidmatan kepada rakyat. Begitu juga halnya dalam parti politik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa media massa seperti Internet dan lain-lain media sosial merupakan sumber maklumat penting kepada wakil rakyat untuk disampaikan kepada rakyat dan juga parti politik yang diwakilinya.

Jadual 5.20: Tanggungjawab Kepada Parti

Tanggungjawab (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Memberi idea bernas untuk parti.	51	91.1%
Menjaga kebajikan ahli parti.	49	87.5%
Menambah ahli parti.	47	83.9%
Terus menyokong pemimpin parti.	47	83.9%
Mengekang ancaman parti lawan.	43	76.8%
Menyelesaikan konflik dalam parti.	35	62.5%
Mengenal pasti pemimpin pelapis.	34	60.7%
Menggerakkan peti undi.	29	51.8%
Mencari dana atau kewangan parti.	27	48.2%

Selain itu, wakil rakyat mempunyai beberapa tanggungjawab langsung kepada parti yang diwakilinya. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa sumbangan penting wakil rakyat kepada parti seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.20 di atas. Antaranya memberi idea-idea bernas bagi pembangunan parti, menjaga kebajikan ahli parti, giat berusaha menambah keahlian parti, terus memberi sokongan kepada pemimpin utama parti dan sebagainya termasuklah mendapatkan dana dan kewangan untuk parti. Oleh sebab itu, dalam kajiannya Gallop (2009: 5) menjelaskan bahawa kerja-kerja dalam parti politik seperti yang dinyatakan di atas perlu diberi perhatian serius oleh semua ahli parti terutama menjelang pilihan raya. Menurut Gallop, tanggungjawab kepada parti politik bukan secara individu, tetapi secara kolektif di semua peringkat atau cawangan. Ini termasuklah penentuan jawatankuasa, dasar, kewangan dan dana parti serta penambahan keahlian. Tanggungjawab ini boleh menjadi faktor kejayaan atau kegagalan bagi parti politik dan atas sebab itu semua ahli parti perlu komited dan serius dalam membangunkan parti masing-masing.

Berkaitan dengan peranan dan sumbangan dalam parti politik, NSW Government (2011: 3) menjelaskan melalui parti politik para pemimpin boleh membincangkan masalah dan isu yang dihadapi oleh masyarakat sebelum dikemukakan kepada kerajaan atau dibawa ke parlimen dan DUN untuk dibahaskan. Ini termasuk merangka pelan strategi dan dasar-dasar demi kepentingan parti dan seterusnya ahli-ahlinya. Dengan kata lain, parti politik boleh menjadi landasan untuk mengemukakan masalah rakyat kepada kerajaan untuk diselesaikan. Oleh sebab itu, adakalanya parti politik berperanan sebagai kumpulan pendesak untuk mendesak kerajaan mengambil

sesuatu tindakan terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat. Begitu juga dalam mencari pemimpin pelapis, hasil kajian Robb (2010: 404) mendapati wakil rakyat mempunyai fungsi dalam usaha mengenal pasti calon yang sesuai untuk memenangi pilihan raya (*winnable candidate*). Justeru itu, menurut Robb ini adalah tanggungjawab wakil rakyat (pemimpin) untuk mengesan ahli-ahli yang aktif dan berkarisma yang diterima baik oleh komuniti untuk dicalonkan dalam pilihan raya akan datang. Jika dalam kes Malaysia, tanggungjawab wakil rakyat membantu parti untuk mengenal pasti calon yang boleh memenangi kerusi dalam PRU-13.

5.5.1 Penilaian Prestasi dan Cabaran Parti Politik

Wakil rakyat turut menghadapi cabaran dari segi prestasi parti dalam PRU-12. Walaupun di pihak parti komponen BN terutama di Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang termasuk di Kelantan mengalami kekalahan yang disifatkan sebagai ‘tsunami politik’ dalam PRU-12 kepada parti PAS, DAP dan PKR (yang kemudiannya membentuk PR), tetapi sebahagian besar wakil rakyat berdasarkan analisis dapatan kajian ini masih berpuas hati terhadap pencapaian partinya dalam PRU-12 seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.21 di bawah.

Berhubung isu prestasi parti dalam PRU-12, 66.1% wakil rakyat berpuas hati terhadap prestasi parti masing-masing. Rasa berpuas hati itu disebabkan calon-calon parti yang diketengahkan mampu memenangi kerusi yang ditandingi atau mempertahankan kerusi yang telah dimenangi dalam PRU-11 dahulu. Antara yang paling berpuas hati dengan prestasi partinya ialah wakil rakyat parti PBB. Hal ini kerana semua calon parti PBB berjaya memenangi semua kerusi yang ditandingi dalam PRU-12 lalu. Prestasi yang cemerlang itu diteruskan dalam PRU negeri pada tahun 2011, di mana semua calon parti PBB menang. Berdasarkan kepada prestasi ini, jelas menunjukkan bahawa parti PBB masih diterima baik oleh pengundi dan masyarakat di Sarawak. Sementara itu, ada pula yang menyatakan berpuas hati dengan prestasi partinya walaupun tidak secemerlang parti PBB seperti parti PAS kerana berjaya menambah bilangan kerusi dan berjaya menarik sokongan pengundi bukan Islam.

Jadual 5.21: Penilaian Terhadap Prestasi Parti Dalam PRU-12

Alasan (N = 56)	Parti	Jumlah	Peratus
Parti memenangi kesemua kerusi yang ditandingi.	PBB	4	7.1%
Parti memenangi kerusi ditandingi tanpa sebarang masalah di kawasan yang diagihkan.	PBB	1	1.8%
Kehendak dan keperluan rakyat dapat dipenuhi hampir 80% seperti dijanjikan dalam manifesto pilihan raya lalu (PRU-11).	UMNO	1	1.8%
Parti masih mengekalkan majoriti kerusi walaupun BN gagal mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen.	UMNO	2	1.8%
Banyak manifesto pilihan raya lalu dapat dilaksanakan demi rakyat.	PAS	1	1.8%
Parti kini semakin diterima ramai termasuk pengundi bukan Islam.	PAS	1	1.8%
Banyak perkara telah dapat dilaksanakan walaupun kemampuan terbatas.	PKR	1	1.8%
Parti dalam masa yang singkat telah menjana banyak perubahan melalui dasar kepedulian rakyat dan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).	PKR	1	1.8%
Berjaya bertindak secara berkumpulan dan mempunyai jaringan ICT yang lengkap.	DAP	1	1.8%
DAP berjaya mencapai kemenangan yang besar dan boleh membentuk kerajaan.	DAP	1	1.8%

Disebabkan prestasi parti dalam PRU-12 khususnya bagi parti komponen BN dilanda tsunami politik, tentu timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin parti tersebut. Namun begitu, keadaan yang sama—tidak berpuas hati—turut berlaku dalam PR disebabkan oleh beberapa perkara. Analisis dapatan kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.22 di bawah memperihal alasan-alasan tidak berpuas hati yang dikemukakan terhadap prestasi parti masing-masing. Wakil rakyat dari parti MCA misalnya memberi alasan bahawa punca kekalahan calon mereka kepada pembangkang (PKR dan DAP) kerana pengundi tidak mengenang budi walaupun banyak jasa yang telah dibuat oleh MCA kepada rakyat terutama kepada kaum Cina. Ini ditambah dengan disebabkan terdapatnya pengundi yang melakukan undi protes terhadap calon-calon MCA walaupun selama ini pengundi terutama kaum Cina memberi undi kepada calon MCA. Sebaliknya dalam PRU-12 mereka telah memberi undi kepada calon DAP atau PKR. Alasan yang hampir sama diberi oleh responden daripada UMNO. Prestasi UMNO merundum disebabkan undi protes daripada rakyat. Di samping itu, responden juga menyelar tindakan sesetengah pemimpin parti yang gagal menjadi calon PRU-12

bertindak mensabotaj calon BN yang bertanding di sesuatu kawasan yang akhirnya menyebabkan mereka kalah kepada pembangkang. Bagi wakil rakyat parti PAS pula walaupun parti mereka berjaya membentuk kerajaan di Kelantan dan Kedah, tetapi perasaan tidak berpuas hati disebabkan kesedaran politik dan keadilan dalam Islam masih rendah bagi masyarakat Melayu

Jadual 5.22: Tidak Berpuas Hati Terhadap Prestasi Parti

Alasan (N = 56)	Parti	Jumlah	Peratus
Pemimpin politik dalam parti berkempen agar rakyat tidak mengundi calon yang bertanding.	UMNO	2	3.6%
Terdapat pemimpin dan ahli parti yang mensabotaj calon parti dalam PRU-12 lalu.	UMNO	2	3.6%
Sokongan terhadap BN dan UMNO jatuh merundum dalam PRU-12.	UMNO	3	5.3%
Kerajaan dan pemimpin gagal menangani isu dan masalah rakyat dengan cepat hingga menyebabkan rakyat marah dan tidak sokong kerajaan.	UMNO	1	1.8%
Parti dan kerajaan memerlukan pemimpin yang berkaliber untuk memperkasakan semula parti.	UMNO	2	3.6%
Banyak kerusi BN jatuh ke tangan parti pembangkang seperti kepada DAP di Pulau Pinang, PAS di Kedah dan PKR di Selangor.	SPDP	1	1.8%
Terdapat peralihan undi oleh rakyat daripada BN kepada pembangkang.	SPDP	1	1.8%
BN dan MCA telah mengalami kekalahan teruk walaupun telah banyak jasa yang diberikan oleh kerajaan pusat dan negeri.	MCA	1	1.8%
Parti perlu memahami keperluan rakyat dan mesti bekerja keras untuk PRU akan datang.	MCA	1	1.8%
Rakyat melakukan undi protes terhadap calon BN kerana tidak berpuas hati terhadap kerajaan BN disebabkan gagal menyelesaikan masalah rakyat dan dasar yang dilaksanakan tidak adil kepada rakyat.	MCA	1	1.8%
Parti kehilangan banyak kerusi kepada pembangkang.	MIC	1	1.8%
Kesedaran terhadap politik dan keadilan dalam Islam masih rendah dalam masyarakat Melayu.	PAS	1	1.8%

Selain isu prestasi parti di atas, analisis dapatan kajian turut mendapati pelbagai masalah wujud dalam parti politik seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.23 di bawah. Masalah paling serius ialah wujudnya perpuakan dalam parti kerana berebut jawatan. Hal ini kemudiannya cenderung ke arah persaingan tidak sihat untuk berebut jawatan dalam parti. Masalah-masalah ini kemudiannya membawa kepada konflik kepimpinan

sehingga menjurus kepada amalan politik wang demi cita-cita hendak berkuasa hingga merosakkan nama baik dan integriti parti. Menurut Gomez (2002: 3), fenomena politik boleh muncul dalam sistem politik kerana wang digunakan dalam arena politik untuk mendapatkan sokongan dan pengaruh.¹⁰¹ Gomez (2002: 18) menyifatkan hal ini biasa berlaku apabila ada pemimpin menggunakan wang (politik wang) untuk membeli undi pada masa pemilihan di semua peringkat parti. Jika masalah-masalah ini tidak dapat ditangani secara berkesan, ia boleh menimbulkan kesan-kesan lain seperti ahli bertindak keluar parti dan menyertai parti lain. Ada pula wakil rakyat itu sendiri yang bertindak keluar parti (melompat parti) kerana masalah kepimpinan dalam parti.

Jadual 5.23: Masalah Dalam Parti Politik

Masalah Dalam Parti (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Wujud puak-puak dalam parti kerana berebut jawatan.	36	64.3%
Persaingan dan perebutan jawatan dalam parti.	26	46.4%
Konflik kepimpinan kian kritikal.	19	33.9%
Gejala politik wang kian menjadi-jadi.	18	32.1%
Rakyat hilang kepercayaan terhadap kekuatan parti.	14	25.0%
Parti menghadapi masalah kewangan yang teruk.	5	8.9%
Ramai ahli yang keluar parti dan sertai parti lawan.	3	5.4%
Ramai wakil rakyat yang melompat parti.	2	3.6%

Mengikut hasil kajian Watesa dan Lepper (2010: 207), fenomena wakil rakyat melompat parti menyebabkan parti boleh menghadapi pelbagai masalah kerana individu yang terbabit bertindak menjadi wakil Bebas atau menyertai parti politik lain. Tindakan sedemikian turut boleh menyebabkan parti yang diwakilinya kehilangan majoriti di parlimen atau DUN hingga majoriti untuk memerintah. Fenomena politik ini telah berlaku di DUN Perak apabila pada 4 Februari 2009 beberapa orang wakil rakyat dari PR mengumumkan keluar parti dan menyatakan sokongan kepada BN. Tindakan

¹⁰¹ Dalam analisisnya tentang politik wang (*money politics*) dalam parti politik, Gomez (2002: 3) menjelaskan bahawa “*political funding by business has contributed to significant rise in the phenomenon of ‘money politics,’ that is the use of money in political arena to secure control over the state in order to influence the distribution of state-general economic rents*”. Selanjutnya, Gomez (*ibid.*, 17-18) menyifatkan dalam parti UMNO ramai ahli perniagaan memegang jawatan penting dalam parti, di mana dari satu sudut ia memudahkan dana kewangan disalurkan kepada parti. Akan tetapi, di sudut yang lain, penggunaan wang untuk menarik sokongan menjadikan amalan politik wang menyebabkan berlaku konflik kepimpinan dan perpecahan semasa pemilihan pucuk pimpinan di semua peringkat dalam parti UMNO yang menggalakkan rasuah politik.

tersebut telah menyebabkan kerajaan PR tumbang dan BN mengambil alih tampuk pemerintahan Perak.

Selain isu melompat parti dan beberapa masalah lain seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.23 di atas, Nye Jr (2008: 115) menyifatkan sebahagian tindakan tersebut dianggap sebagai tangan kotor (*dirty hand*) yang boleh merosakkan nama baik dan reputasi parti di mata rakyat.¹⁰² Dalam isu ini, Nye Jr mengulas bahawa pemimpin itu perlu ada moral yang baik dalam politik terutama dalam sistem demokrasi, di mana rakyat sentiasa menilai perkembangan pemimpin yang sedia ada seperti:

In democracies, at least, their personal acts are punishable by law as well as by loss of followers' trust. Even in less circumstantes, followers want leaders to protect and advance their interests even if doing so involves deception. The resulting dilemma for leaders is called the problem of 'dirty hands'. To advance the interests of the group for whom they have a fiduciary responsibility, leaders may have to do things they would not be willing to do in their private lives. A trust, they have an additional set of moral obligation. (Nye Jr, 2008: 115)

Apa yang dihuraikan oleh Nye Jr di atas memperihal bahawa begitu besarnya tanggungjawab pemimpin bukan sahaja kepada rakyat, tetapi kepada parti politik yang diwakilinya. Di sinilah wakil rakyat boleh menggunakan kedudukannya dalam parti politik untuk menonjolkan nilai-nilai dan moral kepimpinan yang baik untuk mengekalkan kepercayaan rakyat. Justeru itu, pemimpin seperti wakil rakyat perlu mengekalkan kredibiliti dan kualiti kepimpinan yang baik untuk menjadi '*role model*' dan teladan kepada seluruh lapisan masyarakat. Berhubung peranan sebagai '*role model*', dapatan kajian Wolbrecht dan Campbell (2007) menunjukkan bahawa perwakilan politik (wakil rakyat) khususnya wanita mampu dan mempunyai peranan penting dalam menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang baik dan boleh menjadi teladan kepada rakyat. Bahkan dapatan kajian mereka juga menunjukkan pemimpin wanita boleh memainkan peranan penting untuk menggalakkan dan menjadi inspirasi dalam kalangan golongan wanita untuk terlibat dan menyertai aktiviti politik.

¹⁰² Untuk keterangan lanjut tentang '*dirty hand*' dalam kepimpinan, lihat Calhoun, L. (2004), "The Problem of "Dirty Hands" and Corrupt Leadership", *The Independent Review*, Vol. VIII(3) (Winter) (hlm. 363-385). Lihat juga Oberdiek, H. (2011), "Clean dan Dirty Hands in Politics" Dlm. Bell, D.S. (ed.), *Political Leadership* (Vol. 4). Los Angeles: SAGE (hlm. 3-23).

Jadual 5.24: Cabaran Dalam Parti Politik

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Memastikan parti capai kemenangan dalam PRU-13.	54	4.56	.793	92.6%	1.9%	5.6%
Memastikan pembahagian kerusi PRU-13 adil bagi parti-parti komponen.	54	4.39	.856	90.8%	1.9%	7.5%
Memastikan semua manifesto parti dapat dilaksanakan sebelum PRU-13.	54	4.39	.899	92.6%	-	7.5%
Memastikan program kerajaan dilaksana dengan berkesan.	55	4.15	.989	85.4%	3.6%	10.9%
Mengekalkan sokongan pengundi dalam PRU-13.	55	4.09	1.127	76.2%	9.1%	14.6%
Menentukan semua program parti dapat dilaksana dengan berkesan.	55	4.07	1.016	85.5%	3.6%	10.8%
Menentu hala tuju parti selaras dengan matlamat perjuangan.	55	4.04	.962	83.6%	5.4%	10.9%
Memastikan boleh dicalonkan semula untuk PRU-13.	54	3.56	1.298	53.7%	20.4%	26.0%
Mengekalkan jawatan dalam parti.	55	3.35	1.265	52.8%	12.7%	34.4%
Kesetiaan ahli parti tidak terjamin kerana pengaruh parti lawan.	55	3.18	1.278	45.4%	12.7%	41.9%

Min Skor Keseluruhan = 39.81; Sisihan Piawai Keseluruhan = 7.91

Wakil rakyat juga menghadapi pelbagai cabaran lain dalam parti seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.24 di atas. Cabaran utama adalah untuk memenangi pilihan raya dan membentuk kerajaan dalam PRU-13. Berkaitan cabaran ini, wakil rakyat yakin partinya boleh mencapai kemenangan dalam PRU-13. Di samping itu, wakil rakyat juga berhadapan cabaran menunaikan manifesto PRU-12 lalu dan melaksanakan program-program kerajaan secara berkesan. Cabaran lain termasuklah isu dicalonkan semula dalam PRU-13 walaupun hanya 53.7% yakin diberi peluang mempertahankan kerusi yang disandang. Dalam masa yang sama, mereka berhadapan isu mengekalkan jawatan masing-masing dalam pemilihan parti, di mana hanya 52.8% masih yakin dapat mengekalkan jawatan yang disandangnya.

Berkaitan dengan isu dicalonkan semula dalam PRU-13, dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Watesa dan Lepper (2010: 207) yang menyifatkan soal pencalonan semula dalam pilihan raya yang baharu adalah masalah dalam parti dan boleh menyebabkan konflik. Jika pemimpin (wakil rakyat) yang sedia ada tidak dicalonkan semula, situasi ini boleh membawa kepada konflik dalam parti. Hal ini sangat jelas berdasarkan dapatan kajian ini (dalam penilaian isu tidak berpuas hati terhadap prestasi parti dalam PRU-12), di mana kemarahan boleh berlaku sebab tidak dicalonkan semula. Kesannya, ada pemimpin yang bertindak mensabotaj calon baharu yang diketengahkan bagi menggantikan dirinya. Menurut analisis Watesa dan Lepper (2010: 207), apabila namanya digugurkan dari senarai calon untuk pilihan raya, ia menyebabkan pemimpin yang sedia ada menjadi marah. Selain bertindak mensabotaj calon yang baharu yang dikemukakan, ada pemimpin yang membuat keputusan keluar parti. Dalam situasi politik dewasa ini—dalam konteks Malaysia—ramai wakil rakyat yang sedia ada masih menyimpan hasrat untuk dicalonkan semula dalam pilihan raya. Persoalannya, adakah mereka telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang cemerlang berkhidmat sebagai wakil rakyat dalam penggal yang berkenaan?

5.6 PERANAN WAKIL RAKYAT DALAM SISTEM BERKABINET

Selain tiga peranan utama yang telah dibincangkan di atas, wakil rakyat yang terpilih (*selected*) mempunyai peranan dalam sistem berkabinet. Kabinet mempunyai peranan penting dalam sistem berparlimen. Kabinetlah yang memerintah negara dan sebab itu dikatakan sebagai kerajaan berkabinet (*cabinet government*). Jadi, kabinet adalah kerajaan dan kerajaan adalah kabinet (Rais, 2006: 61). Disebabkan kerajaan berkabinet itu diketuai oleh PM seperti di Malaysia, maka ia dikatakan sebagai kerajaan PM (*prime ministerial government*) (Rush, 1984: 1 & 87). Selaku ketua kerajaan, PM diberi hak memilih calon kabinetnya (Mohamed Suffian, 1984: 77) untuk dikemukakan kepada YDA¹⁰³ sebelum dilantik sebagai menteri (Perkara 43(2)(b) Perlembagaan Persekutuan).

¹⁰³ YDA tidak dibenarkan oleh perlembagaan untuk melantik para menteri terlebih dahulu sebelum baginda melantik Perdana Menteri (Rais, 2006: 22).

Kemudian PM menyenaraikan nama menteri dan timbalannya untuk menerajui kementerian yang ditubuhkan bagi melaksanakan pentadbiran negara. Dalam konteks kerajaan BN, jawatan kabinet diagihkan dalam kalangan ahli parti-parti komponen sama ada diberi jawatan menteri dan timbalan menteri. Jika parti itu tiada wakil dalam Dewan Rakyat, ia dilantik sebagai senator dalam Dewan Negara untuk membolehkannya memegang jawatan dalam kabinet. Kabinet merupakan badan utama pembuatan dasar negara. Dalam pengalaman Malaysia, boleh dikatakan keseluruhan dasar awam diputuskan oleh kabinet. Hal ini diakui oleh Tun Mohamed Suffien (dipetik Rais, 2006: 26) yang mengulas bahawa “*the cabinet is supreme policy-making body in the country, exercising the executive authority of the Federation.*”

Jadi, semua ahli kabinet perlu mengangkat sumpah jawatan di hadapan YDA mengikut Perkara 43(6) Perlembagaan Persekutuan.¹⁰⁴ Jika ada rombakan kabinet, PM perlu memaklumkan kepada YDA mengenai hal tersebut (Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan). Jika tiada rombakan dan perletakan jawatan, ahli kabinet boleh memegang jawatannya hingga parlimen dibubarkan dan ditubuhkan kerajaan yang baharu.¹⁰⁵ Dalam sistem berkabinet, kabinet menjalankan kuasa eksekutif YDA untuk mentadbir dan memerintah negara seperti yang termaktub dalam Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai badan pembuat dasar, kabinet boleh mengubah beberapa perkara dan *status-quo* (Rais, 2006: 26). Ini bermakna menteri kabinet di JPM dan lain-lain kementerian boleh mengemukakan dasar-dasar baharu, meminda hak dan tanggungjawab yang tidak menyalahi undang-undang dan peraturan.

Kuasa menteri dan kementerian untuk menjalankan tanggungjawabnya seperti menguatkuasakan peraturan dan undang-undang termaktub dalam Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 (Akta 2) (Malaysia, 2006b). Akta ini mengisytiharkan fungsi dan pemindahan fungsi menteri, untuk menetapkan nama jawatan menteri, dan bagi maksud

¹⁰⁴ Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tentang sumpah dan bentuk ikrar yang akan dilakukan oleh anggota Kabinet, di mana ia berkaitan secara langsung dengan Perkara 43(6), 43B(4), 57(1A(a)), 59(1), 124, dan 142(b) Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰⁵ Menteri-menteri boleh memegang jawatan mereka selagi mendapat perkenaan oleh YDA kecuali perlantikan mana-mana menteri telah dibatalkan oleh YDA atas nasihat PM dan mereka juga boleh meletakkan jawatan atas sebab-sebab tertentu.

yang berkenaan serta apa-apa yang berkaitan dengannya. Fungsi-fungsi dan nama jawatan menteri dinyatakan dalam Seksyen 2 Akta 2 yang menjelaskan bahawa:

- a) Seksyen 2(1) –YDA boleh melalui perintah dalam Warta memberitahu:
 - (i) Bahawa seseorang menteri telah diberi apa-apa fungsi atau telah dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab mengenai sesuatu jabatan atau perkara yang tertentu atau bahawa sesuatu fungsi atau tanggungjawab yang tersebut itu telah dipindahkan kepada seorang menteri yang lain; dan
 - (ii) Bahawa suatu nama jawatan telah diberikan kepada seseorang menteri (kecuali PM) atau bahawa nama jawatan tersebut itu telah diubah.

- b) Seksyen 2(2) – sesuatu perintah yang dibuat oleh YDA di bawah seksyen ini:
 - (i) Boleh mengadakan peruntukan mengenai pemindahan apa-apa harta, hak atau tanggungan yang dipegang, dinikmati atau dilakukan oleh mana-mana menteri berhubung dengan apa-apa fungsi yang diberikan atau dipindahkan itu; dan
 - (ii) Boleh mengandungi apa-apa peruntukan lain yang perlu dan suai manfaat untuk memberi kesan kepada perintah itu.

5.6.1 Ketua *Whip*, Kelab Penyokong dan Ketua Pembangkang

Selain berperanan sebagai ketua kerajaan dan ahli kabinet, wakil rakyat di Malaysia boleh dilantik sebagai ketua *whip*, ketua pembangkang dan ahli kelab penyokong parti masing-masing. Jawatan ketua *whip* terdapat dalam parti kerajaan dan pembangkang. *Whip* itu merupakan badan membuat keputusan dan tindakan ke atas wakil rakyat yang melanggar disiplin parti masing-masing. Oleh sebab itu, wakil rakyat selain memilih *Speaker* Dewan Rakyat, mereka juga bertanggungjawab memilih *whip* parti masing-masing. Bagi parti pemerintah, ketua *whip* berperanan membantu PM (Godwin &

Wahlke, 1997: 223).¹⁰⁶ Ketua *whip* biasanya memberi nasihat kepada parti mengenai sesuatu perkara sama ada tentang perkembangan parti atau ahli-ahlinya.

Dalam pada itu, ketua *whip* berperanan menasihati ketua parti dalam beberapa perkara seperti dasar dan keputusan yang dibuat kerajaan. Jadi, di pihak parti pemerintah, maka ketua *whip* bertindak sebagai penasihat kepada PM. Oleh sebab itu, ketua *whip* bertanggungjawab meminta perwakilan dari partinya untuk memberi undi bagi meluluskan atau menyokong usul dan dasar yang dibentangkan di parlimen demi kepentingan dan keperluan partinya (Rogers & Walters, 2006: 101). Apa yang jelas, peranan *whip* adalah mengawal disiplin ahli-ahli parti dan segala maklumat berkaitan setiap aktiviti yang dijalankan oleh partinya. Dalam sistem berparlimen (berkabinet), ketua *whip* kerajaan mempunyai hubungan secara rasmi dengan kabinet (Burch & Holliday, 1996: 39). Kebiasaannya, ia hadir dalam mesyuarat kabinet. Ini kerana agenda yang dibincangkan dalam kabinet biasanya melibatkan urusan di parlimen selepas itu. Jika ketua *whip* bukan ahli kabinet, ia tidak mempunyai hak campur tangan dalam perbincangan kabinet.

Di Malaysia, ketua *whip* BN biasanya ialah TPM dan kini disandang oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin. Atas kapasiti sebagai ahli kabinet, Muhyiddin terlibat secara langsung dalam mesyuarat kabinet. Kedudukan ini memudahkan ketua *whip* memantau bukan sahaja disiplin wakil rakyat BN, tetapi juga menteri-menteri kabinet yang lain. Sebagai ketua *whip*, pada prinsipnya Muhyiddin bertindak memberikan input kepada kabinet (atau kerajaan) dan seterusnya melaporkan tentang perkembangan parti serta ahli-ahli BN kepada PM. Dalam kedudukan tersebut—jawatan yang disandang dalam kerajaan dan parti politik—ketua *whip* merupakan aktor penting dalam sistem berkabinet (Bruch & Holliday, 1996: 97).

¹⁰⁶ Ahli-ahli mesyuarat juga bertanggungjawab memilih ketua majlis mesyuarat (kerajaan) dan ketua pembangkang (Perkara 4A(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat). Kedua-duanya perlu mengangkat sumpah mengikut Jadual Ke-6 Perlembagaan Persekutuan yang dijalankan oleh Setiausaha Dewan Rakyat. Kedua-dua mereka perlu menurunkan tandatangan dalam buku yang disimpan oleh Setiausaha Dewan Rakyat (Perkara 5(1) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat). Kini ketua kerajaan ialah Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak sebagai PM (ahli parlimen Pekan) dan ketua pembangkang ialah Dato' Seri Anwar Ibrahim (ahli parlimen Permatang Pauh).

Di pihak kerajaan, ketua *whip* bertanggungjawab dalam memastikan semua wakil rakyat kerajaan menyokong dasar dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Dalam hal ini, ketua *whip* boleh mengambil tindakan dan melaporkan kepada PM jika terdapat wakil rakyat mereka tidak menyokong dasar dan keputusan kerajaan. Begitu juga sebaliknya, jika ketua *whip* itu sendiri tidak bersetuju dengan dasar dan keputusan yang dibuat oleh kabinet atau kerajaan, maka beliau perlu meletakkan jawatannya. Bahkan jika ia merupakan anggota kabinet, maka beliau juga perlu melepaskan jawatannya sebagai menteri. Ini telah menjadi prinsip dalam kerajaan BN di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kelab penyokong kerajaan (*government backbenches*) perlu memberikan sokongan kepada ketua *whip*.

Di Malaysia, Barisan Nasional Backbenches Club (BNBBC) di bawah tanggungjawab ketua *whip*. Atas sebab itulah menteri di JPM Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (sebelum PRU-13) menjelaskan BNBBC mesti akur dengan arahan ketua *whip* dan tidak timbul isu ahli parlimen BN untuk mengundi mengikut suara hati mereka sesuatu usul dalam Dewan Rakyat. Kenyataan ini dibuat oleh Nazri dalam mengulas tindakan bekas Pengerusi BNBBC iaitu Datuk Shahrir Abdul Samad (ahli parlimen Johor Bahru) yang telah menyokong usul yang dibawa oleh ketua pembangkang Lim Kit Siang (ahli parlimen DAP Ipoh Timur) untuk membawa seorang anggota parlimen yang dikatakan mencampuri urusan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) ke Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan Dewan Rakyat (*Berita Harian*, 6 Mei 2006). Usul yang dibawa oleh Lim Kit Siang tidak mendapat sokongan ahli parlimen BN. Kesannya, Shahrir Samad meletakkan jawatan sebagai Pengerusi BNBBC, tetapi tidak sebagai ahli parlimen. Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika itu selaku PM menerima perletakan jawatan Shahrir sebagai Pengerusi BNBBC kerana telah melanggar disiplin parti dengan menyokong usul yang dibawa oleh pembangkang. Justeru itu, Nazri mengulas bahawa penyokong kerajaan seperti BNBBC harus menerima keputusan ketua *whip* dan kena akur dengan dasar parti. Ketika itu ketua *whip* ialah Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak yang merupakan TPM.

Selain kes Shahrir, kes lain wakil rakyat BN menyokong usul yang dibawa pembangkang telah diambil tindakan oleh *whip* melibatkan Datuk S. Sothinathan

timbangan menteri di Kementerian Sumber Asli pada ketika itu. Beliau telah dikenakan tindakan penggantungan sebagai ahli kabinet selama tiga bulan kerana mempersoalkan keputusan kerajaan yang tidak mengiktiraf beberapa universiti perubatan di Ukraine (Rais, 2007: 204). Keputusan tersebut telah dipertikaikan oleh pihak pembangkang di parlimen. Tindakan ke atas Sothnathan bukan sahaja melibatkan bidang kuasa ketua *whip* dan ketua kerajaan, tetapi dari sudut kepentingan parti BN. Justeru itu, sebagai wakil rakyat dalam BN, ia perlu patuh kepada beberapa perkara dan akur kepada ketua kerajaan, ketua *whip*, Pengerusi BNBBC dan Kod Etika serta Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat.

Selain itu, peranan ketua pembangkang juga penting dalam sistem berkabinet.¹⁰⁷ Berdasarkan analisis Leduc Jr dan White (1974), peranan wakil rakyat sebagai pembangkang dalam badan perundangan adalah sesuatu yang bersifat semulajadi atau lumrah dalam sistem berperwakilan. Dengan kata lain, pembangkang mempunyai beberapa fungsi dalam sistem politik partisan dan berperwakilan khususnya dalam sistem berparlimen seperti di Britain dan negara-negara Komanwel.¹⁰⁸ Walaupun kedudukan ketua pembangkang dalam sistem politik di Malaysia kurang diberikan publisiti yang meluas dan peluang yang sama seperti menteri kabinet, tetapi ia mempunyai peranannya tersendiri. Bahkan imej dan peranan ketua pembangkang banyak diberikan gambaran yang negatif oleh media massa dalam sesebuah negara termasuk di Malaysia. Walaupun dalam perlembagaan negara tidak memperuntukkan jawatan ketua pembangkang dan begitu juga tidak dinyatakan dalam Perintah-perintah Tetap Dewan Rakyat termasuklah dari segi perlantikan dan kuasanya, tetapi kewujudan ketua pembangkang dalam parlimen merupakan penerimaan ahli-ahli parlimen terhadapnya (Abdul Aziz, 2006: 84).¹⁰⁹

¹⁰⁷ Untuk memahami hak dan tugas pembangkang dalam parlimen, sila lihat Inter-Parliamentary Union. (1997). "Guidelines on the rights and duties of the opposition in parliament" (<http://www.ipu.org/dem-e/opposition.pdf>).

¹⁰⁸ Untuk menilai ciri-ciri pembangkang seperti disarankan oleh Robert A. Dahl, lihat perbincangan lanjut Leduc Jr, L. dan White, W.L. (1974), "The Role of Opposition in a One-Party Dominant System: The Case of Ontario", *Canadian Journal of Political Science*, Vol. 7(1) (March) (hlm. 86-100).

¹⁰⁹ Dalam Perkara 4A(1), (3) dan (4) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat secara jelas menyebut tentang kedudukan ketua pembangkang di Parlimen.

Pemimpin parti minoriti dalam parlimen dan DUN berperanan sebagai ketua pembangkang. Di pihak parti pembangkang, mereka mencalonkan salah seorang daripada ahli mereka—lazimnya ketua parti—sebagai calon ketua pembangkang (Perkara 4A Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat). Menurut Olszek (2011: 135), wakil rakyat yang dipilih sebagai ketua pembangkang mempunyai tanggungjawab yang melibatkan pelbagai tugas sebagai pemimpin di barisan pembangkang terutamanya bertindak sebagai *'check and balance'* dan *'watch dog'* untuk memerhati, mengawasi dan mengkritik tindak tanduk kerajaan. Di sudut yang lain, ketua pembangkang berperanan membentuk *'kerajaan bayangan'* (*shadow cabinet*) yang bercita-cita mengambil alih kawalan majoriti dalam badan perundangan. Oleh sebab itu, Olszek menyifatkan peranan ketua pembangkang sebagai pemimpin minoriti memainkan peranan penting dalam institusi parlimen dan parti politik.

Dalam pada itu, peranan pembangkang bukanlah semata-mata bertindak *'menghentam'* tindakan dan dasar kerajaan. Dengan kata lain, ketua pembangkang dan ahli-ahlinya membangkang secara membabi buta tanpa usul periksa dan keputusan yang rasional. Sebenarnya kewujudan pembangkang dalam sistem berparlimen sangat penting dan tidak dapat dielakkan, di mana ia menyuburkan semangat demokrasi itu sendiri (Mohd. Izani, 2007: 183). Jika membangkang secara membabi buta tanpa sebarang cadangan dan alternatif kepada kerajaan, ia dilabelkan sebagai *'pembangkang tanpa faedah'* kerana hanya tahu menghentam, mengkritik, mengeluarkan pandangan secara emosi dan tidak berfikir secara matang atau rasional. Oleh sebab itu, pembangkang perlu memberi kritikan secara efektif dan mengemukakan cadangan bagi membetulkan dasar-dasar kerajaan walaupun mempunyai pandangan yang berbeza dengan kerajaan. Jika hal ini dapat dilakukan, maka ia dilabelkan sebagai *'pembangkang setia'* (*loyal opposition*). Kajian Mohd. Izani mendapati parti PAS memainkan peranan sebagai *'loyal opposition'* kerana sangat peka terhadap isu berkaitan kepentingan rakyat dalam parlimen seperti isu murtad, kegawatan ekonomi dan hak asasi manusia.

Di Malaysia, ketua pembangkang dibayar elaun mengikut Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237). Ini bermakna jawatan ini diterima dalam sistem berparlimen

di Malaysia. Kini di Malaysia ketua pembangkang ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim dari parti PKR. Dalam pada itu, ada cadangan supaya jawatan ketua pembangkang diberikan taraf menteri dan menikmati faedah-faedah yang sama sepertinya. Perkara ini pernah disuarakan oleh Lim Kit Siang ketika beliau menjadi ketua pembangkang supaya jawatan tersebut diberikan status menteri dan menerima segala kemudahan yang sesuai dengan kedudukan dalam Dewan Rakyat (Abdul Aziz, 2006: 85).

Sebagai ketua pembangkang (termasuk wakil rakyat pembangkang yang lain) dalam sistem politik di Malaysia pada hari ini, ia mempunyai pelbagai tanggungjawab sebagai pemimpin. Jika di pihak parti pemerintah, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dapat dilihat sebagai menteri dan memegang portfolio tertentu. Di pihak parti pembangkang apabila mereka memiliki kerajaan (kabinet) bayangan, mereka perlu ada strategi dan perancangan untuk masa hadapan terutama untuk merampas kuasa dari tangan kerajaan dalam pilhan raya yang baharu. Justeru itu, peranan pembangkang menyuburkan lagi nilai-nilai demokrasi dalam sesebuah negara. Oleh sebab itu, sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang, semua pemimpin (wakil rakyat) perlu memiliki pengetahuan yang luas tentang sesuatu isu untuk dibahaskan atau diselesaikan kerana ia melibatkan kepentingan individu dan kumpulan yang diwakili di kawasan masing-masing. Ini bermakna setiap wakil rakyat perlu ada kualiti dan ketrampilan sebagai pemimpin yang berupaya memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

5.7 RUMUSAN

Analisis dalam bab ini jelas menunjukkan wakil rakyat di Malaysia mempunyai banyak tanggungjawab—dalam aspek parlimentari, konstituensi, parti politik dan kabinet. Dengan kata lain, di bahu wakil rakyat ada tanggungjawab yang besar perlu dilaksanakan kepada rakyat yang telah memilih dan memberi mandat kepadanya. Mengulas perkara ini, Searing (1994) berdasarkan dapatan kajiannya menyatakan perwakilan politik (wakil rakyat) mempunyai peranan yang sangat penting kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Justeru itu, Searing menyimpulkan peranan wakil rakyat seolah-olah pegawai kebajikan, perunding, pembela dan penasihat kepada

rakyat dalam menyelesaikan pelbagai isu dan masalah yang mereka hadapi tanpa mengira masa dan keadaan.

Sebagai pemimpin, wakil rakyat perlu meningkatkan kualiti kepimpinannya. Sebagai aktor penggubal dasar misalnya, wakil rakyat perlu rasional, matang, tidak emosional, berpengetahuan luas dan mempunyai kepakaran dalam hal ehwal tersebut. Apabila kualiti seperti ini dapat ditunjukkan, ia boleh menghasilkan sesuatu yang baik bagi rakyat. Dengan kata lain, melalui *output* (hasil) dasar yang telah dilaksanakan, ia boleh mendatangkan kebahagiaan, keseronokan, kesenangan dan kemakmuran kepada rakyat. Justeru itu, wakil rakyat perlu meningkatkan profesionalisme dan integriti kepimpinannya. Semua ini adalah faktor penting dalam memperkukuh kedudukan dan kerjaya politik wakil rakyat pada masa hadapan terutama kedudukan dalam parti politik yang diwakilinya.

Berhubung persoalan mengenai profesionalisme, Gallop (2009: 7) melihatnya sebagai suatu pendekatan penting yang perlu ada dalam kalangan wakil rakyat untuk diketengahkan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, parti dan kerajaan. Oleh sebab itu, perlu ada garis panduan bagi wakil rakyat dalam merangka pelan tindakan dan perancangan strategik serta pelaksanaan untuk menghasilkan sesuatu output yang memuaskan dan berkualiti. Jadi, elemen-elemen ini boleh membantu wakil rakyat mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan kepimpinannya sama ada melibat peranan dalam aspek parlimentari, konstituensi, parti politik, kabinet dan khidmat sosial. Misalnya, perancangan strategik menurut Gallop dapat mendatangkan hasil yang sangat baik dalam proses kepimpinan. Walau bagaimanapun, dalam menilai kecemerlangan kepimpinan wakil rakyat, ia tidak hanya terletak pada keupayaan dan sokongan yang diterima, tetapi kejayaan secara keseluruhan dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

BAB 6

PENILAIAN PERANAN SEKUNDER WAKIL RAKYAT

6.1 PENGENALAN

Selain memikul beberapa peranan utama seperti telah dibincangkan dalam Bab V, wakil rakyat turut mempunyai tanggungjawab sekunder. Peranan sekunder merupakan tanggungjawab ‘tambahan’ yang dimainkan oleh wakil rakyat sama ada untuk kepentingan kerajaan, parti politik dan rakyat. Pelaksanaan tanggungjawab tambahan tersebut dapat dilihat melalui penglibatan wakil rakyat dalam organisasi bukan politik dan tidak berasaskan keuntungan—bersifat sukarela—seperti dalam NGO dan badan berkanun. Walaupun terdapat juga wakil rakyat dilantik ke dalam GLC dan beberapa jawatankuasa di peringkat persekutuan dan negeri, di mana ia lebih bersifat formal, tetapi ia bukanlah tugas hakiki pemimpin politik berkenaan.

Kebanyakan peranan sekunder menurut analisis Mickel (2010) melibatkan aktiviti berbentuk khidmat sosial (*social services*) atau kerja sosial (*social works*). Tanggungjawab ini dilakukan bersama masyarakat dalam kawasan pilihan raya (*constituencies*). Melalui peranan sekunder wakil rakyat dapat berbakti dan berkhidmat kepada rakyat dengan cara menyertai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh masyarakat (komuniti), NGO, badan sukarela, persatuan sukan dan GLC melalui program tanggungjawab sosial korporat. Di pihak rakyat, tanggungjawab seperti inilah yang sentiasa diharapkan dan banyak tumpuan diberi terhadap peranan wakil rakyat untuk menyelesaikan segala masalah dan isu yang dihadapi kerana ia melibatkan kepentingan dan keperluan harian mereka. Ini adalah persepsi rakyat terhadap tanggungjawab pemimpin yang telah mereka pilih. Lantaran itu, mereka sangat berharap wakil rakyat dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi (Abdullah Muda, 1996: 16).

Dalam sistem politik Malaysia, pemahaman rakyat terhadap peranan wakil rakyat seperti di atas telah wujud sejak sekian lama. Lagipun ia tidak bercanggah

dengan sebarang nilai, etika dan undang-undang. Pelaksanaan peranan sekunder memperlihatkan hubungan antara pemimpin dan rakyat (Lively, 2007: 32). Dalam sistem sistem berperwakilan, hubungan ini membentuk konsep '*patron-client*' yang menggambarkan wujudnya situasi 'memberi dan menerima' antara pemimpin dan rakyat. Rakyat sentiasa berharap pemimpin dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan sebaik mungkin. Dengan kata lain, pemimpin berupaya menyediakan pelbagai kemudahan dan ganjaran kepada pengikutnya (Nye Jr, 2008: 62). Kemudian pemimpin pula mendapat sokongan daripada rakyat. Dalam politik naungan (*patronage*), situasi 'memberi dan menerima' membentuk hubungan antara pemimpin dan rakyat termasuklah seperti dalam pelaksanaan tanggungjawab sekunder.

Sebenarnya tanggungjawab sekunder merupakan pelengkap kepada peranan utama yang telah dibincangkan dalam Bab V. Di pihak rakyat, mereka lebih banyak memberi tumpuan kepada peranan sekunder berbanding peranan primer. Misalnya, rakyat berharap pemimpin dapat menyelesaikan masalah dan isu yang mereka hadapi dengan sebaik mungkin. Bahkan mereka sentiasa mengalu-alukan penyertaan dan penglibatan wakil rakyat dalam pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan. Justeru itu, bab ini menganalisis peranan sekunder wakil rakyat melalui penglibatannya dalam NGO (merangkumi pelbagai kategori), badan sukarela, badan berkanun, GLC dan jawatankuasa dalam majlis di peringkat persekutuan dan negeri sebagai AJK, Penaung, Penasihat, Pengerusi dan Patron.

6.2 PERANAN DALAM JAWATANKUASA PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Sebagai perwakilan, sebilangan wakil rakyat dilantik menjadi AJK pelbagai jawatankuasa (*standing committees*) dalam majlis dewan perundangan (parlimen dan DUN) seperti yang telah dianalisis dalam Bab V—sebahagian daripada peranan utama (parlamentari). Leduc Jr dan White (1974: 98) dalam hal ini menganalisis peranan wakil rakyat dalam jawatankuasa yang ditubuhkan merupakan suatu peluang kepada pemimpin berkenaan untuk melaksanakan pelbagai fungsi yang bersesuaian dengan peranannya seperti dalam arena awam (*public arena*), melalui kaukus parti, melobi melalui individu tertentu (khususnya menteri kabinet) dan jawatankuasa kerja. Mereka

berperanan memastikan isu-isu dan setiap masalah yang berlaku dalam masyarakat mendapat perhatian kabinet dan badan perundangan. Dalam situasi seperti ini, Leduc Jr dan White melihatnya seperti “*bringing a matter of common to their constituents to the attention of the appropriate ministers*” (1974: 98). Jika di Malaysia, wakil rakyat boleh dilantik sebagai AJK majlis-majlis yang ditubuhkan di peringkat kerajaan persekutuan dan negeri seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.1 di bawah. Pelantikan sebagai AJK majlis-majlis yang berkenaan bukanlah tugas hakiki (primer) sebagai wakil rakyat. Sebaliknya ia merupakan suatu bentuk pengiktirafan—adakalanya melibatkan urusan rasmi—sebagai suatu bentuk sumbangan dan khidmat kepada rakyat dan negara.

Jadual 6.1: Jawatankuasa Peringkat Persekutuan dan Negeri

Jawatankuasa (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Peringkat Persekutuan:		
AJK Majlis Tindakan Negara	4	7.1%
AJK Majlis Tanah Negara	4	7.1%
Ahli Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)	4	7.1%
AJK Bencana Negara	3	5.4%
AJK Majlis Ekonomi Negara	1	1.8%
Peringkat Negeri:		
AJK Majlis Tindakan Daerah	33	58.9%
AJK Majlis Tanah Daerah	17	30.4%
AJK Bencana Negeri	9	16.1%
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	8	14.3%
AJK Perbadanan Pembangunan Negeri	8	14.3%
AJK Ekonomi Negeri	7	12.5%

Apabila dilantik sebagai AJK beberapa majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti dalam Jadual 6.1 atas, ia adalah suatu akauntabiliti yang perlu dilaksanakan oleh wakil rakyat (pemimpin) demi kepentingan rakyat dan negara. Hal ini diakui oleh Uhr (1998: 158) dalam menilai akauntabiliti pemimpin yang membahagikannya kepada tiga bentuk utama akauntabiliti iaitu politik, awam dan parlimentari. Semua akauntabiliti ini boleh dimainkan menerusi pelantikan sebagai AJK dalam majlis-majlis seperti di atas lebih-lebih lagi akauntabiliti awam. Dalam akauntabiliti awam—melalui majlis yang berkenaan—wakil rakyat bertanggungjawab untuk menangani isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berkaitan dengan ekonomi, pembangunan, keamanan, keselamatan, dan sebagainya. Misalnya, sebagai AJK Majlis Tindakan Negara, wakil rakyat (biasanya dari parti pemerintah) berperanan secara langsung dalam merancang,

menyelaras, memantau dan mengesan pelaksanaan dasar dan program pembangunan kerajaan ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Melalui program-program ini, sebagai AJK Majlis Tindakan Negara, wakil rakyat berfungsi untuk menyelaras program-program pembangunan; meneliti laporan setiap kementerian, jabatan dan agensi tentang projek pembangunan; dan menyelaras masalah yang timbul antara agensi kerajaan (Unit Penyelaras Pelaksanaan, JPM, 2010).¹¹⁰ Begitu juga halnya dalam Majlis Tanah Negara, di mana wakil rakyat yang dilantik sebagai AJKnya mempunyai akauntabiliti dari segi penggunaan, kemajuan dan undang-undang tanah di Malaysia.¹¹¹

Analisis di atas jelas menunjukkan bahawa wakil rakyat di Malaysia mempunyai akauntabiliti ke arah memajukan negara dalam suasana yang harmoni dan makmur ke arah pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Melalui pelantikan sebagai AJK dalam majlis-majlis tersebut, wakil rakyat boleh memberi idea, cadangan, perancangan dan sebagainya untuk dilaksanakan demi kepentingan rakyat dan negara. Dalam sosio-ekonomi misalnya, negara berhadapan dengan masalah pengangguran, kekurangan peluang pekerjaan, kos hidup meningkat, harga barangan keperluan harian naik mendadak dan sebagainya. Justeru itu, pihak kerajaan mencari langkah penyelesaian dan boleh mengemukakan pelan strategik untuk menyelesaikannya. Dalam hal ini, kerajaan yakin pemimpin politik yang dilantik sebagai AJK majlis yang berkenaan dapat menyumbang sesuatu yang bermakna demi rakyat dan negara.

6.3 PERANAN DALAM GLC DAN BADAN BERKANUN

Kapasiti seorang wakil rakyat itu tidak hanya dilihat sebagai pemimpin dan ahli politik, tetapi juga selaku pengurus dan pentadbir—lazimnya disebut birokrat—apabila dilantik

¹¹⁰ Arahan No. 10, Majlis Tindakan Negara diakses dari <http://www.icu.gov.my/pdf> (23 Januari 2014). Perdana Menteri merupakan Pengerusi Majlis Tindakan Negara dan menteri-menteri kabinet sebagai ahlinya.

¹¹¹ Perkara 91 Majlis Tanah Negara, Perlembagaan Persekutuan memperinci tentang peranan dan bidang kuasa majlis ini dalam soal penggunaan tanah di Malaysia (Malaysia, 2007a: 116-117).

untuk mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi. Sebagai pentadbir dan pengurus—berperanan sebagai birokrat—wakil rakyat mempunyai fungsi sebagai penggubal dasar dalam badan berkanun dan GLC. Kedudukan ini diakui oleh Sharkansky (1978: 235) dalam analisisnya tentang peranan pemimpin politik apabila dilantik sebagai Pengerusi, Penasihat dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam agensi-agensi kerajaan sebenarnya bertindak sebagai pentadbir atau pengurus. Melalui kedudukan tersebutlah pemimpin berkenaan berperanan sebagai penggubal dasar dan mengetuai kepimpinan organisasi berkenaan.

Jadual 6.2: Keanggotaan Dalam GLC

Penilaian (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Keahlian dalam GLC	21	37.5%
Jawatan Dalam GLC:		
Pengerusi	11	19.6%
ALP	7	12.5%
Pengarah	1	1.8%
Ahli Majlis	1	1.8%
AJK	1	1.8%
Tahun Dilantik (N = 21)		
2011	2	3.6%
2010	3	5.4%
2009	6	10.7%
2008	5	8.9%
2007	1	1.8%
2006	1	1.8%
2003	1	1.8%
1997	1	1.8%
1981	1	1.8%

Selepas PRU-12, kerajaan Malaysia telah melantik seramai 16 orang ahli parlimen dan bekas ahli parlimen menganggotai agensi kerajaan, GLC, suruhanjaya, perbadanan dan lembaga dalam pelbagai kapasiti di bawah JPM (*Utusan Malaysia*, 4 Oktober 2012). Mereka yang berkhidmat di JPM ialah Dato' Seri Jamaluddin Jarjis dan Dato' Seri S. Samy Vellu yang masing-masing menerima elaun RM27,227.20 manakala Datuk Seri Dr. Abdullah Md. Zain dibayar RM25,106, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim (RM24,022), Tan Sri Ong Ka Ting (RM20,000) dan Tan Sri Dr. Yusof Noor (dibayar elaun secara pentadbiran). Tan Sri Syed Hamid Albar pula dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menerima elaun RM20,000. Hasbi

Habibollah sebagai Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) menerima elaun RM1,900. Datuk Mohamad Aziz dan Tan Sri Badruddin Amiruldin dilantik sebagai Ahli Lembaga Tabung Haji yang masing-masing dibayar RM2,500 dan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Datuk Yusoff Mahal (RM1,000). Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad pula dilantik sebagai Pengerusi Felda dibayar elaun tetap bulanan sebanyak RM5,500 dan elaun kehadiran RM600 setiap kali mesyuarat. Manakala Datuk Mohd. Suhaili Said, Hamim Samuri dan Datuk Ismail Abd. Mutalib dilantik sebagai Ahli Lembaga Felda menerima elaun bulanan sebanyak RM2,500 dan elaun kehadiran RM600 setiap kali mesyuarat. Sementara itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Penasihat Pembangunan Wilayah Ekonomi dan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dibayar elaun RM13,000 sebulan (*Utusan Malaysia*, 4 Oktober 2012). Ini menunjukkan bahawa kerajaan telah memberi kepercayaan kepada wakil rakyat untuk menerajui pelbagai agensi kerajaan (badan berkanun, GLC dan lain-lain). Berhubung perkara ini, analisis dapatan kajian mendapati 37.5% wakil rakyat dilantik ke dalam GLC sebagai Pengerusi, ALP, Ahli Majlis, AJK dan Pengarah seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.2 di atas. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat wakil rakyat yang telah dilantik ke dalam GLC mulai tahun 2011, 2010 dan tahun-tahun sebelumnya termasuk ada yang telah dilantik semenjak tahun 1981 lagi.

Jadual 6.3: Tempoh Lantikan Dalam GLC

Tempoh (N = 16)	Kekerapan	Peratus
2 tahun	8	14.3%
Secara tahunan	3	5.4%
3 tahun	2	3.6%
1 tahun	1	1.8%
8 tahun	1	1.8%
Tiada had	1	1.8%

Tempoh pelantikan sebagai anggota GLC tidak tetap kerana ia bergantung kepada keperluan kerajaan. Oleh sebab itu, ada yang dilantik secara tahunan, dari setahun ke setahun, dua tahun sekali dan sebagainya. Analisis dapatan kajian mendapati kebanyakan wakil rakyat dilantik untuk tempoh dua tahun (14.3%) dalam

GLC yang berkenaan. Ada pula yang dilantik dalam GLC tiada had tempoh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.3 di atas. Wakil rakyat yang telah dilantik ke dalam GLC diberi atau memegang beberapa jawatan sebagai Pengerusi, ALP dan AJK seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.4 di bawah.

Jadual 6.4: Peranan Dalam GLC

Nama GLC	Wakil Rakyat	Jawatan
Agro Cashcrop	YB Che Uda Che Nik	Pengerusi
Dayani Sdn. Bhd.	YB Rashid Din	Pengerusi
GP Glass	YB Rosol Wahid	Pengerusi
Kedah Agro Plantation	YB Abd. Ghani Ahmad	Pengerusi
Menara Taming Sari. Bhd.	YB Md. Sirat Abu	Pengerusi
Prokel Management Sdn. Bhd.	YB Abdul Latiff Abdul Rahman	Pengerusi
Yiked Kuari	YB Mohd. Nasir Mustafa	Pengerusi
RISDA Semaian	YB Mohamad Shahrum Osman	Pengerusi
George Town World Heritage Incorporate	YB Wong Hon Wai	ALP
Lembaga Kumpulan Kawasan Konsesi Hutan	YB Peter Nansian Ngusie	ALP
Permodalan Kedah Berhad (PKB)	YB Ahmad Kassim	ALP
Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB)	YB Dr Nik Mazian Nik Mohamed	AJK

Selain menganggotai GLC, wakil rakyat (terpilih) turut dilantik dalam beberapa badan berkanun seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.5 di bawah. Pelantikan dalam GLC dan badan berkanun menepati saranan bahawa wakil rakyat bertanggungjawab sebagai pentadbir atau pengurus dalam organisasi berkenaan. Walau bagaimanapun, sebelum menjadi wakil rakyat, sebilangan mereka sebenarnya telah mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran, pengurusan dan dunia korporat. Oleh sebab itu, analisis dapatan kajian ini mendapati 83.6% bersetuju salah satu syarat untuk melayakkan seorang pemimpin itu dipilih sebagai wakil rakyat dengan memiliki pengalaman yang luas dalam pentadbiran. Apabila telah memiliki pengalaman luas dalam pentadbiran, tiada menjadi masalah apabila wakil rakyat tersebut dilantik ke dalam badan berkanun dan GLC bagi menjalankan tugas mentadbir dan mengurus. Dengan pengalaman yang dimiliki, wakil rakyat tersebut boleh berkongsi idea, perancangan, strategi dan sebagainya bersama kakitangan organisasi dalam usaha mempertingkatkan prestasi dan

pencapaian organisasi yang diterajunya dan mampu menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Selepas PRU-12, ramai wakil rakyat BN telah dilantik menerajui badan berkanun termasuk mereka yang ditunjukkan dalam Jadual 6.5 di bawah. Seperti telah disebutkan di atas, ramai wakil rakyat yang telah memiliki pengalaman yang luas dalam pentadbiran seperti Perkhidmatan Awam dan dunia korporat sebelum menceburi bidang politik dan dipilih sebagai wakil rakyat. Misalnya, YB Hasbi Habibollah (ahli parlimen Limbang, Sarawak) adalah bekas Jurutera Kanan, Unit Senggara Jalan di ibu pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuching, Sarawak. Beliau telah mempunyai lebih 22 tahun pengalaman kerja bersama JKR. Oleh sebab itu, apabila Hasbi dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Malaysia, beliau dipercayai dapat menggunakan pengalamannya untuk membawa kecemerlangan kepada LPKP dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Jadual 6.5: Peranan Dalam Badan Berkanun

Nama Badan Berkanun	Wakil Rakyat	Jawatan
Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak	YB Abdul Taib Mahmud	Pengerusi
Perpustakaan Negeri Perak	YB Sha'arani Mohamad	Pengerusi
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)	YB Suraya Yaacob	Pengerusi
Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	YB Ismail Kassim	ALP
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	YB Mohamed Azmin Ali	ALP
Yayasan Islam Terengganu.	YB Abdul Rahin Mohd. Said	ALP
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	YB Yaakub Sapari	Ahli Majlis
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	YB Norolazali Sulaiman	Ahli Majlis

Walaupun fungsi wakil rakyat dalam GLC dan badan berkanun bukanlah bertaraf (status) penjawat awam, tetapi ia melaksanakan fungsi pentadbiran dan pengurusan apabila diamanahkan sebagai ahli (anggota) dalam GLC dan badan berkanun dengan pelbagai kedudukan seperti Pengerusi, Pengarah, AJK dan Ahli Majlis dan ALP. Oleh sebab itu, dalam konteks politik-pentadbiran di Malaysia, ia jelas menunjukkan bahawa wakil rakyat mempunyai hubungan rapat dalam proses penggubalan dasar awam melalui peranannya dalam badan berkanun dan GLC.

Pemimpin dalam GLC dan badan berkanun turut mempunyai hubungan rapat dengan birokrat, di mana boleh memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada PM dan kabinet berhubung sesuatu dasar.

6.4 PERANAN DALAM BADAN BUKAN KERAJAAN

Selain diberi tanggungjawab dalam badan berkanun dan GLC, wakil rakyat di Malaysia turut melibatkan diri dalam NGO. Berdasarkan analisis Recthman (2010: 460), melalui penglibatan dalam organisasi bukan berasas keuntungan seperti NGO, pemimpin politik dapat menonjolkan kepimpinannya sama ada sebagai anggota (ahli) mahupun sukarelawan dalam organisasi tersebut. Oleh sebab itu, adakalanya pemimpin politik yang berperanan sebagai ahli mahupun sukarelawan dalam NGO yang berkenaan dibayar suguhati atau honorarium sebagai pengiktirafan ke atas sumbangannya. Oleh itu, pemimpin politik seperti wakil rakyat yang terlibat dalam NGO adalah bermatlamat untuk membela atau memperjuang nasib sesuatu kumpulan atau komuniti tertentu dalam masyarakat. Menurut Recthman lagi, ini merupakan suatu cabaran kepada kepimpinan politik kerana pada masa yang sama perlu mengukuhkan hubungan dengan barisan kepimpinan yang sedia ada dalam NGO berkenaan. Dengan kata lain, perlu wujud semangat kerjasama dan perkongsian kerja (*working partnership*) yang kukuh antara pemimpin politik dengan lembaga pengarah organisasi tersebut.

Justeru itu, dalam konteks politik Malaysia dewasa ini, penglibatan wakil rakyat tidak terhad dalam organisasi berkaitan kerajaan semata-mata. Bahkan pengaruh wakil rakyat banyak di luar organisasi tersebut dengan melibatkan diri dalam NGO khususnya di pihak pemimpin parti pembangkang. Melihat kepada perkembangan ini, jelas menunjukkan bahawa penglibatan ahli politik dalam NGO dan sebaliknya pengaruh NGO dalam politik tidak dapat dipisahkan. Hal ini diakui oleh Crough (1991: 91), di mana analisisnya mendapati penglibatan pemimpin dalam NGO tidak dapat dipisahkan. Menurut Crough, di Malaysia terdapat ramai ahli politik yang terlibat dan berjuang melalui NGO terutama di pihak parti pembangkang. Dengan kata lain, NGO mempunyai hubungan politik dengan pembangkang (*had political ties with the opposition*).

Dalam menilai peranan dan sumbangan ahli politik dalam (atau menerusi) NGO, berdasarkan kepada analisis Brown (2010: 365-366) dan Gilley (2006: vii-1), mereka mendapati fungsi pemimpin adalah sebagai tulang belakang kepada organisasi berkenaan misalnya dalam NGO dari segi pembangunan, pencapaian, kualiti dan sumber kewangan. Justeru itu, menurut Brown (2010: 365), ramai pemimpin sanggup menghabiskan sejumlah besar wangnya demi NGO yang diterajui atau disertainya dalam memperjuang kepentingan sivil atau umum, keadilan sosial dan pembangunan ekonomi yang lebih pesat. Melalui NGO itu juga, pemimpin politik dapat memperkukuh kepimpinan di peringkat akar umbi dalam sistem politik yang sedia ada, di mana rakyat lebih bersifat terbuka menerima maklumat dan menyuarakan masalah mereka kepada kerajaan melalui NGO.

Penglibatan secara langsung pemimpin dan rakyat bersama NGO merupakan suatu isyarat yang positif—ke arah pendemokrasian politik—dalam sistem politik sesebuah negara. Dalam hal ini, Gilley (2006: vii) pula menyifatkan peranan ahli politik seperti wakil rakyat dalam NGO bukan sekadar tulang belakang organisasi berkenaan, tetapi sebagai pembimbing, peneraju, pendorong, kaunselor, penyelesaian masalah dan sebagainya, di mana bertanggungjawab dalam meningkatkan prestasi, kualiti, strategi dan pelaksanaan program atau dasar bagi NGO berkenaan. Walau bagaimanapun, menurut Gilley (2006: 1) lagi, disebabkan politik dan pemimpin politik sering dilabelkan dalam imej-imej yang negatif, maka ia menjadi penghalang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dan berinteraksi secara aktif dalam politik khususnya melalui NGO.

Analisis-analisis dalam penemuan kajian sarjana-sarjana di atas mempunyai persamaan dengan dapatan kajian ini dalam menilai peranan wakil rakyat dalam NGO dan badan sukarela (lihat Jadual 6.6, Jadual 6.7, Jadual 6.8, Jadual 6.9 dan Jadual 6.10). Analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wakil rakyat menyertai NGO dalam pelbagai kategori seperti pertubuhan belia, pertubuhan antarabangsa, pertubuhan hak asasi, pertubuhan wanita, pertubuhan hak pekerja, pertubuhan alam sekitar, pertubuhan kepenggunaan dan pertubuhan agama. Berdasarkan kepada analisis Zaheruddin (2009: 128-141), terdapat beberapa NGO yang aktif di Malaysia. Pertama, pertubuhan (NGO)

berasaskan belia seperti Majlis Belia Malaysia (MBM), Gerakan Belia 4B, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Malaysia (GPMS), Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) (Zaherudin, 2009: 128). Pertubuhan-pertubuhan belia ini berperanan dalam memperjuang isu-isu belia dari segi kebebasan bersuara, pendidikan, kepimpinan, dan memberi pendidikan kepada ahli mengenai tanggungjawab mereka kepada negara. Analisis dapatan kajian ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.6 di bawah mempunyai beberapa persamaan dengan dapatan kajian Zaherudin (2009), di mana jelas menunjukkan sebilangan wakil rakyat melibatkan diri secara aktif dalam NGO berteraskan pertubuhan belia di Malaysia.

Jadual 6.6: Peranan Dalam NGO Belia

Nama NGO	Wakil Rakyat	Jawatan
Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia	YB Hassan Malek	Presiden
Majlis Belia Malaysia (MBM)	YB Hassan Malek	Presiden
Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (ANSARA)	YB Mukhriz Mahathir	Presiden
Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (ANSARA)	YB Norolazali Sulaiman	N. Presiden
Majlis Belia Negara (MBN), Pahang	YB Norolazali Sulaiman	Ahli Majlis
Gerakan Belia 4B Malaysia	YB Ismail Kassim	Ahli Majlis
Gerakan Belia 4B Parlimen Nibong Tebal	YB Mahmud Zakaria	Penasihat
Persatuan Kenyah, Sarawak	YB Jacob Dungau Sagan	Penasihat
Pesaka, Negeri Sembilan	YB Roslan Md Yusoff	NYDP
Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS)	YB Peter Nansian Ngusie	Ahli Seumur Hidup

Kedua, NGO berbentuk pertubuhan antarabangsa. NGO dalam kategori pertubuhan antarabangsa berperanan dalam menyuarakan isu seperti peperangan, kebuluran, kemanusiaan, konflik, ketidakadilan dan sebagainya. Di Malaysia, beberapa NGO yang aktif di peringkat antarabangsa seperti MERCY, AMAN, Yayasan Salam dan JUST (Zaherudin, 2009: 129-130). Analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa YB Dato' Mukhriz Mahathir berperanan sebagai Penyelaras AMAN manakala YB Zuraida Kamarudin pula adalah Penasihat kepada Gemma Humanitarian Relief.¹¹²

¹¹² Untuk melihat profil YB Zuraida Kamarudin, boleh dirujuk dalam *blog* di bawah <http://www.demirakyat.my/en/candidate/zuraida-binti-kamaruddin>.

Ketiga, NGO berbentuk pertubuhan hak asasi. Dalam kategori ini, NGO yang aktif di Malaysia seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN). Kedua-dua NGO ini melakukan aktiviti-aktiviti dalam meningkatkan kesedaran tentang hak-hak asasi manusia. Kedua-dua NGO ini berperanan dalam melindungi kepentingan rakyat daripada sebarang penindasan, diskriminasi, rasuah, pelanggaran undang-undang dan penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak (Zaherudin, 2009: 131). Walau bagaimanapun, analisis dapatan kajian ini tidak menunjukkan seorang pun wakil rakyat menjadi ahli dalam SUARAM dan ALIRAN atau mana-mana NGO yang lain dalam kategori hak asasi ini.

Keempat, NGO berbentuk pertubuhan wanita. Pelbagai NGO wanita yang terdapat di Malaysia dalam memperjuangkan hak dan kepentingan golongan tersebut dari segi peningkatan taraf hidup, pekerjaan, persamaan taraf, keadilan sosial dan sebagainya. Antara NGO yang aktif di Malaysia seperti Sister in Islam (SIS), All Women's Action Society of Malaysia (AWAM) dan Women's Centre for Change (WCC) (Zaherudin, 2009: 133). Analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa YB Rohani Abdul Karim berperanan sebagai Pengerusi bagi National Council of Women's Organizations (NCWO), Sarawak. Sementara itu, YB Zuraida Kamarudin pula bertindak sebagai Penaung Pertubuhan Pembangunan Wanita Ampang, Selangor. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa wakil rakyat turut terlibat secara langsung dalam NGO wanita di Malaysia.

Kelima, NGO berbentuk pertubuhan hak pekerja seperti Malaysian Trade Union Congress (MTUC) dan Congress of Union on Employees in the Public and Civil Service (CUEPACS) yang merupakan dua organisasi induk, di mana terdapat beberapa puluhan kesatuan lain di bawahnya (Zaherudin, 2009: 135). MTUC dan CUEPACS merupakan dua NGO yang sangat aktif dalam memperjuangkan nasib pekerja dalam sektor swasta dan awam di Malaysia. Walaupun analisis dapatan kajian ini menunjukkan tiada wakil rakyat menjadi ahli dalam kedua-dua NGO ini, tetapi YB Wan Junaidi Tuanku Jaafar merupakan Pengerusi kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia, Sarawak manakala YB Abdul Ghapur Salleh bertindak selaku Penaung kepada Persatuan Peladang

Kalabakan, Sabah. Sementara itu, YB Mohamad Shahrudin Osman pula memegang jawatan sebagai Naib Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia.

Dalam menganalisis peranan wakil rakyat dalam NGO berbentuk pertubuhan hak pekerja, Crough (1991: 91) telah mengemukakan beberapa tokoh pemimpin dalam MTUC dan CUEPACS yang menjadi wakil rakyat sebelum atau selepas menyertai kedua-dua NGO ini. Misalnya, pada tahun 1978 V. David Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja Pengangkutan (Transport Workers Union) adalah wakil rakyat parti DAP yang kemudiannya telah dipilih sebagai Setiausaha Agung MTUC. Selepas itu Zainal Rampak Timbalan Presiden MTUC telah bertanding dalam PRU 1978 dan 1982 sebagai calon parti DAP, tetapi gagal memenangi kerusi yang ditandinginya.¹¹³ Selain V. David dan Zainal Rampak dari MTUC, seorang lagi pemimpin NGO iaitu Ahmad Nor Presiden CUEPACS pada tahun 1983 telah menjadi ahli politik. Setelah melepaskan jawatannya sebagai Presiden CUEPACS, Ahmad Nor menyertai parti DAP pada tahun 1987. Pada tahun 1988 Ahmad Nor telah dipilih sebagai Naib Presiden MTUC. Dalam PRU tahun 1990 beliau telah memenangi kerusi parlimen sebagai calon parti DAP.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa NGO dan parti politik mempunyai ikatan (hubungan) kuat dalam sistem politik di Malaysia. Jadi, dalam analisisnya tentang peranan ahli politik (wakil rakyat) dalam NGO, Crough (1991: 91) mengulas bahawa “...*there is little evidence to suggest that the DAP was able to mobilize political support on a wide scale through its influence in the MTUC.*” Hingga kini parti DAP dilihat antara parti politik yang banyak bergerak bersama NGO dalam mendesak dan memberi tekanan kepada kerajaan berhubung sesuatu isu terutama membabitkan kepentingan rakyat. Berkaitan hubungan antara parti politik dan NGO, Weiss (2003: 69) dalam analisisnya melihat parti-parti politik di Malaysia seperti BN, PAS, DAP, PRM dan PKR) menawarkan retorik perpaduan, institusi di dalam masyarakat madani—terutamanya sebilangan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang dipolitikkan, dan media alternatif—telah memupuk anjakan sikap dalam kalangan orang ramai dengan menyaksikan kerjasama berbilang etnik yang berkesan berkaitan tujuan mendapat

¹¹³ Selepas mengambil alih jawatan Presiden MTUC, Zainal Rampak keluar daripada parti DAP, tetapi tahun 1990 menyertai parti Semangat 46.

sokongan, mendidik rakyat tentang perlunya kerjasama yang mendalam dalam sektor-sektor komuniti dan memberi sokongan kepada pemimpin yang bereputasi baik untuk memberi kesahan kepada parti politik.

Keenam, NGO berbentuk pertubuhan alam sekitar. Sama seperti NGO yang lain, NGO kategori ini bertujuan memperjuang isu-isu alam sekitar seperti penjagaan, pemuliharaan, kebersihan dan kesedaran orang awam tentang alam sekitar. Di Malaysia, NGO yang aktif memperjuang isu alam sekitar iaitu Persatuan Pencinta Alam Malaysia (Malaysian Nature Society, atau MNS) (Zaherudin, 2009: 137). Ketujuh, NGO dalam kategori pertubuhan kepenggunaan. Kebanyakan NGO dalam kategori ini tidak cenderung bersifat politik kerana ia lebih kepada isu kepenggunaan. Antara NGO yang aktif di Malaysia seperti Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA), di mana banyak persatuan pengguna peringkat bernaung di bawahnya. Antaranya ialah Persatuan Pengguna Melaka (CAM), Persatuan Pengguna Negeri Sembilan (CANS), Persatuan Pengguna Kedah (CAKE) dan lain-lain. Manakala persatuan pengguna yang tidak bernaung di bawah FOMCA seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Persatuan Pengguna Taiping (CAT) dan Pendidikan dan Penyelidikan Pengguna (ERA) dan Organisasi Pengguna Air Keroh, Melaka (Zaherudin, 2009: 139). NGO kepenggunaan memperjuang isu kenaikan harga, kualiti barangan, bahan makanan, dan sebagainya yang memberi banyak kesan dan beban kepada pengguna. Analisis dapatan kajian ini menunjukkan terdapat wakil rakyat yang terlibat dalam NGO berasas kepenggunaan seperti YB Nik Mazlan Nik Mohamad sebagai ahli Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan YB Yip Sun Onn sebagai Penaung Kelab Pengguna DUN Titi Tinggi, Perlis.

Kelapan, NGO berasaskan pertubuhan agama. Walaupun menonjolkan ciri-ciri keagamaan dari segi penubuhan dan nama organisasinya, tetapi tidak semua perjuangan NGO tersebut berkisar kepada isu agama semata-mata. Adakalanya NGO terbabit turut memperjuang soal keadilan, pendidikan, politik dan sebagainya. Di Malaysia, terdapat beberapa NGO berkaitan agama yang aktif seperti Angkatan Belia Islam Malaysia

(ABIM) dan Jemaah Islam Malaysia (JIM).¹¹⁴ Dalam perjuangannya, ABIM telah menjalin hubungan erat dengan beberapa pertubuhan agama lain dari seluruh dunia seperti World Assembly of Muslim Youth (WAMY), Regional Islamic Southeast Asia and the Pacific (RISEAP) dan World Council of Muslim Inter-Faith Relations (WCMIR) (Zaherudin, 2009: 140). Dapatan kajian ini menunjukkan beberapa wakil rakyat telah terlibat dalam NGO bersifat keagamaan seperti ABIM, RISEAP dan JIM seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.7 di bawah.

Jadual 6.7: Peranan Dalam NGO Agama

Nama NGO	Wakil Rakyat	Jawatan
Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and Pacific (RISEAP)	YAB Abdul Taib Mahmud	Presiden
Jemaah Islamiah Malaysia (JIM)	YB Nik Mazlan Nik Mohamad	Ahli
Temple Air Itam, Pulau Pinang	YB Wong Hon Wai	Penasihat
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	YB Ahmad Kassim	Ahli
Maahad Tahfiz Az-zahr	YB Zuraida Kamarudin	Lembaga Pengarah
Lembaga Masjid Negeri Sarawak	YB Daud Abdul Rahman	Ahli Lembaga

Selain kategori NGO-NGO di atas, dalam sistem sosio-politik Malaysia terdapat NGO kategori lain berasas komuniti dan unit beruniform (keselamatan) seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.8 dan Jadual 6.9 di bawah. Penglibatan dalam badan-badan ini merupakan suatu ruang yang sangat sesuai bagi wakil rakyat untuk menonjolkan kualiti kepimpinannya sebagai *'role model'* untuk menunjukkan nilai kepimpinan melalui teladan kepada masyarakat. Wakil rakyat memegang jawatan-jawatan penting seperti Pengerusi, Penasihat, Penaung, Patron dan Ahli Lembaga dalam badan beruniform (SJAM, PBSM, dan Pengakap), badan keselamatan (Aman Malaysia, RELA, Bomba dan JPAM), kesihatan (PEMADAM dan Yayasan Jantung), kebudayaan (Majlis Kebudayaan) dan komuniti (Rumah Penyayang, Pertubuhan Anak Yatim, dan rumah ibadat). Bersama badan-badan sukarela ini, wakil rakyat boleh mendekati dan

¹¹⁴ JIM telah bergabung dengan beberapa NGO bagi menegakkan keadilan dan membentaras kezaliman dan menubuhkan Gerakan Reformasi Rakyat (GRR) yang bertanggungjawab menubuhkan Gerakan Reformasi (GERAK) pada 27 September 1998 (Zaherudin, 2009: 141). Untuk keterangan lanjut, lihat analisis Francis Loh, Kok Wah, (2005) *Politik Baru di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Univesiti Sains Malaysia (hlm. 31-32 dan 37-41) berkaitan peranan JIM dalam GRR dan GERAK.

memahami secara lebih dekat masalah dan kekangan yang dihadapi oleh mereka untuk diajukan kepada pihak kerajaan untuk diselesaikan.

Jadual 6.8: Peranan Dalam Badan Beruniform

Nama Pertubuhan	Wakil Rakyat	Jawatan
PBSM Negeri Perlis	YAB Md Isa Sabu	Penasihat
PBSM Bukit Mertajam	YB Tan Hock Leong	Penasihat
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)	YB Mohamad Shahrum Osman	Kolonel Kehormat
Pengakap Negara	YB Mohamad Shahrum Osman	Ketua Pesuruhjaya
Pengakap Petra Jaya.	YB Fadillah Yusof	Penaung
RELA.	YB Chang Hong Seong	Kesrol Muda
RELA.	YB Peter Nansian Ngusie	Kolonel Kehormat
Anti Crime Awareness Team (ACAT).	YB Abdul Ghafur Salleh	Penaung
Bomba Sukarela.	YB Choong Siew Hon	Penasihat
Bomba Sukarela, Air Itam, P. Pinang.	YB Wong Hon Wai	Penasihat
St. John Ambulans Malaysia (SJAM).	YB Lee Hong Tee	Pemerintah Negeri

Jadual 6.9: Peranan Dalam Badan Komuniti

Nama Pertubuhan	Wakil Rakyat	Jawatan
Persatuan Mencegah Dadah (PEMADAM)	YB Ahmad Kassim	Ahli
Persatuan Mencegah Dadah (PEMADAM) Sarawak	YAB Abdul Taib Mahmud	Patron
Persatuan Isteri-isteri Menteri	YAB Abdul Taib Mahmud	Patron
Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis	YAB Md Isa Sabu	Pengerusi
Pertubuhan Anak-anak Yatim Daerah	YB Mohamad Shahrum Osman	Pengerusi
Persatuan Memperbaiki Akhlak Che Kuan Ker	YB Chang Hong Seong	Penasihat
Lembaga Kebajikan Anak Yatim Sarawak	YB Daud Abdul Rahman	Pengerusi
Jaksa Pendamai (JP) Kedah	YB Abd. Ghani Ahmad	Ahli
Australian Universities International Alumni Convention (AUIAC)	YAB Abdul Taib Mahmud	Patron
Persatuan Sindrom Down Malaysia	YB Mukhriz Mahathir	Penaung
Rumah Komuniti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	YB Murukasvary S. Thanarajan	Pengerusi
Persatuan Kong Har Tong Kuala Lumpur dan Selangor	YB Wong Koon Mun	Pengerusi

Selain NGO-NGO di atas, penglibatan wakil rakyat dalam masyarakat termasuk juga dalam pengurusan badan sukan. Ramai wakil rakyat menjadi pemimpin dalam persatuan sukan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.10 di bawah. Ini juga merupakan sebahagian daripada peranan sekunder berbentuk sukarela yang menjadi tanggungjawab

wakil rakyat untuk meningkatkan prestasi badan sukan yang diterajuinya hingga ke peringkat antarabangsa melalui kejohanan atau pertandingan yang disertainya. Ada dalam kalangan mereka dilantik sebagai Penaung, Pengerusi, Presiden dan sebagainya dalam beberapa persatuan sukan seperti bola sepak, badminton, ping pong, bola jaring, golf, silat, kenu, bina badan dan lain-lain.

Jadual 6.10: Peranan Dalam Badan Sukan

Badan Sukan	Wakil Rakyat	Jawatan
Persatuan Bolasepak Perak	YB Zainol Fadzi Paharudin	Presiden
Persatuan Muathai Perak	YB Zainol Fadzi Paharudin	Penaung
Pesaka Perak	YB Zainol Fadzi Paharudin	Yang Dipertua
Persatuan Ping Pong Negeri Terengganu	YB Abdul Rahin Mohd. Said	Pengerusi
Persatuan Seni Silat Daerah Kuala Terengganu	YB Abdul Rahin Mohd. Said	Yang Dipertua
Persatuan Bina Badan Negeri Pahang	YB Mohamad Shahrudin Osman	Presiden
Persatuan Permotoran Negeri Pahang	YB Mohamad Shahrudin Osman	Timbalan Presiden
Persatuan Bola Jaring Malaysia	YB Suraya Yaacob	Presiden
Persatuan Bola Jaring Kedah	YB Suraya Yaacob	Presiden
Persatuan Menembak Kedah	YB Suraya Yaacob	Naib Presiden
Bolasepak DUN Rungkup	YB Sha'arani Mohamad	Pengerusi
Badminton DUN Rungkup	YB Sha'arani Mohamad	Pengerusi
Persatuan Bola Sepak Indra Pura, Pahang	YB Norolazali Sulaiman	Naib Yang Dipertua
Pasukan Futsal Kalabakan (Pukal FC)	YB Abdul Ghafur Salleh	Penaung
Persatuan Bolasepak Daerah Bau	YB Peter Nansian Ngusie	Penaung
Persatuan Golf Amatur Sarawak	YB Fadillah Yusof	Penaung
Kelab Rekreasi Teruntum	YB Chang Hong Seong	Pengerusi
Persatuan Silat Muar	YB Abdullah @ Md Khalid Md Ali	Pengerusi
Persatuan Bolasepak Perlis	YB Ismail Kassim	Presiden
Persatuan Kenu Selangor	YB Yaakub Sapari	Presiden
Persatuan Perahu Layar Kedah	YB Abu Bakar Taib	Presiden

Secara keseluruhannya, dalam menilai penglibatan wakil rakyat dalam NGO di Malaysia, dapatan kajian ini mempunyai beberapa persamaan dengan penemuan kajian Crough (1999) dan Zaherudin (2009). Paling jelas sekali didapati wakil rakyat terlibat secara langsung dalam pelbagai NGO atas kapasiti jawatan yang disandangnya. Justeru itu, melalui NGO-NGO berkenaan wakil rakyat boleh memberi pelbagai sumbangan penting dan berbakti kepada golongan tertentu yang memerlukan bantuan, sumbangan, pembelaan dan sebagainya dalam masyarakat. Selain itu, wakil rakyat boleh

berperanan sebagai orang tengah atau perantara melalui NGO yang diterajuinya bagi rakyat dan kerajaan dalam sebarang isu dan masalah yang mereka hadapi. Justeru itu, wakil rakyat diberi watak penting dalam NGO melalui peranannya sebagai Presiden, Patron, Penaung, Naib Presiden (Dipertua), Penasihat dan Ahli Majlis—suatu pengiktirafan kepada wakil rakyat—bukan sahaja memberi sumbangan kepada NGO berkenaan, tetapi kepada rakyat seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.11 di bawah.

Jadual 6.11: Sumbangan Kepada NGO

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Menyumbangkan idea bernas untuk pembangunan NGO.	51	4.37	.528	98.0%	2.0%	-
Perantara bagi kerajaan dan rakyat.	52	4.29	.605	92.4%	7.7%	-
Memberi kesedaran kepada rakyat terhadap hak dan kebajikan melalui NGO.	51	4.25	.595	92.2%	7.9%	-
Mendidik rakyat berani berani bersuara dan menyatakan pandangan kepada kerajaan.	50	4.10	.707	84.0%	14.0%	2.0%
Turut serta dalam setiap aktiviti anjuran NGO.	49	3.92	.886	79.5%	12.2%	8.1%
Penyelesai masalah antara NGO dengan kerajaan.	50	3.88	.718	80.0%	14.0%	6.0%
Memberi sumbangan atau derma peribadi.	51	3.76	1.088	76.4%	7.8%	15.7%
Penyelesai masalah dalaman NGO.	50	3.62	.855	64.0%	26.0%	10.0%
Menjaga kepentingan ahli NGO.	50	3.56	.884	62.0%	22.0%	16.0%
Mencari sumber kewangan untuk NGO.	51	3.49	1.084	60.7%	19.6%	19.6%

Min Skor Keseluruhan = 39.08; Sisihan Piawai Keseluruhan = 4.96

Analisis dapatan kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.11 di atas memperihalkan sumbangan wakil rakyat kepada NGO yang disertainya. Antara sumbangan utamanya adalah memberi idea-idea bernas untuk pembangunan NGO, di mana melalui NGO juga wakil rakyat boleh bertindak perantara bagi rakyat dan kerajaan dalam sesuatu isu berkaitan kepentingan masyarakat. Wakil rakyat turut menjadi aktor penting dalam memberi kesedaran kepada ahli-ahli NGO dan rakyat mengenai hak dan kebajikan mereka, di samping menggalakkan rakyat untuk lebih berani bersuara dan menyatakan pandangan kepada kerajaan. Sumbangan-sumbangan

lain termasuklah mencari sumber kewangan dan memberi derma kepada NGO serta bertindak sebagai penyelesaian masalah yang berlaku dalam NGO yang disertainya.

Berkaitan dengan peranan wakil rakyat dalam NGO, hasil kajian Marsland (2006) yang dimuatkan dalam artikelnya "*Community Participation the Tanzanian Way: Conceptual Contiguity or Power Struggle?*" menunjukkan bagaimana pemimpin politik itu memainkan beberapa penting melalui NGO dalam menjaga kepentingan masyarakat, di mana lazimnya dilakukan bersama parti politik yang diwakilinya. Dalam kes di Tanzania misalnya, kajian Marsland mendapati pemimpin politik melalui NGO telah berusaha memberi kesedaran kepada rakyat tentang bahaya dan kaedah kawalan terhadap wabak penyakit malaria yang telah melanda negara tersebut sejak sekian lama dan menjadi ancaman kepada rakyat Tanzania. Jadi, Marsland (2006: 65) melihat sumbangan penting pemimpin politik perlu ditingkatkan, di samping menyarankan agar hubungan yang lebih rapat antara ahli politik, parti politik dan komuniti dalam usaha mengawal wabak penyakit tersebut. Dengan kata lain, pemimpin politik bersama dengan pihak kerajaan, parti politik (termasuk pembangkang) dan NGO mempunyai tanggungjawab bersama dalam memberi sumbangan kepada masyarakat Tanzania dari segi kawalan penyakit malaria. Dalam hal ini, pemimpin politik (kerajaan) dari parti CCM (*Chama Cha Mapinduzi*) menyeru agar rakyat memberi kerjasama bagi menjayakan projek di bawah LIIMCO (Local Initiatives for the Integrated Control of Malaria) untuk menangani kes malaria.¹¹⁵ Dalam kes di Tanzania, penemuan kajian Marsland mendapati parti kerajaan tidak mahu pihak pembangkang terlibat dalam menyediakan apa-apa perkhidmatan untuk pembangunan komuniti di negara berkenaan termasuklah program anjuran LIIMCO bagi mengawal malaria.

Berdasarkan analisis- analisis di atas, ia jelas menunjukkan bahawa wakil rakyat boleh melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya melalui pelbagai cara. Selain melalui parti politik, badan berkanun dan

¹¹⁵ Parti CCM mempunyai strategi untuk menarik sokongan rakyat bukan sahaja kepada program dikendalikan oleh LIIMCO di daerah Kyela, Tanzania, tetapi menarik pemimpin dan ahli parti pembangkang TLP (Tanzanian Labour Party) menyertai CCM. Ahli parti pembangkang ditawarkan basikal oleh LIIMCO jika menyertai parti CCM dan isirumah yang menyertai kajian tinjauan yang dilakukan diberi kelambu nyamuk untuk menangani kes malaria (Marsland, 2006: 73).

GLC, wakil rakyat boleh melakukannya melalui NGO. Penglibatan aktif pemimpin politik melalui NGO dalam memperjuangkan kepentingan komuniti atau masyarakat yang diwakilinya diakui oleh Öberg dan Svensson (2012: 250). Mereka menjelaskan bahawa para sarjana bersetuju bahawa badan-badan sukarela merupakan tulang belakang penting kepada masyarakat. Oleh sebab itu, menurut analisis Öberg dan Svensson, ramai ahli politik yang terlibat dalam NGO. Melalui NGOlah mereka menunjukkan komitmen dan akauntabiliti mereka kepada rakyat. Hal yang sama berlaku di Malaysia apabila ramai ahli politik (termasuk wakil rakyat) bergerak melalui NGO untuk berbakti dan memperjuangkan kepentingan rakyat atau membuat tuntutan kepada kerajaan. Gerakan dalam mendesak kerajaan mengambil tindakan bagi menyelesaikan sesuatu yang berlaku dalam negara atau masyarakat begitu terserlah melalui NGO dan disokong kuat oleh parti politik. Justeru itu, NGO dan parti politik merupakan tulang belakang dalam menyokong pemimpin politik seperti wakil rakyat untuk memperjuangkan sesuatu demi kepentingan rakyat. Oleh sebab itu, terdapat pemimpin NGO yang berjaya dipilih sebagai wakil rakyat dalam pilihan raya dan sebaliknya ada pemimpin yang begitu menonjol dalam NGO setelah dipilih sebagai wakil rakyat seperti yang telah dibincangkan di atas.

6.5 PERANAN DALAM KEMASYARAKATAN

Bertepatan dengan peranan konstituensi (dibincangkan dalam Bab V), ternyata wakil rakyat di Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan bersama rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan merupakan pelengkap kepada peranan konstituensi kerana ia membabitkan kepentingan rakyat yang diwakili oleh wakil rakyat berkenaan. Namun, penglibatan wakil rakyat dalam pelbagai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh masyarakat lazimnya bersifat sukarela dan tidak formal. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam aktiviti kemasyarakatan menyediakan ruang dan peluang kepada wakil rakyat sebagai '*role model*' dengan menonjolkan ciri-ciri kepimpinan melalui teladan (Wolbrecht & Campbell, 2007) dan tadbir urus yang baik (*good governance*) kepada masyarakat.

Menerusi aktiviti kemasyarakatan, wakil rakyat terlibat dalam pelbagai program yang berunsurkan kebudayaan, adat resam, agama, pendidikan dan sebagainya. Penyertaan dalam aktiviti kemasyarakatan oleh wakil rakyat boleh dilakukan secara individual, melalui agensi-agensi tertentu dan NGO. Seperti telah dibincangkan di atas, penglibatan wakil rakyat dalam NGO misalnya merupakan suatu peluang kepada pemimpin tersebut untuk menyampaikan perkhidmatan dan berbakti kepada rakyat tanpa mengira perbezaan fahaman politik, agama, bangsa dan bahasa. Selain NGO, sudah tentunya wakil rakyat menggunakan saluran parti politik—di peringkat cawangan, bahagian, perhubungan negeri dan majlis kerja tertinggi—untuk menyertai program kemasyarakatan termasuklah yang berbentuk keagamaan.

Penyertaan wakil rakyat dalam setiap aktiviti dianjurkan oleh komuniti setempat bukan semata-mata memenuhi undangan untuk merasmikan acara tertentu, jemputan sebagai tetamu kehormat, merakamkan rasa simpati terhadap pihak atau keluarga yang ditimba musibah, memberi sokongan dan motivasi kepada rakyat, tetapi ia juga dilihat bertujuan menjaga kepentingan golongan tertentu dalam masyarakat. Hal ini kerana penglibatan wakil rakyat dalam aspek kemasyarakatan melibatkan soal ekonomi, keselamatan, kesihatan, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Dengan kata lain, wakil rakyat berperanan dalam mempromosi semua aspek ini demi kepentingan rakyat, di mana mengharapkan rakyat terus memberi sokongan kepadanya untuk dipilih semula dalam pilihan raya akan datang.

Dalam isu kemasyarakatan, selain soal pembangunan negara (fizikal), ia melibatkan pembangunan komuniti. Dalam konteks Malaysia, pembangunan komuniti merupakan sebahagian daripada tanggungjawab wakil rakyat sama ada melalui pejabatnya, kerajaan atau NGO. Menurut Abdul Rahman (2007: 22), semenjak tahun 1980an lagi banyak NGO yang wujud ke arah pembangunan komuniti yang menjadi rakan kongsi pembangunan dan menjadi pengimbang kepada kuasa pemerintah dan pasaran. Pengalaman beberapa negara termasuk Malaysia menunjukkan pembangunan komuniti dapat mencapai sasaran dan dilaksanakan dengan lebih baik sekiranya badan-badan ini turut terlibat dalam usaha pembangunan. Ini dapat dilihat misalnya dalam pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMK-9). Pembabitan NGO yang berasaskan pertubuhan akar umbi (community-based organization, atau CBO) dalam program pembangunan sangat perlu agar pembangunan itu sampai kepada akar umbi (Abdul Rahman, 2007: 23).

Dalam isu komuniti, ia turut melibatkan aspek kesihatan masyarakat dalam sesebuah negara. Dalam hal ini, kajian oleh Ndbele, Hedvall dan Requejo (2009) di Zambia dan Tanzania¹¹⁶ mendapati ahli-ahli parlimen mempunyai peranan penting dalam mempromosi—memberi kesedaran, kutipan dan dana (derma atau sumbangan) dan bajet—pembangunan kesihatan rakyat di negara masing-masing. Hal ini dapat dilihat dalam ulasan mereka seperti *“civil society organizations should be encouraged to engage with parliament to make sure MPs are aware of the health need of the people, and to help MPs analyze the health-sector budget and propose health legislation.”* (Ndbele, Hedvall & Requejo, 2009: 61). Di sini jelas menunjukkan bahawa wakil rakyat perlu peka dan prihatin terhadap apa sahaja perkembangan dan isu yang berlaku dalam masyarakat. Dalam mencapai usaha membangunkan sektor kesihatan—ke arah menangani masalah kesihatan rakyat—di kedua-dua negara, mereka mencadangkan agar komunikasi dapat ditingkatkan antara wakil rakyat, komuniti penderma, agensi dan pegawai kerajaan bagi menjayakan program tersebut. Di sini wakil rakyat berperanan dalam mempromosi secara proaktif isu dan masalah kesihatan kepada rakyat sebagai tanggungjawab bersama dengan dibantu oleh komuniti penderma, kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan.

Selain isu kesihatan, penyertaan wakil rakyat dalam aktiviti kemasyarakatan juga berkisar tentang aspek sosio-ekonomi. Dalam hal ini, Lyne de Ver (2008: 4) menjelaskan bahawa pemimpin politik (wakil rakyat) perlu bersedia memainkan peranannya untuk memberi sumbangan ke arah pembangunan sosio-ekonomi mahupun sosio-budaya dalam kalangan masyarakat. Banyak isu yang berlaku dalam masyarakat melibatkan aspek sosial, budaya dan ekonomi seperti jenayah, pengangguran, budaya

¹¹⁶ Kajian tentang pembangunan kesihatan di Zambia dan Tanzania telah dijalankan oleh Ndbele, Hedvall dan Requejo dari 19 Februari hingga 7 Mac 2009. Mereka telah menjalankan kajian dengan menemubual beberapa pihak seperti ahli-ahli parlimen, wakil dari komuniti penderma, agensi-agensi kerajaan yang aktif dalam sektor kesihatan, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli masyarakat yang terbabit (hlm. 6).

songsang dan sebagainya. Justeru itu, Lyne de Ver menyarankan agar pemimpin politik, ketua masyarakat, pemimpin belia dan sebagainya termasuklah NGO hendaklah bergabung dalam menangani setiap isu dan masalah yang berlaku dan perlu difahami secara politik (*need to understood politically*) terutama membabitkan pembangunan sosio-ekonomi. Dengan kata lain, pemimpin politik memahami masalah dan kehendak rakyat, di mana dalam keadaan-keadaan tertentu memerlukan wakil rakyat untuk menyelesaikannya. Justeru itu, wakil rakyat melalui aktiviti kemasyarakatan dapat menyelesaikan masalah dan memberi perkhidmatan kepada rakyat (*ibid.*, 31).

Jadual 6.12: Aktiviti Gotong Royong

Aktiviti Gotong Royong (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Membersihkan tanah perkuburan Islam.	46	82.1%
Membersihkan tanah perkuburan Cina.	15	26.8%
Membersihkan tanah perkuburan Kristian.	12	21.4%
Membersihkan tanah perkuburan Bumiputera.	13	23.2%
Membersihkan semak samun.	46	82.1%
Membersihkan kawasan kampung.	51	91.1%
Membersihkan kawasan sekolah.	44	78.6%
Membersih kawasan rumah ibadat.	37	66.1%

Berhubung penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, analisis dapatan kajian ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.12 di atas mendapati wakil rakyat di Malaysia banyak terlibat dalam menjayakan aktiviti gotong royong bersama masyarakat untuk tujuan-tujuan tertentu. Kebanyakannya terlibat dalam aktiviti kebersihan, kesihatan dan keceriaan seperti membersihkan kawasan persekitaran, tanah perkuburan dan rumah-rumah ibadat. Dari sudut lain pula, program gotong royong anjuran komuniti selain memberi peluang kepada wakil rakyat untuk turut serta dan menunjukkan kepimpinan melalui teladan kepada rakyat, ia dilihat dapat mempromosi semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Melalui aktiviti-aktiviti seperti ini, ia merupakan suatu peluang kepada rakyat dan pemimpin untuk berinteraksi dan berkongsi pandangan yang tidak terhad sewaktu program melawat kawasan semata-mata.

Selain itu, wakil rakyat juga boleh menyertai pelbagai aktiviti lain bersama masyarakat seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.13 di bawah. Penglibatan dalam pelbagai aktiviti tersebut memberi peluang kepada wakil rakyat untuk menonjolkan kepimpinannya—prihatin, komited, berkaliber dan mesra—kepada rakyat, di samping mempromosi kepimpinan melalui teladan yang baik kepada rakyat. Justeru itu, dalam isu ini, hubungan mesra dan akrab antara pemimpin dan komuniti amat penting dalam memahami setiap masalah dan cabaran yang berlaku dalam masyarakat. Disebabkan kepentingan dan matlamat politik, ia bukanlah halangan yang besar kepada wakil rakyat untuk menyertai aktiviti seperti majlis berkorban, membersihkan kawasan, bergotong royong, majlis berkhatan dan sebagainya sebagai tanda sokongan kepada rakyat.

Jadual 6.13: Lain-lain Aktiviti Kemasyarakatan

Aktiviti Dijalankan (N = 56)
Menyertai majlis berkorban sempena Hari Raya Haji.
Membersihkan kawasan pulau dan menanam pokok.
Bergotong royong membina rumah orang miskin.
Bergotong royong menghapuskan musuh atau perosak tanaman.
Melawat mangsa bencana seperti banjir, kebakaran dan kemalangan.
Membersihkan sungai, sistem perparitan, taliair dan jalan-jalan kampung.
Menziarahi keluarga yang mengalami kematian.
Menghadiri majlis berkhatan.

Selain aktiviti-aktiviti di atas, wakil rakyat juga merupakan aktor politik penting dalam mempromosi isu perpaduan kaum di negara ini melalui program ziarah dan lawatan bagi merai atau menunjukkan simpati kepada keluarga yang berkeinaan. Matlamat ke arah perpaduan kaum melalui aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan boleh dilakukan melalui sambutan perayaan, rumah terbuka musim perayaan, majlis perkahwinan, upacara kematian dan sebagainya seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.14 di bawah. Semangat perpaduan, muhibah, toleransi dan sebagainya melalui amalan kunjung mengunjung semasa perayaan boleh meningkatkan persefahaman antara kaum di Malaysia apatah lagi isu kaum dan agama kian sensitif kebelakangan ini. Jika di pihak masyarakat beragama Islam, kebolehan wakil rakyat menjadi imam solat misalnya adalah sangat dipuji dan sesuatu yang boleh menonjolkan ciri-ciri kepimpinan yang baik kepada rakyat. Penonjolan kepimpinan yang baik sangat penting kepada

seluruh lapisan masyarakat disebabkan banyak masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat yang kian membimbangkan. Justeru itu, wakil rakyat berperanan dalam usaha mengurangkan dan menangani masalah-masalah sosial terutama melibatkan golongan remaja dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya.

Jadual 6.14: Program Ziarah dan Sambutan Perayaan

Aktiviti Dihadiri (N = 56)	Kekerapan	Peratus
Menghadiri majlis perayaan kaum / agama lain.	54	96.4%
Menganjurkan rumah terbuka sempena hari perayaan.	54	96.4%
Menghadiri majlis perkahwinan.	53	94.6%
Menghadiri majlis kematian.	52	92.9%
Menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul.	49	87.5%
menghadiri majlis lawatan PM, menteri dan exco.	47	83.9%
Menghadiri majlis tilawah al-Quran.	41	73.2%

Hasil dapatan kajian ini seperti analisis di atas mempunyai beberapa persamaan dengan dapatan kajian Ndbele, Hedvall dan Requejo (2009), dan Wolbrecht dan Campbell (2007) yang menunjukkan bahawa pemimpin politik telah memainkan peranan secara aktif bersama masyarakat khususnya bagi tujuan menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Kepimpinan wakil rakyat dalam aktiviti kemasyarakatan, keagamaan dan lain-lain sama ada dilaksanakan secara individu, melalui jabatan kerajaan atau bersama NGO ke arah pembangunan komuniti dan sosio-ekonomi merupakan asas dalam mempamerkan ciri-ciri kepimpinan berkualiti dan berketrampilan ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan tadbir urus yang baik. Misalnya, analisis kajian Wolbrecht dan Campbell (2007: 933) mendapati wakil rakyat wanita secara signifikannya mempunyai kesan yang besar dalam aktiviti politik di dalam sesuatu kawasan dan juga mendapati pemimpin muda lebih berkesan daripada pemimpin tua. Mereka juga mendapati wakil rakyat wanita boleh menjadi '*role model*' dalam kehidupan politik masyarakat seperti kepada golongan remaja dan wanita, di samping menjadi inspirasi golongan tersebut untuk menyertai aktiviti politik seperti dalam memperjuang isu kesaksamaan gender (*ibid.*, 936-937).

Kepimpinan wakil rakyat di Malaysia turut berhadapan dengan isu-isu berkaitan agama seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.15 di bawah. Antara isu yang kerap melanda

sistem politik Malaysia adalah isu kafir mengkafir antara parti UMNO dan PAS. Bagi mengelak isu ini terus berlaku, kedua-dua parti politik orang Melayu ini disarankan untuk menghentikannya dan bekerjasama demi kepentingan umat Islam di Malaysia. Pemimpin dan umat Islam di negara ini juga menghadapi isu murtad dan ajaran sesat yang kian berleluasa disifatkan menjadi ancaman kepada umat Islam dan menjadi cabaran kepada wakil rakyat untuk menanganinya termasuklah dari segi kuasa perundangan (mahkamah). Justeru itu, bagi menangani kedua-dua isu ini, kerjasama rakyat sangat diperlukan. Oleh sebab itu, ada saranan agar ia diselesaikan mengikut undang-undang syariah. Namun, isu ini (murtad) mendapat tentangan hebat daripada pengikut agama lain hingga melibatkan kes mahkamah.

Jadual 6.15: Isu-isu Sosio-Agama

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Kafir mengkafir antara UMNO dan PAS perlu dihentikan.	56	4.20	.999	73.1%	19.6%	7.2%
Sukar benteras ajaran sesat tanpa kerjasama rakyat.	56	4.18	.741	87.4%	8.9%	3.6%
Gejala Black Metal dan lain-lain merosak akhlak remaja.	56	4.11	1.021	80.4%	14.3%	5.4%
Remaja dan belia terpengaruh dengan budaya negatif.	55	3.98	.850	80.0%	14.5%	5.4%
Pesta dan hiburan berleluasa.	55	3.95	.803	76.3%	18.2%	5.4%
Umat murtad perlu dihukum ikut undang-undang syariah.	55	3.91	1.093	69.1%	20.0%	10.9%
Polimik penggunaan kalimah Allah.	56	3.82	1.252	69.7%	19.6%	10.8%
UMNO-PAS perlu bekerjasama demi Islam.	56	3.82	1.081	59.0%	23.2%	17.9%
Rakyat suka rai acara ala-Barat berbanding agama.	55	3.60	.852	61.8%	25.5%	12.7%
Ajaran sesat berleluasa.	56	3.39	1.021	44.6%	41.1%	14.3%
Isu murtad semakin serius.	56	3.34	1.100	42.8%	39.2%	18.0%
Kalimah Allah untuk umat Islam sahaja.	56	3.25	1.517	46.5%	17.8%	35.7%

Min Skor Keseluruhan = 45.55; Sisihan Piawai Keseluruhan = 7.74

Analisis dapatan kajian ini juga mendapati budaya luar yang negatif seperti Black Metal, Punk, Skinhead dan Underground kian menular di Malaysia yang boleh menjadi ancaman kepada masyarakat di negara ini. Keadaan ini disemarakkan lagi dengan penganjuran pesta dan hiburan secara berleluasa hingga mempengaruhi jiwa

remaja di negara ini ke arah budaya negatif. Di samping itu, rakyat di Malaysia begitu gemar meraikan sesuatu acara ala-Barat berbanding agama. Semua perkembangan tidak sihat itu jika tidak dibendung secara serius boleh mengancam umat Islam di Malaysia. Selain itu, isu yang tiada penghujungnya tentang penggunaan kalimah Allah yang menjadi pertikaian antara penganut Kristian dan Islam, di mana ia terus menjadi polimik politik oleh pemimpin. Apa yang jelas, isu berkaitan agama menjadi suatu cabaran kepada wakil rakyat.

Selain isu agama, kepimpinan wakil rakyat berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran sosial dari semasa ke semasa seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.16 di bawah. Kes-kes seperti penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa; rasuah dan pecah amanah; pengedaran dan penyalahgunaan dadah; rompakan dan kecurian; pendatang asing; lumba haram dan merempit; ketagihan alkohol dan menghidu gam; penyeludupan; rogol dan sumbang mahram; pelacuran dan perjudian; dan sebagainya berlaku setiap hari. Isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa menjadi kian serius kini merupakan suatu cabaran kepada kepimpinan wakil rakyat dalam menanganinya. Begitu juga dengan isu rasuah yang semakin serius menjadi ancaman kepada kerajaan dan kepimpinan negara. Bahkan isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah belum menampakkan kadar penurunan walaupun banyak dasar, program dan wang yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk menanganinya.

Pembabitan remaja dalam pelbagai aktiviti dan kegiatan yang tidak baik yang cenderung ke arah jenayah kian membimbangkan. Antaranya terbabit dalam kegiatan merempit, lumba haram, ketagihan alkohol dan menghidu gam. Berhubung isu ini, analisis kajian oleh Manetti, Zunino, Frattini dan Zini (2010: 29) mendapati perkembangan politik dan pembangunan banyak mempengaruhi perkembangan sosial termasuk remaja. Hasil kajian mereka mendapati selain berhadapan isu persekitaran, lalu lintas, kemudahan asas dan sebagainya, komuniti turut berhadapan dengan masalah remaja. Pemimpin juga berhadapan dengan masalah kekeluargaan, sikap, toleransi, migrasi dan tingkah laku anti sosial. Oleh sebab itu, pemimpin politik perlu mengambil berat masalah remaja dan mencari jalan penyelesaiannya termasuklah masalah-masalah yang lain. Oleh sebab itu, Manetti, Zunino, Frattini, dan Zini (2010: 30) mencadangkan

cara mengatasi masalah-masalah membabitkan remaja termasuklah memberi perhatian yang lebih, memberi kasih sayang dan meningkatkan kemahiran komunikasi dengan golongan ini. Justeru itu, pemimpin politik seperti wakil rakyat boleh bertindak sebagai 'promoter' dalam menyelesaikan isu-isu remaja dan komuniti, di samping dapat menanamkan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat setempat. Dalam hal ini, hubungan yang erat (baik) antara ahli politik dengan komuniti perlu dibina dan dikukuhkan melalui pelbagai aktiviti dan program yang boleh melibatkan kedua-dua belah pihak (*ibid.*, 30).

Jadual 6.16: Isu dan Masalah Sosial

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Serius	Tidak Pasti	Tidak Serius
Penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.	54	4.20	.998	81.5%	7.4%	11.1%
Rasuah dan pecah amanah.	54	4.17	1.042	79.7%	7.4%	13.0%
Pengedaran dan penyalahgunaan dadah.	54	4.04	.910	79.7%	11.1%	9.3%
Rompakan dan kecurian.	54	3.98	.858	74.1%	20.4%	5.6%
Pendatang asing tanpa izin (PATI).	54	3.94	.899	76.0%	14.8%	9.3%
Lumba haram dan merempit.	53	3.77	.847	69.9%	20.7%	9.5%
Ketagihan alkohol dan menghidu gam.	54	3.76	.970	64.8%	22.3%	13.0%
Penyeludupan.	54	3.65	1.067	61.2%	24.10%	14.9%
Rogol dan sumbang mahram.	53	3.64	.942	62.3%	22.7%	15.0%
Perkauman dan masalah etnik.	54	3.61	1.172	61.2%	16.7%	22.3%
Pelacuran dan perjudian.	53	3.60	.987	62.3%	24.5%	13.2%
Pembunuhan dan penculikan.	53	3.58	1.100	54.7%	26.4%	18.9%
Penderaan dan perceraian.	53	3.58	1.008	54.8%	28.3%	16.9%
Kongsi gelap dan gengsterisme.	54	3.56	.965	57.4%	27.8%	14.9%

Min Skor Keseluruhan = 52.90; Sisihan Piawai Keseluruhan = 10.60

Sementara itu, isu keselamatan dalam masyarakat kian merungsingkan apabila pelbagai jenayah berlaku. Jenayah seksual seperti rogol dan sumbang mahram kian meningkat, di mana isu ini tidak boleh dipandang mudah kerana ia mengancam sistem sosial di negara ini. Hal ini dapat diperhatikan dalam media-media massa apabila jenayah-jenayah seperti rogol, sumbang mahram, rompakan, kecurian dan sebagainya sudah menjadi pengisi tetap ruangan berita yang disiarkan. Ini menunjukkan masalah sosial dan jenayah di Malaysia sudah berada di tahap yang membimbangkan. Oleh itu,

ia memerlukan langkah komprehensif untuk menanganinya demi kepentingan rakyat. Apa yang pasti segala isu dan masalah di atas merupakan suatu cabaran yang besar kepada wakil rakyat termasuk pemimpin kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian bagi menangani dengan berkesan demi kepentingan rakyat di negara ini.

Berhubung isu dan masalah sosial di atas, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menanganinya. Pendedahan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Management and Delivery Unit atau PEMANDU)¹¹⁷ bagi NKRA menunjukkan indeks jenayah keseluruhan telah meningkat beberapa tahun kebelakangan iaitu 31,408 kes dalam tahun 2006 hingga 41,270 kes dalam tahun 2009 melibatkan jenayah harta benda dan jenayah kekerasan (www.pemandu.gov.my). Memandangkan keadaan jenayah dan kepentingan untuk mengurangkan jenayah buat rakyat, maka pihak kerajaan telah memilih usaha tersebut sebagai salah satu daripada enam NKRA. Dalam hal ini, wakil rakyat berperanan secara langsung dalam memerangi jenayah terutama jika dilantik sebagai menteri, di mana bertanggungjawab bagi kementerian yang diterajuinya dalam usaha ini.

Selain masalah dan isu sosial yang dibincangkan di atas, kepimpinan wakil rakyat turut berhadapan dengan isu-isu setempat (kemasyarakatan) yang tidak kurang pentingnya. Apabila sesuatu masalah itu melanda rakyat, maka sebagai pemimpin, wakil rakyat perlu berusaha untuk menanganinya sebaik mungkin demi kepentingan rakyat. Pelbagai isu seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.17 di bawah memperihal keadaan-keadaan yang berlaku dalam masyarakat selain isu jenayah dan sosial di atas. Justeru itu, wakil rakyat berhadapan dengan isu kemiskinan, masalah perkauman, sikap prihatin dan bertolak ansur dalam kalangan masyarakat kian pudar, masalah perpuakan dalam masyarakat, kekurangan pekerjaan untuk belia dan remaja, pengangguran dalam kalangan siswazah semakin tinggi, dan pembangunan yang tidak seimbang dan kekurangan infrastruktur di kawasan luar bandar. Jika semua isu ini diamati secara

¹¹⁷ PEMANDU dengan rasminya telah ditubuhkan pada 16 September, 2009 dan merupakan satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tujuan utama dan objektif PEMANDU adalah menyelia pelaksanaan, menilai kemajuan, memudahcara serta menyokong penyampaian dan memacu kemajuan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan secara keseluruhannya menyelia Indeks Prestasi Utama (KPI) semua menteri.

mendalam, ternyata begitu besar beban dan tanggungjawab yang diletakkan di atas wakil rakyat untuk menanganinya.

Jadual 6.17: Masalah-masalah Setempat

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Masalah kemiskinan.	54	4.00	.847	79.3%	13.0%	7.4%
Sikap prihatin dan tolak ansur masyarakat kian pudar.	54	3.67	.991	61.2%	25.9%	13.0%
Kekurangan peluang kerja untuk remaja dan belia.	54	3.67	.991	68.6%	14.8%	16.8%
Masalah berpuak-puak dalam masyarakat.	54	3.50	1.161	55.6%	20.4%	24.1%
Pembangunan tidak seimbang dan mapan.	54	3.48	1.112	57.5%	16.7%	26.0%
Kekurangan infrastruktur di kawasan luar bandar.	54	3.30	1.253	50.1%	14.9%	35.2%
Masalah pengangguaran siswazah tinggi.	54	3.09	1.069	35.2%	31.5%	33.4%
Masalah perkauman.	54	2.39	.940	14.8%	14.9%	70.4%

Min Skor Keseluruhan = 38.11; Sisihan Piawai Keseluruhan = 7.18

Selain itu, wakil rakyat di Malaysia turut berhadapan dengan beberapa cabaran lain yang secara umumnya mencabar kepimpinannya seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.18 di bawah. Antara cabaran besar yang dihadapi oleh wakil rakyat ialah berhadapan dengan isu agama dimanipulasi untuk kepentingan politik. Soal agama sepatutnya tidak dipolitikkan bagi memastikan keharmonian beragama terus kekal di negara ini. Sebaliknya, dalam keadaan-keadaan tertentu isu agama dijadikan sebagai bahan berkempen dan modal untuk menunding jari kepada parti politik dan pemimpin yang berkenaan. Dalam isu agama dan politik, analisis Robertson (2009: 225) mendapati agama boleh berubah berorientasikan politik seperti di India. Agama menjadi faktor penarik dalam arean politik dan sosial bagi pelbagai kumpulan berkepentingan. Agama boleh digunakan sebagai menarik sokongan dan menyemai perpaduan politik dalam negara. Oleh sebab itu, faktor agama banyak digunakan misalnya dalam menentang penjajahan British. Dengan kata lain, agama dipolitikkan, di mana menurut Robertson agama mempunyai kesan yang besar dalam politik di India. Ahli-ahli politik yang terkenal menggunakan simbol agama dalam perjuangan politik mereka. Misalnya, nasionalis Hindu iaitu Tilak menggunakan perayaan agama sebagai propaganda anti

British di India. Manakala, Ghandi yang popular dengan teori tanpa kekerasan yang berakar umbi dari kepercayaan Hindu berjaya dalam menggerakkan semangat perjuangan masyarakat India menentang British. Begitu juga Jinnah menggunakan simbol Islam untuk meningkatkan semangat umat Islam India untuk membina identiti kebangsaan yang berasingan dan atas dasar ini telah bergerak menuntut negara berasingan dari India iaitu Pakistan (Robertson, 2009: 226).

Jadual 6.18: Lain-lain Cabaran

Penilaian	N	Min	Sisihan Piawai	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju
Isu agama dimanipulasi untuk kepentingan politik.	55	4.35	.907	90.9%	1.8%	7.3%
Ketidastabilan ekonomi negara dan dunia.	54	4.30	.690	90.8%	7.4%	1.9%
Isu perpaduan kaum kian sensitif.	55	4.16	.918	89.0%	1.8%	9.1%
Isu ketidakadilan sosial sering ditimbulkan.	55	4.05	.931	78.2%	12.7%	9.1%
Memastikan GTP, KPI & NKRA mencapai matlamat.	55	4.00	1.202	72.8%	10.9%	16.3%
Internet dan ICT tanpa had banyak keburukan.	55	3.98	.952	76.4%	12.8%	10.9%
Memastikan W2020 tercapai.	55	3.98	1.178	70.9%	14.5%	14.5%
Banyak berlaku kemusnahan alam sekitar.	55	3.80	.803	74.6%	16.3%	9.1%
Indeks dan kadar jenayah kian meningkat.	55	3.80	.911	70.9%	20.0%	9.1%
Isu <i>human right</i> dibawa NGO cabar kewibawaan kerajaan.	55	3.76	1.122	69.1%	16.4%	14.5%
Bencana alam dan malapetaka banyak berlaku.	55	3.49	.920	61.8%	20.0%	18.2%
Wabak penyakit dan masalah kesihatan semakin meruncing.	55	3.13	1.037	45.4%	20.0%	34.5%

Min Skor Keseluruhan = 39.81; Sisihan Piawai Keseluruhan = 7.91

Dalam pada itu, isu perpaduan kaum menjadi semakin sensitif di negara ini. Hal ini ditambah pula dengan dikatakan banyaknya berlaku ketidakadilan sosial dalam sistem politik yang boleh mengundang ketegangan dalam negara. Berhubung isu perpaduan kaum, ia menjadi suatu cabaran yang besar kepada wakil rakyat. Dalam hal ini, wakil rakyat boleh menjadi aktor utama menggerakkan perpaduan kaum di Malaysia. Perkara ini pernah disuarakan oleh Lee Lam Thye (1998: 51) yang

menyarankan supaya ahli parlimen bertanggungjawab meningkatkan perpaduan dan penyatuan kaum di Malaysia seperti:

*All Members of Parliament have responsibilities to the nation and the people to strengthen and promote national unity. It is hoped that all parliamentarians will respond positively to the King's advice and contribute constructive ideas and suggestions to achieve the desired objective.*¹¹⁸

Selain perpaduan kaum, wakil rakyat juga bertanggungjawab ke arah pembentukan negara-bangsa dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Semua ini boleh dilakukan oleh wakil rakyat ke arah negara maju menjelang tahun 2020 walaupun masyarakat Malaysia berbeza dari segi bahasa, agama, budaya dan cara hidup. Justeru itu, saranan Lee (1998: 49) supaya faktor yang menghalang perpaduan, keharmonian, integrasi dan sebagai perlu dihapuskan bagi membentuk masyarakat yang berwawasan, cemerlang dan progresif.

Sebagai aktor politik yang terlibat dalam pembuat dasar (wakil parti kerajaan), wakil rakyat bertanggungjawab memastikan setiap dasar-dasar kerajaan mencapai objektifnya. Misalnya, program seperti GTP, KPI dan NKRA, ia merupakan suatu cabaran kepada wakil rakyat untuk memastikan ia mencapai matlamatnya. Begitu juga dengan pencapaian matlamat Wawasan 2020, di mana setiap pemimpin perlu bersedia menghadapinya dalam beberapa tahun lagi. Perkembangan pesat ICT dan penggunaan Internet tanpa had juga merupakan suatu cabaran kepada wakil rakyat terutama dalam mengawal kebebasan bersuara dan media di negara ini. Lain-lain cabaran seperti kemusnahan alam sekitar; bencana alam dan malapetaka; peningkatan kadar jenayah; isu hak asasi diperjuangkan oleh NGO mencabar kewibawaan kerajaan; dan wabak-wabak penyakit yang kerap melanda negara.

Jika semua cabaran dan isu seperti di atas berupaya ditangani oleh wakil rakyat sama ada melalui kerajaan atau NGO, pastinya ia memberi gambaran tentang

¹¹⁸ Seruan Lee Lam Thye agar ahli-ahli parlimen berperanan dalam mempromosikan perpaduan negara telah disiarkan dalam The Star pada 27 Jun 1995 di bawah artikel “*Members of Parliament Must Promote Unity.*”

keberkesanan dan kecekapan kepimpinannya. Oleh sebab itu, wakil rakyat perlulah menunjukkan kepimpinan berkualiti dan berketrampilan sebagai *'role model'* kepada rakyat. Justeru itu, wakil rakyat perlu bersih, cekap, amanah, dedikasi, bebas rasuah, berintegriti dan sebagainya. Dalam pada itu, wakil rakyat juga perlu ada nilai-nilai seperti warak, beriman, bertakwa, kesederhanaan dan sebagainya untuk menjadi pemimpin cemerlang dalam sistem politik dan masyarakat. Atas sebab itu, Woodcock dan Francis (1997) mengesyorkan supaya pemimpin berusaha memperkukuh kemahiran dan ketrampilan masing-masing sebagai kunci kejayaan dalam kepimpinan. Berhubung hal ini, pemimpin (atau pengurus) yang cemerlang adalah pemimpin yang memiliki ciri-ciri seperti kemampuan mengatur diri; nilai-nilai peribadi yang sihat; cita-cita peribadi yang jelas; berketrampilan; kreatif dan inovatif; kemampuan tinggi untuk mempengaruhi orang lain; pemahaman asas gaya pengurusan; kemampuan menyelia; kemampuan mendidik dan mengembangkan orang lain; dan kemampuan membangun dan mengembangkan pasukan yang efektif (Woodcock & Francis, 1997: 5).

6.6 PENILAIAN KEBERKESANAN PERANAN SEKUNDER

Keberkesanan kepimpinan wakil rakyat dalam pelaksanaan peranan sekunder dipengaruhi oleh banyak faktor. Ia tidak hanya bergantung kepada kedudukan atau jawatan dalam NGO semata-mata. Bahkan ia juga tidak boleh diukur melalui jawatan wakil rakyat itu sendiri, tetapi keberkesanan wakil rakyat dalam melaksanakan peranan sekunder boleh dilihat dari segi pencapaian dan kejayaan atau pengiktirafan yang diterimanya. Sebagai aktor pembuat dasar dalam organisasi, peranan sekunder wakil rakyat boleh dinilai melalui fungsi-fungsinya sebagai pengendali kekacauan (*disturbance handler*), pengagih sumber (*resource allocator*) dan jururunding (*negotiator*) dan diperkukuh dengan watak-watak dalam sistem sosial seperti tokoh (*figurehead*), ketua (*leader*) dan perantara (*liaison*) kepada rakyat. Selain itu, wakil rakyat juga berperanan dalam pemprosesan maklumat sebagai pengawas (*monitor*), penyebar (*disseminator*) maklumat dan jurucakap (*spokeperson*) demi kepentingan rakyat (Ahmad Ibrahim, 1997; Mintzberg, 1980; dan Woodcock & Francis, 1997). Jika diteliti setiap fungsi-fungsi yang dinyatakan ini, ia melibatkan peranan wakil rakyat

dalam melaksanakan tanggungjawab sekunder melalui pelbagai organisasi bukan kerajaan seperti yang telah dianalisis di atas.

Tidak semua pemimpin atau pengurus bagi sesebuah organisasi boleh mencapai kejayaan yang cemerlang dan diberi anugerah atau pengiktirafan. Begitu juga bagi wakil rakyat dalam melaksanakan peranan sekunder. Tidak semua organisasi yang dipimpinya menempa kejayaan atau kecemerlangan. Untuk mencapai kejayaan dalam mengurus dan memimpin organisasi, Ahmad Ibrahim (1997) menyatakan bahawa pemimpin perlu ada kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir, kemahiran berpolitik, kemahiran hubungan manusia dan kemahiran kesenian.¹¹⁹ Selain memiliki kemahiran-kemahiran tersebut, pemimpin politik seperti wakil rakyat perlu memiliki keperibadian yang pintar, matang, berkeyakinan dan memahami matlamat organisasi yang dipimpinya (Ahmad Ibrahim, 1997: 185). Melalui kemahiran hubungan manusia misalnya, pemimpin perlu menunjukkan teladan yang baik sebagai '*role model*' kepada rakyat atau orang bawahannya. Ia juga perlu melaksanakan pengurusan yang baik, adil dan bertimbang rasa, di samping mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Jika perkara-perkara tersebut dapat dilakukan dengan sempurna oleh wakil rakyat, dipercayai ia mampu mencapai kejayaan dalam organisasi yang dipimpinya.

Berhubung pencapaian dan keberkesanan kepimpinan wakil rakyat dalam NGO yang disertainya, analisis dapatan kajian ini memaparkan beberapa penemuan yang

¹¹⁹ Kemahiran berpolitik menunjukkan seorang pemimpin itu mempunyai kejelasan perjalanan politiknya, di samping mengenal pasti pandangan umum terhadapnya dari segi kepimpinan, keperibadian yang berkaliber, selok belok pengendalian kuasa dan keupayaan menarik orang ramai terhadap usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat. Kemahiran berpolitik ialah kemahiran menyelesaikan masalah di antara pandangan dan tekanan atau bantahan masyarakat (Ahmad Ibrahim, 1997: 186).

Kemahiran hubungan kemanusiaan bermaksud kemampuan seseorang pemimpin untuk berhubung mesra dengan setiap individu atau masyarakat. Kemahiran ini merupakan kemestian yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin dalam segala urusan yang ada kaitan dengan orang ramai. Dalam pada itu, pemimpin perlu mempunyai persefahaman dengan jemaah pimpinannya dalam melaksanakan tugas untuk kepentingan organisasi (*ibid.*).

Kemahiran kesenian adalah tentang kepakaran yang dimiliki oleh seseorang pemimpin dan keupayaannya melaksanakan kepimpinan dengan berkesan serta kecekapannya menggunakan alat-alat yang disediakan yang ada hubungan dengan profesionnya (*ibid.*, 208). Antara tuntutan kemahiran kesenian yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin ialah:

- i) Meyakinkan matlamat yang dirancang dan disampaikan dengan jelas ke pengetahuan jemaah;
- ii) Mempunyai keupayaan membuat perancangan serta pengurusan kerja;
- iii) Bertanggungjawab dengan tugas yang diamanahkan serta baik pentadbirannya; dan
- iv) Memajukan organisasi serta berpandangan jauh (*ibid.*, 210-211).

menunjukkan kejayaan yang dicipta oleh wakil rakyat. Pencapaian yang dimaksudkan di sini bermakna pengiktirafan dan anugerah yang diperolehi dan kejayaan dalam mencapai sesuatu sebagai pemimpin. Antaranya, YB Dato' Hassan Malek (ahli parlimen Kuala Pilah, Negeri Sembilan) merupakan Setiausaha Agung Asian Youth Confederation (AYC) dan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menerima pengiktirafan atas sumbangannya melalui kedua-dua NGO tersebut. Beliau telah dianugerahkan Tokoh Belia Negara tahun 2007 dan kemudiannya dianugerahkan Bintang Jasa Belia Malaysia pada tahun 2010. Kedua-dua anugerah ini merupakan suatu pengiktirafan terhadap sumbangan seorang pemimpin dalam menerajui dan membawa kejayaan kepada organisasi yang dipimpinnnya. Seorang lagi tokoh pemimpin yang telah diberi pengiktirafan di atas kepimpinannya iaitu YB Datuk Fadillah Yusof (ahli parlimen Petra Jaya, Sarawak) yang dianugerahkan Tokoh Belia Sarawak (pingat emas) pada tahun 2010. Fadillah Yusof juga merupakan Penaung Pengakap Petra Jaya, Kuching, Sarawak dan telah dianugerah Pengakap DiRaja atas sumbangannya kepada badan beruniform tersebut.

Sementara itu, YB Datuk Dr. Wan Junaidi Tunku Jaafar (ahli parlimen Santubong, Sarawak) pula yang pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya Pengakap (1997-2007) dan Naib Presiden Majlis Pengakap Sarawak (1987-1992) turut diberi anugerah di atas sumbangannya dalam badan beruniform tersebut. Antara anugerah yang telah diterima Wan Junaidi iaitu Pingat Jasa Tertinggi Permuka Indonesia (pingat emas) tahun 1997 dan pingat emas International Scout Award Philippines pada tahun 2007. Beliau turut dianugerahkan Belia Contoh Sarawak (pingat emas) pada tahun 2007. Selain berjaya meraih anugerah berkenaan, Wan Junaidi turut berjaya menganjurkan BIMB-EAGA (Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippines-East Asean Growth Area) Jamboree di Matang, Kuching yang disertai oleh 37 buah negara yang bergiat aktif dalam aktiviti pengakap.

Manakala bagi YB Dato' Abu Bakar Taib (ahli parlimen Langkawi) yang aktif bersama NGO berasaskan alam sekitar dan aktiviti sukan air turut menunjukkan beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan. Selaku Presiden Persatuan Perahu Layar Kedah, Abu Bakar telah berjaya membawa persatuannya menganjurkan pertandingan

International Optimist Dinghy Association (IODA) World Sailing Championship 2010 di Langkawi. Pertandingan tersebut telah disertai oleh 55 buah negara dari Amerika Latin, Amerika Utara, Caribbean, Eropah, Asia, Afrika, Australia dan New Zealand. Dalam pertandingan tersebut pasukan Malaysia telah muncul juara dan peserta Malaysia dipilih sebagai pelayar terbaik. Begitu juga dalam bidang sukan lain seperti bola jaring. Bagi YB Suraya Yaacob (ADUN Sungai Tiang, Kedah) yang merupakan Presiden Persatuan Bola Jaring Kedah dan Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam sukan bola jaring, di mana dalam Sukan Malaysia (SUKMA) tahun 2011, pasukan bola jaring Kedah telah memenangi pingat gangsa. Namun, pasukan bimbingan Suraya Yaacob berjaya memperbaiki pencapaian dengan memenangi pingat perak dalam SUKMA tahun 2013. Analisis di atas menunjukkan bahawa selaku pemimpin badan sukan, wakil rakyat boleh membawa kejayaan kepada pasukan masing-masing. Namun, kejayaan bukan mudah untuk dicapai kerana ia memerlukan perancangan rapi, perbelanjaan besar, komitmen pihak pengurusan, kerjasama dari pihak kerajaan, sokongan dari pihak penaja dan sebagainya termasuklah komitmen yang ditunjukkan oleh pemain itu sendiri.

Selain itu, pencapaian pemimpin politik dalam melaksanakan peranan sekunder khususnya melalui NGO tidak diukur melalui pengiktirafan atau anugerah yang diterima. Sebaliknya, keberkesanan kepimpinan politik tersebut dilihat berdasarkan keupayaan NGO yang dipimpinnnya melakukan sesuatu misalnya dalam mendesak pihak kerajaan mengambil sesuatu tindakan. Dalam kes YB Mohamed Azmin Ali (ahli parlimen Gombak dan ADUN Bukit Antarabangsa, Selangor) merupakan pemimpin kanan parti PKR. Sebagai pemimpin utama di pihak pembangkang, Azmin Ali bersama partinya dan beberapa NGO lain telah menubuhkan Bersih¹²⁰ untuk menuntut sistem pilihan raya yang lebih adil dan bebas di Malaysia. Parti-parti politik pembangkang bersama Bersih 2.0 telah mengadakan demonstrasi pada 9 Julai 2011 bagi mendesak kerajaan membaiki sistem pilihan raya di Malaysia, di mana antara lain menuntut SPR membersihkan senarai pemilih atau daftar pemilih; reformasikan undi pos; menggunakan dakwat kekal semasa pilihan raya; memberikan akses media yang bebas

¹²⁰ Bersih diketuai oleh S. Ambiga bekas Presiden Majlis Peguam Malaysia. Untuk keterangan lanjut lihat, <http://www.bersih.org>.

dan adil; tempoh berkempen minimum 21 hari; mengukuhkan institusi awam; menghentikan rasuah; dan menghentikan politik kotor (Zawiyah, 2013: 228). Kesan demonstrasi Bersih dan tekanan berterusan kepada pihak kerajaan, maka kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemilih Parlimen (PSC)¹²¹ bagi membincangkan reformasi pilihan raya pada Oktober 2011. Beberapa perubahan telah dilakukan dalam PRU-13 tahun 2013 lalu termasuklah penggunaan dakwat kekal walaupun pihak pembangkang masih belum berpuas hati dengan perubahan yang telah dilakukan oleh kerajaan kerana mereka berpendapat masih banyak lagi yang perlu dibaiki dalam sistem pilihan raya di Malaysia.

Selain berperanan dalam menubuhkan Bersih, Azmin Ali turut dilihat sebagai pemimpin yang berperanan dalam mengasaskan Gerakan Mansuh ISA (GMI).¹²² GMI bertindak dengan cara mengadakan demonstrasi atau protes jalanan bagi mendesak kerajaan memansuhkan ISA yang disifatkan sebagai akta yang zalim dan menindas rakyat terutama pemimpin pembangkang. Akibat desakan GMI, Dato' Seri Mohd. Najib bersedia untuk mengkaji semula ISA, di mana semua pihak diberi peluang untuk mengemukakan pandangan dan cadangan, tetapi ISA tetap dikekalkan. Disebabkan tidak berpuas hati, GMI meneruskan desakan dengan melancarkan kempen “Bukan Pinda Tapi Mansuh ISA” pada Mac 2011. Kesannya, kerajaan mengumumkan ISA dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perhimpunan Aman 2011 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Zawiyah, 2013: 222). Kejayaan pembangkang bersama NGO yang berjaya mendesak kerajaan memansuhkan ISA dan menambah baik sistem pilihan raya dilihat sebagai suatu kejayaan kepada pemimpin yang menerajunya termasuklah Azmin Ali.

Dalam pembangunan komuniti pula, dapatan kajian ini turut menemui beberapa hasil yang dicapai oleh pemimpin melalui NGO yang disertainya. Misalnya, selaku

¹²¹ Ahli PSC terdiri daripada Dr. Maximus Ongkili (Pengerusi), Alexander Nanta Linggi, Radzi Sheikh Ahmad, Fong Chan Onn, P. Kalamathan, Azmin Ali dan Hatta Ramli.

¹²² GMI diketuai oleh Syed Ibrahim Syed Noh selaku Pengerusi. GMI dianggotai oleh lebih daripada 80 buah organisasi termasuk NGO, parti politik, badan hak asasi, mahasiswa, wanita dan majlis peguam. Untuk perbincangan lanjut, lihat Zawiyah Mohd. Zain, (2013). *Ketidakakuran Sivil dan Pendemokrasian Politik Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (hlm. 221).

Penasihat Pasukan Bomba Sukarela dan Penyelamat Bukit Mertajam, YB Tan Hock Leong (ADUN Machang Bubuk, Pulau Pinang) telah berjaya menubuhkan 12 buah pasukan sukarela tersebut dalam kawasan yang diwakilinya. Dengan penubuhan pasukan sukarela bomba tersebut, ia memudahkan rakyat di kawasan DUN Bubuk Machang untuk menghadapi sebarang musibah kebakaran dan lain-lain untuk mendapat bantuan dengan segera. Sementara itu, YB Peter Nansian Ngusie (ADUN Tasik Biru, Sarawak) merupakan Presiden Association Research and Development of Singai Sarawak—REEDEMS (Pertubuhan Penyelidikan dan Pembangunan Singai Sarawak) begitu aktif dalam pembangunan komuniti masyarakat Bidayuh dalam kawasan yang diwakilinya. REEDEMS bertanggungjawab dalam memperjuangkan kepentingan etnik Bidayuh dari segi bahasa, budaya, pendidikan dan sosial dalam menghadapi arus pemodenan. Melalui REEDEMS, Peter Nansian telah berjaya menubuhkan Bamboo Botanical Park and Handicrafts Development Centre. Di samping itu, beliau juga telah berjaya menganjurkan Gawai Carnival dari tahun 2006 yang kekal dianjurkan secara tahunan hingga kini.

Berdasarkan kepada penemuan dapatan kajian seperti di atas, ia serba sedikit menunjukkan pencapaian wakil rakyat dalam melaksanakan peranan sekunder dalam pelbagai lapangan. Semua kejayaan dan pengiktirafan itu mustahil untuk dikecapi tanpa usaha yang gigih, komitmen yang tinggi, disiplin, sokongan kuat dari kelompok yang diwakilinya dan sebagainya. Justeru itu, sebagai ketua, tokoh dan perantara dalam masyarakat, menurut Mintzberg (1980) maka wakil rakyat perlu ada kemahiran untuk menjadi pemimpin dan melaksanakan kepimpinannya dengan berkesan terutama dalam NGO dan lain-lain organisasi yang diterajunya. Tanpa kemahiran di samping elemen-elemen di atas, pastinya kepimpinan wakil rakyat dalam melaksanakan tanggungjawab dalam peranan sekunder berhadapan dengan kesukaran. Selain itu, komitmen dan kesungguhan—penglibatan secara aktif—yang ditunjukkan oleh wakil rakyat melalui aktiviti bercorak kemasyarakatan dan keagamaan membuka peluang interaksi dan komunikasi yang lebih dekat antara rakyat dan pemimpin (wakil rakyat) dalam membincangkan sebarang isu dan masalah yang dihadapi oleh sesebuah komuniti.

Sehubungan dengan itu, sebagai ketua dalam organisasi misalnya wakil rakyat boleh berfungsi memberi arahan, motivasi, latihan, nasihat, rundingan dan sebagainya kepada orang bawahnya atau rakyat. Justeru itu, menurut Mintzberg lagi, setiap pemimpin perlu memiliki nilai-nilai positif seperti jujur, amanah, dedikasi, berintegriti, telus, adil, akauntabel dan sebagainya agar dapat dicontohi oleh rakyat dan para pengikutnya. Dengan itu, pemimpin atau wakil rakyat boleh menonjolkan nilai-nilai kepimpinan yang baik menerusi organisasi-organisasi yang diterajuinya walaupun semua kerja atau fungsi yang dilakukan adalah secara sukarela dan percuma. Walaupun dilakukan secara sukarela dan percuma, tetapi wakil rakyat masing-masing perlu ada matlamat yang hendak dicapai dan ada KPI (*key performance indicators*) dalam melaksanakan kepimpinannya dalam organisasi yang berkenaan.

Apa yang dibincangkan di atas secara umumnya menjelaskan bahawa pemimpin seperti wakil rakyat perlu ada kemahiran hubungan manusia (personel) dalam mengurus organisasi dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan nilai-nilai tersebut. Dengan cara itu, pemimpin boleh membuat pertimbangan dan keputusan yang rasional, bijak dan berkesan untuk kepentingan umum seperti menyelesaikan pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Apabila kemahiran hubungan manusia itu dapat diamalkan dengan berkesan dalam organisasi, ia boleh membina suasana kepimpinan yang dapat memberi faedah kepada masyarakat dan diri pemimpin itu sendiri. Oleh sebab itu, Mintzberg (1980) menyifatkan pemimpin (wakil rakyat) yang mempunyai kemahiran hubungan manusia yang tinggi mampu memahami masalah dan keperluan orang bawahannya atau masyarakat dengan baik dan dapat menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan. Justeru itu, pemimpin politik perlu membina hubungan yang baik dan erat dengan masyarakat melalui pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh masyarakat khususnya dalam kawasan pilihan raya (aspek konstituensi) dan yang berbentuk khidmat atau kerja sosial. Kemesraan yang ditunjukkan oleh pemimpin politik dan menjadi ikutan rakyat merupakan nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat, di mana ia perlu sentiasa diamalkan dan dikekalkan antara pemimpin dan rakyat. Aspek ini boleh menjadi asas dalam pembentukan suasana yang harmoni dan sejahtera dalam menilai proses kepimpinan dalam sistem politik yang

sedia ada seperti di Malaysia—menghapuskan jurang pemisah antara pemimpin dan pengikut.

Berdasarkan perbincangan-perbincangan sebelum ini dan analisis di atas, pemimpin politik berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran yang berlaku dalam masyarakat. Ia boleh bersifat kemanusiaan dan kebendaan yang turut mempengaruhi keberkesanan kepimpinan, di mana banyak berlakunya salah faham dan konflik disebabkan pelbagai faktor seperti persaingan, kepentingan diri, kuasa dan sebagainya. Oleh sebab itu, Ahmad Ibrahim (1997), Mintzberg (1980), dan Woodcock dan Francis (1997) menyarankan dalam aspek kemahiran hubungan manusia perlu ada persefahaman antara pihak-pihak yang berkenaan. Persefahaman yang terbina itu menjadi asas dalam membentuk persetujuan atau konsensus antara pemimpin dengan rakyat. Berhubung perkara ini, Ahmad Ibrahim (1997) melihat bahawa pemimpin (wakil rakyat) perlu memahami jemaahnya (pengikut) dan mewujudkan konsensus bersama demi kepentingan organisasi seperti parti politik, dewan perundangan, kabinet dan sebagainya. Dengan adanya nilai-nilai seperti kemesraan, persefahaman dan konsensus, ia dapat membantu wakil rakyat dalam meningkatkan kemahiran hubungan kemanusiaan.

Dalam kemahiran hubungan manusia dalam organisasi—politik, perkhidmatan, komuniti, NGO dan sebagainya—gaya kepimpinan itu juga penting. Sudah tentunya dalam sistem politik demokrasi seperti di Malaysia gaya kepimpinan demokratik menjadi pegangan asas dalam kalangan pemimpin. Gaya kepimpinan demokratik bersifat terbuka, di mana pemimpin sedia mendengar dan menerima pandangan, idea, kritikan, cadangan dan sebagainya dari pihak rakyat khususnya dalam mesyuarat dan perbincangan yang diadakan. Melalui kaedah perbincangan dan mesyuarat yang mengamalkan gaya kepimpinan demokratik, dipercayai setiap keputusan yang dibuat adalah melalui proses secara konsensus dan persefahaman bersama misalnya dalam mencari jalan penyelesaian berhubung sesuatu isu dan masalah yang berlaku dalam masyarakat. Melalui kaedah-kaedah tersebut—perbincangan, mesyuarat, bersikap demokratik, konsensus, persefahaman, keterbukaan dan sebagainya—pemimpin boleh mendidik dan melatih seluruh lapisan masyarakat untuk berpegang kepada nilai-nilai

murni seperti amanah, jujur, berbudi bahasa, bertolak ansur, prihatin, penyayang dan sebagainya.

Dengan kata lain, melalui kemahiran hubungan manusia yang berkesan, wakil rakyat bukan sahaja mampu menunjukkan teladan yang baik dan menjadi *'role model'* kepada rakyat keseluruhannya, tetapi ia dapat memberi pendidikan politik kepada mereka untuk menjadi warganegara yang memahami tanggungjawab masing-masing (Dekker, 1994; dan Tormey, 2006). Melalui pendidikan politik khususnya melalui NGO dan parti politik, wakil rakyat dapat menanamkan kesedaran politik rakyat termasuklah soal hak dan kepentingan mereka, menyemai semangat kesetiaan, kecintaan dan tanggungjawab kepada negara. Melalui pendidikan politik juga pemimpin politik seperti wakil rakyat boleh menyemaikan semangat untuk mencapai kemajuan dan kejayaan yang cemerlang dalam kalangan rakyat dan pengikutnya misalnya melalui badan sukan, kebudayaan, komuniti dan sebagainya hingga ke peringkat antarabangsa. Selain itu, kepimpinan yang baik dan berkualiti bukan sahaja mampu menjadi *'role model'* dan membentuk tadbir urus yang baik dalam organisasi, tetapi dalam sistem politik itu sendiri ia dapat melahirkan nilai-nilai seperti integriti, akauntabiliti dan ketelusan (Kapur & Mehta, 2006) di peringkat parlimen, DUN dan kabinet itu sendiri. Semua nilai ini bukan hanya menjadi tanggungjawab wakil rakyat dari parti pemerintah, tetapi untuk semua peringkat kepimpinan termasuk di pihak pembangkang.

6.7 RUMUSAN

Merujuk kepada analisis-analisis di atas, dapatlah dirumuskan dalam bab ini bahawa peranan wakil rakyat sebagai pemimpin politik sangat luas—termasuk dalam peranan primer. Oleh sebab itu, setiap pemimpin perlu ada wawasan masing-masing sama ada untuk mencapai matlamat dan cita-cita politik atau membela kepentingan rakyat atau kelompok yang diwakilinya. Sehubungan itu, pengkaji amat bersetuju dengan pandangan beberapa sarjana bahawa kepimpinan tidak harus dilihat dari segi sejarah semata-mata, tetapi juga untuk masa hadapan (wawasan) khususnya di peringkat antarabangsa atau global. Mengulas isu ini, Srinivasan (2013: 151) menyarankan agar

pemimpin perlu memberi fokus terhadap masa hadapan untuk menjadi pemimpin yang berwawasan dan berpemikiran strategik.

Apa yang telah diulas oleh Srinivasan (2013) di atas dan sarjana-sarjana lain seperti Ahmad Ibrahim (1997), Mintzberg (1980) dan Woodcock & Francis (1997) dalam memahami peranan pemimpin politik merumuskan semua tanggungjawab tersebut walaupun bukan rasmi dan bersifat sekunder (pelengkap), tetapi ia sebenarnya adalah kewajiban politik (*political obligation*) (van Erp, 2013) wakil rakyat kepada kerajaan, parti politik, rakyat dan kawasan yang diwakilinya serta organisasi-organisasi di bawah tanggungjawabnya. Kewajiban politik pemimpin kepada rakyat adalah melalui pelaksanaan dasar-dasar untuk manfaat rakyat. Ia juga melibatkan tanggungjawab mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negara serta memperbaiki sistem politik itu sendiri (van Erp, 2013). Berkaitan dengan isu ini—memperbaiki sistem politik—wakil rakyat bersama NGO (pembangkang) telah banyak melibatkan diri dalam mendesak kerajaan memperbaiki sistem politik seperti pilihan raya yang lebih adil, menghapuskan undang-undang yang bersifat kekerasan seperti ISA, AUKU dan sebagainya.

Hakikatnya sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang, pemimpin politik merupakan aktor penting dalam negara terutama dari segi membuat keputusan. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada analisis di atas, wakil rakyat sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan isu yang berlaku dalam masyarakat. Sebagai pembuat keputusan, wakil rakyat selaku pemimpin yang mewakili suara dan kepentingan rakyat perlu membuat keputusan dan mengambil tindakan yang rasional dalam menangani sebarang isu dan cabaran yang berlaku. Tindakan sedemikian meletakkan fungsi wakil rakyat sebagai penyelesaian masalah (*problems solver*) khususnya menangani isu-isu kemasyarakatan atau sosial, pembangunan, ekonomi, agama dan politik. Jika kepimpinan wakil rakyat itu dapat memberi impak yang jelas (berkesan) dalam menangani sebarang isu dan cabaran yang berlaku dalam sistem politik dan sosial seperti di Malaysia, maka pengiktirafan perlu diberikan kepada pemimpin yang berjaya—berkesan dan cekap—dari segi kepimpinannya dalam arus politik negara.

Walau bagaimanapun, dalam menilai peranan wakil rakyat dalam sistem politik, kesan pelaksanaan doktrin FOP dan SOP tidak boleh diketepikan kerana kedua-duanya mempunyai pengaruh ke atas pemahaman (atau pun persepsi) yang berbeza tentang tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia. Seperti yang telah dibincangkan dalam analisis di atas, peranan sekunder wakil rakyat dapat dilihat dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan sebagai usaha memberi khidmat sosial kepada masyarakat. Justeru itu, peranan sekunder wakil rakyat tidak boleh disalaherti sebagai suatu kewajiban, tetapi lebih kepada tanggungjawab dan akauntabiliti sebagai pemimpin yang telah dipilih bagi mewakili rakyat dalam kawasan pilihan raya berkenaan. Apabila kedudukan wakil rakyat dapat difahami dengan jelas dalam peranan sekunder (mahu pun primer), ia dapat mengelak salah faham tentang kedudukan sebenar wakil rakyat. Apa yang jelas, melalui peranan sekunder, wakil rakyat dapat mendekati dan menyelami masalah rakyat secara lebih dekat atau langsung untuk dikemukakan kepada kerajaan mahupun diusulkan dalam parlimen atau DUN untuk ditangani. Oleh sebab itu, kedua-dua peranan (sekunder dan primer) merupakan tanggungjawab yang penting kepada wakil rakyat untuk dilaksanakan secara berkesan dan cekap demi kepentingan rakyat yang diwakilinya.

BAB 7

KESIMPULAN

7.1 PENGENALAN

Tesis ini membincangkan tentang kepemimpinan politik dalam sistem politik Malaysia. Hujah utama tesis ini adalah penilaian peranan wakil rakyat sebagai pemimpin politik yang telah dipilih melalui pilihan raya dan bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya. Berkaitan hal ini, pemahaman rakyat sangat mudah, sebarang masalah dan isu yang mereka hadapi adalah tanggungjawab wakil rakyat untuk menyelesaikannya. Pemahaman sebegini sudah ditradisikan sejak sekian lama. Apabila hal ini berlaku, kesannya sukar bagi rakyat untuk membezakan antara peranan primer (khususnya peranan hakiki dan formal) dengan peranan sekunder (peranan pelengkap) yang dipikul oleh wakil rakyat. Atas alasan itu, rakyat tanpa ragu-ragu terus merujuk setiap masalah, musibah dan isu yang dihadapi kepada wakil rakyat sebagai pemimpin mereka.

Pemahaman di atas telah menjadi ‘tradisi’ sejak sekian lama dalam sistem sosio-politik di Malaysia. Jadi, perlu ada suatu mekanisme untuk menjelaskan kedudukan (peranan dan tanggungjawab) wakil rakyat dalam sistem politik Malaysia. Semua pihak khususnya kerajaan perlu berfungsi secara berkesan ke arah tersebut supaya tanggungjawab wakil rakyat dapat difahami dengan tepat. Jika tidak, ia boleh menimbulkan kekeliruan atau salah faham secara berterusan kerana masing-masing mempunyai persepsi tersendiri dalam menilai kedudukan kepemimpinan politik ini dalam sistem politik Malaysia. Jadi, tidak adil rakyat disalahkan jika mereka memerlukan khidmat wakil rakyat tanpa mengira masa dan keadaan kerana itulah perspektif mereka terhadap perkara ini. Justeru itu, perlu ada usaha secara ilmiah dilakukan untuk menjelaskan secara tepat dan terperinci peranan wakil rakyat di Malaysia.

Apabila peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dapat difahami dengan tepat, tidak timbul persepsi negatif terhadap wakil rakyat jika ada isu dan masalah dalam

masyarakat tidak dapat diselesaikan. Hal tersebut bukan tanggungjawab wakil rakyat kerana telah ada pihak berwajib yang diamanahkan atau dipertanggungjawab untuk menguruskannya. Ini bukanlah bermakna wakil rakyat boleh ‘lepas tangan’ terhadap masalah rakyat kerana ia ada kaitan dengan tanggungjawab konstituensi yang perlu dilaksanakannya. Justeru itu, dalam penyampaian perkhidmatan, wakil rakyat perlu memastikan ia dilaksanakan secara berkesan demi kepentingan rakyat dalam kawasan diwakilinya. Ini adalah tujuan kajian tesis ini dijalankan sebagai mekanisme untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat secara tepat dan terperinci.

Seperti telah disebutkan dalam bab awal tesis ini, permasalahan kepimpinan politik melibatkan hubungan antara pemimpin (wakil rakyat) dengan rakyat yang dipimpin. Dalam sistem demokrasi berperwakilan, perlu ada persefahaman dalam hubungan kedua-dua pihak khususnya ketika pilihan raya. Hubungan ini membentuk sistem naungan dalam politik Malaysia, di mana wujudnya elemen ‘memberi dan menerima’ kerana masing-masing mempunyai kepentingan. Pemimpin memerlukan undi dan sokongan rakyat. Rakyat pula memerlukan bantuan, sokongan, dorongan dan dasar-dasar yang boleh memberi manfaat kepada mereka. Jadi, hubungan antara ‘*patron*’ (wakil rakyat) dan ‘*clients*’ (rakyat) dalam sistem naungan memerlukan sokongan dan kepimpinan yang akauntabel. Perkara ini dipersetujui oleh Newton (2006) yang menyifatkan rakyat berperakui dan menyokong kepimpinan yang bersifat akauntabel dan mempunyai prestasi yang baik serta dapat memelihara keadilan di pihak rakyat. Hal-hal ini menurut Newton sangat mempengaruhi sokongan politik (*political support*) rakyat kepada wakil rakyat.

7.2 PENEMUAN KAJIAN: PERANAN WAKIL RAKYAT DI MALAYSIA

Bahagian ini merumus penemuan kajian tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam sistem politik di Malaysia. Sepanjang kajian ini dijalankan, agar ianya selari dengan permasalahan dan tujuan kajian serta konsep yang dioperasionalisasikan, maka penyelidikan ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi melalui kajian tinjauan menggunakan soal selidik. Data sekunder pula diperolehi melalui penelitian dokumen-dokumen dan kajian-kajian lepas yang

diperolehi dari perpustakaan dan Internet. Kedua-dua data ini dianalisis menggunakan kombinasi pendekatan kuantitatif dan kualitatif iaitu suatu kaedah ilmiah yang menghasilkan penemuan kajian dengan cara memahami subjek yang dikaji. Dengan kata lain, analisis dan perbincangan dalam kajian ini menggunakan data statistik dan jadual sebagai pelengkap kepada hujah utama. Jadi, analisis tesis ini tidak sekadar mendedahkan fenomena yang dikaji—kepimpinan politik wakil rakyat—tetapi, berfungsi dalam menghurai, membincang dan menganalisis sehingga dapat menilai secara terperinci peranan dan tanggungjawab aktor politik ini di Malaysia. Daripada huraian di atas, beberapa penemuan menarik (penting) dalam kajian tesis ini berbeza berbanding kajian-kajian sarjana terdahulu.

Secara ringkasnya, penemuan menarik kajian ini tidak datang begitu sahaja tanpa penelitian secara mendalam tiap-tiap sumber autoritatif dan melalui kajian tinjauan yang dijalankan secara langsung melibatkan wakil rakyat bagi menilai pandang mereka berhubung tanggungjawab yang dilaksanakannya. Jadi, melalui penelitian dan penerokaan sumber-sumber sekunder dan data primer yang diperolehi melalui soal selidik, kedua-duanya dapat menghubungkan satu peristiwa dengan peristiwa lain dalam konteks zaman yang berbeza dalam kerangka konseptual dan teoritikal yang yang digunakan. Jadi, kajian ini menunjukkan bahawa sistem demokrasi berparlimen di Tanah Melayu (kemudian Malaysia) telah diasaskan oleh British selepas tamat Perang Dunia Ke-2 menepati konsep-konsep dan teori yang telah dibincangkan dalam bab-bab awal tesis ini.

Pertama, British mempunyai pengaruh dan sumbangan dalam membentuk sistem politik demokrasi di Malaysia bermula pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan bagi menggantikan Malayan Union. Serentak dengan itu, British telah menubuhkan Majlis Undangan Persekutuan (MUP) bagi memberi peluang kepada rakyat untuk memilih perwakilan masing-masing dan sebagai persediaan ke arah berkerajaan sendiri. Sebelum itu British telah memperkenalkan Sistem Ahli dengan melantik beberapa orang pemimpin Tanah Melayu untuk menjawat beberapa jawatan eksekutif. Sebahagian ahli MUP dipilih melalui pilihan raya, di mana PRU yang pertama diadakan pada tahun 1955 untuk memilih 52 kerusi di PTM. Dalam

PRU tersebut parti UMNO-MCA-MIC membentuk Perikatan dan berjaya memenangi 51 kerusi MUP. Dengan kemenangan itu, Perikatan diberi hak membentuk kerajaan dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri (KM) Tanah Melayu yang pertama. Bermula dari situ sistem demokrasi berparlimen telah diasaskan di Malaysia dan kekal hingga kini. Malaysia telah berjaya mengadakan sebanyak 13 kali PRU dan terakhir pada tahun 2013. Ini adalah evolusi sistem demokrasi berparlimen dan pilihan raya di Malaysia daripada hanya 52 kerusi pada tahun 1955 bertambah kepada 104 kerusi dalam PRU-1 (selepas merdeka) pada tahun 1959. Jumlah kerusi parlimen terus meningkat selepas pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 walaupun Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965. Mulai PRU-12 tahun 2008 kerusi parlimen meningkat kepada 222 kerusi dan jumlahnya kekal dalam PRU-13 tahun 2013.

Dari PRU tahun 1955 hingga PRU-13, parti BN (dahulunya Perikatan) terus mengekalkan kuasa walaupun prestasinya dalam setiap PRU tidak konsisten. Dalam PRU-12, parti BN dilanda ‘tsunami’ politik apabila buat pertama kali gagal mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi parlimen dan mengalami kekalahan dalam DUN Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Selangor serta gagal merampas Kelantan di tangan parti PAS. Penemuan kajian ini juga menunjukkan dalam tempoh dari satu PRU ke PRU banyak berlaku peristiwa politik yang menjadi suatu cabaran kepada sistem demokrasi di Malaysia dan memberi kesan kepada kepimpinan negara kerana berhadapan dengan pelbagai desakan, tuntutan dan penentangan daripada parti-parti pembangkang dan NGO. Keseluruhan penemuan kajian di atas menepati konsep kepimpinan, perwakilan dan demokrasi yang berkait antara satu sama lain dalam menilai peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia.

Kedua, penemuan penting kajian ini menepati objektif kajian yang telah dikemukakan dalam usaha mengkelaskan peranan wakil rakyat kepada tanggungjawab primer (utama) sekunder (pelengkap). Peranan utama (primer) wakil rakyat dalam sistem Malaysia melibatkan pelaksanaan tanggungjawab parlimentari (termasuk peranan sebagai perwakilan, ahli perundangan, AJK parlimen, kaukus, *whip*, kelab penyokong dan pembangkang), tanggungjawab konstituensi (mewakili rakyat dan kawasan pilihan raya yang kebanyakannya melibatkan aktiviti berbentuk kerja sosial

atau khidmat masyarakat) dan tanggungjawab kepada parti politik yang diwakilinya. Peranan parlimentari lebih kepada fungsi sebagai perwakilan dalam parlimen dan DUN terutamanya sebagai penggubal undang-undang. Sementara itu, peranan konstituensi lebih kepada menjaga kepentingan rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya. Banyak aktiviti dan program berbentuk kemasyarakatan dan keagamaan yang disertai oleh wakil rakyat sebagai pemimpin masyarakat. Jadi, peranan konstituensi menggambarkan penglibatan secara langsung wakil rakyat dalam mengurus, memantau, menyelia dan menyelesaikan hal ehwal tempatan demi kepentingan rakyat yang diwakilinya.

Dalam pada itu, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada parti politik yang diwakilinya. Semua wakil rakyat kecuali perwakilan Bebas masing-masing mewakili politik tertentu dalam parlimen sama ada sebagai parti pemerintah atau parti pembangkang. Parti politik boleh menjadi agen atau perantara penting bagi kerajaan untuk berhubung dengan masyarakat. Justeru itu, wakil rakyat mempunyai tanggungjawab besar kepada parti politik yang diwakilinya dari segi menambah keahlian, mencari dana dan sumber kewangan, memperkukuh sokongan dan paling penting memenangi pilihan raya dan boleh membentuk kerajaan. Semua peranan primer ini menepati keperluan tanggungjawab wakil rakyat sebagai pemimpin dalam sistem politik demokrasi berparlimen di Malaysia.

Ketiga, penemuan kajian ini menunjukkan wakil rakyat di Malaysia juga mempunyai tanggungjawab sekunder. Tanggungjawab sekunder bukan tugas hakiki, di mana sebagai tambahan atau pelengkap kepada peranan primer. Ia juga tidak melibatkan keperluan undang-undang kerana kebanyakannya bukan bersifat formal. Peranan sekunder mempunyai kaitan secara langsung dengan tanggungjawab konstituensi. Ia banyak melibatkan aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan dalam bentuk khidmat sosial atau kerja sosial. Jadi, komitmen wakil rakyat terhadap tanggungjawab sekunder melibatkan fungsi-fungsi yang dimainkannya dalam badan berkanun, GLC, NGO dan badan sukarela yang lain. Semua tanggungjawab sekunder dalam organisasi-organisasi tersebut dilakukan secara sukarela walaupun mereka juga dibayar elaun misalnya dalam GLC atau badan berkanun. Melalui pelaksanaan

tanggungjawab sekunder, wakil rakyat dapat mengetengahkan nilai-nilai kepimpinan yang berkualiti, telus, adil, saksama, rasional dan aktif, di mana boleh menjadi '*role model*' dan teladan yang baik kepada rakyat yang diwakilinya (Wolbrecht & Campbell, 2007: 921).

Keempat, penemuan kajian ini turut mendapati wakil rakyat dalam usahanya melaksanakan peranan primer dan sekunder berhadapan dengan pelbagai cabaran dan isu dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Dalam pembangunan fizikal misalnya, wakil rakyat berhadapan dengan isu seperti peruntukan, kewangan, kos pelaksanaan, penyelenggaraan dan sebagainya. Dalam masa yang sama, kepimpinan wakil rakyat berhadapan dengan isu-isu perpaduan, agama, pendidikan, sosio-budaya dan sebagainya. Jika cabaran-cabaran yang berlaku itu tidak dapat diselesaikan, ia menjadi suatu beban dan boleh menjejaskan kualiti kepimpinan wakil rakyat. Akhirnya ia boleh menjejaskan sokongan dan undi kepada wakil rakyat berkenaan dalam pilihan raya yang akan datang.

Berdasarkan kepada penemuan kajian di atas, dapat dirumuskan bahawa perlu ada dikotomi yang jelas dalam usaha mengkategorikan peranan wakil rakyat sama ada tanggungjawab primer atau sekunder. Kedua-dua kategori peranan ini mempunyai sub peranan masing-masing. Dalam peranan primer misalnya ia meliputi peranan parlimentari, konstituensi dan parti politik. Ini adalah dikotomi yang jelas dalam peranan primer wakil rakyat. Dalam peranan sekunder pula, ia ada hubungkait dengan peranan primer khususnya tanggungjawab konstituensi, di mana wakil rakyat bertanggungjawab dalam badan berkanun, GLC dan NGO untuk memberi perkhidmatan dalam bentuk khidmat sosial secara sukarela dan juga dalam bentuk pentadbiran. Justeru itu, melalui dikotomi yang jelas dari segi peranan sama ada dalam bentuk primer mahu pun sekunder, ia memudahkan pemahaman rakyat, pemimpin, kerajaan dan masyarakat awam terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh wakil rakyat pada sesuatu masa yang begitu kompleks sifatnya.

Apabila peranan dan tanggungjawab wakil rakyat boleh difahami dengan adanya dikotomi jelas seperti di atas, jika berlaku sesuatu isu dan masalah dalam masyarakat

yang tidak dapat diselesaikan, maka wakil rakyat tidak boleh dituduh gagal melaksanakan peranan dan memikul tanggungjawab untuk menyelesaikannya. Dalam keadaan semasa, memang sukar untuk digambarkan pemahaman seseorang tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat yang pelbagai dan begitu luas yang meliputi kehidupan politik masyarakat dalam sesebuah negara. Justeru itu, melalui analisis yang telah dilakukan dalam kajian tesis ini, ia membantu dalam menjelas dan memberi justifikasi yang jelas tentang tanggungjawab wakil rakyat melalui dikotomi peranan primer dan sekunder yang selama ini menjadi punca kekeliruan atau salah faham dalam memahami kedudukan wakil rakyat di Malaysia.

7.3 SUMBANGAN AKADEMIK: KONSEP KEPIMPINAN POLITIK DAN PERANAN WAKIL RAKYAT


Selepas merumuskan dapatan kajian, persoalan seterusnya ialah apakah sumbangan akademik daripada tesis ini? Sumbangan akademik kajian tesis ini adalah menawarkan perspektif atau penemuan baharu yang lain daripada kajian-kajian lepas. Pertama, konsep kepimpinan politik seperti mana yang telah dibincangkan oleh para sarjana sebelum ini sangat relevan dalam membahaskan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat sebagai pemimpin yang telah dipilih melalui pilihan raya. Dalam konteks demokrasi berparlimen, pilihan raya merupakan mekanisme utama dalam memilih pemimpin, di mana rakyat berkuasa untuk menentukan siapa pemimpin yang boleh mewakili mereka. Oleh sebab itu, rakyatlah yang berkuasa dalam menentukan kepimpinan dan pemerintahan negara melalui pilihan raya. Disebabkan kuasa inilah, kerajaan dalam sistem demokrasi dikatakan kerajaan oleh rakyat dan bertanggungjawab dalam menjaga kedaulatan rakyat. Jadi, konsep kepimpinan politik dan demokrasi (berperwakilan) serta adanya sistem pilihan raya sangat relevan dalam menilai peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia.

Berdasarkan analisis dalam kajian ini, dapatlah dinyatakan bahawa teori dan konsep yang telah dibincangkan memberi suatu gabung jalin ilmu yang sangat kukuh untuk memahami kedudukan wakil rakyat di Malaysia. Hakikatnya, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia sangat kompleks. Apatah lagi dalam sistem berparlimen yang melaksanakan doktrin FOP yang menyebabkan wakil rakyat

berperanan dalam badan perundangan dan badan eksekutif secara serentak dalam suatu masa yang sama. Sebilangan wakil rakyat (dari parti kerajaan) dilantik sebagai ahli kabinet, menjawat jawatan tertentu dalam badan berkanun dan GLC. Hal ini telah meletakkan fungsi wakil rakyat sebagai pentadbir dan pengurus dalam sesebuah organisasi. Dengan kata lain, wakil rakyat di Malaysia dalam sesuatu masa boleh berfungsi sebagai ahli politik, perwakilan, pemimpin, pentadbir dan pengurus.

Kedua, apabila wakil rakyat mempunyai pelbagai peranan seperti di atas, ia sebenarnya menggambarkan secara langsung hubungannya dengan *stakeholders* seperti ditunjukkan dalam Rajah 7.1 di bawah. Wakil rakyat mempunyai tanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada kelompok-kelompok yang mempunyai kepentingan dengan kepimpinannya. Setiap *stakeholders* ini memberi kesan ke atas kepimpinan wakil rakyat. Oleh sebab itu, wakil rakyat perlu menunjukkan kualiti dan prestasi yang optimum dalam menyampaikan perkhidmatan atau melaksanakan tanggungjawabnya terutama kepada rakyat. Di situlah letaknya kualiti, kemampuan, kematangan, pengalaman dan rasionaliti wakil rakyat untuk ‘berkhidmat’ kepada *stakeholders*nya yang mempunyai pengaruh ke atas kepimpinannya.


Rajah 7.1: *Stakeholders* Kepada Wakil Rakyat



Ketiga, berkaitan dengan kepentingan *stakeholders* di atas, wakil rakyat perlu lebih peka terhadap sebarang isu dan apa yang disuarakan oleh tiap-tiap kelompok tersebut. Dalam parlimen misalnya, rakyat hanya memahami peranan wakil rakyat sebagai perwakilan dan penggubal undang-undang sahaja tanpa mengetahui beberapa fungsi lain. Dengan kata lain, sangat kurang pihak yang benar-benar memahami pelbagai fungsi lain dimainkan oleh wakil rakyat dalam sesuatu masa. Atas sebab itu mereka menjadi keliru dan tidak memahami tanggungjawab yang dapat diperincikan secara jelas seperti ditunjukkan dalam Rajah 7.2 di bawah yang dibahagikan kepada:

- a) Peranan primer: parlimentari, konstituensi dan parti politik; dan
- b) Peranan sekunder: badan berkanun, GLC dan NGO.

Rajah 7.2: Peranan Primer dan Sekunder Wakil Rakyat



Keempat, sebagai negara mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Malaysia menerima pakai doktrin FOP. Doktrin FOP mewujudkan dualisme dalam peranan wakil rakyat seperti yang telah dibincangkan di atas. Dalam doktrin FOP, wakil rakyat bukan hanya sebagai perwakilan dalam parlimen atau DUN, tetapi boleh dilantik menjadi ahli badan eksekutif (kabinet). Isu dualisme tersebut ada baik dan buruknya. Dari segi kebaikannya seperti dalam Rajah 7.2 di atas, setidak-tidaknya wakil rakyat mampu melaksanakan pelbagai tanggungjawab dalam sesuatu masa yang sama. Paling utama peranan wakil rakyat dalam sistem berparlimen adalah membentuk kerajaan. Parti politik yang mempunyai kerusi majoriti diberi hak untuk membentuk kerajaan. Atas sebab itu, ada kecenderungan wakil rakyat lebih banyak menyuarakan kepentingan parti diwakilinya daripada kepentingan rakyat. Dalam masa yang sama sebilangan wakil rakyat berjawatan dalam kabinet turut berada dalam dewan parlimen dan DUN. Keadaan ini menjadi kabinet lebih dominan daripada parlimen kerana wakil rakyat dari parti pemerintah cenderung untuk menyokong kabinet dan menyuarakan kepentingan parti daripada peranannya sebagai perwakilan yang tulen. Setidak-tidaknya wakil rakyat yang tidak dilantik ke dalam kabinet pula berperanan sebagai ahli kelab penyokong. Ini adalah kelemahan apabila wujudnya dualisme dalam peranan wakil rakyat. Lagi pun pengaruh parti politik cukup kuat hingga membelakangkan fungsi sebenar yang perlu dimainkan oleh perwakilan dalam parlimen dan DUN.

Apa yang telah dibincangkan di atas, penemuan kajian ini memenuhi kriteria peranan perwakilan yang dikemukakan oleh Mickel (2010), Searing (1994) dan Lusoli dan Ward (2004) yang membahagikannya kepada dua kategori iaitu (i) tanggungjawab kepada rakyat dan pengundi (peranan konstituensi); dan (ii) tanggungjawab sebagai penggubal undang-undang (peranan parlimentari). Peranan parlimentari seperti ditunjukkan dalam Rajah 7.2 di atas melibatkan peranan sebagai perwakilan, ahli perundangan, AJK majlis parlimen dan DUN, ahli kaukus dan termasuk juga sebagai ahli kelab penyokong. Melalui peranan parlimentari, wakil rakyat juga boleh bertindak sebagai pemerhati dan *ombudsman* kepada aktiviti dan tindakan kerajaan demi kepentingan rakyat. Misalnya, melalui majlis parlimen dan DUN (*chamber*), wakil rakyat boleh menyampaikan idea, mesej dan menjelaskan aktiviti-aktiviti kerajaan

kepada rakyat dan sebaliknya membawa isu dan masalah yang berlaku dalam masyarakat kepada kerajaan.

Namun, mesej politik yang disampaikan kepada kerajaan atau kepada parlimen adakalanya saling bersaing dan bertentangan antara wakil rakyat khususnya melibatkan wakil rakyat kerajaan dengan pembangkang (Jackson, 2004: 335). Apa yang jelas, peranan parlimentari bagi wakil rakyat begitu luas. Dalam majlis parlimen, wakil rakyat berperanan untuk membahaskan dan membuat undang-undang. Dalam masa yang sama berperanan sebagai jurucakap bagi rakyat, pemantau atau pengawas terhadap aktiviti kerajaan dan pemudahcara bagi rakyat untuk berurusan dengan kerajaan. Wakil rakyat juga boleh menjadi penilai kepada hasil kerja atau prestasi kerajaan. Oleh sebab itu, wakil rakyat berhak untuk menyoal bagaimana kerajaan membelanjakan wang hasil kutipan cukai untuk kepentingan negara. Jadi, peranan wakil rakyat dalam aspek parlimentari boleh diringkaskan seperti berikut:

- a) Dalam majlis parlimen (*in chamber*) – peranan hakiki sebagai pembuat undang-undang;
- b) Dalam jawatankuasa (*in committee*) – dilantik dalam jawatankuasa yang menjadi badan bertanggungjawab dalam soal kedudukan dan kuasa parlimen;
- c) Dalam kaukus (*in caucus*) – sebelum menyertai perbahasan parlimen, wakil rakyat menghadiri mesyuarat anjuran partinya di luar sidang yang dipanggil '*caucus meeting*' bagi membincangkan isu-isu untuk diusulkan dalam parlimen; dan
- d) Dalam pejabat (*in office*) – wakil rakyat mempunyai pusat khidmat masing-masing bagi membolehkan rakyat berurusan dan mendapatkan bantuan dengan dibantu oleh beberapa kakitangan yang lain.

Selain berperanan sebagai pembuat undang-undang dan *ombudsman*, wakil rakyat juga adalah pekerja sosial (Mickel, 2010: 4). Kerja sosial ini merupakan sebahagian daripada peranan konstituensi, di mana wakil rakyat dituntut melakukan pelbagai kerja untuk kepentingan rakyat. Ini menjadikan beban kerja pemimpin politik

itu semakin kompleks. Malangnya, mereka tidak dilatih dan mempunyai banyak pengalaman untuk melakukan kerja-kerja sosial atau khidmat sosial walaupun terpaksa melakukannya demi kepentingan rakyat yang diwakilinya. Berhubung masalah ini, bagi mengelak berlakunya ketidakcekapan dan kelemahan melaksanakan kerja-kerja melibatkan aspek konstituensi seperti dalam kes Malaysia, saranan yang dikemukakan oleh Mickel di bawah perlu diberi pertimbangan, iaitu:

Increasingly MPs are being called on to carry out roles that they are not trained for. There are an increasing number of calls that deal with social work type matters and regrettably an increasing number of calls to them are related to the mental health state of constituents. The concern for a majority of MPs was how under-prepared they are for this role. It may well be that in the future, training of electorate office staff involves more consideration begin given to how MPs and electorate staff interact with people, particularly those who are agitated, in telephone conversations and within the electorate office management. (Mickel, 2010: 4)

Secara relatifnya peranan wakil rakyat seperti yang dibincangkan di atas adalah kesan daripada doktrin FOP. Dari satu segi ia mempunyai kelebihan tersendiri, di mana mudah untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan. Dari segi kelemahan pula, mereka yang berada dalam situasi ini (menguasai badan perundangan dan eksekutif secara serentak) seperti anggota kabinet mempunyai peluang untuk mendominasi dan memanipulasi kuasa demi kepentingan peribadi atau parti yang diwakilinya. Dalam sistem *westminster*, fungsi eksekutif dan perundangan telah digabungkan menjadi satu (Wang, 2000: 2). Ini boleh menjadi punca berlakunya keadaan seperti di atas. Jadi, dalam sistem ini secara efektif hanya wujud dua badan pemerintahan yang berasingan seperti di Britian dan Malaysia iaitu badan perundangan/eksekutif dan badan kehakiman. Kesannya, ia telah menjadikan kabinet lebih dominan daripada parlimen.

Walau bagaimanapun, kabinet bertanggungjawab kepada parlimen (Carter & Herz, 1970; Crystal, 1990; dan Robertson, 1985). Apabila ditanya tentang dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan oleh ahli-ahli parlimen, maka menteri kabinet perlu menjawabnya sama ada secara lisan atau bertulis dalam majlis parlimen. Ini adalah untuk menghormati dan mengiktiraf ketertinggian (*supremacy*) kuasa parlimen. Namun, di atas prinsip politik kepartian, wakil rakyat dituntut untuk setia kepada parti

politik khususnya dalam parti pemerintah. Wakil rakyat mesti menyokong dasar dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan dan menolak usul daripada pembangkang (Crystal, 1970: 1197).

Perbincangan-perbincangan di atas adalah hasil penemuan kajian yang telah dijalankan yang dapat menyumbang pengetahuan dan kefahaman dengan lebih tepat dan terperinci tentang peranan wakil rakyat. Paling jelas, peranan wakil rakyat dibahagikan kepada dua, iaitu tanggungjawab primer dan sekunder yang masing-masing memerlukan komitmen bagi pemimpin politik itu untuk menunaikannya demi kepentingan rakyat parti politik dan juga kerajaan. Jadi, penemuan kajian ini menepati hujah-hujah yang dikemukakan oleh para sarjana seperti Lusoli dan Ward (2004), Jackson (2004), Mickel (2010) dan Searing (1994) yang secara langsung membahaskan peranan dan tanggungjawab perwakilan politik (wakil rakyat). Namun, perbincangan mereka tidak menjurus kepada peranan kepimpinan politik dalam sistem demokrasi itu sendiri seperti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Gibbs (2005), Peele (2005), Nye (2008), Hodgetts (2002), Ruscio (2004). Ruang yang ditinggalkan sarjana-sarjana di atas diisi oleh pengkaji melalui kajian tesis ini dengan mengkaji kepimpinan politik wakil rakyat dari segi peranan dan tanggungjawabnya dalam sistem politik Malaysia. Akhir sekali, hasil kajian ini menyediakan banyak ruang bagi kajian-kajian lain kelak dari pelbagai dimensi dan skop yang berbeza misalnya kajian keberkesanan kepimpinan wakil rakyat, kajian perbandingan kepimpinan politik, kajian gaya kepimpinan dan sebagainya termasuk melibatkan kajian di negara-negara lain dalam tema yang sama. Dengan kata lain, kajian ini dapat menyumbang ilmu pengetahuan dan mempelbagaikan kajian dalam disiplin sains politik di Malaysia yang kurang dikaji oleh para sarjana lain sebelum ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Bari. 2006. *Politik Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS).
- Abdullah Muda. 1996. "Tugas Wakil Rakyat Abad Ke 21." *Dewan Budaya* (Mac): 16.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1997. *Pengurusan Dalam Islam*. (Terj. Abd. Rashid Ngah & Jusoh Kadir). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Buraey, M. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. (Terj. Abdullah Md. Noor, Norlida Abdul Halim & Norlela Hassan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B. W. & Andaya, L. Y. 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: MacMillan.
- Awang Raduan Awang Omar. 1994. "Perkembangan Parti Politik Sarawak." Dlm. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman, *et. al. Politik Sarawak* (hlm. 21-66). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. 1999. *The Basic of Social Research*. Belmont: Wadsworth Learning.
- Bailey, K. D. 1992. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. (Terj. Hashim Awang). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ball, A. R. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden*. (Terj. S. Ahmad Hussein, Loh Foon Fong & Wong Seat Tho). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baron, D. P., Diermeier, D. & Fong, P. 2012. "A Dynamic Theory of Parliamentary Democracy." *Economic Theory*, Vol. 49: 703–738.
- Bass, B. M. 1990. *Bass & Stogdill's Handbook of Leadership: Theory, Research and Managerial Applications* (3rd ed.). London: The Free Press.
- Bell, D. S. (ed). 2011. *Political Leadership* (Vol. 1). Los Angeles: SAGE Publications.
- _____. 2011. "Editor's Introduction: Political Leadership in the Contemporary West." Dlm. Bell, D. S. (ed). 2011. *Political Leadership* (Vol. 1). (hlm. xxi-xlii). Los Angeles: SAGE Publications.
- Bengtsson, Å. & Wass, H. 2011. "The Representative Roles of MPs: A Citizen Perspective." *Scandinavian Political Studies*, Vol. 34(2): 143-167.
- Berita Harian*. 2006. "PSA Mampu Kembalikan Suara Parlimen." (6 Mei).

- Bertolotti, M., Catellani, P., Douglas, K. M., & Sutton, R. M. 2013. "The "Big Two" in Political Communication: The Effect of Attacking and Defending Politicians' Leadership and Morality." *Social Psychology*, Vol. 44(2): 117-128.
- Birch, A. H. 2001. *Concept & Theories of Modern Democracy* (2nd ed.). London: Routledge.
- Blondel, J. & Thiébaud, J. 2010. *Political Leadership, Parties and Citizens: The Personalisation of Leadership*. London: Routledge.
- Brown, M. E. & Trevino, L. 2006. "Ethical Leadership: A Review and Future Directions." *Leadership Quarterly*, Vol. 17: 595-616.
- Brown, M. J. 2010. "Community Organizing." Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook*. (hlm. 365-374). Los Angeles: SAGE Reference.
- Burch, M. & Holliday, I. 1996. *The British Cabinet System*. London: Prentice Hall.
- Burn, J. M. & Dunn, S. 2002. *The Three Roosevelts: Patrician Leaders Who Transformed America*. New York: Grove Press.
- _____. 1978. *Leadership*. New York: Harper and Row.
- Butcher, D. & Clarke, M. 2006. "Political Leadership in Democracies: Some Lessons for Business?" *Management Decision*. Vol. 44(8): 985-1001.
- Caballero-Anthony, M. 2005. "Political Transitions in Southeast Asia." *Southeast Asian Affairs*: 24-43.
- Calhoun, L. 2004. "The Problem of "Dirty Hands" and Corrupt Leadership." *The Independent Review*, Vol. VIII(3) (Winter): 363-385.
- Carter, G. M. & Herz, J. H. 1970. *Government and Politics in the Twentieth Century*. London: Thames and Hudson.
- Case, W. 1993. "Semi-Democracy in Malaysia: Withstanding the Pressures for Regime Change." *Pacific Affairs*, Vol. 66(2) (Summer): 183-205.
- Chadwick, B. A., et. al. 1984. *Social Science Research Methods*. New Jersey: Prentice Hall.
- Chamil Wariya. 2009. *Parlimen Malaysia*. Petaling Jaya: Media Global Matrix Sdn. Bhd.
- Chin, J. 2006. "New Chinese Leadership in Malaysia: The Contest for the MCA and Gerakan Presidency." *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 1: 70-87.

- Chong-Do, H. & Bartol, F. C. 2011. "Political Leadership as a Causative Phenomenon: Some Recent Analyses." Dlm. Bell, D. S. (ed). 2011. *Political Leadership* (Vol. 1). (hlm. 143-161). Los Angeles: SAGE Publications.
- Ciulla, J. B. 1995. "Leadership Ethics: Mapping the Territory." *Business Ethics Quarterly*, Vol. 5(1): 5-28.
- Colton, T. J. 2012. "Political Leadership After Communism." *Demokratizatsiya*, Vol. 20(2) (Spring): 65-70.
- Comber, L. 2007. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina* (Terj. Omardin Haji Ashaari). Petaling Jaya, Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Couto, R. A. & Davidson, J. 2010. "Social and Economic Development." Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook*. (hlm. 219-228). Los Angeles: SAGE Reference.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks: SAGE.
- Cropf, R. A. 2010. "Internet." Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook* (hlm. 813-820). Los Angeles: SAGE Reference.
- Crough, H. 1996. *Government and Society in Malaysia*. St. Leonards, NSW, Australia: Talisman.
- Crystal, D. (ed.). 1990. *The Cambridge Encyclopedia*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dahl, R. A. 1971. *Polyarchy: Participation and Opposition*. New Haven: Yale University Press.
- DeGregorio, C. 1997. *Networks of Champions*. Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Dekker, H. 1994. "Socialization and Education of Youth People for Democratic Citizenship: Theory and Research." Dlm. Edwards, L., P. Munn & K. Fogelman (eds.). *Education for Democratic Citizenship in Europe: New Challenges for Secondary Education* (hlm. 48-90). Lisse, NL: Swets and Zeitlinger.
- Dion, L. 2011. "The Concept of Political Leadership: An Analysis." Dlm. Bell, D. S. (ed.). *Political Leadership* (Vol. I) (hlm. 75-91). Los Angeles: SAGE.
- Dye, T. R. & Zeigler, H. 1996. *The Irony of Democracy: An Uncommon Introduction to American Politics* (10th ed.). Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Elcock, H. 2001. *Political Leadership*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.

- Elgie, R. 1995. *Political Leadership in Liberal Democracies*. London: Macmillan Press.
- Elliott, F. 1971. *A Dictionary of Politics*. Harmondsworth, Middlesex, England: Penguin Book.
- Ensiklopedia Malaysiana*. 1995. Jilid 9. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Fairholm, M. R. 2009. "Leadership and Organizational Strategy." *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, Vol. 14(1): 1-16.
- _____. 2004. "Different Perspectives on the Practice of Leadership." *Public Administration Review*, Vol. 64(4): 369-383.
- Finer, H. 1970. *Theory and Practice of Modern Government*. Westport, Connecticut: Greenwood Press Publishers.
- Fisher, W. F. 1997. "Doing Good? The Politics and Antipolitics of NGOs Practices." *Annual Review of Anthropology*, Vol. 26: 439-464.
- Flinders, M. 2002. "Shifting the Balance? Parliament, the Executive and the British Constitution." *Political Studies*, Vol. 50: 23-42.
- Francis Loh, Kok Wah. 2005. *Politik Baru Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Frankfort-Nachmias, C. & Nachmias, D. 1996. *Research Methods in the Social Science*. (5th ed.). London: Arnold.
- Gallop, G. 2009. "The Role of a Member of Parliament." *Australasian Parliamentary Review*, Vol. 24(2) (Spring): 2-8.
- Gardner, J. W. 1990. *On Leadership*. New York: The Free Press.
- Gibbs, E. 2005. *Leadership Next: Changing Leaders in a Changing Culture*. Manila: Lifebooks.
- Gilley, J. W. 2006. *The Manager as Politician*. London: Praeger.
- Godwin, R. K. & Wahlke, J. C. 1997. *Introduction to Political Science: Reason, Reflection & Analysis*. Orlando: Harcourt Brace College Publishers.
- Gomez, E. T. 2002. "Introduction: Political Business in East Asia." Dlm. Gomez, E. T. (ed.). *Political Business in East Asia* (hlm. 1-33). London: Routledge.
- Hair Jr., J. F., Money, A. H., Samouel, P. & Page, M. 2007. *Research Methods for Business*. West Sussex, England: John Wiley & Sons, Ltd.

- Hah, C. & Bartol, F. C. 2011. "Political Leadership as a Causative Phenomenon: Some Recent Analyses." Dlm. Bell, D. S. (ed). *Political Leadership* (Vol. 1) (hlm. 143-178). Los Angeles: SAGE Publications.
- Hardy-Fanta, C. 1995. "Latina Women and Political Leadership: Implications for Latino Community Empowerment." *New England Journal of Public Policy*, Vol. 11(1): 221-235.
- Haus, M. & Sweeting, D. 2006. "Local Democracy and Political Leadership: Drawing a Map." *Political Studies*, Vol. 54: 267-288.
- Heppell, T. 2007. "Weak and Ineffective? Reassessing the Party Political Leadership of John Major." *The Political Quarterly*, Vol. 78(3) (July-September): 382-391.
- Hilley, J. 2009. *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru* (Terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hng, Hung Yong. 2004. *Five men and Five Ideas: Building National Identity*. Kuala Lumpur: Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) & Pelanduk Publications.
- Holden, B. 1974. *The Nature of Democracy*. London: Nelson.
- Hodgetts, R. M. 2002. *Modern Human Relations at Work*. (8th ed.). Sydney: South-Western.
- Huntington, S. P. 1991. *The Third Wave: Democratization in the Late Twentieth Century*. Norman, Oklahoma: University of Oklahoma Press.
- Hurtubise-Loranger, E. & Lithwick, D. 2011. "The Federal Accountability Act: Ethics and Public Office." 41st Parliament: Current and Emerging Issues. Library of Parliament (June). <<http://www.parl.gc.ca/content...e.pdf>>. Diakses pada 20 Ogos 2013.
- Inter-Parliamentary Union. 2009. "Parliament's Role in the Development Agenda: Two Case Studies." <<http://www.ipu.org/un-e/case09.pdf>>. Diakses pada 27 November 2013.
- Inter-Parliamentary Union. 2005. "Parliament and Democracy in the 21st Century." <<http://www.ipu.org/splz-e/sp-conf05/democracy-rpt.pdf>>. Diakses pada 27 November 2013.
- Jacobs, L. A. 1997. *An Introduction to Modern Political Philosophy: The Democratic Vision of Politics*. New Jersey: Prentice Hall.
- Jackson, N. 2004. "Escaping From the Straitjacket: UK MPs and Their e-Newsletter." *Aslib Proceedings: New Information Perspectives*, Vol. 56(6): 335-343.

- Jago, A. G. 1982. "Leadership: Perspectives in Theory and Research." *Management Science*, Vol. 28: 315-336.
- Jalalzai, F. & Krook, M. L. 2010. "Beyond Hillary and Benazir: Women's Political Leadership Worldwide." *International Political Science Review*, Vol. 31(1): 5-23.
- Jefferson, T. 1969. *Democracy*. New York: Greenwood Press.
- Jesudason, J. V. 1995. "Statist Democracy and the Limits to Civil Society in Malaysia." *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, Vol. 33(3) (November): 335-356.
- John, P. & Cole, A. 1999. "Political Leadership in the New Urban Governance: Britian and France Compared." *Local Government Studies*, Vol. 24(4): 98-113.
- Jones, A. M. 2005. "The Anthropology of Leadership: Culture and Corporate Leadership in the AmericanSouth." *Leadership*, Vol. 1: 25278.
- Joyce, M. E. 2010. "Leadership Competencies." Dlm Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook* (hlm. 875-885). Los Angeles: SAGE Reference.
- Kacmar, K. M., Andrews, M. C., Harris, K. J. & Tepper, B. J. 2013. "Ethical Leadership and Subordinate Outcomes: the Mediating Role of Organizational Politics and the Moderating Role of Political Skill." *Journal of Business Ethics*, Vol. 115: 33-44.
- Kapur, D. & Mehta, P. B. 2006. *The Indian Parliament as an Institution of Accountability*. Democracy, Governance and Human Rights Programme Paper, No. 23 (January). United Nations Research Institute for Social Development. <<http://casi.sas.upenn.edu/system/file/Indian+Parlimen...pdf>>. Diakses pada 22 Desember 2010.
- Khoo, Boo Teik. 2003. *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and Its Discontents*. London: Zed Books Ltd.
- King Jr., M. L. 1991. "Letter from Brimingham City Jail." Dlm. Bedau, H. A. (ed.). *Civil Disobedience in Focus* (hlm. 68-84). London: Routledge.
- Koehler, J. W. & Pankowski, J. M. 1997. *Transformational Leadership in Government*. Delray Beach, Florida: St. Lucie Press.
- Larsen, A. L. (ed.). 2011. *Political Leadership and Its Significance in a Time of Troubles*. New York: Nova Science Publishers, Inc.
- Laski, H. J. 1967. *A Grammar of Politics*. (5th ed.). London: George Allen & Unwin Ltd.

- Leduc Jr., L. & White, W. L. 1974. "The Role of Opposition in a One-Party Dominant System: The Case of Ontario." *Canadian Journal of Political Science*, Vol. 7(1) (March): 86-100.
- Lee, Lam Thye. 1998. *As I was Saying Viewpoints, Thoughts and Aspiration*. Selangor: Pelanduk.
- Leigh, M. 1988. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Kuala Lumpur: Antasa.
- Levine, A. 2007. *Political Keywords: A Guide for Students Activities and Everyone Else*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Lijphart, A. 1984. *Democracies: Patterns of Majoritarian and Consensus Government in Twenty-One Countries*. New Haven: Yale University Press.
- Lively, J. 2007. "The Meaning of Democracy." Dlm. Micheal Saward (ed.). *Democracy: Critical Concepts in Political Science*. (hlm. 23-56). London: Routledge.
- Lusoli, W. & Ward, S. 2004. "From Weird to Wired: MPs, the Internet and Representative Politics in the UK." Paper Presented at the Political Studies Association, University of Lincoln, 5-8 April.
- Lussier, R. N. & Achua, C. F. 2010. *Leadership: Theory, Application & Skill Development*. (4th ed.). Sydney: South-Western.
- Lyne de Ver, H. 2009. *Concept of Leadership*. Background Paper. The Development Leadership Program. (March) <<http://www.dlprog.org>>. Diakses pada 22 Ogos 2013.
- _____. 2008. *Leadership, Politics and Development: A Literature Survey*. Background Paper. The Development Leadership Program. (April) <<http://www.dlprog.org>>. Diakses pada 22 Ogos 2013.
- Manglapaus, R. S. 2007. "Democracy and Despotism: Chicken and Egg?" Dlm. Saward, M. *Democracy: Critical Concepts in Political Science* (hlm. 112-119). London: Routledge.
- Mahajan, V. D. 1981. *Principles of Political Science*. New Delhi: S. Chand & Company Ltd.
- Malaysia. 2010a. *Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia (<http://www.parlimen.gov.my>).
- _____. 2010b. *Arahan No. 10, 2010 Majlis Tindakan Negara*. Putrajaya: Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (<http://www.icu.go.my>).

- _____. 2008a. *Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia (Percetakan Nasional Malaysia Berhad).
- _____. 2008b. *Meniti Sejarah Pentadbiran: 50 Tahun Mendepani Cabaran*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 2008c-1959. *Laporan Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya.
- _____. 2007a. *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn. Bhd.
- _____. 2007b. *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan Malaysia.
- _____. 2007c. *50 Tahun Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya.
- _____. 2006a. *Peneraju Budaya Berprestasi Tinggi Perkhidmatan Awam*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- _____. 2006b. *Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 (Akta 2) (Undang-undang Malaysia)*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, Malayan Law Journal Sdn. Bhd. & Percetakan Nasional Berhad.
- _____. 1995. *Perkhidmatan Awam di Malaysia: Meniti Zaman*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- _____. 1986. *Hari Ini Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- _____. 1983. *Hari Ini Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Malaysian Institute Management (MIM). 2001. *Management in Malaysia: A Basic Text on General Management With Local Reference to Managing a Malaysian Business*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute Management (MIM).
- Manetti, M., Zunino, A., Frattini, L. & Zini, E. 2010. "Scenario Planning, a Tool for Community Psychology Work with Politicians: A Case Analysis." *Community, Work & Family*, Vol. 13(1): 23-33.
- Marsland, R. 2006. "Community Participation the Tanzanian Way: Conceptual Contiguity or Power Struggle?" *Oxford Development Studies*, Vol. 34(1) (March): 65-79.

- Masciulli, J., Molchanov, M.A. & Knight, W.A. 2009. *Political Leadership in Context*. <http://www.ashgate.com/pdf/...Leadership_Intro.pdf>. Diakses pada 22 Ogos 2013.
- Mayer, D., Kuenzi, M. & Greenbaum, R. 2010. "Examining the Link Between Ethical Leadership and Employee Misconduct: The Mediating Role of Ethical Climate." *Journal of Business Ethics*, Vol. 95: 7-16.
- Means, G. P. 1991. *Malaysian politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford Universiti Press.
- Mickel, J. 2010. "The Modern Member of Parliament: Legislator, Ombudsman or Social Worker?" Paper Presented at 41st Presiding Officers and Clerks Conference Darwin, Northern Territory (3-9 July). <<http://www.nt.gov.au/.../parliament?...pdf>>. Diakses pada 22 Disember 2010.
- Milne, R. S. & Mauzy, D. K. 1982. *Politik dan Kerajaan di Malaysia* (Terj. Abdul Rauf Mohd. Napis & Ramlah Muhamad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mintzberg, H. 1980. *The Nature of Managerial Work*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Mohamed Salleh Lamry. 2006. *Gerakan Melayu Kiri Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Nordin Sopiee. 2007. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region (1945-65)* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed Suffian Abas. 1984. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Agus Yusoff. 2006. *Malaysian Federalism: Conflict or Consensus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ali Kamarudin. 2004. *Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-90*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Aris Hj. Osman. 1983. *Perkembangan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Izani Mohd. Zain. 2007. "Pembangkang Dalam Parlimen di Malaysia." Dlm. Mohd. Izani Mohd. Zain (Pnyt.). *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik* (hlm. 183-194). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohd. Noor Abdullah. 1979. *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Abas. 1984. *Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mollah, Md. Awal Hossain. t.t. *Good Governance in Bangladesh: Role of Parliament*. Bangladesh: Department of Public Administration, University of Rajshahi. <<http://www.my-world-guide.com...Parliament.Pdf>> Diakses pada 22 Disember 2010.
- “MPs and Those in Power are Accountable.” <<http://www.elections.org.nz>>. Diakses pada 30 Ogos 2009.
- Muhammad Kamil Awang. 2001. *Sultan dan Perlembagaan*. (Terj. Mohd. Ashruddin Mohd. Tahar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Müller, W. & Stróm, K. 1999. “Conclusion: Party Behaviour and Representative Democracy.” Dlm. Müller, W. & Stróm, K. (eds.). *Policy, Office or Vote?*(hlm. 279-309). Cambridge: Cambridge University Press.
- Nalder, K. L. 2010. “Political Campaigns.” Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook*. (hlm. 333-340). Los Angeles: SAGE Reference.
- National Democratic Institute (NDI). 2008. *The Roles and Responsibilities of Members of Parliament (MPs)*. Sierra Leone: NDI for International Affair. <<http://www.ndi.org/files/...04012008.pdf>>. Diakses pada 22 Disember 2010.
- Ndeble, C., Hedvall, F. & Requejo, J. 2009. *Parliament's Role in the Development Agenda: Two Case Studies*. Prepared by a Team of Experts Commissioned by the Inter-Parliamentary Union. <<http://www.ipu.org/un-e/case09.pdf>>. Diakses pada 22 Disember 2010.
- Neuman, W. L. 2006. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (6th ed.). Boston: Pearson.
- Newell, J. L. 2008 “Introduction: Corruption and Democracy in Western Europe.” *Perspectives on European Politics and Sociey*, Vol. 9(1) (April): 1-7.
- New South Wales (NSW) Government. 2011. “Dual Roles: Councillors as Members of Parliament in NSW.” Discussion Paper New South Wales. <<http://www.dlg.nsw.gov.au.../Dual%20Roles>>. Diakses pada 15 September 2013.
- Newton, K. 2006. “Political Support: Social Capital, Civil Society and Political Economic Performance.” *Political Studies*, Vol. 54: 846-864.

- Nidzam Sulaiman. 2006. *Pakatan Dalam Politik Sarawak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Northrop, A. & Arsneault, S. 2008. "Sampling and Data Collection." Dlm. Yang, K. & Miller, G. J. *Handbook of Research Methods in Public Administration* (2nd ed.) (hlm. 213-240). Boca Raton: CRC Press Taylor & Francis Group.
- Nye, J. S. 2008. *Powers to Lead*. New York: Oxford University Press.
- Nzau, M. 2011. "On Political Leadership and Development in Africa: a Case Study of Kenya." *Kenya Studies Review*, Vol. 3(3) (December): 87-111.
- Öberg, P. & Svensson, T. 2012. "Civil Society and Deliberative Democracy: Have Voluntary Organisations Faded from National Public Politics?" *Scandinavian Political Studies*, Vol. 35(3): 246-217.
- Oberdiek, H. 2011. "Clean dan Dirty Hands in Politics." Dlm. Bell, D. S. (ed.), *Political Leadership* (Vol. 4) (hlm. 3-23). Los Angeles: SAGE.
- Ogbeidi, M. M. 2012. "Political Leadership and Corruption in Nigeria Since 1960: A Socio-economi Analysis." *Journal of Nigeria Studies*, Vol. 1(2) (Fall): 1-25.
- Oleszek, W. J. 2011. "The Role of the House Minority Leader: An Overview." Dlm. Larsen, A. L. (ed.). *Political Leadership and its Significance in a Time of Trouble* (hlm. 135-147). New York: Nova Science Publishers, Inc.
- Ongkili, J. P. 1972. *Modernization in East Malaysia, 1960-1970*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ottinger, L. S. & Couto, R. A. 2010. "Lobbying." Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook*. (hlm. 297-306). Los Angeles: SAGE Reference.
- Paton, M. Q. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Method*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Peele, G. 2005. "Leadership and Politics: A Case for a Closer Relationship." *Leadership*, Vol. 1(2): 187-204.
- Piccolo, R. F., Greenbaum, R., Den Hartog, D. N. & Floger, R. 2010. "The Relationship Between Ethical Leadership and Core Job Characteristic." *Journal of Organizational Behavior*, Vol. 31: 259-278.
- Powley, E. 2005. *Rwanda: Women Hold Up Half the Parliament*. <<http://www.idea.int/publication/wip2/upload/Rwand.pdf>>. Diakses pada 23 Ogos 2013.

- Preston, T. & t'Hart, P. 1999. "Understanding and Evaluating Bureaucratic Politic: the Nexus between Political Leader and Advisory System." *Political Psychology*, Vol. 20(1): 49-98.
- Puthuchear, M. 1980. *The Politics of Administration: the Malaysian Experience*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rahman, M. S. 2012. "Upazila Parishad in Bangladesh: Roles and Functions of Elected Representatives and Bureaucrats." *Commonwealth Journal of Local Governance*, Issues 11 (December): 100-117.
- Rais Yatim. 2007. "The Road to Merdeka." Dlm. Harding, A. & Lee, H. P. *Constitutional Landmarks in Malaysia: the First 50 Years, 1957-2007* (hlm. 1-24). Kuala Lumpur: LexisNexis.
- _____. 2006. *Cabinet Governing in Malaysia*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise.
- Ramanathan, K. 2003. *Institusi Politik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rechtman, J. E. 2010. "Voluntary Sector." Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook*. (hlm. 459-468). Los Angeles: SAGE Reference.
- Robertson, D. 1985. *Dictionary of Politics*. London: The Penguin.
- Robertson, S. 2009. "Politics and Religion in India: An Analysis." *South Asia Journal of Theology*, Vol. 23(2) (October): 217-243.
- Robb, D. M. 2010. "Political Parties." Dlm. Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook*. (hlm. 396-406). Los Angeles: SAGE Reference.
- Robbins, S. P. 2000. *Gelagat Organisasi* (edisi ke-8). (Terj. Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman). Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Roff, M. C. 1974. *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rogers, R. & Walters, R. 2006. *How Parliamentary Works*. London: Pearsons.
- Roskin, M. G., Cord, R. L., Medeiros, J. A. & Jones, W. S. 2012. *Political Science: An Introduction* (12th ed.). Boston: Longman.
- Ruscio, K. P. 2004. *Leadership Dilemma in Modern Democracy*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Rush, M. 1984. *The Cabinet and Policy Formation*. London: Longman.

- Ruslan Zainuddin. 2005. "Kemerdekaan dan Penubuhan Malaysia." Dlm. Ruslan Zainuddin, Mohd. Mahadee Ismail & Zaini Othman. *Kenegaraan Malaysia* (hlm. 138-182). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.: 138-182.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson-Prentice Hall.
- Saward, M. 2007. "General Introduction." Dlm. Saward, M. *Democracy: Critical Concepts in Political Science* (hlm. 1-20). London: Routledge.
- Schermerhon, J. R., Hunt, J. G. & Osborn, R. N. 2003. *Organizational Behavior* (8th ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Schleiter, P. & Morgan-Jones, E. 2009. "Party Government in Europe? Parliamentary and Semi-presidential Democracies Compared." *European Journal of Political Research*, Vol. 48: 665–693.
- Schmitz, G. 1988. *The Opposition in a Parliamentary System*. <<http://www.parl.gc.ca/information/....pdf>>. Diakses pada 8 Desember 2009.
- Searing, D. 1994. *Westminster's World: Understanding Political Roles*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sharkansky, I. 1978. *Public Administration Policy-Making in Government Agencies*. (4th ed.). Chicago: Rand McNally College.
- Simmon, R. 2011. "Leadership and Listening: The Reception of User Voice in Today's Public Service." *Social Policy & Administration*, Vol. 45(5) (October): 539-568.
- Simonton, D. K. 1988. "Creativity, Leadership and Chance." Dlm. Sternberg, R. (ed.). *The Nature of Creativity* (hlm. 386-428). Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Smith, L. B. 2012. "Redefining the Role of MP". <www.jamaicaobserver.com/...Redefining-the-role-of-MP>. Diakses pada 15 September 2013.
- Smith, P. M. 1998. *Rules and Tools for Leader*. Garden City Park, New York: Avery Publishing Group.
- Smith, T. E. 1960. "The Malayan Election of 1959." *Pacific Affairs*, Vol. 33(1): 38-47.
- Srinivasan, M. S. 2013. "Wielding the Organ of Power: Dimensions fo Political Leadership." *XIMB Journal of Management*, Vol. 10(1) (March): 149-160.
- Stilborn, J. 2002. "The Roles of the Member of Parliament in Canada: Are They Changing?" Political and Social Affairs Division, Parliamentary Research Branch (31 May). <<http://www2.parl.gc.ca/content/LDP>>. Diakses pada 22 Desember 2010.

- Syed Husin Ali. 2012. *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*. Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Tadmor, C. & Tetlock, P. 2010. "Accountability." Dlm Couto, R. A. (ed.). *Political and Civil Leadership: A Reference Handbook* (hlm. 701-709). Los Angeles: SAGE Reference.
- Tormey, R. 2006. "Social dan Political Education in a Senior Cycle: A Background Paper." Dublin: National Council for Curriculum and Assessment.
- Uhr, J. 1998. *Deliberative Democracy in Australia: The Changing Place of Parliament*. Melbourne, Australia: Cambridge University Press.
- Urofsky, M. 2006. *Hak Rakyat*. Kuala Lumpur: Lincoln Resource Centre, U.S. Embassy.
- Utusan Malaysia*. 2012. "16 Bekas, Ahli Parlimen Berkhidmat di JPM." (4 Oktober).
- _____. 2009. "Detik Cemas di Parlimen." (16 Disember).
- _____. 2004. "Ahli Parlimen Diharap Amal Konsep Demokrasi Sebenar." (17 Mei).
- van Erp, H. 2013. "Political Obligation, Dirty Hands and Torture: A Moral Evaluation." *South African Journal of Philosophy*, Vol. 32(1): 109-122.
- Vigoda, E. 2003. *Developments in Organizational Politics*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing.
- Watesa, L. & Lepper, A. 2010. "Poland: Personalisation of Leadership." Dlm. Blondel, J. & Thiebault, J. L. *Political Leadership, Parties and Citizens: the Personalisation of Leadership* (hlm. 190-208). London: Routledge.
- Ward, S. & Lusoli, W. 2005. "From Weird to Wired: MPs the Internet and Representative Politics in the UK." *The Journal of Legislative Studies*, Vol. 11(1) (Spring): 57-58.
- Wan Mohd. Mahyiddin. 1990. *Kepemimpinan: Sorotan Pelbagai Aspek Bagi Meningkatkan Kualiti dan Pencapaian*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wang, C. K. 2000. *An Assessment of the Separation and Balance of Power in Malaysia*. <<http://wanglaw.net/file/Malaysia14.pdf>>. Diakses pada 22 Disember 2010.
- Wilmot, A. (t.t). "A Designing Sampling Strategies for Qualitative Social Research: With Particular Reference to the Office for National Statistics' Qualitative Respondent Register." <www.ons.gov.uk/ons/...sampling-strategies.-pdf>. Diakses pada 20 Disember 2010.

- Weiss, M. L. 2003. "Mengatasi Politik Berasaskan-Ras di Malaysia: Menentukan Norma untuk Kerjasama Berbilang Etnik yang Lebih Mendalam." Dlm. Ho, Khai Leong & James, Chin (ed.). *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis Dalam Pemerintahan* (hlm. 68-110) (Terj). Kuala Lumpur: Times Books International.
- Woodcock, M. & Francis, D. 1997. *Pengurus Tanpa Hambatan: Suatu Panduan Praktis Bagi Kemajuan Diri*. (Terj. Asiah Daud). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wolbrecht, C. & Campbell, D. E. 2007. "Leading by Example: Female Members of Parliament as Political Role Models." *American Journal of Political Science*, Vol. 51(4) (October): 921-939.
- Wren, J. T. 2007. *Inventing Leadership: The Challenge of Democracy*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Zaheruddin Othman. 2009. "Kepembangkangan Dalam Politik Malaysia: Satu Kajian Mengenai Pendekatan Konseptual Alternatif." Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (Tidak Diterbitkan).
- Zakaria Haji Ahmad. 1989. "Malaysia: Quasi Democracy in Divided Society." Dlm. Diamond, L., Juan J. L. & S. M. Lipset (eds.). *Democracy in Developing Countries: Asia* (hlm. 347-382). New Delhi: Vistaar Publications.
- Zawiyah Mohd. Zain. 2013. "Ketidakakuran Sivil dan Pendemokrasian Politik Di Malaysia." Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (Tidak Diterbitkan).

Akhbar

Berita Harian

Harian Metro

Star

Utusan Malaysia

Internet dan Laman Web

<http://parliamentofindia.gov.in/>

<http://pemandu.gov.my/>

<http://www.bangladesh.gov.bd/>

<http://www.bersih.org/>

<http://www.elections.org.nz/>

<http://www.houseofrepresentatives.nl/>

<http://www.kkr.gov.my/>

<http://www.icu.gov.my/>

<http://www.malaysianmonarchy.org.my/>

<http://www.parlimen.gov.my/>

<http://www.parliament.uk/>

<http://www.parl.gc.ca/>

<http://www.pmo.gov.my/>

<http://www.spr.gov.my/>

<http://www.sprm.gov.my/>